



**DEWAN NEGARA
PARLIMEN KELIMA BELAS
PENGGAJ KEDUA
MESYUARAT PERTAMA**

Bil. 10

Selasa

4 April 2023

K A N D U N G A N

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA	(Halaman 1)
PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN	(Halaman 1)
RANG UNDANG-UNDANG: - Rang Undang-undang Perbekalan 2023	(Halaman 32)

AHLI HADIR

1. Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim [Yang di-Pertua Dewan Negara] (Dilantik)
2. “ Dato' Sri Dr. Hj. Mohamad Ali Bin Hj. Mohamad [Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara] (Dilantik)
3. Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Bin Abd Kadir [Menteri Luar Negeri]
4. “ Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im Bin Haji Mokhtar [Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)]
5. Puan Hajah Fuziah Binti Salleh [Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup] (Dilantik)
6. “ Tuan Ak Nan A/L Ehtook (Dilantik)
7. “ Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee (Dilantik)
8. “ Datuk Paul Igai (Dilantik)
9. “ Datuk John Ambrose (Dilantik)
10. “ Datuk Razali Bin Idris (Dilantik)
11. “ Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai (Dilantik)
12. “ Dato' Sri Ti Lian Ker (Dilantik)
13. “ Tuan Manolan Bin Mohamad (Dilantik)
14. “ Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol (Dilantik)
15. “ Tuan Ir. Md Nasir Bin Hashim (Dilantik)
16. “ Tuan Robert Lau Hui Yew (Dilantik)
17. “ Tuan Balasubramaniam A/L Nachiappan (Dilantik)
18. “ Puan Susan Chemeraai Anding (Dilantik)
19. “ Dato' Dr. Nelson A/L Renganathan (Dilantik)
20. “ Tan Sri Haji Mohamad Fatmi Bin Haji Che Salleh (Dilantik)
21. “ Datuk Dr. Azhar Bin Ahmad (Dilantik)
22. “ Dato' Arman Azha Bin Abu Hanifah (Dilantik)
23. “ Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian (Dilantik)
24. “ Datin Ros Suryati Binti Alang (Dilantik)
25. “ Datuk Seri Hajah Zurainah Binti Musa (Dilantik)
26. “ Datuk Wira Dr. Mohd Hatta Bin Md Ramli (Dilantik)
27. “ Tuan Abun Sui Anyit (Dilantik)
28. “ Datuk Dr. Ras Adiba Binti Mohd Radzi (Dilantik)
29. “ Tan Sri Dato' Low Kian Chuan (Dilantik)
30. “ Prof. Datuk Seri Dr. Awang Bin Sariyan (Dilantik)
31. “ Tuan Mohd Hasbie Bin Muda (Dilantik)

AHLI HADIR (samb/-)

- | | | |
|-----|----------------|---|
| 32. | Yang Berhormat | Dato' Sivaraj A/L Chandran (Dilantik) |
| 33. | " | Puan Noorita Binti Sual (Dilantik) |
| 34. | " | Tuan Roderick Wong Siew Lead (Dilantik) |
| 35. | " | Tuan Haji Hussin Bin Ismail (Terengganu) |
| 36. | " | Dato' Haji Husain Bin Awang (Terengganu) |
| 37. | " | Tuan Haji Aziz Bin Ariffin (Perlis) |
| 38. | " | Tuan Seruandi Bin Saad (Perlis) |
| 39. | " | Dato' Kesavadas A/L A. Achyuthan Nair (Negeri Sembilan) |
| 40. | " | Dato' Dr. Ahmad Azam Bin Hamzah (Negeri Sembilan) |
| 41. | " | Datuk Lim Pay Hen (Johor) |
| 42. | " | Tuan Sr. Haji Mohd Apandi Bin Mohamad (Kelantan) |
| 43. | " | Dato' Haji Jefridin Bin Haji Atan (Johor) |
| 44. | " | Dr. Hajah Wan Martina Binti Wan Yusoff (Kelantan) |
| 45. | " | Tuan Haji Abdul Nasir Bin Haji Idris (Kedah) |
| 46. | " | Tuan Musoddak Bin Ahmad (Kedah) |
| 47. | " | Dato' Ajis Bin Sitin (Pahang) |
| 48. | " | Datuk Bobbey Ah Fang Bin Suan (Sabah) |
| 49. | " | Dato' Juhanis Binti Abd Aziz (Pahang) |
| 50. | " | Dato' Ahmad Bin Dato' Sri Haji Ibrahim (Sarawak) |
| 51. | " | Puan Noraini Binti Idris (Sabah) |
| 52. | " | Dato Dr. Nuing Jeluing (Sarawak) |
| 53. | " | Datuk Wira Koh Nai Kwong (Melaka) |
| 54. | " | Dr. Lingeshwaran A/L Dato' Seri R. Arunasalam (Pulau Pinang) |
| 55. | " | Tuan Amir Bin Md Ghazali (Pulau Pinang) |
| 56. | " | Tuan Isaiah A/L D. Jacob (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) |
| 57. | " | Datuk Mohd Hisamudin Bin Yahaya (Wilayah Persekutuan Putrajaya) |
| 58. | " | Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa Bin Hj. Abdullah (Dilantik) |
| 59. | " | Dato' Sri Anifah Bin Aman @ Haniff Amman (Wilayah Persekutuan Labuan) |

AHLI TIDAK HADIR

1. Yang Berhormat Datuk Seri Saifuddin Nasution Bin Ismail [Menteri Dalam Negeri]
2. “ Puan Saraswathy A/P Kandasami [Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi] (Dilantik)
3. “ Dato’ Shamsuddin Bin Haji Abd Ghaffar (Perak)
4. “ Tuan Muhammad Zahid Bin Md Arip (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur)

**TIDAK HADIR
(DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 83)**

1. Yang Berhormat Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Bin Tengku Abdul Aziz [Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri]
2. “ Dato' Sri Vell Paari A/L Tun Samy Vellu (Dilantik)

HADIR BERSAMA

1. Yang Berhormat Datuk Seri Haji Mohamad Bin Sabu [Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan] (Kota Raja)
2. “ Dato’ Seri Utama Haji Mohamad Bin Hassan [Menteri Pertahanan] (Rembau)
3. “ Tuan Chang Lih Kang [Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi] (Tanjong Malim)
4. “ Dato’ Sri Hajah Nancy Binti Shukri [Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat] (Santubong)
5. “ Tuan Nik Nazmi Bin Nik Ahmad [Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim] (Setiawangsa)
6. “ Dato' Sri Haji Fadillah Bin Haji Yusof [Timbalan Perdana Menteri, dan Menteri Perlindungan dan Komoditi] (Petrajaya)
7. “ Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi)] (Bukit Gelugor)
8. “ Datuk Ugak Anak Kumbong [Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah, Sarawak dan Tugas-Tugas Khas)] (Hulu Rajang)
9. “ Dato Hajah Rubiah Binti Wang [Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah] (Kota Samarahan)
10. “ Datuk Siti Aminah Binti Aching [Timbalan Menteri Perlindungan dan Komoditi] (Beaufort)
11. “ Datuk Haji Hasbi Bin Haji Habibollah [Timbalan Menteri Pengangkutan] (Limbang)

HADIR BERSAMA (samb/-)

12. Yang Berhormat Tuan Haji Akmal Nasrullah Bin Mohd Nasir [Timbalan Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan] (Johor Bahru)
13. “ Tuan Adly Bin Zahari [Timbalan Menteri Pertahanan] (Alor Gajah)
14. “ Dato’ Sri Abdul Rahman Bin Haji Mohamad [Timbalan Menteri Kerja Raya] (Lipis)
15. “ Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar Bin Haji Nasarah [Timbalan Menteri Dalam Negeri] (Lenggong)
16. “ Dato’ Haji Mohammad Yusof Bin Apdal [Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi] (Lahad Datu)
17. “ Puan Aiman Athirah Binti Sabu [Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat] (Sepang)
18. “ Puan Teo Nie Ching [Timbalan Menteri Komunikasi dan Digital] (Kulai)
19. “ Puan Lim Hui Ying [Timbalan Menteri Pendidikan] (Tanjong)
20. “ Tuan Adam Adli Bin Abd Halim [Timbalan Menteri Belia dan Sukan] (Hang Tuah Jaya)
21. “ Tuan Lukanisman Bin Awang Sauni [Timbalan Menteri Kesihatan] (Sibuti)

**MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KELIMA BELAS
PENGKAL KEDUA
MESYUARAT PERTAMA**

Selasa, 4 April 2023

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

PERMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

Tuan Yang di-Pertua: *Assalamualaikum*, selamat pagi dan salam sejahtera. Ahli-ahli Yang Berhormat, suka saya hendak merujuk kepada Usul 11(1) Peraturan Mesyuarat seperti mana yang telah diluluskan oleh Majlis Dewan ini pada 28 Mac 2023 yang lalu. Maka, saya hendak menetapkan bahawa Urusan Mesyuarat hari ini tidak akan ditangguhkan pada jam 1 tengah hari dan bersidang secara terus sehingga selesai giliran Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menjawab seperti yang tertera di nombor 14 dalam susunan giliran Yang Berhormat Menteri-menteri menjawab ke atas perbahasan (D.R. 2/2023) Rang Undang-undang Perbekalan 2023 yang telah diedarkan di atas meja mesyuarat Ahli-ahli Yang Berhormat.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan minta Menteri Kesihatan menyatakan, apa perkembangan terkini pihak kementerian dalam Kempen *Generational End Game* (GEG) Antirokok 18, dan sejauh mana kempen ini berhasil.

Timbalan Menteri Kesihatan [Tuan Lukanisman bin Awang Sauni]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kempen Generasi Penamat ataupun *Generational End Game* Antirokok 18, atau ringkasannya GEGAR-18 dilaksanakan dengan kerjasama pelbagai kementerian, agensi dan badan bukan kerajaan seperti Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Pendidikan Tinggi, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Majlis Belia Malaysia, Pertubuhan Wanita Malaysia Untuk Kawalan Tembakau dan Kesihatan (MyWATCH), Persatuan Kanser Kebangsaan Malaysia, Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (PEMADAM), pertubuhan *Green Lung Malaysia*, Pertubuhan IKRAM Malaysia dan lain-lain lagi.

Objektif Kempen GEGAR-18 adalah untuk menjalankan pengetahuan perundangan dan pendidikan berterusan bagi mewujudkan persekitaran yang bebas tanpa sebarang bentuk amalan merokok. Kempen ini juga dijalankan bagi memastikan GEG ini kekal bebas tidak merokok sepanjang hayat mereka. Kempen ini dilaksanakan seiring dengan cadangan peruntukan larangan penjualan, pembelian dan penggunaan produk-produk merokok kepada individu yang lahir pada 1 Januari 2007 dan seterusnya, sebagaimana Rang Undang-undang Kawalan Terhadap Produk Merokok yang akan dibentangkan oleh pihak KKM pada masa yang terdekat nanti.

Melalui Kempen GEGAR-18 ini, saringan kepada kumpulan sasar utama di peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah telah berjaya dilaksanakan menerusi Program Kesihatan Oral Tanpa Amalan Merokok (KOTAK). Murid yang dikenal pasti merokok diberikan intervensi berhenti merokok, manakala murid yang tidak merokok akan diberikan pendidikan kesihatan berterusan bagi memastikan mereka kekal tidak merokok.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, pada tahun 2022 seramai dua juta orang murid di sekolah rendah telah disaring dan daripada jumlah tersebut sebanyak 341 orang murid didapati merokok dan telah diberikan intervensi berhenti merokok. Manakala di sekolah menengah pula seramai 1.3 juta orang murid telah disaring dan 43,019 orang murid didapati merokok dan diberikan intervensi berhenti merokok oleh pasukan pergigian KKM.

Kempen GEGAR-18 telah dijalankan di sembilan buah institusi pengajian tinggi dengan kerjasama Yayasan Sukarelawan Siswa dan Kementerian Pendidikan Tinggi. Selaras dengan Kempen GEGAR-18 ini juga, sebanyak 19 buah kampus universiti telah melaksanakan Program mQuit Universiti dan membuat saringan serta intervensi berhenti merokok dalam kalangan pelajar pengajian tinggi. KKM akan terus memperluaskan Kempen GEGAR-18 ini bagi golongan belia yang tidak memasuki mana-mana institusi pengajian tinggi melalui Majlis Belia Malaysia dan pertubuhan-pertubuhan lain yang berkaitan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff: Soalan tambahan.

Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya...

Tuan Yang di-Pertua: Biasanya Yang Berhormat, Ahli yang mula-mula menerbitkan soalan itu diberi hak utama mengemukakan soalan tambahan. Jadi, jangan salah faham. Misalnya, Yang Berhormat Tuan Balasubramaniam menyoalkan pertama. Hak utama bagi beliau untuk mengemukakan soalan tambahan. Akan tetapi jika beliau tidak berdiri, bolehlah

orang lain berdiri dan orang yang pertama dilihat berdiri itu akan diberikan keutamaan menyoal. Sila.

Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya, ketika kempen ini dibuat sasarannya adalah untuk mengurangkan jumlah perokok baharu dan seterusnya akan tiba satu masa tiada lagi perokok di Malaysia. Adakah keputusan kerajaan mengecualikan produk cecair atau gel nikotin dalam industri penjualan...

Tuan Yang di-Pertua: Apa itu perkataan tadi itu- yang 'dikotey'?

Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan: Gel nikotin... [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Oh, 'nikotin'. Kena *tasdiq*-kan sedikit.

Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan: Dalam industri penjualan *vape* daripada Akta Racun 1952 akan membuat rakyat Malaysia, khususnya mereka yang berusia 18 tahun ke bawah untuk...

Tuan Yang di-Pertua: Soalannya, soalannya mana?

Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan: Ini soalannya. Sekali lagi kah?

Tuan Yang di-Pertua: Tak, soal sahaja terus.

Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan: Umur 18 tahun ke bawah untuk mencapai sasaran sifar produk. Sekian.

■1010

Tuan Yang di-Pertua: Pandai-pandailah Yang Berhormat Menteri.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Senator. Berdasarkan soalan yang telah dikemukakan, jelas Yang Berhormat Senator amat prihatin dan mungkin menyokong sebenarnya rang undang-undang yang berkaitan dengan Generasi Penamat (GEG).

Sememangnya baru-baru ini, kerajaan telah mengeluarkan satu kenyataan dan juga telah menggazet untuk mengeluarkan nikotin daripada Akta Racun 1952, dan juga untuk mencapai generasi yang tidak merokok secara total, KKM masih lagi komited dan juga, pada pagi ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun sedang menjawab soalan berkenaan tentang permasalahan yang sama.

Ingin saya maklumkan, KKM masih komited untuk membentangkan rang undang-undang berkaitan generasi penamat dan juga kami masih lagi mengadakan sesi libat urus untuk memperhaluskan rang undang-undang tersebut yang akan dijangka dibentangkan pada sesi persidangan yang akan datang, pada 22 Mei 2023.

Sudah pasti, saya ingin merayu agar sokongan yang padu dari Ahli-ahli Dewan Negara agar menyokong, agar kita dapat melahirkan satu- generasi yang bebas merokok dan juga, keputusan untuk mengeluarkan nikotin dalam Akta Racun tersebut, manfaat yang diperoleh

buat sementara waktu adalah sebahagian kutipan cukai tersebut akan disalurkan ke KKM bagi tujuan-tujuan untuk merawat dan juga perawatan di KKM. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Soalan tambahan?

Tuan Yang di-Pertua: Dipersilakan, Yang Berhormat Dr. Hajah Wan Martina.

Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya, selain daripada Akta GEG yang akan dibentangkan nanti, adakah kerajaan atau pun Kementerian Kesihatan telah mempunyai perancangan yang teliti untuk pencegahan penyakit-penyakit kronik, terutama kepada golongan muda.

Bukan sahaja bawah 18 tahun tetapi 18 tahun ke atas yang terdedah kepada pelbagai penyakit, lebih-lebih lagi apabila nikotin ini telah dikeluarkan daripada Akta Racun 1952? Terima kasih.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni: Terima kasih, Yang Berhormat Senator. Seperti dalam jawapan yang asal tadi, sememangnya kita menggunakan platform GEGAR-18 untuk mengadakan program advokasi dan juga sesi libat urus kepada golongan kanak-kanak, remaja dan juga dewasa, dan juga untuk golongan di atas 18 tahun yang mempunyai tabiat merokok dan juga, merokok secara berterusan sehingga dewasa.

Kita tetap mempunyai program-program yang berterusan kerana program anti-merokok ini sememangnya telah dijalankan sejak awal tahun 80-an lagi dan juga sememangnya tabiat merokok ini semakin kita lihat, semakin menurun.

Akan tetapi, berdasarkan angka-angka yang kita peroleh, dalam jawapan saya sebentar tadi, dalam jumlah pada tahun 2022 sahaja, kita mempunyai golongan perokok di kalangan remaja sekolah menengah iaitu 43,019 orang. Itu merupakan satu angka yang membimbangkan. Sememangnya penumpuan kita berikan kepada golongan ini.

Akan tetapi, bagi mengelakkan sistem kesihatan negara kita terbeban dengan pesakit-pesakit seperti kanser, masalah paru-paru ini, memang program-program berterusan tetap dijalankan.

Sebagai contoh, teguran kepada Ahli-ahli Parlimen dan juga Ahli-ahli Dewan agar tidak merokok di kawasan persekitaran atau pun dalam pejabat Parlimen ini. Itu salah satu langkah berterusan daripada kami, KKM. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Abun Sui Anyit: Okey. Soalan tambahan?

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Soalan tambahan?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Sr. Haji Mohd Apandi.

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kerajaan boleh melihat sejauh mana kejayaannya dengan melihat hasil-hasil kepada syarikat-syarikat pengeluar rokok.

Kerajaan ada memantau tak, pendapatan daripada syarikat-syarikat pengeluar rokok dari saban tahun ke saban tahun? Adakah trend penjualan mereka, hasil mereka makin menurun atau makin menaik?

Kalau makin menurun, bermakna program-program kerajaan berjaya, tetapi kalau makin menaik, maknanya program kerajaan masih belum berjaya. Sekian, terima kasih.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni: Terima kasih, Yang Berhormat Senator. Saya tidak mempunyai angka-angka yang jelas atau pun terperinci berkenaan tentang hasil penjualan merokok. Akan tetapi, daripada pengalaman saya yang duduk di dalam *Parliament Select Committee*, berkenaan tentang draf Undang-undang Anti Merokok sebelum ini, memang kita dapati bahawa angka, terdapat penurunan hasil penjualan rokok dalam negara.

Akan tetapi, kesannya adalah mungkin sebahagian besar merupakan hasil penjualan *contraband*, dengan izin, atau pun penjualan haram gelap ini, dan juga kita dapat melihat penurunan kadar merokok dalam kalangan masyarakat.

Walaupun jumlah – saya tidak dapat memberi angka yang sebenar tetapi apa yang kita lihat ketika ini, untuk kita melahirkan generasi penamat ini adalah bertujuan untuk kita mengurangkan tekanan dan bebanan, memandangkan kos untuk merawat kanser-kanser berasaskan daripada asap-asap rokok ini sangat tinggi sekitar RM2 bilion ke RM3 bilion. Sudah pasti, pihak syarikat rokok pun sentiasa akan memastikan *survival*, dengan izin, untuk penjualan rokok.

Walaupun demikian, kita lihat kempen-kempen yang dilaksanakan sepanjang tahun 80-an, 90-an dan sehingga tahun 2000 ini, jelas menunjukkan terdapat penurunan dan di situlah kita melihat kesediaan KKM untuk memperkenalkan satu rang undang-undang yang berkaitan dengan generasi penamat supaya kita dapat melenyapkanlah perokok-perokok dalam Malaysia, sekiranya boleh dan disokong. Itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Soalan tambahan?

Tuan Yang di-Pertua: Melenyapkan perokok. Sila, Yang Berhormat Datuk Dr. Dominic.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Timbalan Menteri. Memang saya sokong *Generational End Game*, dengan izin, kerana dapat mengurangkan penggunaan tembakau.

Akan tetapi, pada masa yang sama, kita juga bimbang dasar larangan itu akan melahirkan atau membantu pertumbuhan pasaran gelap. So, hendak minta Timbalan Menteri menjelaskan apakah tindakan-tindakan yang diadakan, strategi yang diadakan untuk mengelakkan pertumbuhan pasaran gelap itu? Terima kasih.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni: Berkenaan tentang permasalahan pasaran gelap, mungkin di pihak KKM lebih menjurus kepada keutamaan kesihatan dan juga, untuk

pasaran gelap, memang tanggungjawab tersebut terletak di bawah KDN dan juga MOF untuk memastikan pasaran gelap ini tidak berleluasa.

Kita akui bahawa pasaran gelap ini wujud dan telah menyebabkan kerugian yang besar, bukan hanya kepada syarikat rokok tetapi kepada rakyat sendiri. Kepada KKM sendiri yang menyebabkan berlakunya proses perawatan yang lebih kerap, memandangkan kita tidak tahu pun hasil rokok yang masuk ke dalam pasaran gelap itu adalah benar-benar mengandungi ramuan-ramuan yang mungkin memudaratkan perokok-perokok tersebut.

Walaupun demikian, kami komited untuk memastikan dan bekerjasama dengan mana-mana pihak dan agensi bagi memastikan rokok ini, pasaran gelap ini dapat kita kurangkan dan hapuskan. Pada masa yang sama, sekurang-kurangnya, budaya masa depan rakyat Malaysia menolak rokok. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat merokok tak?

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni: Jarang-jarang... *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Paul Igai.

2. Datuk Paul Igai minta Menteri Pertahanan menyatakan, adakah kementerian bercadang menambah aset ketenteraan seperti dron, peluru berpandu sepertimana yang diimport oleh Rusia dari Iran.

Menteri Pertahanan [Dato' Seri Utama Mohamad bin Haji Hasan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, memang tugas hakiki Kementerian Pertahanan dan Angkatan Tentera Malaysia adalah untuk sentiasa memastikan bahawa keupayaan ketenteraan yang mencukupi agar kedaulatan dan pertahanan negara ini sentiasa berada dalam keadaan yang terbaik...

Tuan Yang di-Pertua: *Insya-Allah.*

Dato' Seri Utama Mohamad bin Haji Hasan: Berasaskan kepada itu, Tuan Yang di-Pertua, sebarang apa jua perolehan aset ketenteraan yang baharu, ia perlu melalui proses penilaian daripada berbagai-bagai-bagai pihak, terutamanya, daripada pihak *user* itu sendiri, dengan izin.

■1020

Kalau laut, *navy* lah. Kalau udara, tentera udara dan kalau darat, tentera darat. Ada sekurang-kurang tiga Jawatankuasa Penilai di peringkat *user* untuk menilai.

Falsafah pertahanan negara Tuan Yang di-Pertua adalah berasaskan kepada ancaman ataupun *threat*. Apa jenis ancaman yang kita hadapi, kita kena nilai dan daripada mana? Bila kita dapat itu, apa jenis ancaman dan daripada ancaman itu datang, maka di situ kita akan menilai kita punya tahap keupayaan pertahanan negara. Makanya, sebarang apa jua pembelian aset-aset baharu ia tidak boleh lari daripada asas itu, Tuan Yang di-Pertua.

Berkenaan soalan daripada Yang Berhormat Senator tadi, apakah kita akan membeli dron-dron yang berkeupayaan peluru berpandu seperti mana pihak Rusia membeli dari Iran? Setakat pada ketika ini, Tuan Yang di-Pertua kita belum ada lagi dan kita masih menilai konflik ataupun perang Rusia-Ukraine ini memberikan kita pengajaran yang banyak di atas- orang kata peralihan falsafah peperangan Tuan Yang di-Pertua. Berperang tanpa menggunakan apa kita kata, ancaman tradisional.

Sekarang sudah pakai dron, pakai macam-macam. Ada dron yang mempunyai kapasiti peluru berpandu. Ada dron yang kamikaze dron. Macam-macam. Ini sedang kami nilai dan sedang kami kaji. Memang ia akan menjadi sebagai suatu apa yang dipanggil sebagai cara berperang cara moden, bukan macam dulu lagi. Banyaknya pertempuran di daratan, Tuan Yang di-Pertua.

Kita pula punya falsafah di sini Tuan Yang di-Pertua, pertahanan negara tidak boleh dipertahankan di daratan sahaja. Kita mesti mempertahankan negara kita 300 kilometer ataupun 500 kilometer di luar persisiran pantai kita. Kalau mereka sudah sampai atas persisiran pantai kita sudah terlambatlah untuk kita membuat apa-apa.

Jadi apa keperluan kita? Kita mesti mempunyai keupayaan meninjau, melihat apa pergerakan yang bakal berlaku di sekitar perairan negara kita. Khususnya sekarang ini kawasan yang banyak diperkatakan kebelakangan ini adalah di kawasan Laut China Selatan. Di situ Tuan Yang di-Pertua, kepentingan negara itu amat tinggi sekali, melebihi 20 peratus KDNK negara kita ada di sana. Telaga minyak, telaga gas kita. Jadi, apakah yang perlu kita lakukan? Maka di sini, fungsi Kementerian Pertahanan Malaysia untuk melihat dan memastikan supaya kepentingan negara ini mesti dipertahankan Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, makanya atas asas itu banyak pertimbangan baharu yang sedang kami teliti dan kita akan menghasilkan suatu *White Paper*, kajian yang telah pun dilakukan. Kita telah pun membentangkan di Parlimen Kertas Putih Pertahanan negara. Akan tetapi, itu tiga hingga empat tahun dulu. Teknologi berubah Tuan Yang di-Pertua dan kita akan mengkaji semula Kertas Putih Pertahanan negara kita khususnya cara-cara mempertahankan kedaulatan dan juga benteng pertahanan negara kita, mesti kita memperbaharui memandangkan perubahan teknologi yang begitu kerap berlaku dan begitu pantas berlaku, *insya-Allah*.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai.

Datuk Paul Igai: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri Pertahanan sendiri yang menjawab. Soalan saya, adakah ataupun apakah perkara atau cadangan dalam Kertas Putih yang telah sedia ada diubah atau ditambah atau dinilai? Memandangkan perkembangan terkini dalam pengeluaran aset-aset tentera udara, laut dan darat adalah semakin canggih.

Ini mengikuti maklumat kedua dalam Kertas Putih Pertahanan iaitu mengkaji semula persekitaran strategik keselamatan yang telah berubah dengan mengambil kira trend terkini agar sejajar dengan realiti cabaran semasa dan yang akan datang. Tuan Yang di-Pertua, mengenai dron tadi. Saya...

Tuan Yang di-Pertua: Mengenai apa?

Datuk Paul Igai: Dron.

Tuan Yang di-Pertua: Oh, dron.

Datuk Paul Igai: Dron tentera untuk peperangan. Saya baca di laporan banyak komponen dari dron ini adalah dikeluarkan oleh Amerika Syarikat. Saya fikir ada 80 lebih peratus. *I think we have to* *kaji properly*. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Pertahanan tentulah tahu itu. *Insya-Allah*. Sila Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Utama Mohamad bin Haji Hasan: Terima kasih, Yang Berhormat Senator, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan kajian terhadap Kertas Putih Pertahanan negara, seperti yang telah saya sebutkan tadi, ya, kami sedang mengkaji, menilai semula Kertas Putih Pertahanan negara kerana Kertas Putih tersebut walaupun dibentangkan di Parlimen empat tahun setengah dahulu tetapi ia dibuat lima, enam tahun sebelum itu.

Makanya falsafah pertahanan negara sudah banyak berubah. Cara berperang sudah banyak berubah. Teknologi lagi banyak berubah Tuan Yang di-Pertua. Itu sebab saya katakan tadi bahawa kami sedang menilai Kertas Putih tersebut dan kita akan memastikan supaya Kertas Putih benar-benar menggambarkan asas dasar pertahanan negara yang baharu, mengambil kira keadaan sekeliling berlaku.

Dron seperti yang disebut tadi memang kita tahu. Akan tetapi, Tuan Yang di-Pertua setakat hari ini kita mempunyai kemampuan aset-aset dron ini, tidaklah seperti dron yang besar-besar itu Tuan Yang di-Pertua, yang ada TLDM dan juga tentera darat. Kebanyakan dron atau semua dron ini merupakan dron yang bersaiz kecil iaitu dron-dron yang untuk kita mengawasi sempadan negara terutamanya Sabah dan Sarawak iaitu dron-dron yang kecil, yang boleh dibawa dan senang untuk diurus selia Tuan Yang di-Pertua.

Baru-baru ini, Kementerian Pertahanan Malaysia telah mengumumkan bahawa kita akan memperoleh, telah pun membuatkan perolehan iaitu untuk membeli tiga biji dron. Ini besar Tuan Yang di-Pertua iaitu MALE dron iaitu *Medium-altitude, Long range-endurance* iaitu dron yang besar. Ia macam jet pejuang besarnya, tiga biji, yang mempunyai kemampuan *range*-nya sejauh 350 kilometer, dan boleh berada di udara selama lebih 30 jam.

Jadi, ini akan kita buat *deployment* di perairan Laut China Selatan yang mana seperti saya sebut tadi, kita mesti mempunyai keupayaan mata dan telinga Tuan Yang di-Pertua. Mata kita mesti berupaya memandang jauh, 350 kilometer dari pantai kita. Sebarang apa yang

berlaku kita mesti tahu sebelum ia berlaku. Jadi, dengan adanya keupayaan baharu ini Tuan Yang di-Pertua, *insya-Allah* dan kita pula baru-baru ini Tuan Yang di-Pertua telah pun diluluskan. Saya harap nanti supaya Dewan Rakyat ataupun Dewan Negara meluluskan perolehan tiga biji LMS yang kita akan dapat peroleh daripada negara yang mempunyai keupayaan, ternyata mempunyai rekod yang telah pun membina banyak kapal LCS dan juga LMS.

Beza antara LMS dan LCS, LCS ia panjang lagi, 120 meter panjang. Akan tetapi, LMS ini ia pendek sikit, 100 meter tetapi keupayaannya hampir sama. Cuma LMS tidak ada *surface to submarine* ataupun dari atas ke dalam *submarine*. LCS ada, ia *surface to submarine*, *surface to surface*, *surface to air*, ada.

Akan tetapi LMS ini ia *surface to surface*, *surface to air* sahaja. Ia tidak dilengkapi untuk kita mengesan kapal selam. Akan tetapi, LMS ini lebih laju dan boleh *repeat deployment* untuk kita buat *maneuver* supaya ia sebagai *interceptor* dan juga boleh *maneuver* dengan begitu baik sekali Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, ini merupakan asas pertahanan negara seperti yang saya sebutkan sebentar tadi bahawa kepentingan kita di Laut China Selatan. Kita tidak boleh mengatakan Laut China Selatan ini kawasan bertindih, itu salah Tuan Yang di-Pertua. Laut China Selatan ini laut yang mana kita telah pun buat sebagai *Exclusive Economic Zone (EEZ)*.

■1030

Banyak pencerobohan telah berlaku. Berpuluh-puluh kali perairan kita telah dicerobohi dan kita tidak boleh berdiam diri dan melihat sahaja bahawa perairan negara kita dicerobohi. Ada satu kuasa yang sedang meletakkan aset ketenteraannya iaitu sentiasa sahaja di sana, 24 jam satu minggu atau pun satu hari seminggu, 365 hari. Makanya, kita perlu memperkasakan aset-aset ketenteraan kita. Bukan kita hendak berperang tetapi kita hendak supaya perairan dan kedaulatan negara kita dapat dipertahankan. Terima kasih.

Dato' Arman Azha Abu Hanifah: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Razali bin Idris: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris.

Datuk Razali bin Idris: Sakit tangan tunggu hendak tekan *mic* lama. Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Kita setuju Kementerian Pertahanan Malaysia adalah khusus untuk menjaga kedaulatan negara, perairan negara. Sama ada udara, darat ataupun air.

Jadi, soalan saya, sejauh manakah tindakan pihak kerajaan terhadap pencerobohan kapal-kapal China mutakhir ini di perairan negara kita? Terkini tahun 2020, kita nampak belum ada tindakan yang berkesan. Jadi, saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, sejauh mana tindakan kita terhadap pencerobohan tersebut?

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Seri Utama Mohamad bin Haji Hasan: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan tadi, berpuluh-puluh kali perairan kawasan kita dicerobohi. Makanya, disebabkan itu keperluan untuk kita memperkasa dan menambah aset-aset ketenteraan kita, terutamanya tentera laut. Pencerobohan ini berlaku. Saya tidak hendak sebutlah negara mana. Banyak juga pencerobohan.

Akan tetapi, Malaysia akan terus mempertahankan kedaulatan perairan negara kita selaras dengan *United Nations Convention on the Law of the Sea 1982* (UNCLOS). Itu penting kerana ini telah diperakui oleh United Nations sebagai undang-undang laut yang diterima pakai oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu iaitu- kita termasuklah dalam UNCLOS tersebut, menyebut bahawa setiap negara dari pesisir pelantar benuanya, boleh, iaitu sebagai Zon Eksklusif Ekonomi mereka sejauh 250 kilometer, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, ini yang kita pertahankan. Itu sebab saya katakan tadi, kita tidak boleh sebut ia kawasan bertindih. Ia ialah kawasan perairan negara kita. Selaras dengan *United Nations Convention on the Law of the Sea 1982*, kita perlu dan mesti mempertahankan kedaulatan negara kita, perairan negara kita.

Akan tetapi, berbalik semula kepada keupayaan kita, Tuan Yang di-Pertua. Itu sebabnya Malaysia sekarang sedang dalam proses untuk *capacity building*, dengan izin, iaitu untuk kita memperkasakan aset-aset negara kita, daripada segi pertahanan. Kalau orang *taruk* kapal, takkan kita hendak *taruk* perahu, Tuan Yang di-Pertua. Mesti kalau orang *taruk* kapal, kita *taruk* kapal. Orang *taruk* korvet, kita *taruk* korvet. Orang *taruk* frigat, kita *taruk* frigat. Bukan hendak perang tetapi kita jangan diperlekeh *dek* orang. Itu sahaja. Itu yang sedang dilakukan oleh Kementerian Pertahanan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua: *Alhamdulillah.*

Dato' Arman Azha Abu Hanifah: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Yang Berhormat Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, semenjak tahun 1999 sehingga sekarang, perolehan Kementerian Pertahanan Malaysia mempunyai banyak sejarah hitam. Jadi, saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri. Kalau tengok Iran yang dikepung dunia lebih 30 tahun, boleh mengeluarkan dron antara yang terbaik di dunia. Türkiye antara yang terbaik di dunia sekarang ini, dron ketenteraan. Malaysia ada sebuah syarikat tempatan bumiputera, antara pengeluar dron komersial, Aerodyne. Ia antara yang terbesar di dunia.

Bolehkah mulai sekarang ini kerana teknologi dron ini tidaklah berapa- Iran sudah bangunkan, Türkiye sudah bangunkan. Bolehkah Malaysia sekarang ini memikirkan ke arah kita hendak jadi pengeluar dron itu? Ini adalah kerana Iran berjaya, Türkiye berjaya.

Kenapakah kita tidak boleh berjaya? Sedangkan kita sudah ada syarikat tempatan Aerodyne, komersial terbesar di dunia. *Wallahualam*

Tuan Yang di-Pertua: Ada sebut syarikat pula ini. Ada apa-apa?

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: Eh, tidak ada kena mengena.

Tuan Yang di-Pertua: Oh, tidak ada.

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: SPRM boleh mari semak.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan, Yang Berhormat Menteri... [Ketawa]

Dato' Seri Utama Mohamad bin Haji Hasan: Terima kasih, Yang Berhormat Senator. Betul, kita mempunyai banyak syarikat yang berkeupayaan mengeluarkan bukan sahaja dron, tetapi berbagai-bagai lagi aset pertahanan yang boleh diguna pakai. Itu sebabnya Kementerian Pertahanan Malaysia sekarang sedang merangka dan *insya-Allah* akan dilancarkan semasa LIMA 2023 iaitu pada bulan Mei nanti, Dasar Industri Pertahanan Negara.

Kita tidak ada satu- dasar yang boleh mengawal selia industri pertahanan ini. Masing-masing buat hal masing-masing. Jadi, tidak ke mana industri pertahanan kita, Tuan Yang di-Pertua ya. Industri pertahanan ini mesti dikawal selia. Itu sebabnya kemungkinan besar selepas dilancarkan Dasar Industri Pertahanan Negara nanti, pihak Kementerian Pertahanan Malaysia akan mengemukakan satu *bill* kepada Parlimen iaitu akta Parlimen berkenaan dengan Dasar Industri Pertahanan Negara.

Banyak negara lain yang berjaya dalam industri pertahanannya, Tuan Yang di-Pertua, mempunyai agensi ini yang dikawal selia oleh kerajaan. Indonesia misalnya, mempunyai agensinya, yang mempunyai aktanya. Di Thailand ada, di UAE ada, dipanggil EDGE. Di Türkiye ada, dipanggil SSB, *direct to* ataupun terus lapor kepada Presiden. Itu sebabnya industri pertahanan mereka boleh berkembang, boleh maju dan menjadi sebagai penggalak dan juga *conduit* kepada pembangunan ataupun pembesaran ekonomi negara. Ini disebabkan industri pertahanan ini Tuan Yang di-Pertua, merupakan industri yang besar. Ia berbilion-bilion.

Jadi, jika kita boleh jayakan industri pertahan negara dengan baik, disusun atur, diurus dengan baik, adanya akta Parlimen, maka saya yakin, Kementerian Pertahanan Malaysia yakin Tuan Yang di-Pertua bahawa Malaysia besar kemungkinan kita boleh menjadi sebahagian negara yang menjadi pengeluar kepada aset-aset pertahanan.

Jadi, soalnya di sini adalah sekarang ini banyak orang buat tetapi ia tidak disusun rapi, tidak dikawal selia. Kemampuan belum lagi begitu apa. Macam yang hendak beli tiga biji saya katakan tadi, MALE UAV. Ia mempunyai platform peluru berpandu tetapi kita tidak beli persenjataannya. Akan tetapi, platform sudah ada. Jika diperlukan pada masa depan nanti, kita memerlukan keupayaan peluru berpandu, kita sudah ada. Cuma, kita akan memilih jenis

peluru berpandu bagaimana yang boleh disesuaikan kerana kapasitinya, *weight capacity*-nya sampai 200 hingga 300 kilogram.

Jadi, ini merupakan kita punya jangka panjang. Kita beli dron yang tidak ada keupayaan peluru berpandu tetapi platformnya sudah ada, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Seri Utama Mohamad bin Haji Hasan: Misalnya, kata lagi lima tahun. Kita memerlukan keadaan pada ketika itu, memerlukan Malaysia mempunyai dron yang berkapasiti, berkeupayaan *combatant*-nya ada misil, kita sudah ada platform. Ini kita punya cara kerana kita akan membuat secara bersistematik agar kita tidak banyak pembaziran.

Betul kata Yang Berhormat Senator, sejak tahun 80-an, berbilion-bilion duit kerajaan di atas industri pertahanan tetapi ia tidak diurus dan ia tidak ada suatu akta yang boleh mengawal selia industri ini. Jadi, apabila tidak kawal selia, dia untung daripada industri pertahanan, dia pergi jadi *developer*. Dia rugi di sana. Kalau ada aktanya, maka kita boleh buat suatu- dasar untung daripada industri pertahanan, mesti 30 hingga 40 peratus keuntungan, mesti di-*plough back* untuk ke industri sebagai *research and development* (R&D). Itu yang kita hendak buat supaya pada satu ketika nanti, *insya-Allah*, Malaysia akan mempunyai industri pertahanan yang disegani oleh kawan dan lawan. *Insya-Allah*.

Datuk (Dr.) Ras Adiba binti Mohd Radzi: Tuan Yang di-Pertua, saya.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Datuk Lim Pay Hen hendak bercakap. Akhir sekali ya.

Datuk Lim Pay Hen: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Banyak sedikit sebab Yang Berhormat Menteri jarang dapat bersama kita.

Datuk Lim Pay Hen: Saya ingin kemukakan satu soalan kepada kementerian. Apakah perancangan kementerian bagi meningkatkan sistem pertahanan negara berasaskan teknologi angkasa ataupun satelit? Berikutan banyak negara besar seperti Amerika Syarikat, Rusia dan negara China telah mengumumkan pertahanan ruang angkasa mereka. Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Utama Mohamad bin Haji Hasan: Tuan Yang di-Pertua, itu sebabnya kami sedang berunding dan melihat kita punya *X-Band* pakai MEASAT atau tidak sebab kadang-kadang memerlukan suatu kajian. Kita tidak mahu pula nanti kita menggunakan. Kita punya MEASAT ini Tuan Yang di-Pertua, ia terlampau rapat dengan Jepun dan juga China, dia punya satelit. Jadi, kita tidak mahu nanti kita punya kapasiti itu, ia tidak boleh besar.

■1040

Jadi, kita hendak melihat *X-Band* mana hendak kita pakai supaya nanti segala *information* kita tidak dicuri *dek* orang. Kita tidak mampu kita punya maklumat-maklumat diambil *dek* orang. Jadi, kita meneliti. Memang kita tahu bahawa di dunia sekarang ini kita berperang ataupun pertahanan negara kita, kita buat *dome*.

Jadi, orang tidak boleh. Kita akan buat apa yang dipanggil sebagai satu sistem *electromagnetic* walaupun dron datang tetapi kita boleh tukar ia punya sistem dan ia balik kepada orang yang menghantar dron tersebut. Itu sedang kita kaji Tuan Yang di-Pertua. Ia tidak akan dapat memasuki ruang udara kita. Kalaupun masuk ruang udara kita, ia punya sistem telah *been neutralized*. Ia tidak, ia punya *weapon* itu akan *neutralized*.

Itu sedang kita lihat tetapi ia mengambil masa Tuan Yang di-Pertua kerana ia merupakan satu teknologi yang amat tinggi yang perlu kita lakukan dan yang perlu kita nilai. Banyak orang yang mempunyai kapasiti begini. Banyak negara yang telah ada *dome*, punya pertahanan *dome* ini di mana negara di Timur Tengah yang berperang, yang sentiasa berperang tersebut, itu sebab ia dipanggil *dome*. Ia bukan letak *dome* betul-betul tetapi *eletromagnetic* nya. Ini di mana apa sahaja sistem masuk ia boleh *neutralize*-kan.

Jadi, ini suatu perkara yang mana Dasar Pertahanan Negara perlu melihat seperti yang saya sebutkan awal tadi, kita perlu kaji semula. Ini kerana perkembangan teknologi yang bertukar begitu pantas yang berubah begitu cepat, kita tidak boleh lagi duduk katakan 10 tahun punya Kertas Putih begitu masih lagi kita hendak buat. Kita perlu tambah nilai, perlu kaji Tuan Yang di-Pertua dan kita akan menilai cara yang paling baik mengikut kehendak dan juga mengikut keadaan negara kita. *Insyaa-Allah*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pertahanan yang dengan sendiri datang menjawab soalan-soalan dari Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang meminati hal-hal berkaitan dengan pertahanan negara. Walaupun LCS tadi tidak banyak soal balik tetapi kita telah mendapat huraian daripada Yang Berhormat Menteri terdahulu. Diharapkan semoga Dasar Pertahanan Negara (DPN) beliau maju jaya dan kita dapat berbangga bersama. Terima kasih Yang Berhormat.

3. Dato' Sri Ti Lian Ker minta Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan menyatakan, apa pembaharuan atau reformasi yang akan dilaksanakan oleh pihak kementerian terhadap pembangunan Kampung Baru Cina setelah fungsi serta peranannya dikembalikan semula dari Kementerian Perpaduan Negara sebelum ini.

Timbalan Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan [Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator. Peranan dan fungsi Bahagian Kampung Baru Cina (BKBC) telah dipindahkan dari Kementerian Perpaduan Negara ke Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) berkuat kuasa 3

Disember 2022. KPKT melalui Bahagian Kampung Baru Cina bertanggungjawab menyelia dan memantau pembangunan sebanyak 613 buah kampung baru di Semenanjung Malaysia.

Kelazimannya, tumpuan ataupun tanggungjawab di peringkat kementerian selalunya ada dua iaitu soal infrastruktur dan juga sosial ekonomi. Akan tetapi, soalan Yang Berhormat bertanyakan soal pembaharuan ataupun reformasi yang akan dilaksanakan maka bermula dari tahun ini, kita akan memfokuskan kepada empat bidang utama. Ini tanggungjawab di peringkat kementerian iaitu pertama, soal pembangunan infrastruktur asas di kampung baru iaitu pelaksanaan projek-projek pembangunan berskala kecil di kampung baru bagi menyediakan kemudahan infrastruktur asas dan kemudahan sosial bagi memastikan kesejahteraan penduduk kampung. Ini perkara yang memang telah ada dan kita teruskan.

Kedua, mempromosikan produk-produk kampung baru iaitu mengenal pasti produk keluaran kampung baru yang berpotensi untuk dikomersialkan dengan menaik taraf daripada segi pembungkusan dan pemasaran supaya ia lebih menarik dan berdaya saing. Ini salah satu perkara baru yang kita akan usahakan kali ini.

Ketiga, untuk menjadikan Kampung Baru Cina sebagai destinasi pelancongan iaitu membangunkan Kampung Baru Cina yang berpotensi sebagai destinasi pelancongan melalui pelaksanaan projek-projek pelancongan bagi menjana pendapatan penduduk kampung dan merancakkan aktiviti ekonomi setempat.

Terakhir yang keempat, mengadakan program keceriaan Kampung Baru Cina iaitu menggunakan pendekatan dari bawah ke atas, dengan izin, *bottom-up approach* yang melibatkan pemimpin tempatan dan penduduk kampung bersama-sama mengindahkan dan menceriakan kampung bagi memastikan persekitaran yang kondusif dan bersih.

Berkaitan pula soal daripada segi belanjawan ataupun bajet, berbanding dengan tahun sebelum ini untuk di pembangunan Kampung Baru Cina ini peruntukannya sebanyak RM84 juta. Untuk tahun 2023, *insya-Allah* bila Dewan Negara luluskan nanti, jumlahnya adalah sebanyak RM104 juta. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Husain bin Awang: Soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Terus penyoal.

Dato' Sri Ti Lian Ker: Yang Berhormat Menteri pernah berjanji dan juga mengulangi janji beberapa kali bahawa, "Kalau saya jadi Menteri nanti semua kampung baru saya akan bagi geran tanah milik kekal ataupun tanah milik kekal 999 tahun."

Tuan Yang di-Pertua: Mahu Yang Berhormat sebut nama Yang Berhormat Menteri itu?

Dato' Sri Ti Lian Ker: Yang Berhormat Menteri Tuan Nga Kor Ming. Yang Berhormat Menteri juga menekankan perkara ini adalah dalam Manifesto Pakatan Harapan yang Yang Berhormat Menteri juga berjanji akan komited untuk melaksanakan janji-janji ini. Maka, soalan

saya apakah usaha dan kertas kerja yang telah disediakan ke arah menunaikan janji kerana rakyat Kampung Baru Cina rasa tertipu? Soalan saya yang kedua, selain daripada RM10 juta untuk projek mencantikkan kampung memang secara fizikal sahaja...

Tuan Yang di-Pertua: Jangan panjang sangat soalan itu. Terus sahaja.

Dato' Sri Ti Lian Ker: Ya, saya ingin mengetahui apakah rancangan dan pelan tindakan yang lebih komprehensif untuk meningkatkan tahap kehidupan masyarakat bagi 600 lebih buah kampung baharu yang memang tertekan dan menghadapi pelbagai masalah sosial.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Walaupun soalan itu merujuk kepada Yang Berhormat Menteri mungkin kalau bagi saya elok orang yang ditanya itu menjawab. Cuma, kalau Tuan Yang di-Pertua bagi ruang...

Tuan Yang di-Pertua: Balik nanti Yang Berhormat pesanlah kepada dia.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir: Ya, okey.

Dato' Sri Ti Lian Ker: Soalan saya ialah ada usaha kah atau kertas kerja ke arah janji itu? Walaupun Yang Berhormat Menteri sekarang dia merupakan Yang Berhormat Menteri dan kementerian.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, baik. Sudah jelas. Jangan suluh lagi.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir: Jadi, cuma kalau berkaitan dengan isu tanah itu memang kalau kita faham peruntukan negara pun berdasarkan Jadual Kesembilan Perlembagaan Malaysia dan juga Kanun Tanah Negara, perkara ini adalah termaktub di bawah kuasa kerajaan negeri. Sementara saya terangkan tadi tanggungjawab di peringkat kementerian tadi kita pecahkan kepada empat. Ini merupakan soal menjaga pembangunan soal infrastruktur dan juga sosioekonomi.

Berkaitan soalan Yang Berhormat Senator tanya soalan yang kedua daripada segi pecahan bagaimana kita menguruskannya. Kalau saya boleh *detail*-kan. Saya boleh memperincikan lagi butirannya iaitu untuk pembangunan infrastruktur, kita menyasarkan sebanyak RM67.38 juta untuk tujuan tersebut, bantuan baik pulih rumah sebanyak RM5 juta, bina baru rumah sebanyak RM1.12 juta manakala dana pembiayaan penduduk kampung baru sebanyak RM10.5 juta. Ini kalau dana pembiayaan penduduk kampung baru ini mungkin menjawab soal bagaimana kita menaik taraf meningkatkan pendapatan ekonomi daripada segi dana dan juga pinjaman mikro. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah. Tadi ada soalan.

Dato' Haji Husain bin Awang: Soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Haji Husain bin Awang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Yang Berhormat Timbalan Menteri, terima kasih atas jawapan yang telah diberikan. Soalan tambahan saya, berapakah bilangan Kampung Baru Cina di seluruh negara dan jumlah penduduk di setiap kampung tersebut? Kedua, dengan peruntukan yang diberikan dalam pembangunan Kampung Baru Cina, berapakah setiap kampung tersebut akan peroleh? Terima kasih.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir: Tuan Yang di-Pertua, terdapat sebanyak 613 buah Kampung Baru Cina di Semenanjung Malaysia. Kampung Baru Cina pun kita boleh pecahkan kepada tiga kategori iaitu dipanggil sebagai kampung baru. Ini wujud sejak zaman darurat lagi. Kemudian, kita ada kampung baru rangkaian yang sebanyak 134 buah. Kalau kampung baru tadi sebanyak 436 buah. Manakala, satu lagi merupakan Kampung Bagan iaitu kampung nelayan di mana kebanyakan penduduknya terdiri daripada masyarakat Cina sebanyak 43 buah.

Kampung baru ini tidak semestinya semua masyarakatnya orang Cina. Sebenarnya, kalau dahulu pun takrifannya hanyalah kampung baru. Hanya sekitar bila Kampung Baru Cina dibawa keluar pada tahun 2014, tidak silap saya. Maka, perkataan itu ditambah. Jadi, sebenarnya ia bukan merujuk secara total hanya masyarakat Cina.

■1050

Kedua, soalan daripada segi peruntukan tadi, pecahan yang kita peruntukkan itu ikut kategori. Kemudian, kaedah permohonan dan juga bagaimana kelulusan itu diuruskan di peringkat kementerian. Maka, ia bukannya dijanjikan setiap kampung ini berapa, berapa, tetapi berdasarkan permohonan keperluan baik pulih infrastruktur tersebut.

Sebagai contoh, bila sebut infrastruktur itu, ia melibatkan juga parit, longkang. Jadi, perkara ini perlu dibuat permohonan. Ada strukturnya di peringkat, sama ada jawatankuasa peringkat kampung mahupun di peringkat pegawai yang menguruskannya tetapi akhirnya kementerian yang akan putuskan agihan peruntukan itu nanti. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Baik. Satu lagi soalan tadi.

Tuan Abun Sui Anyit: Saya, saya. Soalan.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Tuan Abun Sui Anyit: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan tahniah kepada kementerian yang mengambil berat kampung Cina.

Soalan saya berkaitan dengan penempatan semula Bakun atau *Bakun Resettlement Scheme* di Sarawak. Bolehkah Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan melalui Majlis Daerah Kapit untuk membantu terutamanya generasi kedua mangsa Bakun yang sukar untuk membina rumah mereka sekarang? Apa yang sekarang ada ialah generasi pertama.

Generasi kedua dan seterusnya, kita tidak ada tanah untuk membina rumah. Bahkan, tidak ada kos untuk membina rumah. Kalau dulu di hulu sungai, kita boleh tebang untuk *private used*, untuk kegunaan sendiri dan bina rumah sendiri tetapi semua kayu balak pun dah habis.

Jadi, adakah kementerian ini boleh membantu generasi kedua penduduk Sungai Asap membina rumah? Terima kasih.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tersebut memang jauh sedikit tersimpang daripada soal Kampung Baru Cina.

Cuma, saya cuba juga tangkap apa Yang Berhormat Senator cuba sampaikan iaitu mungkin berkaitan dengan proses memindahkan mereka yang terkesan untuk ada sebuah penempatan yang baharu.

Bagi saya, perkara ini memang spesifik di lokasi tersebut. Kalau tengok pun daripada ruang yang kami ada, adalah berkaitan dengan penempatan sama ada di bandar ataupun Kampung Baru Cina. Cuma, sekiranya kalau ada perbincangan yang spesifik untuk kita adakan, itu kita boleh tengoklah.

Cuma, saya rasa perkara ini lebih terkait dengan Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah kerana itu dianggap ataupun dikira kawasan luar bandar. Cuma, itulah, bagi saya, saya cuba juga garap apa yang disampaikan. Cuma mungkin terjauh sedikitlah daripada perkara asas yang kita bincangkan pada pagi ini. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, isu sudah terkeluar daripada soalan asal. Baik.

4. Datin Hajah Ros Suryati binti Alang minta Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyatakan, apa bantuan atau dana yang disalurkan bagi membantu meningkatkan ekonomi wanita.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Puan Saraswathy a/p Kandasami]: Terima kasih Yang Berhormat Senator.

Tuan Yang di-Pertua, pelbagai program khusus untuk usahawan wanita telah dirancang dan dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) melalui agensi-agensi di bawah kementerian bagi membantu meningkatkan ekonomi wanita seperti berikut:

- (i) Amanah Ikhtiar Malaysia telah menyediakan skim pembiayaan kepada usahawan wanita yang dipanggil Sahabat Usahawan AIM melalui skim pembiayaan ekonomi dan skim pembiayaan sosial;
- (ii) TEKUN Nasional menawarkan program TekunNita yang bertujuan membantu usahawan wanita mendapatkan pembiayaan dengan mudah, cepat dan cekap untuk tujuan perniagaan;

- (iii) UDA Holdings mempunyai program *UDA BizzNita (Promo Space and Fashion Street)*, dengan izin, yang diperkenalkan pada tahun 2022 bagi membantu usahawan PMKS wanita dengan menyediakan platform yang bersesuaian kepada usahawan untuk jangka pendek atau panjang agar mereka kekal berada di pasaran;
- (iv) Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) melaksanakan Program Pemerkasaan Usahawan Wanita (PUAN) yang bertujuan memperkasakan usahawan wanita B40 yang menjalankan perniagaan dalam sektor makanan dan minuman ke arah pendigitalan melalui pemberian latihan dan geran perniagaan; dan
- (v) Bank Rakyat pula melaksanakan program pembiayaan dan latihan yang menawarkan pembiayaan dan pemberian latihan serta bimbingan kepada usahawan wanita.

Semasa pembentangan Belanjawan 2023 oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 24 Februari 2023, kerajaan telah bersetuju menyediakan peruntukan khas sebanyak RM300 juta bagi menyokong dan membantu perniagaan mikro yang dijalankan oleh usahawan wanita dan belia. KUSKOP dan agensi-agensi di bawahnya akan terus komited untuk melaksanakan program-program bantuan dan intervensi bersasar dalam meningkatkan keupayaan dan kemahiran keusahawanan kepada usahawan wanita di negara ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Baik. Soalan tambahan, ada? Silakan.

Datin Hajah Ros Suryati binti Alang: Soalan tambahan saya, Tuan Yang di-Pertua. Ramai pakar mengatakan tahun 2023 akan menjadi tahun cabaran Malaysia. Walaupun tahap ekonomi negara kita berada di paras stabil, namun langkah berjaga-jaga turut diambil kira, lebih-lebih lagi apabila golongan wanita yang menjadi tunjang utama dalam mencari rezeki kepada keluarga juga akan terkesan. Bagaimanakah kerajaan boleh membantu dalam membendung dan membantu perkara tersebut? Terima kasih.

Puan Saraswathy a/p Kandasami: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Seperti yang saya telah katakan tadi, agensi-agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi memberi: pertama, latihan; kedua, pembiayaan dana daripada segi bantuan ataupun pembiayaan daripada segi pinjaman; dan ketiga, bimbingan kepada usahawan-usahawan khususnya usahawan wanita.

Berkenaan dengan soalan Yang Berhormat Senator berkenaan dengan bagaimana kementerian bersiap sedia untuk menangani sekiranya berlaku kegawatan ekonomi pada

masa hadapan, agensi-agensi memang bersiap sedia untuk menyediakan bantuan-bantuan yang saya telah nyatakan tadi.

Sebagai khususnya, Amanah Ikhtiar Malaysia sentiasa bertemu dan mengadakan jalinan dengan usahawan-usahawan wanita pada setiap minggu dengan mengadakan mesyuarat bersama mereka, memberikan taklimat dan sebagainya. Jadi, menerusi berhadapan dengan usahawan-usahawan wanita ini, mereka dapat merasai apakah keperluan pada masa-masa tertentu untuk menyelesaikan pada masa mereka mengalami sebarang kesulitan dalam menjalankan perniagaan mereka.

Sekiranya, mereka memerlukan sebarang bantuan selain daripada apa yang telah dihulurkan, daripada segi antara agensi-agensi, terdapat kerjasama dan juga ada memorandum yang ditandatangani di antara agensi di mana bantuan baharu boleh dihulurkan kepada usahawan-usahawan supaya mereka boleh kekal dalam perniagaan dan industri keusahawanan...

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan, ya.

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ada dua soalan ya. Satu ialah...

Tuan Yang di-Pertua: Satu soalan.

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Satu soalan sahaja. Okey, terima kasihlah. Saya cuba merangkumi. Bimbingan dan latihan yang diberikan, bolehkah Yang Berhormat memberikan kita jumlah usahawan yang telah berjaya dan dalam bidang apa yang mereka telah berjaya untuk menjadi usahawan yang berkemampuan?

Mengenai ekonomi. Ya, kita boleh membantu untuk *forecast* tetapi bagaimanakah kita hendak menggalakkan usahawan-usahawan kita ini membekalkan apa yang mereka ada untuk cabaran masa depan? Pulangan-pulangan ini ya. Terima kasih.

■1100

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Puan Saraswathy a/p Kandasami: Yang Berhormat Senator, daripada soalan yang dikemukakan, saya percaya ada tiga persoalan. Pertamanya, jumlah wanita yang telah menerima manfaat daripada program-program yang ditawarkan oleh agensi-agensi di bawah KUSKOP. Saya ada bilangan usahawan yang telah mendapat manfaat tetapi berkenaan dengan perincian sektor mana mereka terlibat, saya tiada angka tersebut. Akan tetapi saya boleh kemukakan daripada senarai program khusus untuk wanita berserta peruntukan perbelanjaan dan bilangan peserta bagi tahun 2020 adalah seperti berikut:

(i) Program TekunNita, peruntukan sebanyak...

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Minta maaf Tuan Yang di-Pertua, minta maaf Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya tidak tanya jumlah tetapi usahawan yang telah berjaya dalam latihan yang telah diberikan.

Tuan Yang di-Pertua: Beliau sudah beri alasan tadi sebab soal menjawab menerusi data merupakan jawapan spesifik. Oleh itu, ada ruang bagi Yang Berhormat Menteri atau Yang Berhormat Timbalan Menteri menolak atau mengubah informasinya asalkan soal pokok itu dapat dihuraikan ke tahap elemen yang boleh meyakinkan. Sila. Kalau tak nak pecahannya, boleh bagi dalam bertulis. Tak ada apa masalah.

Puan Saraswathy a/p Kandasami: Saya ada pecahan, sebanyak mana yang saya dapat berikan, saya akan berikan Tuan Yang di-Pertua. Seperti contohnya, INSKEN yang memberi latihan keusahawanan kepada wanita di bawah Program Pemerkasaan Usahawan Wanita (PUAN). Kita menetapkan tahap pencapaian sekurang-kurangnya 20 peratus peningkatan hasil jualan. Akan tetapi secara purata, kita dapati terdapat pencapaian sebanyak 15 peratus yang mana adalah agak menggalakkan tetapi sasaran kita adalah untuk mencapai 20 peratus.

Ini satu pencapaian yang kita dapat nilai daripada latihan yang diberikan kepada usahawan wanita. Daripada segi latihan yang diberikan oleh agensi-agensi yang lain, saya mempunyai angka sasaran mereka yang telah dapat manfaat. Daripada segi kejayaan, ada juga usahawan yang daripada usahawan mikro kepada kecil, daripada kecil ke tahap sederhana yang mana angka perangkaan tersebut adalah di bawah DOSM, di mana penilaian itu dibuat oleh DOSM.

Tuan Yang di-Pertua: Oleh apa?

Puan Saraswathy a/p Kandasami: DOSM. Daripada segi sekiranya Yang Berhormat mahu angka usahawan wanita yang telah mendapat manfaat daripada...

Tuan Yang di-Pertua: Masa dah habis ini, jadi tolong ringkaskan.

Puan Saraswathy a/p Kandasami: Okey, okey. Itu sahaja jawapan yang saya beri berkenaan dengan soalan.

Tuan Yang di-Pertua: Baik. Sudah dua soalan.

Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol: Soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Puan Rita.

Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya, saya nak tahu kecenderungan majoriti daripada pemohon wanita-wanita yang memohon bantuan daripada KUSKOP. Apakah bidang perniagaan yang dipohon oleh majoriti daripada mereka? Terima kasih.

Puan Saraswathy a/p Kandasami: Tuan Yang di-Pertua, kecenderungan kebanyakan wanita adalah kepada industri makanan dan minuman. Ada juga yang cenderung

dalam bidang membuat pakaian dan sebagainya. Tidak banyak ke arah TVET dan sebagainya. Akan tetapi pada peringkat ini, kecenderungan wanita adalah ke dalam industri pembuatan makanan dan minuman serta perusahaan asas tani.

Tuan Yang di-Pertua: Baik. Datuk John Ambrose.

5. Datuk John Ambrose minta Menteri Perladangan dan Komoditi menyatakan, langkah yang diambil bagi mengawal harga baja tanaman kelapa sawit agar tidak mengalami kenaikan harga secara mendadak dan luar biasa.

Timbalan Menteri Perladangan dan Komoditi [Datuk Siti Aminah binti Aching]:

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator yang bertanya. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator serta Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini, sebenarnya isu baja ini adalah di bawah kawal selia Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, sementara kami pula di sektor perladangan dan juga komoditi adalah merupakan sebagai pengguna utama baja tersebut. Akan tetapi oleh sebab soalan ini ada juga hubung kaitnya dengan pekebun kecil sawit, maka saya akan jawab juga soalan ini secara umum ya, Tuan Yang di-Pertua.

Terdapat beberapa faktor yang telah dikenal pasti mempengaruhi kenaikan harga baja iaitu perubahan polisi dari negara pengeksport yang mengurangkan bekalan, kenaikan kos bahan mentah, peningkatan kos logistik dan kadar tukaran mata wang asing. Oleh itu, kerajaan menghadapi kesukaran untuk mengawal kenaikan harga baja disebabkan bahan mentah tersebut diimport dari luar negara yang mana harga bahan mentah tersebut juga bergantung pada faktor pasaran global. Walaupun berlaku peningkatan harga baja, pihak industri, terutamanya pekebun kecil, tidak disyorkan untuk mengurangkan penggunaan kadar baja kerana ia akan mengurangkan hasil sawit dalam jangka masa yang panjang kerana pengurangan penggunaan baja ini akan menyebabkan hasil sawit tidak akan mencapai pengeluaran yang optimum.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini melalui Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) telah pun mengkomersialkan formulasi baja sawit yang berkualiti seperti MPOB F1 dan MPOB F2 untuk kegunaan industri, terutamanya pekebun kecil di seluruh negara. Oleh yang demikian, pekebun kecil disarankan dan dinasihatkan supaya bersedia beralih kepada penggunaan baja sawit yang diformulasikan di peringkat tempatan dengan harga yang lebih rendah dan juga bagi mengurangkan kos import berladang. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan, soalan tambahan.

Datuk John Ambrose: Tuan Yang di-Pertua, berapakah nilai import baja dalam tempoh lima tahun yang lepas?

Tuan Yang di-Pertua: Wah, spesifik itu.

Datuk Siti Aminah binti Aching: Bolehlah. Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan itu. Nilai eksport baja pada tahun 2017 adalah sebanyak RM4.30 bilion dan pada tahun 2021 adalah sebanyak RM5.25 bilion. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM953 juta dalam tempoh tersebut ataupun bersamaan dengan 22 peratus. Secara puratanya, nilai eksport baja meningkat sebanyak 5.9 peratus setahun. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang kita faham harga baja itu naik kerana kita mengimport dari Negara China, US, Indonesia, Kanada dan juga Rusia. Soalan tambahan saya adalah, adakah usaha daripada kementerian untuk mengembangkan atau membangunkan industri baja tempatan untuk mengurangkan kebergantungan kita kepada negara-negara yang lain? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, penting soalan itu. Sila.

Datuk Siti Aminah binti Aching: Terima kasih kepada Yang Berhormat yang bertanya. Sudah tentu kita akan menggalakkan dan mengembangkan lagi formulasi kita untuk baja tempatan ini supaya kita tidak bergantung pada baja dari luar. Oleh sebab ini lebih mudah dan juga harga pun rendah. Itu sebabnya kita menggalakkan kepada pekebun-pekebun kecil kita menggunakan baja tempatan. Terima kasih Yang Berhormat dan juga Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Dah dijawab kah soalan itu tadi itu?

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Soalan saya, apakah usaha untuk mengembangkan baja tempatan itu?

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Yang Berhormat Senator Datuk Dominic menjuruskan soalan adakah usaha mewujudkan industri baja kita sendiri? Lebih kurang.

■1110

Datuk Hajah Siti Aminah binti Aching: Ya. Sebenarnya kita telah pun- sebenarnya sekarang ini melalui Lembaga Sawit Malaysia, kita telah pun mewujudkan baja iaitu formulasinya daripada F1 hingga F6 sekarang ini. Kita memang berhasrat untuk mengembangkan lagi, tetapi ia masih dalam proses perbincangan...

Tuan Yang di-Pertua: Baru bincang?

Datuk Hajah Siti Aminah binti Aching: Perbincangan di pihak kementerian untuk mengembangkan lagi- mengkomersilkan lagi. Boleh jawab Yang Berhormat?

Puan Susan Chemera Anding: Boleh mencelah?

Datuk Hajah Siti Aminah binti Aching: Silakan.

Puan Susan Chemerai Anding: Tuan Yang di-Pertua, sebab baja ini, kita bahan mentah itu pun perlu diimport daripada negara-negara pengeluar seperti *rock phosphate* dan sebagainya. Apabila diimport di sini secara pukal, di sini akan di- *mix* atau akan ada kilang-kilang untuk mengusahakan baja, jadi dia bagi label kepada baja tersebut. Kecuali kita ada mengeluarkan bahan-bahan mentah tersebut untuk membuat baja sendiri *we still rely on import* daripada negara-negara luar seperti Ukraine, Rock Islands- *phosphate*, dan sebagainya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Hendak jawab itu atau tidak? Tidak, tak payah. Beliau geleng kepala... [Ketawa] Jadi, kita ambil itu sebagai...

Datuk Hajah Siti Aminah binti Aching: Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab soalan daripada Yang Berhormat tadi itu sebenarnya ia lebih kepada ditujukan kepada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan. Oleh sebab bukan kita yang kawal selia, kita pun sebagai pengguna. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah. Kita beralih kepada soalan Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair.

6. Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan, apa bentuk campur tangan eksekutif yang akan dilaksanakan bagi menangani masalah kelewatan bayaran gaji pemain kelab bola sepak tempatan, serta apa peranan yang akan dimainkan secara bersama dengan *Malaysia Football League* (MFL) bagi memastikan permasalahan tersebut tidak berulang.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Tuan Adam Adli Abd Halim]: Terima kasih Yang Berhormat Senator, Tuan Yang di-Pertua. Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) merupakan badan induk yang bertanggungjawab sepenuhnya dalam pembangunan dan kemajuan sukan bola sepak negara. Manakala Liga Bola Sepak Malaysia (MFL) bertanggungjawab daripada aspek penganjuran dan kawal selia liga Malaysia.

Walaupun isu kelewatan pembayaran gaji pemain ini melibatkan kelab bola sepak tempatan berada di luar bidang kuasa kementerian, pihak kementerian sentiasa bekerjasama dengan FAM dan juga MFL bagi memantau isu ini dari semasa ke semasa. Kementerian berpandangan isu seperti ini tidak sewajarnya berlaku. Mengambil kira suasana penganjuran liga bola sepak tempatan kita yang telah pun sebenarnya mencapai tahap profesional sekarang.

Untuk makluman Yang Berhormat juga Tuan Yang di-Pertua, pihak MFL telah menyediakan peraturan khusus dan mengambil langkah tegas bagi menangani isu ini. Kelab-kelab yang culas dalam aspek pembayaran gaji boleh dikenakan tindakan termasuk pemotongan mata dan penggantungan daripada bersaing dalam musim seterusnya. Beberapa buah kelab pernah pun dikenakan tindakan seperti ini oleh MFL.

Pada masa yang sama, pemain-pemain turut digalakkan untuk menjadi ahli Persatuan Pemain-pemain Profesional Malaysia (PFAM) bagi memastikan kebajikan mereka terbela. Pihak PFAM mempunyai kepakaran dari sudut perundangan untuk mewakili pemain bagi mengambil tindakan sewajarnya terhadap kelab bola sepak tempatan yang gagal membayar gaji.

Kementerian ini sentiasa komited untuk mengadakan perbincangan dan mendapat maklum balas daripada pihak FAM dan juga MFL bagi memastikan tahap profesionalisme liga bola sepak tempatan berada pada tahap tertinggi dan isu berhubung dengan kelewatan pembayaran gaji ini tidak lagi berulang. Sekian, terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Kesavadas a/l A.Achyuthan Nair: Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. *Now*, pasukan JDT ditaja oleh pelbagai syarikat serta organisasi global yang berjenama besar dan popular seperti Nike, Hublot serta UNICEF. Penajaan tersebut merupakan antara faktor di sebalik kestabilan kedudukan kewangan JDT untuk membiayai gaji bulanan para pemain yang berkualiti tinggi.

Soalan tambahan saya Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah peranan bersepadu yang turut dimainkan oleh KBS sebagai usaha untuk mempromosikan Liga Bola Sepak Tempatan (MFL) bagi menarik pelaburan-pelaburan global jangka panjang yang boleh memanfaatkan kelab-kelab bola sepak di negara ini dalam aspek kelangsungan kewangan? Sekian, terima kasih.

Tuan Adam Adli Abd Halim: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator sebenarnya dalam isu bola sepak ini, betul. Kebajikan pemain menerusi gaji kebanyakannya tergantung kepada penajaan kelab-kelab. Oleh sebab itu ada beberapa buah kelab yang kita nampak gagal mendapat penajaan yang mencukupi sehingga menjejaskan pembayaran gaji.

Antara perkara yang boleh digalakkan selain daripada inisiatif atau insentif-insentif yang dikeluarkan oleh kerajaan menerusi belanjawan baru-baru ini termasuklah geran padanan untuk pembangunan sukan termasuk bola sepak dan sebagainya. Akan tetapi, kita juga di peringkat KBS telah pun mengadakan seperti contoh, tayangan skrin besar yang melibatkan permainan dan perlawanan bola sepak tempatan di negeri-negeri terpilih bagi menggalakkan lebih ramai penonton dan seterusnya juga menggalakkan tentu sekali penajaan boleh masuk dan ada *return of investment* untuk penaja-penaja lebih yakin untuk menaja kelab bola sepak dan juga sebenarnya sukan-sukan lain dalam negara ini, *insya-Allah*. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah. Yang Berhormat Senator Tuan Robert Lau Hui Yew.

7. **Tuan Robert Lau Hui Yew** minta Menteri Pendidikan Tinggi menyatakan, adakah usaha kerajaan dalam menambah baik taraf institusi pengajian tinggi supaya sentiasa menawarkan kandungan kursus yang terkini dan tidak ketinggalan zaman, memandangkan pelajar sekarang memperoleh banyak maklumat daripada rangkaian internet dan kecerdasan buatan seperti ChatGPT.

Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi [Dato' Mohammad Yusof bin Apdal]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator Robert Lau.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Tinggi sentiasa mengambil langkah proaktif dalam memastikan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) menambah baik dan menawarkan kursus yang terkini serta selaras dengan keperluan pihak industri.

Antara langkah-langkah yang diambil untuk memastikan perkara ini dilaksanakan dengan baik adalah:

- (i) melaksanakan transformasi pendidikan tinggi awam melalui semakan semula kurikulum program akademik;
- (ii) melaksanakan saringan awal yang ketat terhadap setiap program akademik yang hendak ditawarkan oleh IPT;
- (iii) memperkenalkan kurikulum tersedua masa hadapan, dengan izin, *Future Ready Curriculum* (FRC) yang merangkumi tiga elemen utama iaitu struktur kurikulum, lentur dan organik penyampaian transformasi PdP dan pentaksiran holistik;
- (iv) memperkukuhkan insentif sedia ada seperti program pengajian dua tahun di universiti, dua tahun di industri iaitu kombinasi pengajian dalam kampus dan pendedahan terus dalam industri; dan,
- (v) membangunkan beberapa projek, dengan izin, *fourth industrial revolution flagship* bersifat multi disiplin, khusus iaitu projek *autonomous vehicles*, dan projek *I entertainment*.

Seiring dengan perkembangan semasa dan sebagai sokongan kepada pendidikan yang fleksibel, Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) turut menyediakan ruang untuk IPT membuat perubahan kurikulum sehingga 30 peratus secara dalaman tanpa perlu melalui penilaian semula oleh MQA. Ini bagi membolehkan sebarang perkembangan ilmu semasa yang selari dengan keperluan industri dan kebolehpasaran graduan dapat terus diaplikasikan dalam kurikulum secara pantas dan terkini.

Selain itu, MQA juga telah memperkenalkan kerangka penawaran program dengan menggabungkan dua atau tiga bidang seperti *major* dengan pengkhususan *dwi-major*, *major minor* dan pelbagai bidang hibrid dalam usaha menyokong elemen *transdisciplinary* dalam *higher education*, dengan izin, 4.0.

Pendekatan ini bagi membolehkan mahasiswa dan graduan mempunyai pendedahan dan pengetahuan dalam perkara merentas bidang dan disiplin serta tidak terhad hanya kepada disiplin utama pengajian mereka.

Kementerian turut memberi fleksibiliti kepada Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) untuk membangunkan kurikulum baharu atau menambah baik kurikulum sedia ada mengikut kehendak pasaran bagi memastikan kualiti kursus pengajian dan kurikulum adalah mantap serta pengalaman pelajar dapat lebih diperkaya. IPTS juga menitikberatkan penglibatan pihak industri dalam membangunkan kurikulum kursus pengajian baharu dan menjajarkan semula kurikulum kursus pengajian sedia ada bagi memenuhi keperluan industri dan teknologi semasa.

■1120

Selain itu, KPT kini sedang melakukan semakan terperinci ke atas segala dasar dan pendekatan pendidikan tinggi bagi memastikan polisi dan amalan sektor pendidikan tinggi negara adalah terkini, relevan dan bersesuaian dengan cabaran serta keperluan semasa. Terima kasih.

Tuan Robert Lau Hui Yew: Soalan tambahan, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya ialah apakah tindakan kerajaan dalam menggalakkan murid sekolah menengah agar berminat untuk melanjutkan pendidikan mereka sehingga tahap universiti dan bukan menceburi diri dalam ekonomi *gig* seperti menjadi selebriti Internet, dengan izin *Youtuber* yang bakal mendatangkan pendapatan yang lumayan memandangkan semakin ramai pelajar menghadapi situasi di mana *graduation equals unemployment*, dengan izin.

Dato' Mohammad Yusof bin Apdal: Berhubung dengan, apakah galakkan untuk sekolah menengah?

Tuan Robert Lau Hui Yew: ...Pergi ke universiti.

Dato' Mohammad Yusof bin Apdal: Memang galakan kita ialah kita memastikan pelbagai bidang pengajian yang boleh kita tawarkan kepada pelajar-pelajar di peringkat sekolah menengah ini supaya mereka dapat menyesuaikan diri yang mana sesuai dengan mereka, mereka akan tentunya mengikuti kursus tersebut. Maka itulah kerajaan melalui KPT memberikan sedikit penambahbaikan kini kerana kita melihat kepada selepas pelajar sekolah menengah masuk ke universiti, mereka kadang-kadang terikut dengan keinginan mereka.

Akan tetapi dalam masa yang sama mereka berhadapan dengan masalah ketidakbolehan pasaran graduan ini. Maka itu, kementerian sentiasa mencari langkah ke arah bagaimana pelajar-pelajar selepas sekolah menengah boleh masuk ke universiti termasuklah mempelbagaikan bidang, kedua menggalakkan mereka untuk mengikuti kursus-kursus seperti TVET. Terima kasih.

Tan Sri Dato' Low Kian Chuan: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Tan Sri Dato' Low Kian Chuan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sejauh manakah autonomi yang lebih besar telah diberikan oleh kerajaan kepada universiti tempatan supaya pengurusan universiti dapat membuat perubahan yang tepat pada masanya ke atas kursus-kursus yang ditawarkan dengan mengambil kira sesi libat urus yang kerap dengan industri dan sektor swasta? Terima kasih.

Dato' Mohammad Yusof bin Apdal: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Berhubung dengan soal autonomi, rasanya dari awal kita membentuk universiti atau menubuhkan universiti ini kita ada satu akta yang dinamakan AUKU, yang kita meletakkan beberapa bidang kuasa tertentu kepada terutamanya pengurusan tadbir universiti iaitu antara seksyen iaitu ialah di mana kebanyakan daripada kuasa dan autonomi kita serah kepada pihak universiti itu dan pengurusannya serta Senat-U, untuk menentukan apa cara untuk mereka menguruskan universiti ini dalam menghadapi cabaran dan isu-isu semasa. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Noraini Idris.

8. Datuk Noraini Idris minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan, sasaran jangka panjang yang ingin dicapai menerusi pelaksanaan Dasar Bioteknologi Negara 2.0 dan bagaimanakah dasar tersebut dapat memberi manfaat secara terus kepada golongan petani desa di seluruh negara khususnya di negeri Sabah.

Menteri Sains dan Teknologi [Tuan Chang Lih Kang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator. Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Tuan Yang di-Pertua sedia maklum, Dasar Bioteknologi Negara 2.0 (DBN 2.0) telah dilancarkan pada 12 September 2022 oleh Mantan Perdana Menteri di Kuala Lumpur. DBN 2.0 memberi fokus kepada tiga buah teras utama iaitu pertama bioteknologi pertanian dan jaminan makanan; kedua, bioteknologi penjagaan kesihatan dan kesejahteraan; serta ketiga; bioteknologi perindustrian dan ekonomi kitaran. DBN 2.0 menetapkan sasaran jangka panjang dalam keseluruhan strategi dan langkah dasar.

Menjelang tahun 2030, bioteknologi akan mentransformasikan Malaysia kepada sebuah negara bio inovasi berteknologi tinggi. Lima sasaran yang ingin dicapai menerusi pelaksanaan DBN 2.0 adalah seperti berikut:

- (i) penghasilan tiga buah syarikat *unicorn* bio inovasi dari kalangan syarikat BioNexus dan syarikat berasaskan STI;
- (ii) memupuk 30 peratus syarikat BioNexus untuk ke peringkat global dan 70 peratus syarikat BioNexus peringkat tempatan;

- (iii) pembangunan institut bioteknologi terkemuka, bertaraf dunia dalam aspek penyelidikan dan penerbitan;
- (iv) sumbangan sebanyak lima peratus KDNK negara oleh syarikat-syarikat bioteknologi; dan
- (v) 80 peratus graduan bioteknologi yang diiktiraf melalui program pentauliahan mikro dan sebanyak 20 peratus graduan bioteknologi dalam proses pasca siswazah bidang pengkhususan bioteknologi.

Sektor bioteknologi mempunyai potensi yang amat besar, yang boleh diteroka dengan lebih jauh untuk manfaat ekonomi negara. Sektor ini memberi manfaat kepada semua golongan termasuklah golongan petani desa di seluruh negara. Sebanyak dua program perdana telah dicadangkan dalam DBN 2.0 di bawah bioteknologi pertanian dan jaminan makanan iaitu pertama, sistem pengeluaran mampan untuk jaminan makanan telah menyenaraikan beberapa strategi seperti:

- (i) memanfaatkan teknologi platform molekul untuk menambah baik biak baka tanaman, ternakan, spesies marin dan sebagainya;
- (ii) membangunkan teknologi 4IR yang dipacu oleh bio sains molekul untuk *aquaculture* luar pesisir; dan
- (iii) mewujudkan penciptaan nilai untuk sisa pertanian dan perindustrian.

Program Perdana 2, membina ekosistem makanan untuk masa depan dan produk bernilai tinggi pula telah menggariskan beberapa strategi seperti berikut:

- (i) makanan unggul tempatan- *local super food* seperti bayam, ulam raja dan kunyit; dan
- (ii) makanan baru- *new food* seperti pertanian sel untuk produk daging buatan, marin dan *aquaculture*.

Sabah dilihat berpotensi menjadi penyumbang utama makanan negara berdasarkan kepada geografi negeri tersebut. Penggunaan teknologi baharu berasaskan bio sains molekul dalam aktiviti pertanian dapat meningkatkan produktiviti masyarakat tani. Kerajaan melalui *Bio Economy Corporation* menganugerahkan BioNexus status kepada syarikat antarabangsa dan tempatan yang terpilih, yang menjalankan aktiviti bioteknologi.

Dengan status ini syarikat-syarikat akan menikmati insentif pengecualian cukai pendapatan sehingga 100 peratus selama 10 tahun serta program bimbingan *Bio-based Accelerator* (BBA) sentiasa menggalakkan pemain industri untuk terus menghasilkan input pertanian organik menggunakan bioteknologi...

Tuan Yang di-Pertua: Baik, baik.

Tuan Chang Lih Kang: Terima kasih.

Datuk Judiet binti Fidilis @ Noraini binti Idris: Soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas penjelasan Yang Berhormat Menteri tadi.

Soalan tambahan saya bagaimanakah agenda pembangunan bioteknologi yang direncanakan oleh Institut Bioteknologi Kebangsaan Malaysia yang diperuntukkan sebanyak kira-kira RM44 juta untuk perbelanjaan pembangunan dapat merapatkan jurang literasi teknologi di antara petani moden dan petani desa terutamanya untuk meningkatkan keberhasilan hasil tani. Terima kasih.

Tuan Chang Lih Kang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator. Pada tahun 2023, NIBM dijadualkan akan memperoleh peruntukan pembangunan sebanyak RM44 juta dalam pecahan:

- (i) penaik taraf fasiliti GLP sebanyak satu fasiliti,
- (ii) GMP sebanyak dua fasiliti iaitu platform mikrob dan platform *egg-based*; dan
- (iii) ABSL 3 sebanyak satu fasiliti, sebanyak RM40 juta

Keempat-empat fasiliti tersebut wajib mendapat pensijilan GLP dan akreditasi GMP. Fasiliti-fasiliti ini adalah guna sama kepada semua penyelidik yang terlibat dengan vaksin manusia sama ada di dalam negara atau luar negara. Keduanya, terdapat sebanyak lima projek yang melibatkan sejumlah RM4,134,000 untuk tahun 2023 di samping ketersediaan Makmal *Structural Vaccinology* untuk menyokong R&D di bidang vaksin.

Pembangunan nurseri tumbuhan bersistem hidroponik vertikal bagi tumbuhan herba, makmal pembangunan produk halal dan fasiliti penyelidikan penyakit *zoonotic*. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, ada lagi?

Tuan Abun Sui Anyit: Ya, soalan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan saya berkaitan pernah kerajaan pada tahun 2011 mengadakan program komuniti ataupun TAPMOSTI dan pernah dirasmikan juga di Sungai Asap, Belaga. Apa hasil daripada Program Komuniti TAPMOSTI ini di Sungai Asap, Belaga?

■1130

Tuan Yang di-Pertua: Hendak jawab atau tidak?

Tuan Chang Lih Kang: Tuan Yang di-Pertua, saya mungkin perlu...

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Chang Lih Kang: Ya, nanti saya jawab dalam jawapan bertulis. Jawapan bertulis. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Berpatutan sebab ia terkeluar daripada asas soalan asal.

Yang Berhormat Senator Datuk Wira Koh Nai Kwong.

9. Datuk Wira Koh Nai Kwong minta Menteri Komunikasi dan Digital menyatakan, apa kewajaran mewujudkan Suruhanjaya Keselamatan Siber Malaysia sedangkan negara sudah mempunyai Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan keberkesanannya sehingga hari ini.

Timbalan Menteri Komunikasi dan Digital [Puan Teo Nie Ching]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Senator.

Suruhanjaya Keselamatan Siber Malaysia merupakan satu entiti baharu yang dicadangkan untuk diwujudkan bagi melaksanakan fungsi keselamatan siber secara *end-to-end*, dengan izin, merangkumi pembangunan dasar dan polisi pengurusan krisis, penguatkuasaan, pembangunan industri, program invokasi serta lain-lain perkhidmatan dan solusi yang berkaitan.

Cadangan penubuhan ini merupakan melibatkan penggabungan dua buah agensi utama pengurusan keselamatan siber negara yang wujud secara berasingan iaitu Agensi Keselamatan Siber Negara- *National Cyber Security Agency* (NACSA), dengan izin, di bawah Majlis Keselamatan Negara (MKN), Jabatan Perdana Menteri dan *CyberSecurity Malaysia* (CSM) iaitu agensi di bawah Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD).

Berdasarkan Arahan MKN No. 26: Pengurusan Keselamatan Siber Negara, NACSA merupakan agensi peneraju kebangsaan bagi keselamatan siber yang bertanggungjawab dalam menetapkan polisi, penyelarasan strategi keselamatan siber peringkat kebangsaan dan melindungi infrastruktur, maklumat kritikal negara.

Critical National Infrastructure Information (CNII), dengan izin, bagi memastikan ekosistem siber negara berada dalam keadaan kukuh, selamat dan bersedia menghadapi sebarang ancaman serangan siber.

CSM pula merupakan agensi teknikal keselamatan siber negara yang mempunyai kepakaran dalam hal-hal berkaitan keselamatan siber termasuklah Pasukan Tindak Balas, Kecemasan Komputer Malaysia- *Malaysia Computer Emergency Response Team* (MyCERT). dengan izin, yang merupakan pusat rujukan teknikal berkaitan insiden keselamatan siber di Malaysia dan dianggotai oleh sekumpulan pakar yang akan bertindak balas terhadap sebarang pelaporan insiden keselamatan siber.

CSM juga turut menyediakan perkhidmatan pemeriksaan forensik digital berdasarkan kepada arahan dan keperluan agensi kerajaan yang terlibat dengan keselamatan siber negara di bawah Arahan MKN No. 26: Pengurusan Keselamatan Siber Negara.

Dalam hal ini, penggabungan agensi yang bertanggungjawab dalam menetapkan polisi keselamatan siber dengan agensi teknikal yang mempunyai kepakaran dalam keselamatan siber dilihat sebagai satu cadangan yang strategik kerana penjimatan kepada

kerajaan menerusi perkongsian fasiliti, penyatuan fungsi serta pemusatan program, sumber pengurusan dan seterusnya memastikan tadbir urus keselamatan siber negara dikendalikan dengan lebih bersepadu dan cekap.

Suruhan Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) merupakan agensi yang bertanggungjawab untuk menyedia dan mengawal aktiviti-aktiviti komunikasi dan multimedia negara dan tidak terhad kepada perkara-perkara berkaitan keselamatan siber negara sahaja. Secara khususnya, kuasa yang dimiliki oleh SKMM adalah berdasarkan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588] dan Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 589].

SKMM juga bertanggungjawab menyedia industri pos dan *courier* melalui kuasa di bawah Akta Perkhidmatan Pos 2012 [Akta 741]. Sekian jawapan saya. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Datuk Wira Koh Nai Kwong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih juga diucapkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan tadi. Soalan tambahan saya adalah macam mana Suruhanjaya Keselamatan Siber Malaysia dapat memastikan dan menjamin penggunaan maklumat data peribadi di dunia siber boleh dilaksanakan dengan selamat? Terima kasih.

Puan Teo Nie Ching: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Wira Koh Nai Kwong atas soalan tambahan tersebut. Sekarang cadangan untuk mewujudkan Suruhanjaya Keselamatan Siber masih tengah diteliti dan belum dapat satu kelulusan daripada Jemaah Menteri lagi. Apabila kita telah memperhalus beberapa perkara, kami akan bawa satu Kertas kepada Jemaah Menteri untuk buat keputusan.

Akan tetapi, juga untuk makluman Yang Berhormat bahawa sebenarnya perlindungan terhadap data peribadi adalah di bawah Jabatan Perlindungan Data Peribadi. Untuk membantu Yang Berhormat Senator untuk lebih memahami fungsi *CyberSecurity Malaysia* (CSM) dan juga Jabatan Perlindungan Data Peribadi, kalau Yang Berhormat Senator berminat, bolehlah saya aturkan satu lawatan ke agensi-agensi bawah KKD supaya Yang Berhormat Senator lebih memahami fungsi-fungsi yang dimainkan oleh setiap agensi di bawah KKD. Sekian jawapan saya. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff: Soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Apa langkah dan bentuk penguatkuasaan yang dilakukan oleh kerajaan untuk mengekang kes-kes jenayah gangguan seksual dan *cyberbully* kepada wanita-wanita yang selalunya bermula

dengan elemen hendap dan juga menimbulkan kemarahan, memalukan dan menjatuhkan maruah wanita? Terima kasih.

Puan Teo Nie Ching: Terima kasih, Yang Berhormat Senator. Di bawah KKD, kami melalui SKMM dan juga *CyberSecurity Malaysia* akan menyediakan ataupun memberi sebarang bantuan yang diperlukan, yang diminta oleh pihak PDRM. Ini adalah kerana pihak PDRM merupakan agensi utama yang akan buat siasatan.

Akan tetapi, kalau mereka memerlukan bantuan daripada CSM untuk jalankan forensik digital ataupun mereka perlu bantuan daripada SKMM untuk dapat maklumat tambahan daripada seperti pembekal platform media sosial seperti *Meta, Twitter, TikTok* ataupun perlu bantuan daripada SKMM untuk dapatkan maklumat tambahan tentang pengguna Internet tersebut, SKMM juga akan memberi bantuan tersebut kepada PDRM untuk jalankan siasatan.

Akan tetapi, sebagai sebuah agensi di bawah KKD, sekiranya SKMM terima sebarang aduan daripada orang awam tentang gangguan seksual, kami akan buat laporan, buka kertas siasatan untuk cuba mengenal pasti siapa yang dituduh itu, siapa yang terlibat dalam kes tersebut dan kami akan bekalkan maklumat tersebut kepada PDRM supaya tindakan undang-undang boleh diambil. Terima kasih.

Datuk (Dr.) Ras Adiba binti Mohd Radzi: Soalan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan dan jawapan berakhir. Setiausaha.

[Masa Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2023

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.” **[4 April 2023]**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebagaimana semua maklum, hari ini bermula giliran kementerian-kementerian menjawab ke atas Perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Belanjawan 2023.

Hanya dua hari diperuntukkan untuk giliran Menteri menjawab sebelum rang undang-undang ini diputuskan. Dijemput Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) untuk mula menjawab. Masa diberikan adalah selama 20 minit bagi setiap kementerian.

11.39 pg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) [Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam Malaysia MADANI. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Saya memulakan ucapan penggulungan perbahasan Belanjawan 2023 peringkat dasar ini dengan mengajak seluruh ahli Yang Berhormat sama-sama merenung Firman Allah SWT dalam Surah an-Nissa, ayat 59... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]*

Ertinya, *"Hai orang-orang yang beriman! Taatilah Allah dan taatilah Rasul (Muhammad), dan Ulil Amri (pemegang kekuasaan) di antara kamu. Kemudian, jika kamu berlainan pendapat tentang sesuatu, maka kembalikanlah ia kepada Allah dan Rasul. Jika kamu beriman kepada Allah dan hari kemudian. Yang demikian itu lebih utama (bagimu) dan lebih baik akibatnya."*

■1140

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih atas keprihatinan semua Ahli Yang Berhormat Senator yang telah membahaskan isu-isu di bawah Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) sepanjang tempoh perbahasan Belanjawan 2023 di Dewan Negara pada kali ini.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, seramai empat Ahli Yang Berhormat Senator telah mengambil bahagian dan membahaskan pelbagai isu yang berkaitan dengan hal ehwal agama. Tuan Yang di-Pertua, saya mulakan dengan yang senator Tuan Musoddak bin Ahmad membangkitkan isu-isu seperti berikut:

- (i) bantuan *one-off* kepada sekolah agama rakyat;
- (ii) sejauh mana *kah* Dasar Pendidikan Tahfiz Negara 2.0 dirangka bersama dengan Jabatan Agama Islam Negeri dan persatuan-persatuan tahfiz?;
- (iii) berapakah bilangan *huffaz* profesional yang telah berjaya dilahirkan?; dan
- (iv) apakah langkah kerajaan untuk memastikan 250,000 orang *huffaz* dapat direalisasikan?

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kerajaan sentiasa mengambil berat hal ehwal sekolah agama rakyat di negara ini. Justeru itu, pihak kerajaan telah memperuntukkan Bantuan Khas Kerajaan Persekutuan dalam bentuk selenggara dan menaik taraf institusi pendidikan Islam bermula dari tahun 2017 sehingga tahun 2022 melibatkan peruntukkan

berjumlah antara RM50 juta hingga RM140 juta. Manakala bagi tahun 2023- kerajaan sedang memperincikan bantuan untuk sekolah agama negeri, sekolah agama rakyat, tahfiz, pondok, dan premis KAFA yang bukan beroperasi di sekolah kebangsaan.

Kerajaan melihat bahawa penglibatan Jabatan Agama Islam Negeri dan persatuan-persatuan tahfiz adalah sangat penting dalam merangka dasar melibatkan pendidikan tahfiz di Malaysia. Oleh itu, Dasar Pendidikan Tahfiz Negara 2.0 telah dibina dengan keanggotaan Jabatan Agama Islam Negeri dan persatuan-persatuan tahfiz menerusi jawatankuasa induk dan jawatankuasa pelaksana Pendidikan Tahfiz Negara 2.0. Selain penglibatan dalam merangka dasar pelaksanaan bagi Pelan Tindakan Dasar Pendidikan Tahfiz Negara 2.0 juga turut melibatkan Jabatan Agama Islam Negeri dan persatuan-persatuan tahfiz.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan data Darul Quran JAKIM sehingga Februari 2023, seramai 10,675 orang graduan *huffaz* telah dilahirkan dan seramai 2,102 orang daripadanya adalah di kalangan *huffaz* profesional daripada lapan buah institut pengajian tinggi (IPT).

Kerajaan sangat komited dan optimis dalam melahirkan *huffaz* yang berkualiti dengan merangka pelbagai strategi. Selaras dengan Dasar Pendidikan Tahfiz Negara 2.0 yang telah dilancarkan pada tahun 2018, kerajaan telah membina Pelan Tindakan Dasar Pendidikan Tahfiz Negara 2.0 yang mengandungi 20 buah strategi dan 32 buah inisiatif yang berpandukan kepada lima- teras. Lima teras yang menjadi tunjang kepada langkah kerajaan dalam memperkasa pendidikan tahfiz adalah seperti berikut:

- (i) memantapkan undang-undang dan penguatkuasaan;
- (ii) mewujudkan model institusi tahfiz,;
- (iii) mewujudkan kurikulum pendidikan tahfiz yang sesuai dengan pendidikan arus perdana;
- (iv) memperkasa tadbir urus institusi tahfiz; dan
- (v) mewujudkan sistem pengiktirafan dan pensijilan bagi institusi tahfiz.

Pelan tindakan ini telah diperkemas lagi dengan membentuk garis panduan penubuhan dan pendaftaran institusi tahfiz dan garis panduan pengurusan institusi tahfiz yang menjadi rujukan dalam menambah baik tadbir urus institusi tahfiz ke arah melahirkan *huffaz* yang berkualiti.

Tambahan pula, JAKIM mendapat kerjasama yang sangat erat daripada agensi lain yang berkaitan seperti Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), Majlis Amanah Rakyat (MARA), pihak berkuasa agama negeri serta persatuan tahfiz dalam menggembelng idea dan juga tenaga untuk membentuk dasar serta melaksanakan tindakan bersepadu bagi melahirkan *huffaz* yang hebat yang dapat menyumbang kepada masyarakat dan juga negara.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Prof. Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan ingin tahu bagaimana institusi zakat dan wakaf dapat digerakkan menjadi salah satu- sumber penting bagi pembangunan ekonomi umat Islam dan juga negara. Ketika ini peranan institusi zakat dan wakaf yang dimainkan oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Agensi Mengurus Zakat (AMZ) telah berjaya membantu umat Islam terutama golongan asnaf.

Statistik menunjukkan bilangan pembayaran zakat dan pewakaf telah meningkat saban tahun dan ini seterusnya menyumbang kepada peningkatan jumlah kutipan zakat dan juga wakaf. Pusat Pungutan Zakat, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan misalnya telah berjaya mengutip zakat berjumlah RM930 juta dengan jumlah pembayar zakat hampir 1.8 juta orang, peningkatan sebanyak 17 peratus pada tahun 2022 berbanding tahun sebelumnya.

Manakala jumlah kutipan wakaf tunai oleh MAIN dan Yayasan Waqaf Malaysia bagi tempoh tahun 2020 hingga tahun 2022 mencecah sebanyak RM263 juta. Justeru, kerajaan melihat institusi zakat dan wakaf mampu menjadi penggerak kepada pembangunan ekonomi umat Islam menerusi:

- (i) program-program pemerkasaan asnaf seperti bantuan pendidikan dan latihan, bantuan modal perniagaan dan peralatan serta bantuan pengembangan perniagaan;
- (ii) mempelbagaikan dan menawarkan produk wakaf yang produktif seperti wakaf pertanian, wakaf perkhidmatan, wakaf pendidikan, dan sebagainya;
- (iii) menggalakkan kerjasama dengan pihak korporat dan pemain industri dalam penawaran produk wakaf terkini seperti Permodalan Nasional Berhad (PNB), CIMB Bank dan sebagainya;
- (iv) memperbanyakkan program turun padang kepada asnaf dalam mengagihkan bantuan mahupun pihak-pihak yang memerlukan; dan
- (v) promosi yang hebat digerakkan bagi menimbulkan kesedaran kepada masyarakat terutama dalam menonjolkan manfaat zakat dan wakaf yang dibayar yang seterusnya akan menggalakkan mereka memberi sumbangan untuk ke sekian kalinya.

Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Yang Berhormat Menteri, Tuan Yang di-Pertua, mohon penjelasan ya. Terima kasih atas makluman pertambahan jumlah kutipan zakat yang disebut tadi bertambah sebanyak 17 peratus. Soalan saya adakah jumlah penerima zakat juga meningkat sesuai dengan jumlah kutipan yang meningkat?

■1150

Adakah peningkatan 17 peratus kutipan itu daripada jumlah pemberi yang sama atau jumlah pemberi pun meningkat? Kaitannya ialah apabila masih ramai lagi asnaf, khususnya mereka yang mahu belajar, contohnya ke luar negara tidak ada biasiswa, mereka masih lagi mengeluarkan permohonan permintaan derma, sumbangan, sedekah. Apakah peranan zakat seperti yang ada sekarang? Terima kasih.

Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta.

Berkaitan dengan soalan berkaitan dengan isu peningkatan jumlah penerima, saya belum ada maklumat di sini dan, *insya-Allah*, apabila saya memperoleh jumlah penerima zakat nanti, saya akan kemukakan jawapan itu secara bertulis.

Dari sudut pembayar zakat, hakikatnya fakta yang ada memang jumlah pembayar zakat itu meningkat. Maknanya, hasil daripada promosi yang dibuat oleh pihak PPZ-MAIWP, kita dapati lebih ramai pembayar-pembayar zakat yang baharu, sama ada yang individu ataupun dalam kalangan korporat yang telah membayar zakat khususnya pada tahun 2022 yang lepas. Kita percaya, *insya-Allah*, pada tahun 2023, sasaran ataupun *target* PPZ-MAIWP adalah untuk meningkatkan lagi pembayar zakat ini daripada RM937 juta pada tahun 2022 kepada RM1 bilion, *insya-Allah*, bagi tahun 2023 ini.

PPZ-MAIWP juga sentiasa menjalankan usaha-usaha untuk mengenal pasti- kita telah mengadakan promosi untuk menjejaki asnaf. Maknanya, PPZ-MAIWP telah diarahkan untuk tidak menunggu untuk asnaf ini datang untuk membuat permohonan. PPZ-MAIWP telah diarahkan untuk menjejaki asnaf-asnaf yang memerlukan bantuan. Diharapkan dengan program menjejaki asnaf ini, masalah yang Yang Berhormat Senator Wira Dr. Hatta sebutkan tadi itu, mereka yang mungkin tidak dapat bantuan biasiswa dan sebagainya, mereka ini akan dapat bantuan berdasarkan kepada jumlah zakat yang akan diberikan kepada mereka. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan...

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, terus.

Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar: Yang Berhormat Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail mencadangkan agar kerajaan membuat suatu persefahaman berkaitan konsep pengagihan zakat supaya diberikan kepada sekurang-kurangnya dua daripada lapan-golongan asnaf yang terdiri daripada yang boleh memberikan impak tinggi- *high impact* kepada negara.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, bidang kuasa zakat dan wakaf ini adalah di bawah bidang kuasa negeri seperti termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan. Agihan zakat adalah ditentukan oleh majlis agama Islam negeri-negeri (MAIN)

atau agensi mengurus zakat (AMZ) setiap negeri berdasarkan keperluan-keperluan asnaf di negeri-negeri tersebut.

Sebagaimana Yang Berhormat cadangkan, pada ketika ini, penyelarasan agihan zakat memang giat dilaksanakan di peringkat MAIN bagi memberi kesan *high impact* kepada golongan asnaf terutamanya golongan fakir dan miskin. Manakala di peringkat operasi, terdapat sesi libat urus dan penyelarasan yang berterusan di antara majlis agama Islam negeri bersama Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) bagi menyelesaikan isu-isu pentadbiran yang dihadapi.

Maksudnya di peringkat persekutuan ini, Tuan Yang di-Pertua, kita sentiasa mengadakan perbincangan sama ada melalui Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) mahupun di peringkat Yayasan Wakaf Malaysia, kita sentiasa mengadakan perbincangan dan penyelarasan untuk mencari jalan serta strategi yang terbaik bagaimana usaha-usaha untuk mencari strategi yang terbaik bagi mengenal pasti program-program yang akan memberikan *high impact* kepada penerima-penerima dalam kalangan asnaf tersebut.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, mencilah sedikit. Pertanyaan tambahan daripada yang saya sebut. Memang saya sangat faham tadi daripada segi bidang kuasa negeri, tetapi maksud yang disebutkan itu merupakan persefahaman.

Perkara kedua yang saya hendak tanya ialah berhubung dengan asnaf, zakat yang lapan. Saya tengok daripada apa yang disebut, lebih fokus kepada fakir miskin dan *fi sabilillah* untuk pelajar. Bagaimanakah daripada segi baki lima lagi asnaf? Tolak amil, jadi empat. Apakah pihak zakat memberikan prioriti yang sama? Contohnya, asnaf mualaf yang saya fikir sangat menuntut keperluan ini. Apakah boleh ada kerjasama dengan pihak-pihak NGO yang terbabit dalam urusan ini bersama dengan pihak Jabatan Perdana Menteri? Terima kasih.

Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Berkaitan dengan agihan kepada asnaf-asnaf yang lain dan contoh seperti mana Yang Berhormat Senator sebut tadi, mualaf, memang di peringkat PPZ-MAIWP, kita mengadakan kerjasama yang agak erat dengan pihak NGO seperti PERKIM dan Hidayah serta beberapa NGO-NGO yang lain. Pada minggu lepas, kita telah mengadakan program iftar bersama dengan saudara-saudara kita di mana agihan-agihan telah dibuat kepada pihak NGO yang membantu PPZ-MAIWP dalam mengagihkan hasil zakat tadi itu kepada golongan mualaf.

Jadi, berbalik kepada soalan Yang Berhormat Senator sebutkan tadi itu, memang kita mengadakan hubungan yang begitu erat bersama dengan pihak-pihak NGO dan kita *reckon the fact*, dengan izin, sumbangan besar yang dimainkan oleh pihak NGO dalam konteks membantu PPZ. Sebab, PPZ-MAIWP ini, kita terlibat dalam menerima bayaran zakat, tetapi kita memerlukan kerjasama daripada pihak NGO untuk membantu mengagihkan kepada

target group, khusus kepada yang Yang Berhormat sebut tadi iaitu golongan mualaf. Terima kasih Yang Berhormat.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda ingin tahu langkah yang diambil oleh pihak JPM bagi mendidik masyarakat untuk mencarum dalam simpanan patuh syariah dalam KWSP.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat Senator, JAKIM sentiasa mendidik umat Islam untuk memilih produk simpanan pelaburan dan perlindungan yang patuh syariah. Ini termasuk caruman dan simpanan di dalam KWSP. Langkah pendidikan ini dilakukan melalui pelbagai platform seperti program diskusi muamalat, penerbitan buku dan jurnal, penganjuran seminar dan kursus, kerjasama dengan badan kawal selia kewangan dan libat urus bersama tokoh-tokoh kewangan Islam.

Di samping itu, JAKIM menjalankan kerjasama strategik dengan Bank Negara Malaysia (BNM), Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Akademi Penyelidikan Syariah Antarabangsa dalam Kewangan Islam (ISRA), Persatuan Institusi Perbankan Islam Malaysia (AIBIM), Persatuan Penasihat Syariah Kewangan Islam Malaysia (ASAS) dan Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam (YaPEIM) dalam menyelaras isu-isu kewangan Islam di Malaysia melalui Muzakarah Ahli Majlis Penasihat Syariah Institusi Kewangan di Malaysia (MPS) bagi mendapatkan maklumat untuk memberi panduan kepada masyarakat dalam memilih produk patuh syariah dalam urusan kewangan mereka.

■1200

Jadi, dalam konteks menyimpan KWSP, yang penting di sini Tuan Yang di-Pertua iaitu untuk kita *create awareness* mereka ini mengetahui tentang instrumen-instrumen kewangan Islam yang ada dan kita menggalakkan mereka.

So, jadi kefahaman di kalangan rakyat, khususnya mereka yang beragama Islam ini tentang instrumen-instrumen Islam ini. Bagaimana mereka ini perlu memilih produk kewangan Islam tadi sentiasa dijalankan oleh pihak JAKIM dengan usaha sama badan-badan yang telah saya sebutkan sebentar tadi.

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri, minta penjelasan sedikit. Soalan ini ramai orang tanya. Agak-agak, bilakah Tabung Haji hendak bagi dividen ini?... [*Ketawa*] Ramai sangat orang tanya. Saya mewakili ramai orang, agak-agak Yang Berhormat Menteri, bilakah Tabung Haji mengisytiharkan tarikh pembahagian dividen itu? Sekian, terima kasih.

Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohd Apandi atas soalan tadi. *Insyaa-Allah*, dalam masa terdekat ini, kita akan- sebab Yang Berhormat, ia agak lewat sedikit sebab laporan daripada RCI memerlukan Tabung Haji untuk mengumumkan agihan dividen itu setelah audit bersih dibuat.

Itu kedudukan— ia ambil masa sedikitlah Tabung Haji untuk buat pengumuman tersebut berbanding tahun lepas. Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahajalah penjelasan-penjelasan ini yang dapat saya berikan mengenai isu-isu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat.

Seperti mana yang telah saya jelaskan sebentar tadi Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini juga untuk memaklumkan kepada seluruh Ahli Dewan yang mulia ini bahawa bermula semalam, hari Isnin 3 April 2023 dan hari ini juga, pihak Kedutaan Arab Saudi di Kuala Lumpur telah mengagihkan lebih 1,500 naskhah mashaf Al-Quran. Terjemahannya dalam Bahasa Melayu, cetakan Kompleks Percetakan Al-Quran Raja Fahd kepada seluruh Ahli Dewan Rakyat dan juga Dewan Negara, para pegawai pentadbiran Parlimen dan seluruh warga media yang hadir ke Parlimen.

Jadi, ia bersempena dengan Program “Hadiah Penjaga Dua Tanah Haram”, Raja Salman bin Abdul Aziz Al-Saud sepanjang bulan Ramadan ini dan kita mengucapkan jutaan terima kasih kepada Kerajaan Arab Saudi yang menghadihkan mashaf Al-Quran ini. Semoga program ini akan dapat diteruskan pada tahun-tahun yang akan datang untuk memperkukuhkan hubungan di antara Kerajaan Malaysia dan juga Kerajaan Arab Saudi. Setakat itu Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih banyak. *Wabillahirtaufik walhidayah. Wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.*

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Yang Berhormat Menteri, Tuan Yang di-Pertua, sedikit makluman. Tadi, saya cuba lalu depan meja yang memberikan kitab Al-Quran tadi. Dia kata, untuk Yang Berhormat Senator belum ada. Hendak maklum itu sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato’ Setia Dr. Haji Mohd Na’im bin Haji Mokhtar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) atas jawapan yang telah diberikan.

Seterusnya, saya menjemput Yang Berhormat Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi). Dipersilakan.

12.04 tgh.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) [Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan setinggi penghargaan kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator yang telah pun menyertai perbahasan atas Belanjawan 2023 ini dan akan menjawab isu-isu yang telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat- Yang Berhormat berkenaan dengan belanjawan tersebut yang telah pun dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk kepada isu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai. Beliau telah pun bertanya, apa langkah-langkah yang dilaksanakan oleh kerajaan bagi membela orang-orang kurang upaya (OKU) yang buta penglihatan di kawasan Brickfields, Kuala Lumpur? Hal ini kerana keperluan seperti jalan, *pedestrians* dan susur gajah tidak disediakan.

Selain itu, Yang Berhormat Senator juga memohon agar DBKL turun padang dan memberi bantuan kepada pihak yang sepatutnya serta memohon agar Brickfields dijadikan sebagai kawasan yang mesra OKU, yang buta penglihatan. Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang dilaksanakan oleh DBKL bagi membela OKU yang buta penglihatan di kawasan Brickfields di Kuala Lumpur adalah seperti berikut;

Pertama, DBKL telah mensyaratkan semua pembangunan baru yang melibatkan dalaman dan luar bangunan perlu mematuhi MS1184, iaitu keperluan menerapkan kemudahan OKU, reka bentuk sejagat atau pun, dengan izin, *universal design*, dan bebas halangan dalam pembangunan bagi mewujudkan bandar untuk semua atau pun, dengan izin, *a city for all*.

Kedua, oleh sebab OKU penglihatan banyak menggunakan pengangkutan awam untuk mobiliti, kolaborasi serta kerjasama sentiasa dilaksanakan oleh DBKL untuk mengaudit *accessibility* hab pengangkutan utama seperti KL Sentral, LRT dan *Monorail* di Brickfields untuk menambah penambahbaikan kepada akses di hab pengangkutan dan juga, meminimumkan halangan-halangan di sepanjang laluan ke hab pengangkutan tersebut.

Ketiga, DBKL telah melaksanakan *zebra-crossing*, dengan izin, lampu isyarat yang berbunyi di setiap simpang jalan utama untuk memudahkan OKU penglihatan melintas jalan.

Keempat, DBKL telah menubuhkan beberapa pasukan audit akses daripada pelbagai jabatan-jabatan di DBKL untuk melaksanakan audit akses kemudahan OKU di Brickfields, terutamanya jalan-jalan utama, lokasi tumpuan pelancong dan kawasan tumpuan ramai bagi menjadikan Brickfields sebagai kawasan mesra OKU, buta penglihatan.

Kelima, laporan audit akses menjadi panduan kerja membaik pulih kawasan dan membaiki, dengan izin, *tactile warning and tactile guiding* yang telah pecah, rosak atau tertanggal di persiar kaki, dan laluan utama untuk OKU penglihatan.

Keenam, pemasangan CCTV pada lokasi *hotspots* juga menjadi keutamaan DBKL bagi mengurangkan risiko ragut terhadap OKU penglihatan.

Ketujuh, menyantuni OKU buta penglihatan, terutamanya NGO *Malaysian Association for the Blind (MAB)* dengan mengambil tindakan segera apabila menerima aduan berkaitan masalah yang dihadapi seperti halangan penjaja, bahan terbuang terbiar atau apa-apa yang menjadi halangan utama di persiar kaki dan laluan utama untuk OKU penglihatan di Brickfields.

Yang Berhormat Senator Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya mencadangkan agar konsep *park and ride* yang dilaksanakan di Putrajaya diberikan peruntukan lebih untuk diperluaskan di kawasan Dengkil, Sepang atau Kampung Abu Bakar Baginda di Bangi. Perbadanan Putrajaya mengambil maklum pandangan Yang Berhormat Senator Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya tersebut.

Cadangan tersebut akan dipanjangkan kepada Kerajaan Negeri Selangor dan perbincangan lanjut perlu diadakan dengan pihak berkuasa tempatan di Selangor. Yang Berhormat Senator Tuan Aklan a/l Ehtook telah menggesa agar kerajaan mempertimbangkan peruntukan sama seperti tahun-tahun sebelum ini diberikan kepada Jawatankuasa Pilihan Khas di Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, keperluan peruntukan bagi perjalanan Jawatankuasa Pilihan Khas di Parlimen telah dipohon dan disediakan di bawah dasar sedia ada bagi maksud B.01 Parlimen.

■1210

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan ingin tahu berapakah jumlah pelaburan yang dilaburkan oleh Permodalan Nasional Berhad di luar negara? Juga ditanya apakah sasaran sebenar bagi pelaburan luar negara bagi mendapat kadar pulangan jauh lebih baik? Selain itu, Yang Berhormat Senator tersebut juga telah memohon agar kerajaan menyatakan statistik pemegang unit yang telah melepaskan pegangan unit ASB sejak Januari 2022 dan juga berapakah jumlah unit yang telah pun dilepaskan?

Untuk makluman Yang Berhormat, setakat 30 Disember 2022, jumlah pelaburan luar negara oleh PNB dan dana-dana yang diurus oleh PNB adalah berjumlah lebih RM65 bilion ataupun 19 peratus daripada jumlah aset di bawah pengurusan.

Daripada segi strategi pelaburan jangka panjang, pelaburan luar negara telah meningkat sebanyak tiga peratus hingga lima peratus setiap tahun dan dijangka terus meningkat pada kadar yang sama. Tertakluk kepada objektif pelaburan dana-dana ini.

Skim ASB telah mencatatkan jumlah penjualan balik bersih sebanyak RM4.3 bilion unit sepanjang tahun 2022. Jumlah ini bersamaan 2.3 peratus daripada jumlah unit semasa ASB. Jumlah pengeluaran ini adalah sejajar dengan perkembangan makroekonomi semasa yang juga tertakluk kepada kadar inflasi serta kenaikan OPR.

Seterusnya, Yang Berhormat Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran menggesa agar MITRA mengubah strategi bagi membelanjakan peruntukan yang diberikan oleh kerajaan. Yang Berhormat juga mencadangkan agar pendekatan yang berbeza dan skop perancangan diperluaskan berbanding dengan yang pernah dilaksanakan sebelum ini serta mencadangkan agar sebuah yayasan ataupun *foundation* ditubuhkan supaya lebih peruntukan kerajaan

tersebut dapat memberi manfaat berterusan kepada masyarakat India daripada dipulangkan semula kepada kerajaan pada setiap hujung bulan.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, MITRA telah mengambil inisiatif-inisiatif baharu bagi memastikan dana yang diperuntukkan oleh kerajaan dapat digunakan dengan sepenuhnya untuk kebaikan kumpulan sasaran. Pendekatan MITRA berdasarkan dua kaedah iaitu pertama program inisiatif MITRA dan juga permohonan geran oleh organisasi yang berkecayaan merupakan strategi baharu yang telah mula diimplementasikan mulai tahun 2022.

Strategi baharu tersebut terutamanya program-program inisiatif MITRA telah membawa impak tinggi terhadap kumpulan sasaran. Dengan pemantapan pentadbiran dan strategi baharu dijangkakan perbelanjaan dana tahun 2023 adalah lebih baik daripada tahun sebelumnya iaitu tahun 2022. Berkaitan cadangan untuk meluaskan skop program serta penubuhan yayasan. Ia adalah tertakluk kepada pertimbangan dan keputusan kerajaan dan akan dibawa untuk pertimbangan dalam masa yang terdekat, *in the near future*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Saya beralih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan yang ingin tahu statistik individu yang diisytiharkan muflis disebabkan kegagalan meneruskan moratorium semasa pandemik COVID-19? Sejauh mana, keberkesanan pengurusan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) dalam mengendalikan penstrukturan semula pembayaran pinjaman oleh peminjam dan statistik peminjam yang berjaya dibantu untuk melunaskan hutang?

Seterusnya, telah ditanya apa bentuk penambahbaikan yang bakal dilaksanakan dalam memastikan individu yang dilepaskan daripada status ataupun daripada status muflis akan dibantu supaya mereka benar-benar mampu pulih daripada status mendesak yang boleh menyebabkan mereka diisytiharkan semula sebagai seorang muflis.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, mengikut rekod Jabatan Insolvensi Malaysia (MDI), statistik jumlah kes kebangkrutan bagi tahun 2020 hingga 2022 setelah pelaksanaan moratorium dibuat bermula 1 April 2020 adalah seperti berikut:

Bil	Tahun	Jumlah (Kes)
1.	2020	8,351
2.	2021	6,554
3.	2022	5,695

AKPK telah memberi manfaat kepada lebih 1 juta orang peminjam menerusi khidmat nasihat dan kaunseling kewangan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 389,747 orang

peminjam telah menyertai Program Pengurusan Kredit (PPK) yang mana 12.2 peratus iaitu 47,705 orang peminjam dengan jumlah hutang sebanyak RM2.5 bilion daripada peserta ini telah berjaya menyelesaikan sepenuhnya pinjaman mereka dan menamatkan penyertaan dalam PPK. Sementara 49.4 peratus iaitu 192,526 orang peminjam masih meneruskan pembayaran balik pinjaman di bawah PPK tersebut.

Fungsi AKPK telah diperluaskan mulai September 2020 dengan menawarkan perkhidmatan kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) termasuk PKS mikro, khusus bagi membantu mereka dalam menstrukturkan hutang dan menggalakkan amalan pengurusan kewangan yang berhemat.

Dari 1 September 2020 hingga Februari 2023, sebanyak 1,356 permohonan skim penyelesaian pinjaman telah diterima oleh AKPK yang mana 964 permohonan telah diluluskan dengan jumlah RM1.2 juta.

Bagi membantu mengurangkan kadar kebangkrutan pada bulan Januari 2023, AKPK dengan kerjasama institusi-institusi kewangan telah melaksanakan inisiatif baharu dalam mengeluarkan notis kepada peminjam bagi mendapatkan bantuan penjadualan semula atau penstrukturan pinjaman dengan institusi kewangan atau AKPK sebelum institusi kewangan meneruskan dengan mengeluarkan notis kebangkrutan.

Inisiatif ini merupakan jalan terakhir dalam membantu peminjam untuk mendapatkan bantuan daripada institusi kewangan atau AKPK sekali gus mengurangkan kadar kebangkrutan.

MDI merupakan jabatan kerajaan yang bertanggungjawab menguruskan hal ehwal kebangkrutan setelah individu menerima perintah kebangkrutan dari mahkamah. MDI membuat pentadbiran ke atas aset kebangkrutan dan hal ehwal individu bankrap semasa tempoh kebangkrutan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa prihatin berhubung isu kebangkrutan dalam kalangan masyarakat. Kerajaan telah memperkenalkan dasar peluang kedua untuk membantu kebangkrutan atau membantu bankrap dilepaskan daripada status kebangkrutan dalam tempoh masa yang singkat. Ini akan dapat membantu bankrap untuk meningkatkan tahap ekonomi diri dan seterusnya turut menyumbang juga kepada ekonomi negara.

MDI sedang dan akan meneruskan pelbagai program bagi meningkatkan kesedaran masyarakat berhubung isu muflis termasuk kepada individu yang telah berjaya keluar daripada status kebangkrutannya supaya tidak terjebak kembali dengan keberhutangan yang serius.

■1220

Program kesedaran yang dijalankan ini akan turut menekankan langkah-langkah yang boleh diambil oleh individu yang berdepan dengan masalah keberhutangan yang serius sebelum proses tindakan kebangkrapan bermula.

Antaranya pertama Tuan Yang di-Pertua, mendapatkan perkhidmatan yang ditawarkan oleh Agensi Kaunseling Dan Pengurusan Kredit (AKPK) seperti yang dinyatakan tadi. Agensi ini membantu individu yang mengalami masalah keberhutangan yang serius untuk membuat penstrukturan semula bayaran hutang selain memberikan khidmat nasihat, kaunseling dan bantuan dalam bidang berkaitan dengan kredit, pengurusan kewangan dan pendidikan.

Kedua, penggunaan perkiraan sukarela ataupun, dengan izin, *voluntary arrangement* di bawah Akta Insolvensi 1967 [Akta 360] yang telah diperkenalkan sejak tahun 2017. Individu yang sedang berhadapan dengan prosiding kebangkrapan boleh memohon suatu perintah penggantungan ataupun, dengan izin, '*stay*' di mahkamah bagi mengelak Perintah Kebankrapan dijatuhkan berkuat kuasa selama 90 hari. Seterusnya rundingan boleh dibuat dalam tempoh tersebut antara penghutang dan pemiutang berhubung pelan cadangan bayaran balik hutang.

Seterusnya Yang Berhormat Senator Datin Hajah Ros Suryati binti Alang...

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri, minta penjelasan sedikit.

Semalam semasa kita membahaskan Belanjawan ini, ada dibangkitkan bahawa anak-anak muda dibankrapkan kerana pinjaman yang lebih dan tidak mampu bayar balik. Cuma kita bertelagah sedikit, bukan bertelagah, kita tidak dapat kepastian had jumlah pinjaman, maka tindakan kebangkrapan boleh diambil.

Seingat saya sampai RM50,000. Lepas itu baru kena tetapi ada yang mengatakan RM15,000 tidak bayar pun, sudah diambil tindakan kebangkrapan. Adakah itu pengecualian ataupun kes yang memang banyak berlaku? Terima kasih.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh: Tidak. *Of course*, memang had jumlah hutang itu ialah satu perkara yang sentiasa dalam pertimbangan kerajaan. Oleh sebab itu merupakan dasar atau basis seorang itu menjadi mufliis. Jadi, RM50,000 itu memang had yang ditetapkan dan itu merupakan antara langkah-langkah yang diambil untuk menenangkan bukan sahaja golongan muda, tetapi semua dalam isu kebangkrapan ini.

Saya meneruskan dengan Yang Berhormat- minta maaf, *I think* saya baru saja dapat maklumat bahawa *threshold*...

Seorang Ahli: ...Anak muda is RM100,000...

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh: Untuk menjawab soalan rakan bijaksana saya. Bukan bijaksana- “yang bijaksana” selalu kita pakai terma itu di mahkamah. So, itu sudah, saya sudah, *I’m used to it* tetapi memang dia bijaksana.

So, threshold untuk anak-anak muda itu ialah RM100,000 untuk makluman Yang Berhormat.

Saya meneruskan dengan soalan ataupun isu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Datin Hajah Ros Suryati binti Alang yang ingin tahu, apa status penambahbaikan ‘mahkamah jenayah seksual’ terhadap kanak-kanak, fungsi dan jumlah mahkamah. Boleh saya habiskan dengan isu ini Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh: Fungsi dan jumlah ‘mahkamah jenayah kanak-kanak’ yang telah dan akan ditubuhkan pada masa hadapan, dan apa penambahbaikan yang akan dirancang oleh kerajaan bagi ‘mahkamah jenayah kanak-kanak’...?

Untuk makluman Yang Berhormat, ‘mahkamah jenayah seksual’ terhadap kanak-kanak ataupun JSKK merupakan Mahkamah Sesyen yang khusus, dengan izin, *dedicated court*, untuk mendengar dan membicarakan kes kesalahan seksual yang melibatkan mangsa kanak-kanak iaitu yang berumur di bawah 18 tahun, sebagai umur yang ditakrifkan di bawah Akta Kanak-kanak 2001 [Akta 611]. Ia diwujudkan selaras dengan Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017.

Penubuhan Mahkamah JSKK yang kondusif dan mesra kanak-kanak mampu untuk membantu golongan rentan ini memberikan keterangan yang baik bagi melancarkan prosiding mahkamah. Antara kemudahan-kemudahan yang disediakan pertamanya ialah kelengkapan infrastruktur yang merangkumi ruang rehat, ruang bermain, ruang tidur, ruang makan dan tandas. Kedua, kemudahan *infrastructure* berteknologi tinggi dan mesra kanak-kanak seperti sistem *Court Recording and Transcription* (CRT), *Voice to Text* (VTT) dan sistem audio *visualizer*. Ketiga, alat bantu semasa memberi keterangan yang merupakan patung seperti anatomi patung.

Mahkamah JSKK pertama telah diwujudkan di Wilayah Persekutuan Putrajaya dan antara tahun 2018 hingga tahun 2022, mahkamah JSKK telah diperluaskan ke 13 buah lokasi di keseluruhan Malaysia. Pada masa yang sama, bagi memastikan akses kepada keadilan bagi kes JSKK diberi keutamaan badan kehakiman menerusi Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan, turut mengambil inisiatif memastikan sekurang-kurangnya 40 buah Mahkamah Sesyen jenayah am di seluruh Malaysia bersedia untuk mengendalikan kes JSKK. Ini bermaksud Tuan Yang di-Pertua, hakim-hakim Mahkamah Sesyen yang mendengar kes jenayah am akan turut mendengar kes JSKK.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi Belanjawan 2023, kerajaan telah pun memperuntukkan sebanyak RM5 juta bagi tujuan penambahbaikan pada Mahkamah Jenayah Seksual Terhadap Kanak-kanak (JSKK) yang merangkumi kerja-kerja naik taraf dan kerja-kerja menyediakan infrastruktur, dan sebagainya.

Saya rasa Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja- saya ada beberapa perkara lain tetapi saya akan menjawab secara bertulis memandangkan masa sudah tamat. Itu sahaja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) atas jawapan yang telah diberikan.

Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Datuk Ugak anak Kumbong, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah, Sarawak dan Tugas-tugas Khas). Dipersilakan.

12.29 tgh.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah, Sarawak dan Tugas-tugas Khas) [Datuk Ugak anak Kumbong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Salam Sejahtera. Minta maaf Tuan Yang di-Pertua, suara ini kurang. Ada rock sedikit. Baharu balik dari kawasan.

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani. Saya ingin memulakan ucapan penggulungan ini dengan mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada 12 orang Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah terlibat sepanjang sesi perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan tahun 2023 ini khususnya di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang membangkitkan isu-isu berkaitan dengan Jabatan Perdana Menteri. Secara umum Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan soalan dan tema perbahasan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat banyak berkait beberapa perkara teras yang amat mustahak yang akan diberikan sedikit penjelasan nanti.

Segmen pertama ialah isu berkaitan pemerkasaan dan pengukuhan perkhidmatan awam. Kedua berkaitan isu permasalahan berkaitan pengurusan bencana secara khususnya bencana banjir yang baharu saja berlaku di beberapa buah negeri turut menjadi cadangan penambahbaikan yang diusulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator ialah isu data sistem eKasih dan beberapa cadangan penambahbaikan tadbir urus. Akhir sekali yang dibentangkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat ialah terdapat juga soalan cadangan berkaitan peruntukkan Ahli Parlimen yang dibangkitkan secara rentas sokongan politik di dalam Dewan yang mulia ini Tuan Yang di-Pertua.

Dalam ruang masa yang terhad ini Tuan Yang di-Pertua, saya cuba memberikan penjelasan kepada beberapa isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator.

■1230

Kalau Yang Berhormat Senator tidak ada, boleh saya *skip*-kan Tuan Yang di-Pertua, untuk memberikan ruang kepada rakan-rakan yang lain?

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Boleh.

Datuk Ugak anak Kumbong: Terdapat agak ramai daripada kalangan Ahli Yang Berhormat Senator yang memberikan cadangan, syor dan pandangan mengenai isu-isu berkaitan pemerkasaan dan pengukuhan pentadbiran awam. Antara Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang terlibat sewaktu itu ialah Yang Berhormat Senator Datin Hajah Ros Suryati binti Alang- ada di sini? Yang Berhormat Senator Dato' Ajis bin Sitin; Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair; Yang Berhormat Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff; Yang Berhormat Senator Prof. Tan Sri Datuk Dr. Haji Mohamed Haniffa bin Haji Abdullah; dan Yang Berhormat Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim.

Yang Berhormat Senator Dato' Ajis bin Sitin, adakah? Tidak ada. Akan tetapi, tidak apa Tuan Yang di-Pertua. Ini saya beri penjelasan sedikit. Ini adalah kerana soalan Yang Berhormat juga membangkitkan, mencadangkan agar perjawatan tertinggi perkhidmatan awam juga mengambil kira pegawai daripada kalangan Orang Asli dan bukan hanya ditempatkan di bawah JAKOA sahaja.

Untuk makluman semua Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini, kenaikan pangkat seseorang pegawai dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan termasuk melibatkan perjawatan tertinggi adalah terbuka kepada semua tanpa mengira kaum, etnik, jantina, agama dan fahaman politik.

Dalam hal ini, Yang Berhormat Senator yang saya muliakan, sekiranya pegawai yang terlibat merupakan seorang Orang Asli dan beliau mempunyai merit melepasi syarat-syarat yang ditetapkan, pegawai berkenaan adalah layak dipertimbangkan kenaikan pangkat ke suatu jawatan termasuk juga dalam kumpulan pengurusan tertinggi perkhidmatan awam negara kita.

Kenaikan pangkat seseorang pegawai diputuskan oleh Lembaga Kenaikan Pangkat yang telah ditetapkan keanggotaannya mengikut perkhidmatan pegawai itu. Dalam mempertimbangkan merit seseorang pegawai untuk tujuan kenaikan pangkat, Lembaga Kenaikan Pangkat akan mengambil kira kecekapan dan prestasi kerja pegawai, kelayakan, pengetahuan, kemahiran dan pengalaman pegawai itu, sifat-sifat peribadi, kesesuaiannya dengan jawatan kenaikan pangkat itu, keutuhan potensi dan kepimpinan pegawai itu serta sumbangan pegawai kepada negara dan masyarakat kita, Tuan Yang di-Pertua.

Pertimbangan bagi urusan kenaikan pangkat melibatkan semua pegawai awam tertakluk kepada Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012 [P.U. (A)1/2012].

Manakala, penubuhan Lembaga Kenaikan Pangkat pula dibuat berdasarkan Peraturan-peraturan Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam 2010 [P.U. (1)75(2010)].

Selain daripada itu, seseorang pegawai hanya boleh dipertimbangkan untuk dinaikkan pangkat jika pegawai telah mematuhi semua syarat yang dinyatakan dalam skim perkhidmatannya dan terdapat kekosongan dalam jawatan kenaikan pangkat itu melainkan jika skim perkhidmatan memperkukuhkan selainnya. Tiada sebarang elemen diskriminasi terhadap mana-mana kaum, etnik, jantina, agama atau fahaman politik dalam urusan kenaikan pangkat perkhidmatan awam.

Berkenaan penempatan seseorang pegawai pula, pegawai akan ditempatkan di suatu jawatan berdasarkan skim perkhidmatan awam, kekosongan perjawatan dan kesesuaian kompetensi pegawai berkenaan. Ini bagi memastikan pegawai dapat memberi perkhidmatan yang cemerlang.

Yang Berhormat Senator Datin Hajah Ros Suryati ada di sinikah? Tiada. Boleh saya *skip*?

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Boleh.

Datuk Ugak anak Kumbong: Saya menjawab secara bertulis.

Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas, ada? Terima kasih, Yang Berhormat.

Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas pula membangkitkan peratusan komposisi kaum yang berkhidmat dalam perkhidmatan awam mengikut kementerian, agensi dan jabatan. Yang Berhormat Senator turut memohon pecahan secara terperinci mengikut golongan suku kaum, bumiputera dan bukan bumiputera. Selain daripada itu, Yang Berhormat Senator juga turut bertanya tentang usaha yang dilakukan bagi memastikan penglibatan semua kaum dalam skim perkhidmatan awam.

Sehingga 1 April 2023, daripada 1.005 juta orang penjawat awam, seramai 764,601 orang penjawat awam adalah daripada suku kaum Melayu. Diikuti kaum Bumiputera Sabah dengan 75,743 orang. Kaum Cina dengan 66,839 orang. Kaum Bumiputera Sarawak dengan 48,171 orang. Kaum India, 41,450 orang. Lain-lain kaum seperti Portugis, Siam dan lain-lain dengan 6,526 orang dan Orang Asli di Semenanjung dengan 2,252 orang penjawat awam.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, juga data daripada *Human Resource Management Information System* (HRMIS), ini merupakan jawatan berwaran. Tidak termasuk polis dan tentera, dan adalah tertakluk kepada pengemaskinian oleh Pegawai Sumber Manusia di agensi masing-masing.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, terdapat lima pihak melantik yang diberi peranan dalam urusan pengambilan penjawat awam dalam perkhidmatan awam iaitu Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA), Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan (SPKP), Suruhanjaya Pasukan Polis, Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) dan Majlis Angkatan Tentera. Bagi SPA pula, kaedah pengambilan dan pelantikan pegawai ke Perkhidmatan Awam Am Persekutuan yang dilaksanakan adalah telus berdasarkan merit dan kompetensi calon, tiada penetapan sebarang kuota untuk sesuatu kaum atau etnik tertentu bagi pelantikan semua jawatan dalam perkhidmatan awam.

Semua warganegara Malaysia mempunyai peluang Yang Berhormat Senator, yang sama untuk dipertimbangkan dalam persaingan yang terbuka, adil, dengan izin, *open and fair competition*, Tuan Yang di-Pertua. SPA sentiasa melaksanakan inisiatif secara berterusan seperti Sesi Libat Urus, Hari Keluarga, Hari Bertemu Pelanggan, dan Program *Outreach* bagi meningkatkan kefahaman masyarakat di Semenanjung, Sabah, Sarawak terhadap tata kelola pengambilan SPA dan memberi panduan serta menggalakkan masyarakat pelbagai kaum termasuklah kaum minoriti Cina, India untuk menyertai perkhidmatan awam.

Yang Berhormat Senator Dr. Hajah Wan Martina, ada? Terima kasih, Yang Berhormat. Sentiasa di dalam Dewan. Inilah wakil rakyat.

Yang Berhormat Senator Dr. Hajah Wan Martina menggesa agar JPA mengkaji semula elaun *on-call* para doktor. Semalam para doktor mogok sedikit... [Ketawa] Akan tetapi, hari ini berita baik telah dijawab oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi.

■1240

Elaun Tugas Atas Panggilan (ETAP) bagi Pegawai Perubatan yang berkuat kuasa mulai 1 Oktober 1994, dibayar kepada Pegawai Perubatan yang diarah untuk menjalankan tugas atas panggilan selepas waktu bekerja masa di hospital kerajaan, hospital universiti, Hospital Angkatan Tentera, klinik kesihatan (KK) dan Klinik Kesihatan Ibu dan Anak (KKIA).

Kadar elaun *on-call* telah dinaikkan beberapa kali iaitu pada tahun 2001, tahun 2005 dan tahun 2011. Kadar semasa ETAP adalah masih bersesuaian dan Kajian Rasionalisasi Elaun secara menyeluruh untuk melihat keseluruhan elaun dalam perkhidmatan awam sedang dilaksanakan terutamanya elaun yang mempunyai kadar di bawah RM100 sebulan dan elaun yang tidak disemak melebihi 20 tahun Yang Berhormat.

Untuk menjawab Yang Berhormat Senator Prof. Tan Sri Datuk Dr. Haji Mohamed Haniffa bin Haji Abdullah, ada? Tidak ada- ada? Okey, terima kasih. Membangkitkan beberapa perkara. Sehingga kini, elaun pelajar tajaan pinjaman luar negara di bawah JPA masih belum dikaji semula berdasarkan kadar terkini terutamanya pelajar di negara UK dan USA.

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah mendapat kelulusan daripada Kementerian Kewangan pada 7 November 2022 yang lalu untuk menaikkan kadar Elaun Sara Hidup (ESH) pelajar tajaan JPA bagi peringkat Ijazah Pertama di United Kingdom daripada *Great British Pound*, GBP1,045 sebulan kepada GBP1,300 sebulan. Ini merupakan antara langkah awal yang telah diambil bagi membantu mahasiswa Malaysia di luar negara.

Dalam pada itu juga, JPA sedang meneliti semula kadar ESH bagi pelajar tajaan JPA di luar negara. Penelitian kadar ESH ini adalah bagi membantu mengurangkan beban kos sara hidup mahasiswa Malaysia yang berada di luar negara.

Untuk menjawab Yang Berhormat Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim, sahabat saya. Tidak ada, boleh saya *skip* Tuan Yang di-Pertua?

Kepada Yang Berhormat Senator Datin Hajah Ros Suryati binti Alang, ada, keluar? Okey.

Yang Berhormat Senator Dato' Ajis bin Sitin- tidak ada?

Yang Berhormat Senator Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa?

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Sini.

Datuk Ugak anak Kumbong: Okey, terima kasih. Bertanya tentang program bantuan kerajaan selaras dengan menggunakan satu- pangkalan data iaitu sebagai contoh pangkalan data eKasih.

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 3 November 2021 bersetuju supaya sistem eKasih sebagai sumber rujukan tunggal bagi program pembasmian kemiskinan negara. Keputusan ini telah diambil kira dalam penyediaan Arahan No.1 2023, Mekanisme Penyelarasan Pelaksanaan Pembangunan Negara yang telah menegaskan agar semua kementerian, agensi pemberian bantuan hendaklah memberi keutamaan kepada isi rumah eKasih dalam pemilihan peserta Program Pembasmian Kemiskinan supaya bantuan diberikan kepada golongan bersasar yang tepat.

Di samping itu, garis panduan program kesejahteraan rakyat dan pembasmian kemiskinan melalui sistem eKasih daripada ICU, JPM turut diedarkan kepada kementerian, kerajaan negeri dan pejabat daerah sebagai rujukan dalam penyaluran bantuan kepada kumpulan sasar.

Kerajaan telah membangunkan sistem eKasih sebagai satu buah pangkalan data kemiskinan nasional yang bertujuan untuk mendaftarkan isi rumah miskin di Malaysia dan kepada kategori miskin tegar atau miskin berdasarkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) semasa melalui proses verifikasi di lapangan.

Peruntukan Ahli Parlimen. Tuan Yang di-Pertua, isu melibatkan peruntukan Ahli Parlimen, sekali lagi menjadi perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad yang menggesa agar kerajaan mengagihkan peruntukan

RM1.3 juta kepada semua Ahli Parlimen dengan secepat mungkin. Peruntukan khas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk kawasan Ahli Parlimen hanyalah sebagai penambah dan juga pelengkap kepada peruntukan di bawah Rancangan Malaysia lima tahun.

Penyediaan dan juga penyaluran peruntukan ini mengikut dasar sedia ada dan tertakluk kemampuan semasa kewangan kerajaan. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah memaklumkan di Kabinet bahawa tidak pernah menyatakan peruntukan ini akan dihentikan sama sekali. Justeru itu, ruang rundingan Yang Berhormat dan perbincangan masih terbuka untuk kerajaan ini memberikan peruntukan Ahli-ahli Parlimen seperti yang disebutkan oleh kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat semua dalam Dewan ini...

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: Mohon penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri... *[Ketawa]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Semalam saya dimaklumkan telah ditandatangani oleh Ketua Parti-parti Kerajaan Perpaduan untuk meminta tambahan daripada RM1.3...

Datuk Ugak anak Kumbong: Kerajaan Perpaduan ataupun Kerajaan Madani?

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: Ya. Minta peruntukan tambahan daripada RM1.3 juta kepada RM3.8 juta. Sepakat, semua sudah menandatangani hendak mohon peruntukan tambahan. Jadi maknanya, kawan-kawan kita di Parlimen sana akan dapat sebanyak RM3.8 juta. Maksud saya sekarang ini, kalau boleh cepatlah sikit agih, saya sudah bercakap dengan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (KSP). Dia kata tidak ada masalah bagi dia, semalam. Jadi, saya minta bagi pihak rakan-rakan Ahli Parlimen dan juga rakan-rakan dalam Dewan Negara ini. Dipercepatkanlah peruntukan itu dan agihan itu biarlah semua dapat manfaat. Terima kasih.

Datuk Ugak anak Kumbong: Terima kasih Yang Berhormat, cadangan Yang Berhormat adalah baik.

Saya pun Ahli Parlimen- mendapat RM1.3 juta. Sebagai Ahli Parlimen di kawasan yang terbesar di Malaysia ini, seramai 222 orang, kawasan saya Tuan Yang di-Pertua terbesar dalam seluruh Malaysia. Kalau kita bandingkan kawasan Hulu Rajang bersama kurang lebih sama dengan negeri Pahang Tuan Yang di-Pertua. Pahang ada Sultan, saya tidak ada Sultan.

Akan tetapi, walau bagaimanapun, saya bersetuju dengan Yang Berhormat Senator bahawa peruntukan itu kalau boleh salur- salur cepat. Kalau di mana, *kan* telah dikatakan oleh Kabinet dan sebagainya, syukurlah Yang Berhormat.

Okey, Yang Berhormat Senator Tuan Akin A/I Ehtook ada, tidak ada?

Okey, Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai- tidak ada?

Okey, secara penutup masa pun sudah terhad untuk saya dan suara pun sudah macam *block* Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: *[Bangun]*

Datuk Ugak anak Kumbong: Okey, saya sekali lagi ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator yang terlibat dalam perbahasan berkaitan dengan isu-isu yang disebutkan tadi.

Sebahagian isu, pandangan tidak sempat saya berikan respons secara lisan, namun akan disusuli dengan jawapan secara bertulis dalam tempoh dan waktu yang telah ditetapkan. Terima kasih sekali lagi penghargaan kepada semua. Setinggi-tinggi penghargaan kepada Tuan Yang di-Pertua. Bersama-samalah kita berdoa agar seluruh hasrat dan keinginan Belanjawan 2023 dapat dilaksanakan dengan penuh rasa tanggungjawab. Apa yang lebih penting iaitu dapat benar-benar memberikan kesejahteraan kehidupan rakyat yang lebih baik di seluruh pelosok, di setiap inci bumi Malaysia ini yang bertuah dan amat kita cintai.

■1250

Saya di kesempatan ini juga kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, ingin mengucapkan selamat menjalani ibadah puasa dan selamat menyambut Hari Raya Aidilfitri kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga tak ketinggalan kepada Tuan Yang di-Pertua. Dengan itu, Ahli-ahli Yang Berhormat, sekian. Terima kasih.

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Saya ada soalan, Tuan Yang di-Pertua. Boleh?

Timbalan Yang di-Pertua: Dah habis dah.

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Allah.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Datuk Ugak anak Kumbong, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah, Sarawak dan Tugas-tugas Khas) atas jawapan-jawapan yang telah diberikan.

Seterusnya, saya menjemput Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah. Dipersilakan, Yang Berhormat Menteri.

12.51 tgh.

Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah [Datuk Hajah Rubiah binti Haji Wang]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Suara pun agak terik juga ya pagi ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Sebelum saya meneruskan ucapan penggulungan bagi Kementerian Pembangunan Desa dan Wilayah, saya ingin sekali lagi mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah memperuntukkan Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah sebanyak RM11.04 bilion pada tahun 2023 yang mana terdapat peningkatan sebanyak 4.85 peratus jika dibandingkan pada tahun 2022.

Tuan Yang di-Pertua, semasa perbahasan Belanjawan 2023 di Dewan Negara yang diadakan selama tiga hari ini, seramai 12 orang Ahli Yang Berhormat Senator telah berbahas

dan mengajukan beberapa pertanyaan, isu, cadangan dan pandangan kepada Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah.

Mereka iaitu Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris; Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair; Yang Berhormat Senator Tuan Abun Sui Anyit; Yang Berhormat Senator Dato' Ajis bin Sitin; Yang Berhormat Senator Tuan Aknan a/l Ehtook; Yang Berhormat Senator Tuan Manolan bin Mohamad; Yang Berhormat Senator Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan; Yang Berhormat Senator Tuan Abdul Nasir bin Haji Idris; Yang Berhormat Senator Noraini binti Idris; Yang Berhormat Senator Datuk Bobbey Ah Fang bin Suan; Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Azhar bin Ahmad; dan Yang Berhormat Senator Datuk John Ambrose. Terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator yang terlibat.

Secara umumnya, pertanyaan, isu dan cadangan yang ditujukan kepada Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah berkait dengan program infrastruktur luar bandar, pembangunan sosioekonomi, kesejahteraan masyarakat luar bandar dan isu-isu berkaitan dengan Orang Asli. Oleh itu, saya memohon izin untuk menjawab semua perkara yang diajukan oleh Yang Berhormat Senator mengikut isu yang dibangkitkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin juga. Memandangkan 12 Ahli Parlimen, tujuh isu besar yang diutarakan dan 23 pertanyaan yang perlu dijawab, saya juga mohon agar menjawab berdasarkan Yang Berhormat Senator yang ada di dalam Dewan sahaja. Mohon izin, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Datuk Hajah Rubiah binti Haji Wang: Isu yang pertama, isu pekebun kecil getah. Yang Berhormat Senator Dato' Jefridin bin Haji Atan, ada? Okey.

Yang Berhormat Senator Dato' Jefridin bin Haji Atan membangkitkan isu berkenaan jaminan kementerian dalam proses pemutihan pekebun kecil getah bagi memastikan data yang diperoleh adalah tepat dan tiada pekebun kecil getah yang keciciran.

Untuk makluman Yang Berhormat, RISDA telah dan sedang melaksanakan proses pemutihan pekebun kecil getah melalui Program Banci Pekebun Getah yang bermula pada tahun ini, tahun 2023 bagi memastikan data yang diperoleh tepat dan tiada pekebun kecil getah keciciran.

Program-program yang dilaksanakan di bawah usaha ini adalah seperti berikut; pertama, pemakluman Program Banci Pekebun Kecil Getah dilaksanakan di semua pusat tanggungjawab RISDA meliputi Semenanjung, Sabah dan Sarawak; kedua, data pekebun kecil getah sedia ada dijadikan sumber data asas sebagai sasaran untuk dikemas kini terlebih dahulu dengan data yang terkini bagi profil pekebun kecil dan juga profil kebun yang dimiliki; ketiga, bancian baharu bagi pekebun kecil yang tiada dalam rekod turut dilaksanakan. Ini merujuk pekebun-pekebun getah baru; dan keempat, bagi memastikan bancian yang

menyeluruh dilaksanakan, RISDA mengadakan libat urus bersama agensi-agensi berkaitan seperti Jabatan Perangkaan Malaysia, Lembaga Industri Getah Sabah, Jabatan Pertanian Sarawak, KESEDAR, FELCRA, FELDA dan Lembaga Getah Malaysia supaya usaha dapat digembleng secara bersama melalui gerak kerja semakan silang data pekebun kecil getah di agensi-agensi berkaitan.

Isu yang kedua, program pembangunan infrastruktur luar bandar. Yang Berhormat Senator Tuan Abun Sui Anyit, ada? Okey...

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir kita pernah menyebut pada minggu lepas, suara daripada Ahli Dewan Negara memohon supaya soalan-soalan yang dikemukakan oleh Ahli Dewan Negara, walaupun mereka kebetulan tak ada dalam Dewan, untuk terus juga dijawab. Sebab, sebahagian yang telah pun disebut, kami tak ulang lagi dah. Ertinya, perkara yang sama itu penting untuk kami juga dapat dengar... *[Tepuk]* Pandangan?

Datuk Hajah Rubiah binti Haji Wang: Saya mohon izin Tuan Yang di-Pertua. Macam mana? Nak teruskan mengikut- sebab, saya ada 23 pertanyaan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Minggu lepas, suara yang sama sudah disebut dan akhirnya Yang Berhormat Menteri atau Yang Berhormat Timbalan Menteri yang datang menjawab semuanya apa yang sudah dikemukakan. Terima kasih.

Datuk Hajah Rubiah binti Haji Wang: Okey.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kita agak kesuntukan masa kerana kementerian yang menjawab hari ini ada 14 kementerian. Jadi kalau berdasarkan daripada pertanyaan keseluruhan dan tidak ada Yang Berhormat Senator dalam Dewan, kita benarkan untuk dikecualikan. Kerana kalau nak jawab semua, saya ingat tak cukup 20 minit.

Datuk Hajah Rubiah binti Haji Wang: Ya, okey.

Timbalan Yang di-Pertua: Kecuali kalau ia mencukupi 20 minit, akan tetapi kalau ia lama sangat, boleh dikecualikan. Terima kasih.

Datuk Hajah Rubiah binti Haji Wang: Okey. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat Senator Tuan Abun Sui Anyit membangkitkan isu berkenaan penyediaan infrastruktur jalan raya di Daerah Belaga dan masalah bekalan air yang dihadapi oleh penduduk di Sungai Asap.

Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian ini mempunyai tiga projek di kawasan Belaga iaitu Projek Membina Jambatan Konkrit di Lot Pertanian Penempatan Semula Bakun, Sungai Asap, Murum, Kapit, Sarawak dengan skop membina tiga buah jambatan konkrit sepanjang 50 meter dengan lebar tiga meter dengan kos RM9 juta. Projek ini telah mendapat kelulusan pertapakan daripada Majlis Perancangan Negeri Sarawak pada Julai 2022 dan dijangka ditenderkan pada suku tahun keempat, tahun ini, iaitu tahun 2023.

Projek kedua ialah Projek Membina Jalan dari Jalan Bukit Jayong ke Simpang Jalan Data Kakus, Belaga, Bahagian Kapit, Sarawak yang diluluskan pada tahun 2022 dengan kos sebanyak RM53 juta. Skop projek ini iaitu membina jalan sepanjang 9.4 kilometer dengan standard JKR R1. Projek ini telah mendapat kelulusan pertapakan daripada Majlis Perancangan Negeri Sarawak pada April 2022 dan status terkini di peringkat persediaan makmal kajian nilai dan proses pelantikan perunding.

Ketiga, projek seterusnya iaitu Projek Membina Jambatan Sungai Keluan, Lusong Laku, Belaga, Sarawak dengan skop membina jambatan sepanjang 30 meter. Projek ini telah diluluskan pada tahun 2022 dan sedang di peringkat penyediaan permohonan kelulusan pertapakan oleh JKR Sarawak kepada SPA Negeri Sarawak.

■1300

Kementerian juga mengambil berat akan masalah bekalan air di kawasan Sungai Asap yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Berdasarkan semakan kementerian ini dengan pihak berkuasa air negeri Sarawak, masalah bekalan air yang kerap berlaku adalah disebabkan oleh kadar air tidak terhasil yang tinggi.

Bagi penyelesaian segera, pihak berkuasa air negeri Sarawak sedang dalam tindakan untuk meningkatkan pengeluaran Loji Rawatan Air Sungai Asap bagi menampung permintaan bekalan air dan dijangka siap pada April 2023. Manakala untuk perancangan jangka panjang di bawah RMKe-12 adalah menaik taraf Loji Rawatan Air Sungai Asap dengan muka sauk baharu serta mengambil langkah-langkah untuk mengurangkan kadar air tidak berhasil yang sangat tinggi di kawasan Sungai Asap.

Seterusnya, Yang Berhormat Senator Tuan Aknan a/l Ehtook, ada ya? Okey. Membangkitkan isu berkenaan status terkini Projek Jalan Raya Kok Seraya- Kampung Terbok di Tumpat.

Untuk makluman Yang Berhormat, Projek Menaik Taraf Jalan dari simpang tiga Kampung Kok Seraya ke Kampung Terbok, Tumpat, Kelantan, telah diluluskan dalam *Rolling Plan* Kedua, RMKe-12 tahun 2022 dengan kos sebanyak RM43 juta. Skop projek adalah menaik taraf jalan sepanjang 3.3 kilometer dengan spesifikasi JKR R2. Agensi pelaksana bagi projek ini ialah JKR Malaysia. Reka bentuk projek ini telah disediakan berdasarkan Arahan Teknik Jalan JKR supaya isu-isu seperti isu keselamatan, kesesakan lalu lintas dan banjir dapat diambil kira dan ditangani.

Projek ini juga telah sedia untuk di tender dan hala tuju perolehan untuk melantik kontraktor akan ditentukan dalam masa yang terdekat. Projek ini dijangka mula dibina awal tahun 2024 dan dijangka siap pada tahun 2027.

Seterusnya, Yang Berhormat Senator Datuk Judiet binti Fidilis @ Noraini binti Idris dan Yang Berhormat Senator Datuk John Ambrose, ada? Okey. Memohon agar bilangan Projek

Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) di Sabah ditingkatkan kerana bilangan yang sedia ada tidak mencukupi. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian sedia maklum bahawa permohonan untuk bantuan rumah lebih banyak daripada apa yang dapat kita tawarkan oleh kerajaan. Namun, mengambil kira kedudukan kewangan kerajaan serta keperluan pembangunan yang lain, kerajaan hanya mampu meluluskan jumlah peruntukan yang terhad.

Untuk makluman Yang Berhormat, setiap tahun peruntukan tertinggi bagi bantuan PPRT ini diperuntukkan untuk wilayah Sabah. Bagi tahun 2023, sebanyak RM130 juta ataupun 28.25 peratus diperuntukkan dan disasarkan untuk membina sebanyak 850 unit rumah dan 2,900 untuk di baik pulih di Sabah.

Selain daripada itu, Yang Berhormat Senator Datuk Judiet binti Fidilis @ Noraini binti Idris mencadangkan pembinaan rumah PPRT secara berkelompok. Yang Berhormat Senator juga mencadangkan pemohon dibenarkan untuk menyewa atau menumpang tanah milik orang lain atau tanah kerajaan dengan kebenaran bertulis sekiranya pemohon tidak mempunyai tanah sendiri. Seperti Yang Berhormat sedia maklum, antara syarat utama pemberian bantuan PPRT ialah penerima harus memenuhi syarat pemilikan tanah bagi cadangan tapak rumah berkenaan.

Sekiranya penerima bantuan tiada tanah sendiri, penerima bantuan perlulah memenuhi syarat kebenaran guna tanah daripada tuan tanah yang mempunyai pertalian darah dengan pemohon dan tanah kerajaan atau tanah wakaf. Syarat pemilikan tanah ini sangat penting untuk dipenuhi bagi mengurangkan risiko perebutan hak milik setelah bantuan disalurkan.

Bagi menangani isu pemohon yang layak namun tidak mempunyai tanah, pihak kementerian memerlukan penglibatan kerajaan negeri menyediakan tapak yang bersesuaian. Kelulusan daripada penggunaan tanah kerajaan tertakluk kepada keputusan daripada pemilik tanah berkenaan.

Seterusnya isu ketiga, kemiskinan luar bandar. Yang Berhormat Senator Tuan Abdul Nasir bin Haji Idris, ada- tak ada? Ada ya. Meminta kementerian menjelaskan peranan dan usaha kementerian untuk membasmi kemiskinan di luar bandar, program yang dilaksanakan, agensi yang terlibat serta jumlah peruntukan yang telah disalurkan bagi melaksanakan program mengurangkan kemiskinan.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah menyokong penuh usaha di bawah YAB Perdana Menteri Kesepuluh untuk menoktahkan kemiskinan tegar pada tahun 2023. KKDW sebagai salah satu kementerian yang terlibat secara langsung dalam Program Pembasmian Kemiskinan di kawasan luar bandar akan terus memperkukuhkan Program Pembasmian Kemiskinan sedia ada, selaras dengan konsep

Malaysia Madani dan objektif Dasar Pembangunan Luar Bandar 2030 untuk meningkatkan kesejahteraan penduduk luar bandar.

Bagi meningkatkan pendapatan penduduk...

Dato Dr. Nuing Jeluing: Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Rubiah binti Haji Wang: Okey.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato Dr. Nuing Jeluing: Mohon mencelah. Nampaknya soalan saya tidak tercatat dalam jawapan Timbalan Menteri.

Datuk Rubiah binti Haji Wang: Ya.

Dato Dr. Nuing Jeluing: Saya ada bertanya berkenaan dengan permohonan SALCRA untuk membangunkan ladang tanah di kawasan Parlimen Selangau. Mohon jawapan Timbalan Menteri. Terima kasih.

Datuk Rubiah binti Haji Wang: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Mungkin tersilap sedikit. Pihak kita akan meneliti semula ucapan berkenaan dan jika didapati ada, *insya-Allah* kita akan beri jawapan bertulis. Boleh ya?

Dato Dr. Nuing Jeluing: Memang ada Timbalan Menteri.

Datuk Rubiah binti Haji Wang: Ya, ya. *Insya-Allah* kita beri jawapan bertulis.

Dato Dr. Nuing Jeluing: Boleh rujuk *Hansard*.

Datuk Rubiah binti Haji Wang: Ya, ya. Okey. Bagi meningkatkan pendapatan penduduk luar bandar, KKDW akan meneruskan pelaksanaan program khusus untuk penduduk luar bandar dalam kategori miskin dan miskin tegar seperti program peningkatan pendapatan, program latihan dan kemahiran kerjaya yang merupakan program latihan jangka pendek, khususnya untuk kumpulan B40 di luar bandar turut dilaksanakan.

Bagi membolehkan golongan miskin dan miskin tegar mempunyai rumah yang selamat, selesa dan seterusnya memberikan fokus kepada aktiviti penjana pendapatan, program perumahan rakyat termiskin akan diteruskan dengan peruntukan sebanyak RM460.2 juta. Bagi membina keyakinan diri, meningkatkan motivasi dan mengubah pemikiran golongan miskin dan miskin tegar, Program Bina Insan akan diteruskan pada tahun ini dengan peruntukan sebanyak RM1 juta dengan sasaran peserta seramai 950 orang.

Seterusnya isu yang keempat, kesejahteraan masyarakat Orang Asli. Yang Berhormat Senator Dato' Ajis bin Sitin telah membangkitkan sebanyak 11 isu berkaitan dengan kesejahteraan masyarakat Orang Asli. Berkenaan proses pengukuran tanah Orang Asli untuk menyelesaikan isu pemilikan tanah Orang Asli, dimaklumkan bahawa usaha melaksanakan pengukuran tanah terus diberikan perhatian oleh JAKOA dengan komitmen melalui peruntukan pembangunan bagi tujuan tersebut.

Sasaran pengukuran sebanyak 853 buah kampung Orang Asli terus dilaksanakan dan sehingga kini, sebanyak 216 buah kampung Orang Asli telah diwartakan. Di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas, sebanyak 114 buah kampung Orang Asli telah disenaraikan bagi kerja-kerja ukur perimeter untuk penandaan sempadan penempatan bagi tujuan permohonan pewartaan tanah kepada pihak berkuasa negeri dan kerja ukur halus untuk kelulusan pewartaan.

Seterusnya, isu kerosakan perkampungan Orang Asli akibat banjir seperti di Kampung Orang Asli Peta, Taman Negara Endau-Rompin, Mersing dan Kampung Orang Asli Bukit Serok, Muadzam Shah.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

■1310

Kejadian banjir di Kampung Orang Asli Peta telah mengakibatkan kerosakan tabika dan beberapa unit rumah Orang Asli. JAKOA telah memperuntukkan sebanyak RM100 ribu bagi tujuan pembaikan pendawaian elektrik untuk pembelian peralatan. Manakala dua unit rumah didapati tidak lagi kondusif untuk diduduki dan dicadangkan untuk gantian baharu ataupun bina baharu.

Bagi Kampung Orang Asli Bukit Serok, Muadzam Shah, Pahang terdapat tiga buah balai raya dan sebuah dewan telah dikenal pasti mengalami kerosakan akibat banjir dan tindakan penyediaan spesifikasi bagi tujuan pembaikan oleh pihak JAKOA. Untuk tindakan awal, tiga buah balai raya tersebut akan dibaik pulih menggunakan peruntukan sedia ada.

Manakala sebanyak 180 buah rumah yang telah mengalami kerosakan teruk, pihak JAKOA masih dalam proses tindakan menyediakan spesifikasi dan sedang mengenal pasti anggaran kos yang terlibat bagi tujuan baik pulih rumah-rumah berkenaan. Untuk tindakan selanjutnya, pihak JAKOA akan membuat permohonan peruntukan di bawah bantuan bencana sekiranya peruntukan sedia ada tidak mencukupi.

Untuk makluman Yang Berhormat, berkenaan dengan status pelaksanaan Projek Pusat Latihan Orang Asli, Paya Bungor, Pahang dan Pusat Kecemerlangan Pelajar Orang Asli Terengganu, dimaklumkan FELCRA Berhad selaku agensi pelaksana telah dilantik sebagai pegawai penguasa bagi Projek Pusat Latihan Jabatan Kemajuan Orang Asli Paya Bungor, Kuantan, Pahang. Pusat latihan tersebut akan beroperasi sebaik sahaja kelulusan menduduki diperoleh.

Pihak JAKOA akan memulakan pengisian dan pengoperasian dijangka tahun 2024. Sehingga kini peratus kemajuan fizikal terkini bagi projek berkenaan iaitu Fasa 1 sebanyak 95 peratus dan Fasa 2 sebanyak 82 peratus. Untuk makluman Yang Berhormat, pihak JAKOA telah melantik FELCRA Berhad sebagai agensi pelaksana bagi projek pembinaan Kompleks

Pusat Transformasi Modal Insan Orang Asli (Putra Asli) telah dilaksanakan secara kaedah reka dan bina.

Pihak FELCRA Berhad juga dalam tindakan melaksanakan pematuhan kehendak Sijil Penyiapan dan Pematuhan bersama dengan pihak Majlis Bandar Raya Kuala Terengganu yang dijangka selesai pada bulan April 2023. Yang Berhormat Senator juga membangkitkan isu berkenaan perjawatan Orang Asli di JAKOA yang perlu diisi oleh anak-anak graduan Orang Asli termasuk pelantikan Ketua Pengarah JAKOA.

Sehingga 30 Mac 2023 terdapat 816 pengisian perjawatan tetap di JAKOA. Daripada jumlah ini sebanyak 142 pengisian perjawatan terdiri daripada kalangan masyarakat Orang Asli. Selain daripada itu, terdapat 235 pengisian perjawatan lantikan secara kontrak di JAKOA. Daripada jumlah berkenaan, 214 pengisian adalah dalam kalangan masyarakat Orang Asli. Peratusan pengisian pekerja kontrak adalah tinggi kerana urusan pengambilan dilakukan oleh pihak JAKOA sendiri dan keutamaan diberi kepada masyarakat Orang Asli yang berkecuali.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, pelantikan Ketua Pengarah JAKOA berada di bawah kuasa Yang Dipertuan Agong seperti yang termaktub dalam Seksyen 5, Akta Orang Asli 1954, Akta 134. Pencalonan penyandang bagi jawatan Ketua Pengarah JAKOA sememangnya dibuat secara merit berdasarkan kepada pengalaman dalam aspek pentadbiran dan pengurusan kewangan serta pengetahuan dalam pengurusan projek pembangunan. Selain daripada itu, calon yang dikemukakan adalah bebas daripada tindakan tatatertib.

Berkenaan isu pelantikan Ketua Pengarah JAKOA untuk menganggotai lembaga syarikat swasta, dimaklumkan bahawa berdasarkan Peraturan-peraturan Pegawai Awam yang berkuat kuasa, pegawai awam dibenarkan untuk dilantik mewakili kerajaan sebagai pengerusi, ketua eksekutif ataupun ahli lembaga pengarah dalam perbadanan awam, syarikat kerajaan dan syarikat kepentingan kerajaan. Ketua Pengarah JAKOA telah pun dilantik sebagai ahli lembaga pengarah bagi salah satu- syarikat kepentingan kerajaan negeri melalui persetujuan bertulis oleh Ketua Setiausaha Kementerian.

Oleh yang demikian, pelantikan ini memenuhi syarat-syarat yang digariskan dalam Peraturan Pegawai Awam yang sedang berkuat kuasa. Tuan Yang di-Pertua, memandangkan banyak persoalan walaupun telah pun diperketat tetapi 20 minit itu tidak mencukupi.

Oleh itu, memandangkan masa sudah tamat, saya ingin hendak mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pembahas dan saya mohon jawapan bertulis kepada yang tidak sempat dijawab dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Datuk Hajah Rubiah binti Haji Wang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Diucapkan terima kasih. Sebagai petua am mungkin apabila merancang jawapan oleh kementerian, berbincang bagaimana seharusnya dapat diatasi hal tidak cukup masa dengan mengurangkan deskriptif ataupun naratif yang berkenaan.

Saya sukacita menjemput Kementerian Perlindungan dan Komoditi.

1.16 tgh.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perlindungan dan Komoditi [Dato' Seri Fadillah bin Yusof]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada tujuh orang Ahli Yang Berhormat Senator iaitu Yang Berhormat Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair; Yang Berhormat Tuan Musoddak bin Ahmad; Yang Berhormat Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan; Yang Berhormat Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai; Yang Berhormat Datuk Lim Pay Hen; Yang Berhormat Datuk Noraini binti Idris; dan Yang Berhormat Tuan Abdul Nasir bin Haji Idris yang telah membahaskan serta memberi soalan, cadangan serta pandangan masing-masing melibatkan perkara di bawah bidang kuasa Kementerian Perlindungan dan Komoditi (KPK) dalam sesi perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2023, di Dewan yang mulia ini.

Soalan dilontarkan serta cadangan, pandangan atau idea yang dikemukakan amat dihargai dan akan digunakan oleh KPK bagi menambah baik tata urus sektor agrikomoditi dalam meningkatkan sumbangan kepada sosioekonomi negara dan kesejahteraan rakyat khususnya pekebun kecil. Saya akan menggulung mengikut topik-topik yang menyentuh isu berkaitan getah, kelapa sawit dan agrikomoditi yang lain.

Pertama sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair dan Yang Berhormat Datuk Noraini binti Idris serta saranan Yang Berhormat Senator untuk KPK memperkukuhkan usaha untuk memodenkan peralatan dan kaedah penanaman dan pemprosesan di sektor sawit.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, kementerian sentiasa komited dalam melaksanakan pelbagai kaedah bagi memodenkan peralatan dan kaedah penanaman dalam sektor sawit. Termasuklah mempergiatkan promosi terhadap penggunaan mekanisasi dan automasi melalui Konsortium Penyelidikan Mekanisasi dan Automasi Sawit (MARCOP) dalam operasi ladang.

Kerajaan dan pihak industri turut membiayai MARCOP melalui geran padanan sebanyak RM60 juta secara keseluruhan pada tahun 2021. Sehingga kini sebanyak 23 permohonan telah diterima oleh MARCOP. Permohonan adalah daripada syarikat penyedia teknologi dan juga universiti. Antara teknologi yang dibentangkan ialah penuaian, dron, *exoskeleton*, pengesanan kematangan sistem pengangkutan dan pemotong bermotor.

Selain itu, kerajaan turut menyediakan dana pada tahun 2023 berjumlah RM50 juta melalui geran sepadan seperti yang diumumkan semasa Belanjawan 2023 oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menggalakkan automasi serta perladangan melalui penggunaan robotik dan kecerdasan buatan- *artificial intelligent* (AI).

Kepada Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair juga telah membangkitkan isu berkenaan masalah pengangguran dalam kalangan masyarakat India di kawasan estet. Di bawah KPK terdapat Institusi Perladangan dan Komoditi Malaysia (IMPAC) yang menawarkan kursus dan latihan kemahiran sektor agrikomoditi.

■1320

Sehingga kini penglibatan golongan belia India dalam program dan kursus yang ditawarkan IMPAC adalah masih di tahap minima. Namun begitu beberapa usaha telah dan sedang diambil bagi meningkatkan penglibatan golongan belia India dalam kursus dan latihan kemahiran sektor perladangan. Antaranya melalui program libat urus sama pemegang taruh dan industri iaitu Program TVET MyCommodity yang telah dijalankan pada 25 Februari 2023 yang lepas. IMPAC turut melibatkan antara lain Majlis Belia India Negeri Perak dalam program tersebut.

IMPAC juga akan mengadakan satu lagi sesi perbincangan bersama Ketua Belia Negeri Sembilan dalam masa terdekat bagi menerangkan peluang latihan di sektor perladangan. IMPAC juga sedang merancang beberapa lagi siri libat urus dengan beberapa NGO kaum India bagi sesi penerangan, promosi dan peluang latihan di IMPAC.

Saya ingin memanjang penghargaan saya kepada Yang Berhormat Senator Tuan Musoddak bin Ahmad yang telah menyentuh kepentingan semua agensi yang berkaitan komoditi getah untuk merangka hala tuju industri getah negara.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, kementerian sentiasa bekerjasama dengan mana-mana agensi yang terlibat dalam sektor getah bagi merangka hala tuju dan strategi serta pelaksanaan projek dan program untuk kemanfaatan industri getah negara. Kerjasama strategik ini juga termasuk juga penglibatan agensi seperti Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah ataupun RISDA, Lembaga Industri Getah Sabah (LIGS) dan Jabatan Pertanian Sarawak.

Berhubungan cadangan untuk menstrukturkan agensi ini di bawah satu kementerian, kementerian amat menghargai cadangan yang diberikan dan ini akan dibawa dan dibincangkan di peringkat kerajaan.

Bagi isu penyakit luruhan daun, LGM telah menerima peruntukan sebanyak RM10 juta bagi program kawalan luruhan daun *pestalotiopsis* (LDP). Kawasan di bawah skop kawalan LGM merupakan kawasan ladang getah milik agensi seperti FELDA, FELCRA, *The Malaysian Estate Owners' Association* (MEOA) dan Jabatan pertanian Sarawak. Bagi wilayah Sabah

dan Sarawak pula skop kawalan LGM meliputi pekebun kecil Sabah dan Sarawak. Keutamaan bagi kawasan penyakit ini diberikan kepada ladang getah matang yang sedang mengeluarkan hasil getah.

Pemilihan lokasi adalah berdasarkan permohonan yang diterima daripada agensi ataupun pekebun kecil dan lawatan bancian semakan susulan oleh LGM bersama dengan agensi. Selain LGM, agensi RISDA dan LIGS juga menerima peruntukan dalam program kawalan LDP di mana skop kawalan RISDA dan LIGS ialah pekebun kecil di bawah kawalan agensi masing-masing.

Seterusnya Yang Berhormat Senator Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan telah mencadangkan agar kerajaan meningkatkan lagi harga pasaran getah untuk memelihara kebajikan pekebun kecil getah di negara ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, harga getah asli bergantung kepada permintaan dan penawaran pasaran di peringkat global. Memandangkan syer pengeluaran Malaysia bagi tahun 2022 hanya 3.3 peratus daripada pengeluaran getah asli di dunia, maka kita tidak mempunyai kemampuan untuk mengawal harga getah asli. Seperti komoditi lain, getah asli juga berorientasikan eksport dan harganya ditentukan oleh permintaan dan penawaran antarabangsa.

Justeru beberapa inisiatif bagi mengurangkan dan dampak ketidakstabilan harga getah dan menstabilkan pendapatan pekebun kecil getah telah dilaksanakan oleh kerajaan seperti berikut. Pertamanya, memperkenalkan Insentif Pengeluaran Getah (IPG) sejak tahun 2015 di mana pelaksanaan ini pekebun kecil akan menerima harga getah berperingkat ladang ataupun *farm gate* 50 peratus kandungan getah kering sekurang-kurangnya pada harga RM2.50 sekilogram. Sejak pelaksanaan IPG pada September 2015 sehingga 31 Disember 2022, IPG telah diagihkan kepada 210,000 orang pekebun kecil di seluruh negara dengan nilai pembayaran sejumlah RM448 juta.

Kedua, bagi membantu menstabilkan pendapatan pekebun kecil dan memenuhi keperluan industri hiliran berasaskan lateks. Kerajaan juga melaksanakan program Insentif Pengeluaran Lateks (IPL). Program ini diwujudkan untuk memberi peluang kepada pekebun kecil getah bagi menambah pendapatan dengan memberi galakan untuk beralih kepada penghasilan susu lateks berbanding getah sekerap ataupun *cup lamp*. Bagi setiap peserta pekebun kecil getah yang menyertai program ini, mereka akan menerima insentif tunai sebanyak RM1 per sekilogram bagi 100 peratus KGK. Para peserta juga akan menerima bantuan dalam bentuk input pertanian seperti baja dan racun yang bernilai RM850 bagi setiap hektar secara *one-off*.

Selain dari IPG dan IPL, kerajaan juga telah melaksanakan Program Transformasi Perusahaan Getah Negara (TARGET). TARGET dilaksanakan melalui konsep koperasi pekebun kecil dan pengusaha ladang getah tempatan bertujuan untuk meningkatkan

pendapatan secara kluster pekebun kecil getah melalui penjualan getah krip. Projek ini dijangka dapat menambah nilai getah dan memberi pulangan dan pendapatan yang lebih baik kepada pekebun kecil. Selain itu kerajaan turut menyediakan bantuan musim tengkujuh yang diberikan ketika musim tengkujuh melalui RISDA.

Baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah mengumumkan bantuan khas Hari Raya Aidilfitri sebanyak RM200 kepada pekebun kecil getah, pesawah dan nelayan. Pekebun kecil getah juga telah mendapat manfaat bantuan Sumbangan Tunai Rahmah yang diperkenalkan oleh kerajaan yang merupakan bantuan tunai B40 dalam membantu rakyat berpendapatan rendah untuk menghadapi kos sara hidup yang semakin meningkat. Kerajaan juga menyalurkan bantuan banjir kepada para pekebun kecil yang terjejas yakni dilaksanakan melalui Kementerian Desa dan Wilayah.

Di samping itu MyROL turut di perkenalkan sebagai salah satu kaedah pemasaran getah melalui kaedah tender secara atas talian. Melalui MyROL, kecekapan dan rantai nilai getah peringkat ladang dapat ditingkatkan di mana pekebun akan menikmati harga yang lebih kompetitif kerana getah yang dijual berkualiti tinggi.

Berhubung isu jaminan proses pemutihan pekebun kecil getah adalah tepat dan tiada keciciran. AGM sentiasa komited dalam menjalankan proses pemutihan pekebun kecil getah bagi memastikan tiada keciciran dalam bantuan-bantuan kerajaan. Proses pemutihan dijalankan secara berterusan oleh pihak LGM dari semasa ke semasa bagi memastikan data Permit Autoriti Transaksi Getah (PAT-G) adalah terkini, tepat dan bersifat *real time*. Proses pemutihan ini melibatkan pemegang PAT-G di mana LGM merekodkan pekebun kecil yang menjual hasil getah daripada pekebun getah matang sahaja.

Seperti yang sedia maklum, syarat-syarat pemilikan PAT-G adalah pertamanya warga Malaysia, memiliki atau mengusahakan kebun getah dalam satu- negeri, jumlah keseluruhannya tidak melebihi 40.46 hektar, berumur 18 tahun ke atas, kebun getah telah matang. Bagi memastikan PAT-G sentiasa terkini, LGM membuat semakan status hidup atau mati pemegang PAT-G dengan kerjasama pihak Jabatan Pendaftaran Negara sebanyak dua kali setahun. Selaras dengan peraturan yang berkuat kuasa, mana-mana pemegang PAT-G yang meninggal dunia akan dibatalkan PAT-G mereka.

Oleh itu, pemerhatian juga dibuat dengan memastikan hanya pemegang PAT-G yang sah tempoh dan aktif mengurus niaga jualan getah dikekalkan dalam data PAT-G. Mana-mana pemegang PAT-G yang telah tamat tempoh dan tidak aktif akan dibatalkan pemilikan PAT-G mereka. Selain itu LGM sentiasa komited turun ke lapangan melalui pembukaan kaunter *one-stop-center* di seluruh Malaysia bagi menyantuni pekebun kecil dalam mempermudah urusan PAT-G dan juga IPG.

Berhubung dengan cadangan meningkatkan harga lantai getah sekerap kepada RM4 sekilogram, kementerian akan melaksanakan paras harga pengaktifan Insentif Pengeluaran Getah pada kadar RM2.70 sekilogram seperti mana yang diumumkan di dalam Bajet 2023. Berdasarkan asas anggaran yang dinyatakan pada PHP RM4 sekilogram jumlah peruntukan yang tinggi perlu disediakan oleh kerajaan yang dianggarkan sebanyak RM1.29 bilion. Oleh itu, sebarang kenaikan paras PHP IPG adalah tertakluk kepada kemampuan kewangan semasa kerajaan.

Bagi kerumitan untuk memohon dan mendapatkan insentif IPG yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Abdul Nasir bin Haji Idris, KPK memastikan kaedah pelaksanaan IPG sampai ke semua peringkat pekebun kecil dan pengusaha getah di Malaysia.

■1330

Berdasarkan Peraturan Lembaga Getah Malaysia (Pelesenan dan Permit) 2014, pekebun kecil diwajibkan memiliki Permit Autoriti Transaksi Getah (PAT-G). PAT-G merupakan permit jualan getah yang dikeluarkan secara percuma oleh LGM. Dengan adanya PAT-G, ia dapat membantu mempermudah penyaluran bantuan kerajaan kepada pekebun kecil dan mengekang kes kecurian getah di samping memberi kemudahan kepada pihak LGM untuk mengetahui statistik dan maklumat pekebun kecil yang berdaftar. Bagi menggalakkan pengeluaran getah, penyaluran IPG adalah bersifat menyeluruh dan merangkumi pemilik kebun getah dan juga pengusaha iaitu penoreh, berdasarkan tafsiran rasmi semasa pekebun kecil di Malaysia.

Pengusaha, penoreh juga layak untuk menerima bantuan IPG. Kerajaan menyalurkan bantuan IPG kepada kedua-dua pemilik dan penoreh dengan mengambil kira keperluan kedua-dua pihak. Pemilik kebun getah memerlukan bantuan IPG bagi membeli input pertanian seperti baja dan racun serta penyelenggaraan kebun. Manakala penoreh getah memerlukan bantuan untuk menampung kos sara hidup yang semakin meningkat.

Kerajaan melalui LGM telah memudahkan penyaluran bantuan seperti IPG. Mulai 1 Januari 2021, pembayaran IPG oleh LGM telah dibuat secara terus ke akaun bank pekebun kecil dan mereka tidak perlu lagi membuat permohonan secara manual di pejabat-pejabat LGM.

Pekebun kecil yang memiliki PAT-G diwajibkan untuk menjual getah kepada peniaga getah berlesen LGM yang mengguna pakai aplikasi RRIMniaga. RRIMniaga merupakan satu aplikasi telefon pintar yang dibangunkan oleh LGM untuk digunakan oleh peniaga getah berlesen LGM untuk merekodkan urusan jual beli getah.

Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai telah memohon KPK untuk mengemukakan justifikasi berkenaan penurunan peruntukan kempen antiminyak sawit. Untuk

makluman Yang Berhormat Senator, kementerian ini telah memohon peruntukan yang sama bagi tahun 2023, namun hanya diluluskan RM10 juta. Walau bagaimanapun, kementerian komited untuk melaksanakan program menggunakan peruntukan yang diterima secara optimum supaya mencapai sasaran yang ditetapkan.

Key performance indicator terhadap pelaksanaan aktiviti dan kempen antiminyak sawit iaitu peningkatan nilai eksport dalam sektor sawit. Sehingga 3 Mac 2023, nilai eksport bagi sektor sawit adalah sebanyak RM25 bilion, berbanding sasaran nilai eksport tahun 2023 sebanyak RM102 bilion.

Selain daripada itu, saya turut ingin memaklumkan bahawa pensijilan MSPO juga merupakan salah satu strategi untuk menangani kempen antiminyak sawit. Pensijilan MSPO turut diperkenalkan setiap kali misi promosi sawit Malaysia di luar negara.

Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai juga telah mencadangkan KPK meneliti kemungkinan menggunakan tenaga kerja sementara di Malaysia iaitu komuniti pelarian atau pemohon suaka untuk menangani isu kekurangan tenaga kerja dalam sektor perladangan. Untuk makluman, dasar semasa kerajaan di bawah Majlis Keselamatan Negara tidak membenarkan pelarian dan pemohon suaka untuk bekerja di semua sektor, termasuklah sektor perladangan. Walau bagaimanapun, sebelum ini terdapat projek rintis dilaksanakan oleh kerajaan yang membenarkan golongan pelarian ini bekerja. Namun, projek ini tidak berjaya dan perkara ini dalam kajian semula oleh pihak MKN.

Akhir sekali, Yang Berhormat Senator Datuk Lim Pay Hen telah memohon KPK untuk menyatakan bahawa adakah kerajaan sempat untuk menaik taraf daripada B10 kepada B30 seperti yang disasarkan dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas. Untuk makluman Yang Berhormat, pada ketika ini program B10 dalam sektor pengangkutan ialah mandatori di seluruh negara dan program B20 telah pun dilaksanakan di Langkawi, Labuan dan Sarawak kecuali di Bintulu.

Peluasan pelaksanaan program biodiesel kepada B20 dan B30 adalah tertakluk kepada ketersediaan infrastruktur pengadunan di depoh-depoh yang terlibat, yang akan mengambil masa sekurang-kurangnya tiga hingga empat tahun. Sehubungan itu, terdapat keperluan untuk menyemak semula sasaran yang ditetapkan dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas.

Jadi, di sebalik pelbagai cabaran yang kita hadapi dalam sektor agrikomoditi, kerajaan sentiasa komited untuk mendukung sektor agrikomoditi menerusi pelbagai usaha sebagaimana telah saya sampaikan sebentar tadi. Bagi memastikan produk agrikomoditi sentiasa berdaya saing, aspek pembangunan dan pengkomersialan teknologi akan terus diberi penekanan. Dengan itu, saya yakin bahawa semua isu yang telah dibangkitkan oleh

Ahli-ahli Yang Berhormat Senator dalam perbahasan ini telah pun saya jawab secara keseluruhannya.

Jadi, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat atas pandangan, cadangan dan juga teguran. *Insyah-Allah*, kita akan mengambil serius segala pandangan dan menambah baik segala usaha untuk kita tingkatkan komoditi negara kita bukan sahaja untuk menyumbang kepada ekonomi negara kita tetapi lebih utama bagaimana kita bersama dapat meningkatkan kehidupan pekebun-pekebun kecil dalam agrikomoditi. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Majlis dan Dewan mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, merangkap tanggungjawab yang beliau pikul sendiri lantaran menjawab sendiri pada petang hari yang berbahagia ini. [*Tepuk*]

Bukan itu sahaja, saya lihat masih ada satu minit sebentar tadi tetapi beliau telah selesai dengan tugas itu dalam tempoh yang diperskrripsikan. Terima kasih banyak, Yang Amat Berhormat. Saya sukacita menjemput Kementerian Pengangkutan selepas ini, sila.

1.36 tgh.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Haji Hasbi bin Habibollah]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas keprihatinan lapan orang Ahli Yang Berhormat Senator terhadap kementerian ini yang membahaskan dan menyentuh perkara-perkara di bawah bidang tugas Kementerian Pengangkutan. Saya, *insyallah* akan cerakinkan ucapan penggulungan saya ini kepada tiga sektor utama, mencakupi sektor udara, maritim dan darat.

Sektor udara. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memulakan ucapan dengan menjawab isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff. Pada masa ini, kerajaan sedang melaksanakan projek pembesaran dan menaik taraf Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra bagi tujuan menambah baik fasiliti serta meningkatkan kapasiti terminal lapangan terbang daripada 1.5 juta orang penumpang kepada 4 juta orang penumpang setahun dengan kos melebihi RM444 juta.

Surat setuju terima telah dikeluarkan pada 27 Mac 2021 dan setakat 25 Februari 2023, kemajuan sebenar projek ialah 18.74 peratus, berbanding jadual asal iaitu 47.56 peratus, kelewatan sebanyak 28.82 peratus. Kelewatan ini antara lainnya iaitu disebabkan kekurangan tenaga pekerja yang tempatan ataupun asing di tapak projek berikutan penularan wabak COVID-19 yang berlaku sebelum ini. Pihak kementerian sedang bekerjasama dengan pihak

kontraktor untuk menyelesaikan isu ini. Projek ini dijangka siap sepenuhnya pada 2 September 2024.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan Lapangan Terbang Sultan Mahmud dinaik taraf sebagai lapangan terbang antarabangsa. Untuk makluman Yang Berhormat Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail, Lapangan Terbang Sultan Mahmud di Kuala Terengganu berperanan sebagai *feeder* kepada lapangan-lapangan terbang antarabangsa ini. Walaupun LTSM tidak dikategorikan sebagai lapangan terbang antarabangsa ataupun hab penerbangan serantau, namun ia masih boleh mengendalikan operasi penerbangan antarabangsa berjadual dan tidak berjadual seperti mana lapangan-lapangan terbang domestik yang lain, seperti di Kota Bharu, Melaka, Kuantan dan Ipoh. Kedudukan LTSM pada masa in ialah lapangan terbang domestik kelapan tersibuk di Malaysia.

LTSM mencatatkan jumlah pengendalian penumpang pada tahun 2019 iaitu sebelum COVID-19 melebihi 0.91 juta orang. Namun, jumlah ini berkurangan pada tahun 2020 dan 2021 dengan masing-masing hanya mencatatkan jumlah penumpang melebihi sebanyak 0.3 juta dan 0.16 juta orang, berikutan sekatan perjalanan oleh kerajaan bagi membendung wabak COVID-19.

■1340

Selanjutnya, jumlah penumpang kembali mencatat peningkatan pada tahun 2022 iaitu melebihi 0.61 juta. Pada masa ini, kapasiti LTSM mampu menampung sehingga 1.5 juta orang penumpang dan masih mencukupi untuk menampung jumlah peningkatan penumpang pada masa akan datang.

Dalam hubungan ini, Kementerian Pengangkutan senantiasa menggalakkan syarikat-syarikat penerbangan Malaysia dan asing untuk menyediakan dan menambah kekerapan perkhidmatan penerbangan bagi laluan-laluan domestik dan antarabangsa ke LTSM. Pada masa ini, operasi penerbangan ke dan dari LTSM hanya melibatkan penerbangan bagi laluan domestik sahaja bagi laluan Kuala Lumpur-Subang dengan jumlah kekerapan penerbangan sebanyak 62 kali seminggu.

Justeru, sebarang cadangan untuk menyedia dan menambah kekerapan jadual penerbangan bagi mana-mana laluan termasuk laluan ke LTSM merupakan perancangan yang ditentukan sendiri oleh syarikat-syarikat penerbangan berdasarkan, dengan izin, *commercial viability* sesuatu laluan dan tertakluk kepada kelulusan daripada Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) dan Pihak Berkuasa Penerbangan Awam (CAAM) sebelum ia dapat dilaksanakan. Prinsip yang sama juga terpakai kepada mana-mana lapangan terbang domestik di negara ini termasuklah Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra yang sering dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat.

Tujuan utama pelaksanaan projek ERCL pula adalah untuk menyediakan perkhidmatan rel antara bandar yang menghubungkan bandar-bandar utama di Pantai Timur dan Kuala Lumpur. Perkhidmatan ini akan memberikan tambahan atau alternatif mod pengangkutan awam selain daripada pengangkutan udara melalui LTSM kepada penduduk setempat termasuk mereka yang tinggal di sekitar negeri Terengganu. Perkara ini akan memperkukuhkan kesalinghubungan antara penduduk di Pantai Timur dengan ibu kota Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua, isu masalah tandas dan penyaman udara Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu. Untuk makluman Yang Berhormat Senator Datuk John Ambrose, Kementerian Pengangkutan melalui MAHB amat komited dalam memastikan kualiti perkhidmatan di semua lapangan terbang antarabangsa termasuk Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu berada pada tahap yang terbaik. Pihak MAHB telah dan sedang mengambil tindakan penambahbaikan pada tahun 2023 seperti berikut:

- (i) pembaikan *chiller* penyaman udara yang telah selesai pada minggu lepas dan akan kembali beroperasi seperti biasa pada hari Rabu ini, *insya-Allah* esok hari;
- (ii) projek pengubahsuaian empat set tandas yang akan dilakukan secara berperingkat sehingga tahun 2024;
- (iii) menaik taraf sistem siar raya bagi meningkatkan kualiti bunyi yang dihasilkan untuk memastikan pengumuman atau informasi dapat disampaikan dengan jelas kepada pengguna lapangan terbang;
- (iv) penggantian troli bagasi yang telah uzur bagi memastikan jumlah troli bagasi yang boleh beroperasi adalah mencukupi dan selamat untuk digunakan;
- (v) menambah baik keadaan kerusi di ruangan menunggu di seluruh kawasan terminal bagi memberikan keselesaan kepada pengguna lapangan terbang; dan
- (vi) pembaikan sistem daftar masuk melalui sistem penggunaan *Common Use Passenger Processing System* dengan izin, di semua kaunter daftar masuk bagi tujuan melancarkan aliran penumpang.

Sektor maritim. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Senator Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff, Pelabuhan Tok Bali pada masa ini bukanlah merupakan pelabuhan komersial yang menguruskan kargo atau kontena seperti Pelabuhan Klang, Kuantan, Kemaman, Tanjung Pelepas dan lain-lain. Pelabuhan Tok Bali merupakan sebuah pelabuhan bekalan ataupun *supply base*, dengan izin, yang menyokong aktiviti luar pesisir

pantai bagi sektor minyak dan gas terutamanya di kawasan utara antara Semenanjung Malaysia dan Thailand di bawah platform kerjasama *Malaysia-Thailand Joint Development Area* (MTJDA).

Pelabuhan ini dimiliki dan dioperasi oleh pihak swasta sepenuhnya iaitu TB Supply Base Sdn. Bhd. Dalam hubungan ini, Kementerian Pengangkutan tiada perancangan untuk menaik taraf pelabuhan ini. Sekiranya terdapat sebarang perancangan untuk menaik taraf pelabuhan ini kepada pelabuhan komersial, kajian kebolehlaksanaan perlulah dijalankan terlebih dahulu. Ini disebabkan jumlah pelaburan yang besar diperlukan bagi membina sebuah pelabuhan komersial.

Tambahan daripada itu, kesemua pelabuhan persekutuan di bawah kawal selia Kementerian Pengangkutan telah diswastakan di mana kos pembangunan dan operasi pelabuhan-pelabuhan ini di bawah tanggungjawab syarikat konsesi yang telah dilantik oleh kerajaan. Kerajaan tidak lagi menyediakan sebarang peruntukan bagi membangun, menyelenggarakan dan mengoperasikan pelabuhan-pelabuhan ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff, perkara ini adalah di bawah bidang tugas Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia di bawah Kementerian Dalam Negeri iaitu berkaitan dengan pembinaan Kompleks Maritim Negeri Kelantan di sekitar muara Tok Bali.

Tuan Yang di-Pertua, isu Pelabuhan Kontena Teluk Sepanggar. Untuk makluman Yang Berhormat Senator Datuk Bobbey Ah Fang bin Suan, Pelabuhan Kontena Teluk Sepanggar adalah di bawah kawal selia Kerajaan Negeri Sabah. Dalam hubungan ini, Lembaga Pelabuhan-pelabuhan Sabah melalui syarikat konsesinya iaitu Sabah Ports Sdn. Bhd. (SPSB) mempunyai perancangan strategik untuk pemposisian Pelabuhan Kontena Teluk Sepanggar sebagai hab pelabuhan kontena di rantau BIMP-EAGA. Strategi ini adalah tertumpu kepada peningkatan kapasiti infrastruktur dan juga meningkatkan kecekapan pelabuhan melalui projek pembesaran pelabuhan tersebut.

Antara inisiatif yang telah diambil adalah seperti berikut. Pertama, peruntukan telah diperoleh daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM1.027 bilion untuk melaksanakan pembesaran Pelabuhan Kontena Teluk Sepanggar sebagai, dengan izin, *transshipment hub*. Dana Kerajaan Persekutuan ini diuruskan oleh Sabah *Economic Development and Investment Authority* (SEDIA), dengan izin, di bawah *Sabah Development Corridor* (SDC) dengan izin.

Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah merupakan pemilik projek manakala Sabah Ports Sdn. Bhd. bertindak sebagai pelaksana projek. Kontraktor yang telah diamanahkan iaitu WCT Holdings Berhad, China Communication Construction Company Sdn. Bhd. (WCT-

CCCC) telah pun memulakan pelaksanaan projek tersebut sejak September 2021. Projek pembesaran pelabuhan ini dijangka siap pada tahun 2025 bulan Julai.

Kedua, peningkatan kapasiti pelabuhan kontena daripada 500 ribu TEUs ke-1.2 juta TEUs. Projek pembesaran pelabuhan ini akan melibatkan pemanjangan pelabuhan daripada 500 meter ke-833 meter dan pendalaman pelabuhan akan dilaksanakan daripada 12 meter ke kedalaman 14 meter.

Ketiga, menggunakan kelengkapan pelabuhan yang berteknologi tinggi. Ini akan meningkatkan kecekapan pelabuhan agar dapat berdaya saing dengan pelabuhan-pelabuhan lain di rantau ini.

Keempat, memposisikan Pelabuhan Kontena Teluk Sepanggar sebagai *transshipment hub* di rantau ini iaitu BIMP-EAGA yang mana akan dijadikan pusat pengumpulan kargo.

Sektor darat. Tuan Yang di-Pertua, isu kemudahan OKU. Saya ingin memulakan ucapan saya bagi menjawab isu-isu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk (Dr.) Ras Adiba binti Mohd Radzi. Kementerian Pengangkutan senantiasa komited dalam memastikan perkhidmatan pengangkutan awam adalah inklusif dan mudah diakses oleh semua golongan rakyat di negara ini.

■1350

Pada masa ini, tambang percuma kepada OKU diberikan kepada pengguna perkhidmatan Keretapi Tanah Melayu (KTMB) bagi Komuter Lembah Klang, Komuter Utara, dan Shuttle Timuran (DMU) laluan Gemas-Tumpat bermula 15 Februari 2023 sehingga 14 Februari 2024.

Bagi semua perkhidmatan bas dan rel di bawah kendalian Rapid KL, Prasarana turut menawarkan diskaun 50 peratus kepada golongan OKU. Secara amnya, kesemua stesen di bawah kendalian Rapid KL mempunyai kemudahan mesra OKU seperti *tactile* untuk OKU penglihatan, laluan kerusi roda, *elevator* dengan *braille* dan tandas mesra OKU. Beberapa buah stesen di laluan monorel telah dikenal pasti memerlukan kerja-kerja penaiktarafan fasiliti yang kini sedang dalam perancangan seperti penyediaan lif, *automatic platform gate*, dengan izin, dan infrastruktur mesra OKU yang lain. Secara umumnya, setiap *train* di bawah kendalian Rapid KL dilengkapi dengan kemudahan sistem interkom dua hala untuk tujuan kecemasan dan kemudahan golongan OKU.

Mengenai skrin kamera dua hala, pihak Prasarana mengambil maklum dan akan menjalankan kajian terperinci terhadap kebolehlaksanaan dan juga kos pelaksanaan.

Rapid Bus, anak syarikat Kumpulan Prasarana ialah pengendali perkhidmatan bas di Lembah Klang (Rapid KL), Pulau Pinang (Rapid Penang) dan Kuantan, Pahang (Rapid Kuantan) dengan jumlah 1,633 unit bas yang mesra OKU. Antara fasiliti yang disediakan

termasuk rem untuk yang berkerusi roda, selain dilengkapi dengan sistem hidraulik bas yang boleh merendahkan badan bas agar sama ketinggian dengan bebendul jalan ataupun *curb*.

Tuan Yang di-Pertua: Banyak lagi, Yang Berhormat, panjang lagi? Ada lagi masa.

Datuk Haji Hasbi bin Habibollah: Sikit lagi, sikit lagi. *Insya-Allah*, boleh. Sampai mana yang inilah,

Tuan Yang di-Pertua: *Insya-Allah*.

Datuk Haji Hasbi bin Habibollah: Okey, Rapid Bas juga turut menyediakan dua buah van Rapid Mobiliti di Pulau Pinang dan satu di Kuala Lumpur untuk melancarkan pergerakan dan menyokong keperluan pengangkutan pintu ke pintu bagi golongan OKU khususnya mereka yang mempunyai kemampuan mobiliti fizikal yang terhad. Tempahan boleh dibuat dengan menghubungi talian 03-78852585 dalam laman sesawang *myrapid.com.my*.

Selain itu, kementerian turut mengadakan lima sesi audit aksesibiliti di lokasi berlainan setiap tahun demi penambahbaikan tahap aksesibiliti. Sebagai contoh, bagi tahun 2022, audit telah diadakan di Stesen Monorel Bukit Bintang dan Terminal Bas Seksyen 17, Shah Alam. Sebagai tambahan- turut dianjurkan latihan dan kursus bagi mempertingkatkan perkhidmatan untuk menyantuni golongan OKU agar dapat menikmati kemudahan pengangkutan awam yang disediakan kerajaan.

Isu kekurangan pemandu bas. Untuk makluman Yang Berhormat Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff, secara purata, syarikat-syarikat bas mengalami masalah kekurangan pemandu di antara 20 hingga 30 peratus daripada jumlah pemandu yang diperlukan dengan anggaran kekurangan pemandu mencapai sehingga 3,000 orang pemandu ketika ini. Antara langkah yang akan diambil oleh pihak kementerian ialah dengan memperkenalkan semula program MyPSV yang sebelum ini dilaksanakan di bawah Jabatan Pengangkutan Jalan bagi memudahkan orang ramai memperoleh lesen PSV untuk menjadi pemandu dengan penambahbaikan syarat penyertaan berbanding sebelumnya.

Perkara berkaitan dengan My50 dan BRT. Untuk makluman Yang Berhormat Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim, bagi SBST Kuching, Kementerian Pengangkutan Malaysia bersama LPKP Sarawak dan MOT Sarawak telah memulakan perbincangan berkaitan pelaksanaan program SBST ke negeri berkenaan. Kertas perincian berkaitan bilangan laluan, jumlah dan jenis bas yang akan digunakan untuk SBST Kuching sedang diteliti bersama oleh Kementerian Pengangkutan Malaysia, LPKP Sarawak dan MOT Sarawak dan akan disusuli sewajarnya berdasarkan peruntukan kewangan yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan.

Melihat kepada kejayaan penggunaan Pas Bulanan Tanpa Had My50 kendalian Prasarana dalam meningkatkan bilangan penumpang serta meringankan kos sara hidup rakyat, kerajaan telah melancarkan inisiatif pas bulanan tanpa had dengan kos RM50 sebulan bagi rangkaian perkhidmatan myBAS di bawah program SBST yang akan dilaksanakan mulai

tahun 2023. Pas yang dinamakan sebagai myBAS50 ini pula telah dimulakan di bawah program SBST Johor Bahru dan akan diperluaskan kepada kesemua rangkaian SBST seluruh negara secara berfasa.

Isu lesen PSV. Untuk makluman Yang Berhormat Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan, bagi program MyPSV, kerajaan akan menanggung seluruh kos yang terlibat merangkumi pendaftaran, insurans peserta, kursus teori, ujian teori, latihan praktikal, ujian praktikal dan cetakan lesen. Bagi program MyPSV ini juga, kerajaan akan menanggung kos ujian ulangan bagi peserta yang gagal untuk kali yang pertama sahaja bagi ujian teori dan praktikal.

Lesen vokasional ialah peraturan yang diwajibkan di bawah Akta Pengangkutan Jalan yang membenarkan seseorang menjadi pemandu kenderaan perkhidmatan awam atau kenderaan barangan yang mana peraturan ini turut terpakai kepada pemandu e-hailing dan p-hailing. Bagi tujuan pengawalseliaan perkhidmatan p-hailing, pindaan Akta 333, Akta 334 dan Akta 715 akan dilaksanakan bertujuan mewujudkan punca kuasa bagi ketetapan. Ia sedang dibentangkan di Dewan Rakyat oleh Menteri Pengangkutan.

Kementerian Pengangkutan telah menerima sebanyak 13 laporan polis yang telah dibuat oleh orang awam berhubungan dengan kes dan aduan penipuan lesen terbang yang dilakukan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Laporan ini diterima dan disusuli dengan tindakan oleh pihak Polis Diraja Malaysia bermula tahun 2017 sehingga 2022.

Sedikit lagi, Tuan Yang di-Pertua. Saya habiskan alang-alang. Antara tawaran-tawaran palsu yang telah dijanjikan melalui iklan di media-media sosial seperti tawaran untuk mendapatkan lesen memandu secara cepat dan harga yang amat rendah berbanding dengan harga yang ditawarkan oleh kebanyakan institut-institut memandu. Kementerian Pengangkutan telah mengadakan jalinan kerjasama dengan pihak Kementerian Komunikasi dan Digital bagi mengatasi isu ini dengan menghalang penipuan iklan tersebut dalam media sosial daripada terus memperdayakan orang ramai.

Ini isu *high-speed rail*. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Senator Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee, Kementerian Pengangkutan telah meneliti semua aspek pembinaan projek dan berpandangan sebuah model kerjasama inisiatif swasta perlu diterokai dengan lebih lanjut.

Pihak swasta yang berkemampuan daripada segi teknikal dan kewangan perlu dilibatkan bagi memastikan kelestarian operasi dalam jangka masa panjang. Pada masa ini, pihak syarikat pelaksana projek *high-speed rail* iaitu MyHSR Corporation Sdn. Bhd. sedang menyediakan dokumen tawaran *request for information* untuk menjemput pihak-pihak yang berminat untuk melaksanakan projek ini secara PFI. Diharapkan dengan penglibatan pihak swasta akan dapat menyumbang kepada kecekapan pembinaan agar rakyat dapat menikmati kemudahan HSR dalam masa yang paling singkat.

Untuk makluman Yang Berhormat Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff, projek laluan ECRL. Tuan Yang di-Pertua, minta?

Tuan Yang di-Pertua: Buat apa yang disebut sebagai ringkasan lagi bagus.

Datuk Haji Hasbi bin Habibollah: *Insyaa-Allah.*

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Haji Hasbi bin Habibollah: Iaitu tentang isu projek ECRL. Untuk makluman Yang Berhormat Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff, ia merangkumi empat buah negeri iaitu Kelantan, Terengganu, Pahang dan Selangor, sepanjang 665 kilometer iaitu dari Kota Bharu hingga ke Port Klang, Selangor dengan 20 buah stesen yang akan dibina. Setakat ini, pencapaian kemajuan projek ialah sebanyak 39.64 peratus dan akan menyaksikan tahun 2023 sebagai tahun puncak pembinaannya melibatkan kerja-kerja struktur seperti *beam launching*, pembinaan stesen, pemasangan landasan dan sebagainya.

■1400

Di samping itu juga, kerja-kerja awalan di terowong-terowong juga bermula di Terowong Gombak dan Terowong Serendah yang terletak di negeri Johor. Kerja-kerja pengorekan telah bermula di Terowong Genting yang merupakan satu-satunya berkembar bagi Projek ECRL yang dikorek menggunakan kaedah *tunnel boring machine* (TBM), dengan izin. Seterusnya, pengambilan tanah yang terlibat dalam negeri Selangor telah diwartakan di bawah seksyen 8, Akta Pengambilan Tanah 1960.

Saya beralih terus kepada RTS. Yang Berhormat Senator Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee, Kementerian Pengangkutan sentiasa memantau perkembangan projek bagi memastikannya ia dilaksanakan dalam jadual yang ditetapkan. Sehingga 31 Mac 2023 ini, status kemajuan pelaksanaan Projek RTS Link ialah sebanyak 32.42 peratus bagi kerja-kerja infrastruktur.

Akhir sekali bagi pihak Kementerian Pengangkutan, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah membahaskan isu-isu berkaitan dengan Kementerian Pengangkutan dan saranan yang dikemukakan. Sekian, terima kasih.

Datuk (Dr.) Ras Adiba binti Mohd Radzi: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Dewan mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Sampai masa bagi Dewan mendengar jawapan dan huraian daripada Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan. Silakan.

2.01 ptg.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan [Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, selamat berpuasa kepada semua dan kalau tidak bertemu lagi, selamat menyambut Hari Raya Aidilfitri. Seramai 15 orang mengambil bahagian semasa debat Titah Diraja, begitu juga angkanya, ertinya ramai para Senator mengambil berat soal pertanian dan keterjaminan makanan sebab sekarang ini dunia sedang menghadapi masalah keterjaminan makanan, termasuk di Eropah, inflasi di negara mereka begitu tinggi, di antaranya harga makanan naik melambung.

Oleh itu, para Senator yang mengambil berat hal pertanian dan keterjaminan makanan ini amat saya alu-alukan supaya kita dapat bertindak bersama dalam menghadapi suasana yang berlaku, soal *food security* yang terus melanda dunia sekarang ini.

Yang Berhormat Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli mencadangkan supaya kerajaan berusaha untuk memodenkan pertanian. Ini sedang diusahakan secara giat, termasuklah peruntukan RM300 juta dalam RMKe-11. Tahun 2023 sahaja sebanyak RM114 juta sektor ini diperuntukkan supaya mereka yang ingin terlibat dalam pemodenan ini mendapat nasihat bantuan dan sokongan daripada pelbagai agensi yang ada di kementerian ini.

Program ini telah dilaksanakan merangkumi pembangunan infrastruktur dan modal insan bagi meningkatkan pengetahuan teknikal kejuruteraan pertanian serta pemindahan teknologi. Ia boleh didapati sekarang sama ada di pihak swasta yang mengusahakan atau daripada pihak penyelidikan kerajaan.

KPKM juga menerusi Agrobank telah memperkenalkan Program Modenisasi Rantaian Nilai Agromakanan dengan peruntukan sebanyak RM60 juta dalam bentuk kemudahan pembiayaan. Kadar kemudahan pembiayaan ialah 3.5 peratus. Nilai maksimum RM1 juta untuk boleh dibantu oleh Agrobank. Peruntukan kepada Agrobank tahun ini dipertingkatkan. Oleh itu, mereka yang berminat dalam hendak memodenkan pertanian mereka, sila mendekati agensi-agensi kementerian dan Agrobank supaya dapat kita menyelaraskan segala bentuk tindakan ke arah pemodenan pertanian ini.

KPKM melalui jabatan dan agensi di bawahnya turut menjalankan kerjasama strategik dan kolaborasi dengan institusi-institusi pengajian tinggi. Misalnya, kolaborasi Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) bersama Universiti Teknologi PETRONAS, pembangunan produk nutrisi berasaskan kopi. Kolaborasi DOF, bahagian perikanan bersama Universiti Islam Antarabangsa dalam projek penyelidikan dan pembangunan pengurusan kesihatan ikan.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail, sekali lagi rakan saya bertanya, mencadangkan supaya kerajaan perlu memberi penekanan kepada kepentingan *precision*

agriculture bagi meningkatkan hasil keluaran pertanian yang lebih berkualiti dan harga yang lebih berpatutan. Ini sedang diusahakan dan banyak pihak sekarang sedang membuat terutamanya *modern farming* boleh dibuat kadangkalanya di hadapan rumah.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, *precision agriculture* merupakan konsep pertanian moden yang membolehkan petani mengawal aktiviti seperti pembajaan, pengairan dan makhluk perosak melalui penggunaan kombinasi teknologi seperti sistem kedudukan global, sensor, dron, kecerdasan buatan (AI).

Kerajaan telah melancarkan beberapa dasar untuk mempercepatkan transformasi pertanian pintar atau *precision agriculture* di Malaysia;

- (i) Dasar Revolusi Perindustrian Keempat;
- (ii) Dasar Agromakanan Negara 2021-2030; dan
- (iii) Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara;

Bajet diterima dalam RMKe-12 *precision farming* ini RM12 juta bagi tempoh bagi tempoh 2021-2023.

Datuk (Dr.) Ras Adiba binti Mohd Radzi: Mohon menceleh, Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu: Siapa...?

Datuk (Dr.) Ras Adiba binti Mohd Radzi: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* Yang Berhormat Menteri, saya ingin bertanya *precision farming* ini. Adakah komuniti kami OKU boleh diberi peluang? Adakah kami ini dalam perancangan? Ini kerana saya kira kami juga menghadapi masalah makanan ini. Jadi, saya mohon Yang Berhormat Menteri menjawab, terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu: Tersangatlah boleh. Sebenarnya bukan OKU, kelainan upaya. Banyak orang OKU, upaya mereka kadangkala melebihi upaya orang yang ada tulang empat kerat. Ini dapat dilihat dalam beberapa program dan perkara yang dilakukan. *Insyallah* kalau ada pihak kelainan upaya ataupun OKU ini datang, kita akan usahakan memberi, mencari sokongan dan bantuan. Faedah daripada penggunaan sistem dan aplikasi yang dibangunkan. Pemantauan pertumbuhan secara masa nyata meningkatkan produktiviti dan seterusnya yang kita buat dari semasa ke semasa.

Contoh, projek perintis penggunaan teknologi *precision agriculture* yang telah dilaksanakan oleh Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) ialah di kawasan sawah padi MADA, FELCRA di Kedah dan di Perak yang menunjukkan penjimatan penggunaan baja sehingga 25 peratus per hektar. Kos operasi buruh juga dapat dikurangkan sehingga 50 peratus, terutama apabila sekarang ini dron digunakan agak secara- bukan

meluas lagi, secara meningkat sekarang, terutama di sebelah seberang Perak, di Sekinchan dan juga di Kedah sekarang ini.

Teknologi ini dapat membuatkan keputusan yang betul dan tepat pada masa, tempat dan kaedah. Aktiviti pertanian seperti proses pembajaan dan penyiraman dapat direkodkan dari semasa ke semasa. Sama ada keadaan cuaca seperti suhu, jumlah hujan turun mampu dicatatkan. Penggunaan teknologi ini mampu memendekkan tempoh penanaman, sekali gus mengurangkan kos pengeluaran dan meningkatkan keuntungan petani.

■1410

Teknologi ini mampu mengeluarkan hasil pertanian yang lebih berkualiti kerana input yang diperlukan oleh tanaman seperti air, baja dan kawalan perosak dapat ditentukan jumlahnya dengan betul, pada masa yang tepat. Hasil pertanian juga dapat dikeluarkan pada harga yang berpatutan.

Memang, hal yang saya sebut tadi, dalam mukadimah tadi, hal makanan dan keterjaminan makanan dicakapkan oleh semua orang. Kita hendak balik sekejap lagi, kita nak tanya, buka puasa makan apa? Ertinya, makanan. Kita tidak tanya, hendak tidur pakai tilam mana, sebab tilam itu mungkin kita pakai lima tahun baru tukar. Akan tetapi makanan, harian.

Sebab itulah, semua orang, semua pihak Senator juga amat mengambil berat hal keterjaminan makanan ini. Saya ucap tahniah dan terima kasih kepada semua.

Ahli Dewan Negara Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah. Yang mana satu, ya? Yang Berhormat Senator Datuk Noraini binti Idris- tak perlu bangun. Nampak sudah, terang cahayanya... *[Ketawa]* Bertanya tentang inisiatif penanaman jagung bijian, yang merangkumi isu berkaitan dengan keluasan bertanam benih yang sesuai, isu iklim dan kenaikan input pertanian serta subsidi bagi penanaman jagung bijian.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, KPKM telah membangunkan Program Pembangunan Jagung Bijian Negara melalui Program Pembangunan Industri Jagung Bijian bermula 2016, dengan matlamat untuk mengurangkan 30 peratus import jagung bijian negara menjelang 2032.

Sekarang, kita import amat tinggi. Harga jagung naik melambung, maka harga yang bersangkut-paut dengan makanan ayam dan sebagainya, akan naik juga. Fasa pembangunan jagung bijian ini merangkumi tiga fasa dengan penglibatan pelbagai jabatan agensi koperasi, syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan swasta.

Fasa pengukuhan- tadi mula-mula, fasa rintis 2016-2022. Fasa pengukuhan 2023-2027. Fasa pengembangan 2028-2032. Sepanjang pelaksanaan projek fasa rintis dari 2016-2022, jumlah keluasan penanaman 301 hektar, dengan hasil pengeluaran 847.24 tan metrik tahun 2022. Penanaman jagung biji ini telah menggunakan benih import dan deverifikasi oleh

agensi di bawah kementerian yang mempunyai pengeluaran optimum dan rintang terhadap penyakit.

Selain itu, KPKM melalui MARDI sedang membangunkan benih jagung tempatan untuk pasaran komersial. Isu perubahan iklim dan kenaikan kos input pertanian merupakan dua cabaran utama dalam memastikan kebolehpayaan penanaman jagung bijian di Malaysia.

Untuk mengurangkan impak negatif perubahan iklim kepada penanaman jagung bijian- kajian R&D yang dijalankan oleh Pembangunan Model Ramalan dan *Decision Support System* untuk penetapan musim penanaman. Ertinya, pihak ini akan memberi cadangan.

Misalnya, kalau di Perlis, sepatutnya ditanam bulan berapa. Kalau di Pulau Pinang, begitu juga. Kalau di Johor- sebab musim taburan hujan, kadangkalanya tidak sama di seluruh Malaysia ini. Selain itu, di bawah RMKe-12, kementerian melalui Jabatan Pertanian telah menyediakan insentif bagi menggalakkan penanaman jagung bijian seperti berikut: RM20,000 dengan keluasan 10 hektar bagi individu dalam bentuk input pertanian.

Ertinya, dia boleh memohon bantuan. *Reinvestment* perladangan dengan kadar 40-60, dengan keluasan minimum 25 hektar bagi syarikat dan koperasi maksimum RM250,000 bayaran semula tuntutan bagi penambahbaikan infrastruktur seperti pagar, sistem pengairan dan lain-lain.

Kadar 40 peratus kerajaan dan 60 peratus syarikat. So, sila, pelbagai pihak, tolong uar-uarkan, ambil peluang dalam hal ini untuk penanaman jagung *grain corn* ini. *Matching grant* dengan kadar 40-60 dengan nilai maksimum RM250,000 bagi syarikat. Kadar 40 peratus kerajaan, 60 peratus syarikat. Syarikat perlu bertindak selaku *service provider* kepada petani-petani kecil di kawasan...

Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol: Yang Berhormat Menteri, boleh saya bertanya satu pencerahan tentang jagung nanti. Adakah kerajaan ada melantik *stakeholder* atau pun, pembeli bagi jagung-jagung tersebut? Oleh sebab sekarang ini, masalah macam di Sarawak, banyak yang tanam nanas tetapi *marketing* pasaran susah untuk mendapatkannya. Apakah peraturan kerajaan dengan penanaman jagung bijirin ini nanti? Terima kasih.

Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu: Jagung bijirin sekarang ini tidak ada masalah dari sudut pembeliannya. Bahkan, sudah ada beberapa buah syarikat yang datang, belum lagi kami luluskan, tetapi di peringkat perbincangan. Kalau jagung ini banyak, mereka boleh buat seperti BERNAS untuk membeli jagung-jagung ini, tetapi belum lagi di peringkat penghasilan. Ini hanya di peringkat awalan cadangan.

Pihak kerajaan akan bersedia untuk menerima cadangan-cadangan dan sebagainya supaya bila dikeluarkan jagung nanti, tidak sampai jagung itu tidak laku. Hal ini kerajaan jamin

supaya ia berada dalam pasaran dan boleh kita gunakan sebaik mungkin untuk makanan ternakan. Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah, Tuan Abdul Nasir...

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan pokok yang terkait dengan jagung, tetapi pokok sama dengan jagung, produknya sangat besar, iaitu sorgum. Saya fikir, kementerian boleh membuat kajian. Sekarang, Indonesia antara pengeluar sorgum yang agak besar, juga *Philippine*, dan paling- sejenis *hardy plant* yang boleh ditanam di kawasan savana, apalagi di Malaysia yang begini. Cadangan saya, terima kasih.

Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu: Ya. Sebarang usaha untuk mengeluarkan semaian baharu, kita akan menyokong. Memang, kita lihat Indonesia sekarang ini memang tumpu dalam bidang pertanian sehingga negara mereka yang hampir 300 juta orang, beras mereka *self-sufficient*. Jadi, kita yang 33 juta orang ini masih lagi mengimport 35 peratus.

Kita patut berusaha dengan benih-benih baharu, apa nama benih dan sebagainya sedang diusahakan, termasuk kolaborasi dengan negara-negara luar, soal benih dan sebagainya. Begitu juga, apa yang dicadangkan oleh saudara Yang Berhormat Senator kita tadi, amat kita ambil perhatian.

Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah, Yang Berhormat Senator Tuan Abdul Nasir, Yang Berhormat Senator Datuk Noraini binti Idris menyatakan kebimbangan berhubung pergantungan negara yang tinggi terhadap import bekalan makanan. Semua orang bimbang. Oleh sebab itu, soal sekuriti makanan ini yang kita jamin, makanan itu mesti ada. Itu yang paling penting, mesti diusahakan.

Untuk makluman Yang Berhormat, seperti mana yang saya telah maklumkan ketika menjawab Dewan Rakyat sebelum ini, kita tidak menafikan bahawa sumber import menyumbang kepada keterjaminan makanan negara. Misalnya, kita- bawang. Kena import, ubi kentang, kubis, kelapa. Banyak sekarang ini yang kita lihat import, terutama tadi, jagung, soya. Ini semua import. Oleh sebab itu, import itu tinggi.

Kita kena usaha supaya di dalam negeri ini kita usahakan untuk memperbanyakkan supaya dapat dikurangkan import itu pada masa yang akan datang, terutama yang boleh diusahakan di Malaysia.

■1420

Untuk makluman, terdapat komoditi makanan yang tidak dapat dihasilkan secara domestik. Jadi, kita fahamlah, macam bawang kita boleh tanam dia naik daun, bawangnya tidak ada, daun bawang banyak, tapi bawang banyak kita dapat dan mudah didapati seperti di India.

Sehubungan dengan itu, pelbagai inisiatif jangka pendek dan jangka panjang yang telah dilaksanakan memberi fokus kepada pengeluaran domestik komoditi asas. Misalnya kita cuba sekarang menghasilkan pengeluaran jagung bijian sebanyak 600,000 tan metrik yang

dapat mengurangkan penggantungan import bahan makanan ternak sebanyak 30 peratus. Ini yang sedang kita usahakan. Membangunkan bahan makanan ternakan seperti *black soldier fly* dan daripada *palm kernel* iaitu daripada kelapa sawitlah sedang diusahakan secara besar-besaran sekarang ini.

Black soldier fly baru di Malaysia ini tetapi di Thailand telah digunakan begitu meluas. Apabila ayam memakan *black soldier fly* ini, hanya beberapa ekor sahaja, dia punya pembesaran, kegemukan dia itu seperti makan *grain corn* dan juga makanan yang lain. Ini juga yang telah diusahakan secara besar-besaran di Thailand dan di Malaysia sekarang sedang juga diusahakan dibawa teknologi itu ke sini.

Memperkasa industri benih tempatan bagi mengurangkan penggantungan negara kepada import pertanian. Melaksanakan kolaborasi strategik yang sedang diusahakan. Oleh sebab hal sekuriti makanan ini masalah global sekarang ini, kita bekerjasama dengan Lembaga Tabung Angkatan Tentera, FELDA, FELCRA dan RISDA khusus untuk meningkatkan pengeluaran ternakan dan jagung bijian untuk makanan ternakan. Ertinya, bawah- saya hendak pergi perkara yang saya anggap penting untuk saya umumkan di sini.

Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Ahmad Azam lagi, dia banyak berkisarkan hal AP. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, kerajaan melalui KPKM membenarkan pengimportan untuk menangani isu kekurangan bekalan produk yang belum mencapai kadar SSR yang disasarkan serta bagi produk yang tidak ekonomik, tidak sesuai untuk dihasilkan dalam negara disebabkan oleh faktor yang saya nyatakan tadi. Daripada segi pelaksanaan semasa kawalan import atau eksport KPKM melalui Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) telah menggariskan tiga tatacara kawalan.

Pertama, approved permit merupakan satu kawalan kuota bagi pengimportan komoditi agromakanan terpilih dan kelulusan kawalan adalah berdasarkan kepada had kuantiti yang telah ditetapkan. Contoh komoditi yang dikenakan AP ialah kelapa, kubis, ayam, susu dan juga beras. Walau bagaimanapun, kerajaan telah mengumumkan pemansuhan AP pada 18 Mei 2022. Memastikan bekalan komoditi makanan dapat dibawa masuk lebih banyak oleh syarikat tempatan yang berkeupayaan dengan lebih cepat tanpa melalui kelulusan AP. Justeru itu AP telah dimansuhkan bagi produk ayam kerana ayam dan ayam bulat, susu cair, kelapa tua dan kubis bulat hanya beras dan produk berasaskan beras masih dikenakan AP.

Saya ada *hat* AP ini, jadi saya hendak tumpu satu lagi iaitu perkara yang cukup penting yang saya nampak perlu diketahui oleh kita. Saya minta masa sedikit sahaja, dalam satu minit.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Boleh Yang Berhormat.

Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu: Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai bertanya tentang *Indian Ocean Tuna Commission*, ini penting ya.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Malaysia telah menjadi ahli kepada *Indian Ocean Tuna Commission* (IOTC) sejak tahun 1998. Diperuntukkan kepada kita sebanyak 74 buah *vessel* untuk tangkap ikan tuna di Laut Hindi dan sebagainya. Sekarang kita hanya memenuhi 11 buah.

Projek ini amat besar dan boleh mendatangkan hasil yang banyak, pendapatan kepada mereka usahakan termasuk pendapatan kepada negara. Kita diberi kuota sebanyak 74 buah, kita baru penuh 11 buah. Oleh itu, melalui ucapan saya ini pihak yang ingin mengusahakan dengan modal yang besar boleh terlibat dalam hal tangkapan tuna ini dan ia boleh mewujudkan banyak pekerjaan dan mendatangkan hasil yang tinggi kepada mereka yang mengusahakan.

Malaysia perlu menghantar laporan data berkenaan status sumber pendaratan bilangan *vessel* kepada IOTC setiap tahun melalui Laporan Pematuhan IOTC. Ertinya, bayangkanlah 74 buah diberi ruang kepada kita, kita hanya baru penuh sebanyak 11 buah setakat ini. Jadi, ruang untuk penangkapan tuna di laut dalam ini amat dialu-alukan bagi rakyat Malaysia yang ingin terlibat dan perlu modal yang agak besar. Ada soalan?

Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri tidak menjawab soalan saya lagi mengenai jualan terus dari ladang yang warga Kuala Lumpur dan Putrajaya minta diadakan seminggu, setiap seminggu sekali.

Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu: Seminggu sekali dari ladang?

Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya: Ya, jualan terus dari ladang dan kita minta peruntukan FAMA. Sebab FAMA dimaklumkan tidak ada peruntukan untuk buat setiap minggu. Kami di Kuala Lumpur ini memerlukan benda-benda macam ini lah untuk mengurangkan kos sara hidup di Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu: Kita ambil perhatian dan minggu ini kita ada buat satu jualan dan kita ambil cadangan itu secara serius, *Insyaa-Allah*.

Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya: Ya lah, kita kena serius fasal kita perlukan...

Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu: Memang serius lah ini...

Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya: Fasal kita ramai Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu: Kalau tidak serius, tidak datang jawab. Saya serius lah ini. Hari-hari turun pergi tengok orang tanam padi dan sebagainya, seriuslah ini.

Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya: Jangan tanam padi di Kuala Lumpur pula Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu: Jangan anggap Yang Berhormat saja yang serius, kita tidak serius. Sekian, dahulu jawapan saya. Terima kasih... [Ketawa]

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan atas segala jawapan yang timbul dalam perbahasan dalam Dewan yang mulia ini.

Sekarang saya menjemput Dato Sri Diraja Zambry bin Abd Kadir, Menteri Luar Negeri.

2.27 ptg.

Menteri Luar Negeri [Dato Sri Diraja Zambry bin Abd Kadir]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang kepada saya untuk menjawab perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian Luar Negeri dalam sesi penggulungan perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2023 dalam Dewan yang mulia hari ini.

Dalam kesempatan ini, saya bagi pihak Kementerian Luar Negeri ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat atas perhatian dan keprihatinan dalam menyentuh dan membangkitkan isu-isu yang berkait rapat dengan Kementerian Luar Negeri sewaktu membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2023.

Konflik Rusia-Ukraine. Tuan Yang di-Pertua, beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah menyentuh berkaitan perkembangan geopolitik global terutamanya konflik Rusia dan Ukraine yang telah memberi kesan negatif terhadap keadaan ekonomi dunia termasuk Malaysia. Dalam hubungan ini, saya ingin mengulas pendirian kementerian Luar Negeri berhubung konflik tersebut seperti yang dibangkitkan khususnya oleh Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda.

Kita sedia maklum bahawa kesan daripada Perang Rusia-Ukraine ini turut memberi kesan secara global. Antaranya, kesan ke atas *supply chain*, dengan izin, dan demikian juga kebarangkalian akan berlaku proses persaingan persenjataan dan demikian juga dalam konteks *decoupling* atau pun masing-masing negara akan keluar daripada beberapa buah pertubuhan penting dunia dalam urusan ekonomi.

■1430

Kementerian ini sentiasa mengikuti perkembangan konflik yang sedang berlaku di Ukraine yang kini telah memasuki tahun kedua. Kerajaan amat gusar dengan situasi semasa di Ukraine ini dan menggesa semua pihak yang terlibat mengambil langkah segera bagi meredakan serta mencegah konflik yang lebih besar. Malaysia sentiasa mendukung prinsip kedaulatan, keutuhan wilayah, kedaulatan undang-undang dan menolak sebarang bentuk perbuatan berunsur kekerasan. Oleh itu, Malaysia berpegang erat kepada prinsip berkecuali. Kerajaan amat komited dan kekal konsisten dengan prinsipnya yang menyokong penuh

rangka kerja diplomatik dalam mencari jalan penyelesaian aman kepada konflik Rusia-Ukraine.

Saya ingin merujuk kepada perbahasan Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Hasbie juga pada 30 Mac lepas yang telah membangkitkan mengenai Malaysia menyokong keputusan yang dicapai oleh Mahkamah Jenayah Antarabangsa berkenaan waran tangkap yang dikeluarkan ke atas Presiden Rusia.

Saya ingin memaklumkan Dewan yang mulia ini bahawa maklumat tersebut adalah tidak tepat. Malaysia bukan sebuah negara anggota kepada *Rome Statute of the International Criminal Court*, dan tidak pernah menyatakan sokongan ke atas waran tangkap tersebut. Justeru, kerajaan akan terus mengekalkan pendirian berkecuali, di samping menegaskan supaya semua pihak menghormati prinsip kedaulatan dan keutuhan wilayah. Kementerian ini akan terus memantau rapi perkembangan konflik Rusia-Ukraine bagi memastikan keselamatan dan kebajikan rakyat Malaysia di negara berkenaan terjaga.

Usaha Malaysia untuk meningkatkan kerjasama dalam ASEAN. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Hasbie juga telah membangkitkan mengenai usaha dan langkah yang boleh diambil oleh kerajaan menerusi platform ASEAN bagi menangani kesan terhadap ekonomi dan perdagangan akibat konflik Rusia-Ukraine tersebut.

Sukacita saya ingin memaklumkan bahawa Kementerian Luar Negeri sentiasa mengambil langkah-langkah yang aktif dan proaktif dalam mengukuhkan lagi hubungan dan kerjasama sesama negara-negara anggota ASEAN, bukan sahaja bagi menangani impak ekoran konflik-konflik antarabangsa tetapi juga kerana ASEAN merupakan rantau yang paling pesat membangun dalam dunia serta diberikan tumpuan utama oleh masyarakat antarabangsa terutamanya kuasa-kuasa besar, mengambil kira kelebihan dan potensi yang dimiliki oleh rantau ini.

Negara-negara anggota ASEAN sentiasa mempergiatkan usaha untuk meningkatkan kerjasama serantau, terutamanya melalui perdagangan yang lebih terbuka dan inklusif, selari dengan matlamat Rangka Komuniti Ekonomi ASEAN 2025. Rantau ini mempunyai populasi ketiga terbesar di dunia, iaitu sekitar 700 juta orang penduduk. Untuk tempoh 1980 hingga 2020, populasi ASEAN telah bertambah daripada 355.1 juta kepada 661.8 juta. Bilangan penduduk yang ramai menjadikan rantau ini sebagai sebuah pasaran global yang besar dan cukup berpotensi.

Malaysia, khususnya melalui badan-badan sektoral ASEAN terus mengukuhkan kerjasama negara-negara ASEAN lain dalam pelbagai isu berkepentingan bersama. Ini termasuk keterjaminan makanan, perubahan iklim, kesihatan awam, pendidikan, pelancongan dan keselamatan siber. Malaysia juga boleh memanfaatkan usaha memulihkan sosioekonomi pascapandemik di rantau ini dengan menggalakkan program pertukaran pakar dan pelajar

serta merencanakan bidang pelancongan demi mengukuhkan diplomatik dan ekonomi sesama negara-negara anggota ASEAN.

Tuntasnya, kementerian sentiasa mengambil pendekatan...

Datuk Razali bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mencelah sedikit sebelum Yang Berhormat Menteri ke hadapan.

Timbalan Yang di-Pertua: Boleh.

Datuk Razali bin Idris: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan Perang Rusia-Ukraine.

Saya ada satu soalan. Soalan saya berbunyi, berapa peratus kita import barang keperluan dari Ukraine? Apakah barang tersebut keperluan asas ataupun keperluan yang tidak diperlukan secara tuntas di negara kita?

Datuk Seri Diraja Dr. Zambry Bin Abdul Kadir: Saya tidak mempunyai maklumat-jumlah peratusannya. Nanti kalau boleh saya akan hantar secara bertulis kepada Yang Berhormat. Nanti kita dapatkan maklumat itu daripada kementerian yang berkaitan.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Yang Berhormat Menteri. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Mengenai hubungan dalam ASEAN seperti yang sedang disentuh oleh Yang Berhormat Menteri, dua buah negara yang belum dilawat oleh Perdana Menteri ke-10 kita, tidak silap saya Laos, belum, dan juga Myanmar.

Jadi soalnya, adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ingin menggunakan, dengan izin, *the good office of the Prime Minister* untuk menjadi wakil ataupun pergi ke negara-negara, khususnya Myanmar, untuk membawa mesej perdamaian ASEAN supaya apa-apa yang berlaku di Myanmar pada hari ini, *vis-à-vis*, dengan izin, kedudukan dalam ASEAN, dapat kita selesaikan dan hubungan baik dagang, pelancongan dan sebagainya, kembali pulih seperti dahulu. Terima kasih.

Datuk Seri Diraja Dr. Zambry Bin Abdul Kadir: Terima kasih. Pertama, berkaitan dengan negara-negara ASEAN yang belum dilawati oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Sebenarnya ada dua campur satu. Maknanya, Laos dan Vietnam, campur satu, Myanmar.

Bagi jawapan yang kedua, untuk pengetahuan Yang Berhormat Dr. Hatta, pendekatan dalam menangani masalah di Myanmar ini merupakan pendekatan yang komprehensif melibatkan seluruh negara ASEAN. Ia tidak boleh dilakukan secara bersendirian ataupun unilateral oleh mana-mana pihak sekalipun kerana isunya terlalu kompleks. Ia melibatkan setiap anggota negara ASEAN yang berada di kawasan yang berkenaan dan termasuk juga yang berada di kawasan kita iaitu Malaysia, Indonesia, Singapura dan Filipina.

Oleh yang demikian, ASEAN telah mengambil satu pendirian bersama melalui *Five-Point Consensus*-nya iaitu usaha-usaha yang berterusan perlu dilakukan dalam usaha kita untuk menyelesaikan masalah Myanmar ini. Ini adalah kerana apa yang berlaku di Myanmar ini melibatkan masalah hak-hak asasi manusia dengan sistem junta yang dilaksanakan oleh rejim Tatmadaw dan ini memerlukan pelbagai pihak melakukan usaha-usaha bersama. Ini termasuklah usaha untuk mengatasi masalah Myanmar ini dibawa sehingga ke peringkat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang telah pun mengeluarkan arahan supaya kita perlu bertegas dalam menangani masalah ini.

Jadi dalam erti kata yang lain, pendekatan yang hendak dilakukan itu hendaklah pendekatan secara bersama, secara ASEAN. Ia tidak boleh dilakukan oleh satu-satu negara. Sebagai contoh, kita juga mempunyai cabaran yang melibatkan kuasa-kuasa besar yang sedang mengintai juga, sama ada mereka boleh memainkan peranan ataupun tidak secara bersama. Ketika mana kita mahu melihat kuasa-kuasa besar ini dapat memainkan peranan itu, kita juga tidak mahu menjadikan Myanmar itu juga sebagai *another flashpoint*, dengan izin. Maksudnya, tempat berlakunya perlumbaan dalam kalangan kuasa-kuasa besar.

Jadi sehingga kini, kita bersama-sama mengambil pendekatan iaitu untuk mengekalkan prinsip *Five-Point Consensus* dalam kalangan ASEAN untuk meneruskan usaha-usaha bagi menyelesaikan masalah di Myanmar.

■1440

Jadi Kementerian sentiasa mengambil pendekatan yang komprehensif dan pragmatik dalam mengoptimumkan manfaat hubungan dan kerjasama ASEAN ke arah mencapai pembangunan komuniti ASEAN yang progresif, inklusif dan mampan selaras dengan matlamat visi komuniti ASEAN 2025.

Penurunan peruntukan politik pelbagai hala. Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh beberapa isu berkaitan Kementerian Luar yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai berkenaan pengurangan peruntukan sebanyak RM583.5 ribu untuk perbelanjaan di bawah Butiran 020500 – Politik Pelbagai Hala.

Saya ingin memaklumkan bahawa pengurangan tersebut adalah bagi bayaran emolumen pegawai selaras dengan waran perjawatan dan pengisian yang dilakukan oleh Kementerian bagi tahun ini. Manakala perbelanjaan bagi program dan aktiviti di bawah Politik Pelbagai Hala seperti kehadiran ke mesyuarat, latihan dan forum antarabangsa yang dihadiri adalah ditanggung di bawah Butiran 050100 – Bertugas ke Luar Negara.

Dalam hubungan ini, Kementerian menyambut baik cadangan sekiranya pertambahan peruntukan diberikan kepada program khusus di bawah Butiran 050100 – Bertugas ke Luar Negara tersebut yang merangkumi program-program lawatan yang melibatkan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Amat

Berhormat Timbalan Perdana Menteri serta lawatan oleh Menteri dan Timbalan Menteri Luar Negeri. Ia juga merangkumi perbelanjaan menghadiri mesyuarat-mesyuarat dan rundingan-rundingan antarabangsa oleh pegawai-pegawai Kementerian Luar Negeri.

Justeru, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat atas keprihatinan yang diberikan kepada Kementerian Luar Negeri. Kementerian ini akan memastikan bahawa peruntukan yang diluluskan akan digunakan secara optimum dan sebaik mungkin bagi membolehkan operasi kementerian dilaksanakan dengan lebih berkesan dan efektif.

Prof. Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya mencelah?

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Prof. Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan: Terima kasih Yang Berhormat Menteri bercakap tentang soal mengoptimumkan peruntukan yang diberikan kepada Kementerian Luar. Saya ingin bertanya tentang apakah susulan Dasar Diplomasi Kebudayaan? Adakah ini juga terangkum dalam upaya untuk mengembangkan usaha kita seperti yang dilakukan oleh negara lain seperti Indonesia yang cukup berjaya dalam mengembangkan pendidikan dan kebudayaan melalui Kementerian Luar. Terima kasih.

Datuk Seri Diraja Dr. Zambry bin Abdul Kadir: Terima kasih Profesor. Bertanya soalan yang baik iaitu tentang diplomasi budaya. Kalau dalam konteks diplomasi ini, ia dianggap sebagai salah satu daripada pendekatan *soft power* yang dilakukan dalam hubungan antarabangsa yang mana merupakan antara jalur diplomasi yang juga efektif seperti yang dilakukan oleh beberapa buah negara anggota ASEAN kita.

Oleh yang demikian, Malaysia juga turut menggunakan pendekatan jalur ini iaitu untuk memperkenalkan keunikan budaya negara Malaysia kita sebagai salah satu daripada pendekatan dalam usaha kita untuk membuat hubungan di peringkat antarabangsa. Terima kasih.

Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai juga memberikan beberapa cadangan bagi memperkasakan lagi agensi-agensi di bawah Kementerian Luar Negeri seperti Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri dan Pusat Serantau Asia Tenggara bagi mencegah keganasan mengambil kira pendekatan peruntukan yang telah diterima oleh kedua-dua agensi tersebut. Seperti mana Dewan yang mulia ini sedia maklum, IDFR merupakan satu-satunya institut latihan khusus bagi para diplomat Malaysia. Pada masa yang sama, IDFR juga memainkan peranan dalam menjalankan penyelidikan bagi kementerian ini serta sebagai mekanisme membantu melonjakkan kuasa lunak atau, dengan izin, *soft power* bagi Malaysia.

Bagi tahun 2023, IDFR telah diperuntukkan peningkatan sebanyak 27.8 peratus berbanding tahun lepas terutamanya bagi pembayaran emolumen serta perkhidmatan dan bekalan. Peningkatan peruntukan ini adalah untuk memperkasakan pembangunan modal insan di IDFR khususnya untuk memastikan perjawatan yang sedia ada dapat diisi dengan pengambilan pegawai-pegawai penyelidik berwibawa bagi menjalankan penyelidikan dan menghasilkan kertas berbentuk ilmiah. Kertas-kertas *analytical* ini dapat dijadikan rujukan dan cetusan idea oleh kementerian bagi isu-isu antarabangsa dan diplomasi.

Selain itu, IDFR juga menerima peningkatan peruntukan bagi menjalankan aktiviti dan kursusnya yang dikhususkan atau, dengan izin, *earmark* bagi memantapkan lagi modul-modul di peringkat *flagship* IDFR iaitu *Diploma in Diplomacy* dan Kursus Sistem Pentadbiran Kerajaan Malaysia, program DiD dan SPKM ini bertujuan untuk meningkatkan kemahiran diplomasi dan memberi pendedahan antarabangsa kepada pegawai-pegawai muda Kementerian Luar Negeri serta kementerian dan agensi berkaitan yang lain. IDFR juga akan mengadakan semula Modul Penempatan di Luar Negara bagi program DiD yang terpaksa ditangguhkan disebabkan kekangan kewangan kebelakangan ini.

Modul Penempatan dan *Engagement* dengan izin, bagi pegawai-pegawai muda ini di akademi-akademi latihan diplomasi negara lain akan dioptimumkan sebagai sebahagian daripada pembelajaran menyeluruh Diploma Muda Malaysia. Pada tahun ini juga, IDFR akan menganjurkan beberapa program yang tertangguh ekoran pandemik COVID-19 dan kekangan kewangan sebelum ini. Dengan izin, seperti berikut:

- (i) Program *Training of Trainers*;
- (ii) *Distinguished Lecture Series*;
- (iii) *exchange program*; dan
- (iv) penerbitan berbentuk ilmiah dan pengetahuan am.

IDFR akan terus meningkatkan jalinan kerjasama sedia ada dan baharu dengan universiti, institusi, akademi tempatan serta antarabangsa, badan bukan kerajaan dan pihak swasta seperti, dengan izin, *Foreign, Commonwealth & Development Office of The United Kingdom Women Leadership Foundation, Institute of Malaysian and International Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, The ASEAN Foundation*, dan sebagainya. Jalinan kerjasama seumpama ini semestinya dapat dijadikan sebagai wacana ilmu yang dapat menambahkan lagi idea bernas bagi membantu Kementerian Luar merangka, menggubal serta memperkukuhkan lagi polisi dan hala tuju sedia ada.

Pusat Serantau Asia Tenggara Bagi Mencegah Keganasan (SEARCCT). Tuan Yang di-Pertua, berkenaan isu peruntukan SEARCCT yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Dr. Dominic juga, untuk makluman, SEARCCT telah ditubuhkan pada Julai 2003

sebagai sebuah pusat latihan dan penyelidikan dalam bidang keganasan dan mencegah keganasan melalui pendekatan lunak atau *soft approach*, dengan izin. Dalam peranannya, SEARCCT sentiasa bekerjasama dengan pelbagai pihak termasuk kementerian dan agensi berkaitan, organisasi-organisasi masyarakat sivil, institusi pengajian tinggi awam dan swasta serta badan-badan pemikir di peringkat tempatan, serantau dan antarabangsa.

Program-program SEARCCT melibatkan golongan sasar daripada pelbagai latar termasuklah pegawai-pegawai kerajaan, penguat kuasa undang-undang, belia, pelajar-pelajar universiti dan masyarakat sivil secara amnya.

Peningkatan peruntukan SEARCCT bagi tahun 2023 sebanyak lebih RM2 juta berbanding tahun 2022 adalah bagi menampung bayaran-bayaran seperti bayaran emolumen penjawat awam, pegawai lantikan secara kontrak- *Contract of Service* seramai 11 orang dan personel MyStep. Menampung kenaikan pelbagai kontrak perkhidmatan yang telah tamat tempoh dan perlu diperbaharui dan melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan premis SEARCCT yang amat perlu dilakukan termasuk kerja-kerja yang telah tertangguh sebelum ini disebabkan ketiadaan peruntukan yang mencukupi.

■1450

Peningkatan anggaran peruntukan ini juga akan membolehkan SEARCCT melaksanakan program-program baharu secara bersemuka setelah negara kita memasuki fasa peralihan ke endemik.

Pertamanya, SEARCCT akan menyambut ulang tahun ke-20 pada tahun ini dan akan menganjurkan satu persidangan antarabangsa iaitu *SEARCCT International Conference*, dengan izin, pada 13 hingga 15 Jun 2023 dengan tema *Building Digital Resilience in Preventing and Countering Violence Extremism*. Persidangan SIC ini akan membincangkan isu-isu berkaitan ekstremisme ganas terutamanya dalam platform media digital dan *internet* dan akan melibatkan para peserta dari dalam dan luar negara mewakili pelbagai bidang.

Keduanya, sebagai pra acara kepada SIC 2023, satu program belia iaitu Bengkel Serantau *Sharing Together for Online Resilience Among Youth* akan diadakan dengan tujuan untuk menggalakkan penyertaan dan keterlibatan golongan belia dalam isu-isu berkenaan dengan PCVE serta memberi kesedaran kepada peserta mengenai isu-isu ekstremisme ganas.

Berhubung cadangan Yang Berhormat agar SEARCCT menjalinkan kerjasama dengan para akademik dan pelajar-pelajar IPTA dan IPTS, SEARCCT sememangnya telah pun merancang program-program yang menyasarkan warga IPTA dan IPTS dalam takwim aktiviti tahun 2023 mereka. Antaranya, Bengkel *Sport For Enhancing Resilience and Amplifying Social Inclusion*, *Sports in Enhancing and Promoting Authentic Diversity for Unity*. Seterusnya, Program *University Lecture Series*, dan lain-lain program yang akan diaturkan.

Lantikan secara langsung pegawai diplomatik. Satu perkara lagi yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Dominic adalah berkaitan dengan cadangan lantikan secara langsung pegawai-pegawai diplomatik. *Here you are*. Saya dah sampai ke peringkat akhir menjawab.

Iaitu, secara amnya, pegawai-pegawai di Kementerian Luar Negeri yang menjalankan tugas berkaitan hal ehwal antarabangsa terdiri daripada pegawai Skim Perkhidmatan Pegawai Tadbir dan Diplomatik. Ini memandangkan salah satu daripada cabang kepada skim perkhidmatan ini ialah hal ehwal hubungan antarabangsa yang diterajui oleh kementerian ini.

Berdasarkan Perkara 144(1) Perlembagaan Persekutuan, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam bertanggungjawab menguruskan hal-hal berkaitan pelantikan dan pengambilan anggota ke dalam perkhidmatan awam Malaysia bagi kumpulan pengurusan dan profesional serta pelaksana.

Bagi urusan pengambilan pegawai ambilan baharu ke Kementerian Luar Negeri, Jabatan Perkhidmatan Awam telah memberikan keistimewaan kepada Bahagian Pengurusan Sumber Manusia Kementerian untuk mengadakan proses saringan dalam kalangan para peserta Program Diploma Pengurusan Awam yang dikelolakan oleh Institut Tadbiran Awam Negara. Antara proses saringan yang dijalankan termasuklah semakan kepada latar belakang akademik, ujian kompetensi bahasa Inggeris secara lisan dan bertulis, ujian psikologi dan sesi temu duga bersama pihak pengurusan tertinggi kementerian.

Ada masa lagi?...

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Silakan, silakan.

Dato Sri Diraja Zambry bin Abd Kadir: Kementerian amat menitik beratkan aspek latihan dan kemajuan kerjaya dalam mempersiapkan pegawai sebagai diplomat yang kompeten dan berwibawa. Antara program-program berbentuk latihan dan pendedahan yang dilaksanakan adalah seperti, dengan izin, *Diploma in Diplomacy*- ia ada "diplom", "diplom"... *[Ketawa]* Penempatan sementara di Pejabat Perutusan Tetap Malaysia ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di New York dan Geneva atau dipanggil *Total Immersion Program* serta menghantar pegawai ke kursus-kursus yang ditawarkan oleh negara-negara asing atau pertubuhan-pertubuhan antarabangsa.

Di bawah inisiatif pensarjanaan diplomat, kementerian turut mengadakan kerjasama dengan Universiti Utara yang menawarkan Program Sarjana Sains kepada pegawai-pegawai melalui Hadiah Latihan Persekutuan Separa Biasiswa oleh JPA.

Dalam usaha meningkatkan lagi kompetensi pegawai-pegawai, kementerian juga sedang membangunkan kumpulan pakar yang diterajui oleh diplomat-diplomat berpengalaman dalam bidang-bidang tumpuan seperti perubahan iklim, hal ehwal pelucutan

senjata, *architecture* antarabangsa, pemerkasaan wanita, kemajuan teknologi dan hal ehwal maritim.

Kementerian Luar Negeri sentiasa menerima baik cadangan desentralisasi proses lantikan pegawai ke kementerian ini. Namun begitu, mengambil kira ketiadaan struktur khusus bagi pengambilan pegawai yang melibatkan bidang hal ehwal antarabangsa buat masa ini, kementerian berpandangan bahawa keutamaan perlu diberikan dalam aspek pemerkasaan kompetensi pegawai melalui latihan dan pendedahan yang bersesuaian terutamanya bagi pegawai muda dan peringkat pertengahan.

Tiada soalan?... *Okay, thank you.*

Lawatan rasmi Yang Amat Berhormat ke Saudi...

Datuk Ras Adiba binti Mohd Radzi: Saya mencelah. Yang Berhormat Menteri. Boleh saya mencelah?

Dato Sri Diraja Zambry bin Abd Kadir: Sila.

Datuk Ras Adiba binti Mohd Radzi: Baharu sebentar tadi Yang Berhormat Menteri ada mengatakan antara langkah-langkah yang dilakukan untuk kita mendapatkan pasukan yang lebih progresif, *alhamdulillah*. Namun, saya ingin bertanya, tahun lalu, dua orang daripada ahli diplomat kita dipanggil pulang. Jadi, saya ingin bertanyakan, apakah Yang Berhormat Menteri akan memastikan perkara ini tidak berlaku? Dengan izinnya, *will you be looking after the team that has been doing their best to represent the country overseas?* Terima kasih.

Dato Sri Diraja Zambry bin Abd Kadir: Terima kasih. Kita sentiasa akan meneruskan proses penambahbaikan dari semasa ke semasa. Seperti Yang Berhormat juga sedia maklum, soal pergerakan pegawai-pegawai kerajaan atau khususnya diplomat-diplomat kita, mereka akan bergerak ke satu- tempat, ke satu- tempat. Namun, kita akan memastikan supaya setiap alasan pergerakan itu tidak disebabkan oleh faktor-faktor penolak atau faktor-faktor negatif.

Oleh sebab itulah, dalam konteks kementerian ini, kita membangunkan prinsip bekerja secara berkumpulan. Maksudnya, tidak perlu untuk menuding jari kepada mana-mana pihak. Apa pun, kalau ada kelemahan-kelemahan, kita perbaiki secara bersama. *So, we are moving forward*, dengan izin, dengan pendekatan-pendekatan baharu yang kita lakukan ini.

Baik, yang akhirnya iaitu berkaitan dengan lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke *Saudi Arabia*. Ini menjadi satu tajuk panas di dalam negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merakamkan terlebih dahulu penghargaan terhadap pihak Kerajaan Saudi atas layanan yang baik diberikan sepanjang lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 22 hingga 24 Mac yang lalu. Lawatan ini dan juga sambutan yang diberikan akan terus mengukuhkan hubungan dua-negara bersahabat, selama ini.

Saya telah memaklumkan dalam kenyataan Wisma Putra berkenaan dengan lawatan Yang Amat Berhormat pada 28 Mac yang lalu secara panjang lebar memberikan kronologinya, akibat daripada pelbagai tanda tanya berikutan ketiadaan pertemuan dengan pemerintah Arab Saudi. Namun, dalam masa yang sama, saya ingin menyeru kepada rakan-rakan sekalian, setiap perbahasan atau setiap pandangan, bagaimana kritikal sekalipun, janganlah sampai ia menyebabkan kekeruhan hubungan antara dua-negara bersahabat ini.

Oleh yang demikian, saya ingin menjelaskan bahawa kementerian telah mengurus persiapan awal dan perjalanan lawatan rasmi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke *Saudi Arabia* secara profesional. Ia berdasarkan prosedur operasi tetap atau SOP bagi lawatan-lawatan rasmi pemimpin ke luar negara seperti mana yang dilaksanakan bagi lawatan-lawatan yang telah diadakan sebelum ini termasuk lawatan ke Kemboja dan ke Republik Rakyat China baru-baru ini.

■1500

Saya ingin menjelaskan bahawa persiapan bagi lawatan rasmi Yang Amat Berhormat telah bermula sejak lawatan rasmi saya ke Saudi pada 19 hingga 22 Februari yang lalu. Dalam pertemuan saya dengan Menteri Luar Arab Saudi, kami turut berbincang menyentuh antaranya secara spesifik tentang lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga perancangan-perancangan hasil ataupun *expected deliverables* dalam rangka lawatan yang berkenaan.

Menteri Luar sendiri telah memberikan, bersedia menyambut beberapa cadangan tarikh yang dikemukakan. Kemudian, sebaik sahaja tarikh diterima dari Pejabat Perdana Menteri, kementerian telah mengambil langkah persiapan awal bagi pengendalian lawatan dengan mengikut SOP yang telah ditetapkan. Ia meliputi komunikasi rasmi dengan pihak Arab Saudi melalui nota diplomatik dan perbincangan bersama duta besar Saudi di Kuala Lumpur.

Perbincangan turut berlangsung antara Kedutaan Malaysia di Riyadh dengan Kementerian Luar Negeri Arab Saudi serta beberapa pihak lain yang berkenaan di sana ke arah menentukan supaya lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri diadakan dengan jayanya. Ini menyerlahkan sikap dan kesediaan daripada pihak Kerajaan Saudi yang menerima lawatan Yang Amat Berhormat diadakan pada tarikh yang ditetapkan.

Kemudian, pada 21 Mac 2023, kementerian telah menerima Nota Diplomatik daripada Kedutaan Besar Arab Saudi bertarikh sama yang mengesahkan lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Arab Saudi. Nota Diplomatik yang serupa turut diterima oleh Kedutaan Malaysia di Riyadh daripada Kerajaan Arab Saudi. Jadi, saya menjelaskan ini dan yang lain itu telah pun saya jelaskan dalam nota yang telah dikeluarkan oleh Wisma Putra pada 28 Februari yang lalu. Apa yang paling penting ialah saya mengharapkan supaya perbahasan-perbahasan ini tidak tersasar.

Jadi, saya menyerulah kepada rakan-rakan Yang Berhormat sekalian supaya mengambil kira dalam konteks lawatan rasmi yang diadakan itu dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah menjelaskan, oleh sebab kita tidak dapat bertemu disebabkan oleh kekangan masa yang ada kepada Yang Amat Berhormat yang diperlukan untuk berada dalam tempoh 32 hari lagi.

Oleh yang demikian, kita telah pulang dan dengan rasa hormat kita menyampaikan hasrat itu kepada pihak Kerajaan Saudi. Jadi, ia tidak menimbulkan sebarang permasalahan di peringkat sana kerana urusan-urusan lain yang telah pun dibuat terlebih awal telah pun dipenuhi semuanya. Pertemuan-pertemuan *multi-lateral* dengan pelbagai pertubuhan-pertubuhan, termasuklah Bank Pembangunan Islam, termasuklah OIC, termasuklah Al-Alam Al-Islami dan lain-lain lagi.

Oleh yang demikian, kerana kita bimbang kalau kiranya ada upaya kita untuk menjadikan ia sebagai bahan politik, ia akan menimbulkan keresahan kerana ia melibatkan hubungan dua hala. Jadi, saya mohon kepada rakan-rakan sekalian di dalam Dewan ini supaya marilah kita terus menjaga hubungan yang baik antara dua buah negara ini yang sedia terjalin selama ini.

Jadi akhir sekali, saya mengambil kesempatan ini sekali lagi mengucapkan terima kasih. Ini merupakan kesempatan yang pertama saya dalam Dewan Negara untuk menyampaikan jawapan-jawapan dalam perbahasan ini. Kita dapat melihat dengan jelas daripada perbahasan-perbahasan disampaikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, begitu baik sekali.

Saya ucapkan terima kasih atas panduan-panduan serta cadangan-cadangan dan juga kritikan-kritikan yang membina untuk kita memastikan supaya negara kita ini dapat bergerak di atas landasan yang baik. Seterusnya, maju ke hadapan dalam konteks hubungan antarabangsa, kita ingin meletakkan Malaysia berada di persada antarabangsa semula. Inilah hasrat dan komitmen daripada Kementerian Luar Negeri. Terima kasih.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Diraja Zambry bin Abd Kadir, Menteri Luar Negeri, atas segala jawapan dan penjelasan yang timbul dalam perbahasan dalam Dewan yang mulia ini.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir, dipersilakan.

3.05 ptg.

Timbalan Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan [Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada empat orang Ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan perkara berkaitan dengan di bawah Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) bagi Belanjawan 2023, khususnya yang dibangkitkan adalah berkaitan bidang perumahan dan juga pengurusan sisa pepejal. Sebagai perspektif yang besar, KPKT menerima peruntukan sebanyak RM5.334 bilion untuk tahun 2023. Daripada jumlah tersebut, perbelanjaan mengurus (OE) diperuntukkan sebanyak RM1.775 bilion. Manakala untuk perbelanjaan pembangunan (DE) adalah sebanyak RM3.559 bilion bagi melaksanakan 359 projek iaitu 247 projek sambungan, dan 112 projek baharu.

Berdasarkan maklumat ini, KPKT telah menerima pertambahan bajet bagi tahun 2023 sebanyak RM186.9 juta iaitu peningkatan sebanyak 3.63 peratus. Di sini, pihak KPKT ingin merakamkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang amat prihatin dalam memberi perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat. Antara fokus utama Belanjawan 2023 KPKT adalah:

- (i) Projek Program Perumahan Rakyat (PPR) baharu dan sambungan melibatkan RM389.5 juta bagi memanfaatkan 12,400 orang bakal pengundi baharu;
- (ii) pembinaan Rumah Mesra Rakyat (RMR) sebanyak 4,250 unit dengan peruntukan RM358 juta;
- (iii) sebanyak RM50 juta bagi menggantikan lif-lif yang telah usang di PPR;
- (iv) menyediakan peralatan dan aset untuk menghadapi bencana bagi Jabatan Bomba dan Penyelamat, yang mana JBPM akan menerima peruntukan sebanyak RM34.6 juta; dan
- (v) membina baharu dan menaik taraf melibatkan 30,000 buah gerai dan kios sebanyak RM50 juta.

Terdapat tiga isu utama yang dibangkitkan terkait soal perumahan. Yang Berhormat Senator Dr. Lingeshwaran telah membahaskan dan menyentuh isu soal impak polisi perumahan dan perancangan bandar dalam mempengaruhi kesihatan rakyat. Ini merujuk kepada Kajian Institut Penyelidikan Tingkah Laku Kesihatan, Kementerian Kesihatan Malaysia dengan kerjasama Tabung Kanak-kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF), yang melaporkan bahawa 12.3 peratus kanak-kanak dan remaja berusia 10 hingga 17 tahun yang mendiami di PPR di sekitar Lembah Klang mengalami masalah kesihatan mental seperti kemurungan dan kebimbangan.

Hal yang kita tahu, faktor yang memberi kesan kepada kesihatan mental ini pelbagai. Cuma dalam konteks ini, kementerian juga mencari jalan sedaya-upaya untuk menambah baik keadaan di PPR ini. Jadi, saya sebut ada tiga ataupun empat perkara.

Pertama, seperti mana yang saya telah terangkan sebelum ini, bagi penyelarasan saiz PPR. Kalau kita tengok PPR sejak tahun 70-an, saiznya sebanyak 650 kaki persegi. Kemudian, RMKe-9 telah dinaikkan ke-700 kaki persegi. Kini tahun 2022, yang kita bersetuju hala tuju baharu ialah 750 kaki persegi dan ini sebenarnya melebihi syarat minimum yang ditetapkan di bawah Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984.

■1510

Jika dibuat perbandingan dengan negara-negara lain, sekalipun di negara luar keluasan rumah bagi tujuan tersebut adalah dalam julat lingkungan 320 kaki persegi hingga 650 kaki persegi.

Kedua, perkara berkaitan selain dalam soal keluasan dalam rumah daripada segi reka bentuk PPR itu juga kita telah tambah baik daripada segi keperluan dan juga kemudahan di PPR seperti Tadika, surau, dewan serba guna, pusat kitar semula dan juga kemudahan infrastruktur Internet jalur lebar. Pembangunan PPR ini juga menerapkan penggunaan teknologi hijau seperti panel solar, sistem pengumpulan dan penggunaan semula air hujan, peralatan dan perkakasan cekap tenaga dan air.

KPKT juga mengambil kira aspek komersil untuk memastikan lebih mesra penghuni dan berdaya huni iaitu kita mengutamakan empat elemen iaitu daya huni, ketersambungan ataupun *connectivity*, lestari dan juga masyarakat berkualiti. Itu sudut yang pertama.

Sudut yang kedua daripada segi komuniti pula kita ada dasar komuniti negara. Di bawah dasar komuniti negara inilah yang kita rangka untuk tangani isu-isu yang terkait di kawasan perumahan strata. Ini kita titik beratkan soal aspek kesihatan, keselamatan juga mempunyai *sense of ownership*, dengan izin, semangat kejiranan dan hormat menghormati antara satu sama lain.

Berdasarkan dasar ini maka kita telah wujudkan 19 buah pejabat sekretariat muafakat komuniti yang kita tubuhkan di PPR terpilih bagi melaksanakan lapan jenis program termasuklah program yang berbentuk ke arah pembangunan modal insan, kebersihan persekitaran serta penjagaan kesihatan fizikal dan mental.

Pada tahun 2022 sebanyak 657 program telah diadakan yang mana melibatkan 61,905 orang peserta meskipun kalau saya terangkan program itu bukanlah ke arah secara langsung kepada kesihatan mental tetapi secara tidak langsung membantu membentuk semangat berkomuniti dan juga mengurangkan perasaan yang mungkin bersifat sedih dan juga tertekan. Itu yang kedua.

Ketiga Tuan Yang di-Pertua, di peringkat KPKT juga kita rangka daripada segi perancangan. Ini dibuat oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa ataupun Pelan Malaysia. Jadi ada beberapa garis panduan yang patut wajar menjadi rujukan dan juga pemahaman kita.

Pertama, garis panduan perancangan perumahan pada tahun 2016. Ada enam prinsip yang utama untuk kita memastikan perancangan dan pengawalan pembangunan perumahan iaitu:

- (i) persekitaran tempat tinggal yang selamat, kondusif, selesa dan mesra pengguna;
- (ii) menggalakkan kemesraan dan interaksi sosial;
- (iii) pembangunan yang bersifat *self-contained*, dan bercampur;
- (iv) budaya kebersihan dan mencintai keindahan;
- (v) alam sekitar semula jadi yang terpelihara; dan
- (vi) penawaran yang sentiasa mencukupi.

Selain daripada garis panduan enam perkara tersebut, PLANMalaysia juga ada merangka panduan inisiatif perancangan ke arah persekitaran mesra kanak-kanak, *child friendly city*, dengan izin selaras dengan saranan UNICEF dan dari situ juga selain daripada garis panduan itu kita juga ada garis panduan disebut kawasan lapang GPP kawasan lapang yang disediakan pada tahun 2021.

Apabila ada garis panduan ini kita mensyaratkan agar ada penyediaan kawasan lapang berkeluasan 10 peratus daripada jumlah kawasan pembangunan perumahan termasuklah perumahan strata dan juga PPR.

Jadi dalam konteks ini pihak berkuasa tempatan, perkara keempat, PBT pula kawal perkara ini melalui kawalan perancangan berdasarkan tiga-tiga GPP ini. Maka diharapkan dengan adanya perancangan yang kita bangunkan akhir-akhir ini dapat mengatasi masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator.

Seterusnya Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai telah mencadangkan pemberian subsidi deposit kepada golongan anak muda yang baru mula bekerja untuk membeli rumah kediaman. Itu cadangannya.

Cuma untuk makluman Ahli Yang Berhormat di bawah KPKT melalui kerjasama Kementerian Kewangan. Kita ada yang dipanggil inisiatif pembiayaan perumahan Malaysia i-biaya. Di bawah i-biaya ada dua buah komponen yang besar iaitu pertama, Skim Jaminan Kredit Perumahan (SJKP) iaitu pembiayaan perumahan bagi pembeli rumah pertama.

Mungkin sebelum ini kita terangkan secara *general* secara umum tetapi kalau konsepnya SJKP ini kita sasarkan kepada mereka yang tidak mempunyai pendapatan tetap ataupun daripada kumpulan pekerja *gig* berdasarkan permohonan yang kita ada daripada yang kita sudah luluskan sebanyak 65.11 peratus iaitu 10,945 pemohon yang berjaya adalah dalam julat umur 35 tahun ke bawah.

Walaupun skim itu nampak *general* tetapi majoriti yang menerima manfaatnya adalah daripada golongan belia ataupun anak muda. Bagi tahun 2023 sememangnya yang telah diumumkan, kita akan tingkatan nilai pinjaman sehingga RM5 bilion supaya sekiranya ada yang memohon kita boleh memberi manfaat kepada sehingga 20,000 para peminjam.

Bagi memastikan skim ini mendapat sambutan yang lebih memberangsangkan KPKT sentiasa akan mengadakan sesi libat urus bersama institusi perbankan SJKP dan juga Lembaga Perumahan Negeri untuk mendapatkan dan akan sentiasa menambah baik skim ini.

Seterusnya perkara ketiga, yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda terkait berkaitan dengan isu rumah sakit dan terbengkalai. Ada dua cadangan yang beliau nyatakan di sini.

Pertama, supaya tumpuan diberikan kepada rumah-rumah kos rendah dan sederhana dalam usaha kita untuk menyelamatkan projek yang lewat, sakit dan terbengkalai. Selain itu beliau turut mencadangkan agar kerajaan Persekutuan bekerjasama erat dengan kerajaan negeri bagi mengenal pasti projek terbengkalai yang wajar kita bagi keutamaan.

Untuk makluman Dewan Negara kementerian sememangnya memberi tumpuan dalam usaha menyelamatkan rumah-rumah yang bermasalah ini. Kita telah wujudkan jawatankuasa khas yang dipanggil *task force* projek perumahan sakit dan terbengkalai yang mana tiap-tiap bulan kita akan bagi kemas kini secara terbuka. Jadi untuk jumlah setakat ini projek terbengkalai ada sedikit penurunan bagi bulan Februari iaitu terdapat 110 projek.

Bagi cadangan kerjasama yang lebih erat dengan kerajaan negeri di peringkat KPKT ini pun selaku pengerusi jawatankuasa sendiri. Saya sendiri pun telah berjumpa dengan dua buah negeri yang memang menyatakan kesediaan dan telah ada pun jawatankuasa khas iaitu Kerajaan Negeri Selangor dan juga Kerajaan Negeri Johor. *Insyaa-Allah* minggu hadapan kita akan adakan pertemuan dengan Kerajaan Negeri Sembilan Tuan Yang di-Pertua agar kita dapat tubuhkan jawatankuasa yang spesifik atau khusus bagi Peringkat Negeri Sembilan dan seterusnya dengan negeri-negeri yang lain yang mana perkara ini juga terkait iaitu di Peringkat Kerajaan Persekutuan kita telah mendapat dana tambahan sebanyak RM20 juta iaitu peningkatan empat kali ganda.

Maka dana yang ada ini kita hendak guna pakai dengan sebaiknya melalui kerjasama jalinan yang erat dengan kerajaan negeri. Sementara itu mengenai cadangan untuk fokus kita yang mana projek perumahan yang bermasalah yang kita patut bagi keutamaan buat ketika ini fokus kita adalah bagi perumahan mampu milik yang berharga RM300,000 ke bawah termasuk juga perumahan kos rendah dan sederhana.

Selain itu kriteria lain yang kita menjadikan asas keutamaan bagi memilih projek tadi untuk kita bantu daripada dana yang kerajaan sediakan ini adalah:

- (i) ada projek perumahan swasta terbengkalai yang telah diduduki tetapi masih tidak memperoleh Sijil Kelayakan Menduduki atau Perakuan Siap dan Pematuhan (CFO/CCC);
- (ii) kemajuan binaan di tapak telah melebihi 70 peratus; dan
- (iii) bilangan pembeli melebihi 50 peratus daripada unit yang dibina.

■1520

Jadi, kerajaan akan teruskan segala usaha bagi memulihkan projek-projek perumahan terbengkalai ini bagi menjamin kesejahteraan para pembeli yang terjejas.

Perkara yang terakhir yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Noorita binti Sual adalah berkaitan dengan pengurusan sisa pepejal, ada beberapa isu di sini. Pertama, isu pengurusan sisa pepejal terapung di permukaan laut negeri Sabah. Untuk makluman ahli Yang Berhormat Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 atau yang lebih dikenali sebagai Akta 672 merupakan suatu akta di bawah Kerajaan Persekutuan KPKT bagi mengawal selia pengurusan sisa pepejal terkawal dan pembersihan awam.

Cuma, skop yang kita ada sekarang ini bila sebut sisa pepejal terkawal ini merangkumi pengurusan sisa daripada sektor komersial, pembinaan, isi rumah, perindustrian, institusi import dan juga awam. Manakala pembersihan awam pula merangkumi skop pembersihan awam di daratan termasuk pembersihan di pantai-pantai awam. Jadi pada masa kini, pembersihan sisa terapung ini tidak termasuk di bawah bidang kuasa KPKT ataupun di bawah skop perjanjian konsesi serta tiada agensi khusus yang bertanggungjawab dalam menguruskan sisa terapung di lautan.

Walau bagaimanapun, kementerian berpandangan bahawa pengurusan sisa terapung ini perlu diberi perhatian serius oleh semua pihak melibatkan agensi kerajaan, swasta, pihak industri dan NGO supaya perkara ini juga dapat menjamin penyelesaian dan juga dapat mengatasi masalah isu sisa terapung bukan sahaja di negeri Sabah, malah di semua kawasan perairan negara.

Seterusnya Yang Berhormat juga bangkitkan isu untuk KPKT membantu KKTP Sabah dalam melebarkan skop pengurusan sisa pepejal dan pembersihan pertahanan awam ke kawasan di pinggir dan luar bandar selaras Dasar Pengurusan Sisa Pepejal Negara pada tahun 2017.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengurusan sisa pepejal bagi negeri Sabah adalah tertakluk di bawah enakmen negeri Sabah iaitu Enakmen Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2022. Jadi Akta 672 yang saya terangkan tadi tidak terguna pakai di negeri Sabah.

Justeru, Kerajaan Persekutuan tidak mempunyai kuasa perundangan bagi menguruskan sisa pepejal di negeri Sabah. Walau bagaimanapun, KPKT sebenarnya telah terlibat sama dalam sesi libat urus untuk penyediaan perundangan subsidiari bagi enakmen tersebut. KPKT bersedia untuk memberikan khidmat nasihat dalam aspek pengurusan sisa pepejal dan perkhidmatan pembersihan di negeri Sabah termasuk di kawasan pinggir dan luar bandar apabila enakmen ini dikuatkuasakan kelak.

Yang Berhormat Senator juga ingin mengetahui jumlah peruntukan yang telah disediakan bagi penyediaan tapak pelupusan sisa pepejal atau teknologi terkini yang lebih sistematik, lestari, dan lebih berkesan dalam pengurusan sisa pepejal di kawasan pedalaman negeri Sabah.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, berdasarkan senarai projek *Rolling Plan* Ketiga, di bawah RMK-12 tahun ini, KPKT memperuntukkan sebanyak RM14 juta yang akan *insya-Allah* diluluskan di Dewan ini untuk projek pembinaan dan naik taraf tapak pelupusan sisa pepejal seperti berikut:

- (i) tapak pelupusan sanitari di Bukit Gemok, Tawau, Sabah. Projek ini sebenarnya telah siap sepenuhnya dengan kos keseluruhan RM44.9 juta yang mana hanya RM1 juta telah diperuntukkan bagi tahun 2023;
- (ii) untuk menaik taraf tapak pelupusan sisa pepejal baharu di Kayu Madang di Kota Kinabalu yang mana projek ini menelan kos keseluruhan RM40 juta yang mana peruntukkan untuk tahun 2023 adalah sebanyak RM13 juta; dan
- (iii) satu lagi projek dalam peringkat pra pelaksanaan ialah projek pembinaan tapak pelupusan sanitari Pantai Barat-Selatan, dengan nilai kos keseluruhan sebanyak RM47.108 juta.

Yang Berhormat Senator Noorita juga ingin mengetahui sama ada KPKT boleh sediakan tapak pelupusan sisa pepejal yang lebih sistematik dan teratur serta memperkasakan aset-aset majlis daerah tempatan khususnya di Daerah Tenom. Untuk ketika ini sememangnya tidak ada peruntukan khusus bagi tujuan tersebut.

Namun, sekiranya Kerajaan Negeri Sabah merasakan ada keperluan mendesak ataupun menjadi keutamaan, maka permohonan itu boleh dikemukakan kepada peringkat kementerian. Selebihnya soal berkaitan dengan program kesedaran dan sebagainya, bagi saya memang kita ada buat *engagement* sama ada di peringkat sekolah peringkat komuniti mengenai kesedaran bagi pengurusan sisa pepejal yang lebih efektif.

Datuk (Dr.) Ras Adiba binti Mohd Radzi: Saya ingin mencelah Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum.*

Saya ingin bertanya, saya mempunyai ramai ahli keluarga di Semporna dan di Kunak, Sabah. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri sekiranya Yang Berhormat Menteri telah pun membuat lawatan di lokasi di sana kerana masalah yang ketara iaitu pantai-pantai di situ di mana kita mempunyai penduduk yang *mix*, dengan izin, seperti Palauh.

Jadi, apa yang kami lihat setiap kali kita sebagai *divers* ataupun penyelam skuba, kami dapati antara masalah yang dilihat secara ketara iaitu mereka membuang sampah merata-rata. Jadi, ini ialah sesuatu yang saya kira sudah pun bertahun berlaku. Jadi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah langkah yang boleh dilakukan bersama dengan PBT di kawasan di situ? Itu satu.

Kemudiannya tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri juga ada mengatakan mengenai perumahan yang mampu milik yang ada juga rumah terbengkalai. Kita berbincang mengenai rumah yg telah dibina juga tetapi saya ingin bertanya di sini kebanyakan rumah yang kami sebagai OKU, kami lihat ia tidak melalui spesifikasi, tidak mempunyai mengikuti spesifikasi MS 1184(2014).

Jadi, saya ingin bertanya apakah langkah seterusnya dengan izin Tuan Yang di-Pertua, kerana kita tahun 2030 Malaysia ialah negara tua. Jadi, rumah-rumah yang ada sekarang ini ia tidak mengikut spesifikasi. Pintunya tidak luas dan lebar untuk mereka menggunakan kerusi roda dan tanjakan yang disediakan- *ram* ada kalanya tidak tepat. Jadi, saya pohon Yang Berhormat Timbalan Menteri sekiranya dapat *look into the matters*, dengan izin, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Kalau Tuan Yang di-Pertua izinkan saya sedikit masa untuk...

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Ya. Boleh, boleh.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir: ...Ulas sedikit sebab memang sudah cukup masanya.

Bagi untuk permasalahan sisa pepejal di lautan macam saya sebut tadi KPKT memang fokus di darat. Maksudnya kami tidak ada punca kuasa untuk ke laut bagi tujuan pembersihan. Akan tetapi untuk...

Datuk (Dr.) Ras Adiba binti Mohd Radzi: Tuan Yang di-Pertua minta maaf walaupun ia di laut tetapi *problem* adalah dari darat...

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir: Ya.

Datuk (Dr.) Ras Adiba binti Mohd Radzi: Jadi, bagaimanakah kita boleh melakukannya bersama?

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir: Bila kita sebut sisa pepejal di laut pula, sebenarnya berpunca daripada pelbagai keadaan. Pertama, macam yang Yang Berhormat Senator menyebut, berpunca dari darat kita sendiri. Kedua, sebenarnya berlaku mungkin

pembuangan dari lautan itu sendiri. Ketiga, berdasarkan beberapa fenomena yang pernah berlaku dalam negara kita sekalipun iaitu sampah-sampah ini ataupun sisa pepejal ini mungkin, *even* datang daripada negara lain. Maksudnya ia hanyut dan bawa sehingga ke negara kita. Ini pernah berlaku fenomena sebagai contoh di Pulau Langkawi sebelum ini.

Jadi sebenarnya isu ini merupakan satu perkara yang memang betul, memang berlaku. Kalau Yang Berhormat menyebut, adakah saya telah pergi ke Semporna? Belum. Tidak sempat lagi untuk ke Semporna. Itu ialah kawasan yang kita kena jaga dan kena pelihara. Cuma, daripada segi program ataupun pencegahan itu mungkin daripada segi kesedaran KPKT perlu dipertingkatkan. Jadi, daripada segi bagaimana di pihak PBT untuk membantu mengurangkan daripada segi pembuangan dari tempat kita ke permukaan air ataupun persisiran pantai itu merupakan tanggungjawab kita jugalah untuk menimbulkan kesedarannya.

■1530

Untuk perkara yang berkaitan soal penyediaan rumah mampu milik. Tadi berkaitan rumah projek sakit ataupun terbengkalai. Cuma soalan Yang Berhormat Senator sudah keluar sedikit; ini berkaitan dengan orang kurang upaya yang mana untuk penetapan itu kalau di bawah peringkat PPR, sebagai contoh yang memang apabila saya pergi ke projek yang baru kita siapkan sebagai contoh, memang unit bawah yang ada itu dikhususkan kepada kumpulan OKU. Jadi, permohonan itu pun kita cuba mempermudah. Ada unit khusus yang disediakan di bawah.

Namun, daripada segi syarat yang ditetapkan itu, memang garis panduan telah ada, sama ada dilaksanakan dengan mendalam ataupun terperinci itu masih bergantung kepada kemampuan pada peringkat PBT bagi memenuhi syarat-syarat tersebut. Sebab sebagai contoh, isu yang saya sebut pada awal tadi berkaitan dengan kekhuatiran ataupun daripada dapatan laporan antarabangsa berkaitan dengan masalah kesihatan mental. Jadi, di situ pun ada satu garis panduan yang lain. Sementara tumpuan daripada kumpulan yang lain, sebagai contoh, yang Yang Berhormat Senator sebutkan tadi juga sepatutnya menjadi satu keutamaan juga dan negara juga akan menuju kepada *aging population*, dengan izin.

Maka isu ini juga patut dititikberatkan. Garis panduan itu memang ada. PLANMalaysia buat. Cuma bebanan itu adalah pada peringkat kerajaan tempatan, pada peringkat mereka yang meluluskan lesen ataupun kemajuan merancang yang mana mereka juga ada pertimbangan yang banyak, terpaksa *balance*-kan.

Jadi, bagi saya yang mana kita mampu, kita akan cuba tingkatkan di bawah kawalan kita. Sementara kesedaran dan juga desakan dan juga *even* dasar ini perlu menjadi keutamaan jugalah.

Jadi, saya harap itu membantu serba sedikit...

Datuk (Dr.) Ras Adiba binti Mohd Radzi: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membetulkan sedikit. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana menjawab soalan saya.

Namun begitu, saya mengatakan bahawa soalan saya itu tidak tersasar kerana OKU adalah sebahagian daripada komuniti negara kita dan saya amat hargai apa yang Yang Berhormat Timbalan Menteri dan pasukan lakukan. Terima kasih.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir: Maaf, tadi sebab berkaitan disebut soal rumah sakit dan terbengkalai. Jadi, rumah sakit dan terbengkalai itu isu lain.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Yang Berhormat Timbalan Menteri, oleh sebab kekangan masa. Bolehkah jawapan itu dibuat secara bertulis?

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir: Boleh. *In fact*, saya pun sudah jawab secara bertulis untuk jawapan penggulangan tempoh hari. Jadi, terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan bagi peringkat KPT. Terima kasih.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir, Timbalan Menteri Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan atas segala jawapan dan penjelasan yang timbul dalam perbahasan Dewan yang mulia ini.

Sekarang, saya menjemput Yang Berhormat Tuan Haji Adly bin Zahari, Timbalan Menteri Pertahanan.

3.33 ptg.

Timbalan Menteri Pertahanan [Tuan Haji Adly bin Zahari]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya mengambil bahagian dalam sesi penggulangan Belanjawan 2023 dalam Dewan yang mulia pada hari ini.

Terlebih dahulu, bagi pihak seluruh warga Kementerian Pertahanan Malaysia serta Angkatan Tentera Malaysia, saya mengambil kesempatan ini merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih khususnya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan kerana telah mengutamakan sektor pertahanan negara melalui peruntukan sebanyak RM17.7 bilion kepada Kementerian Pertahanan Malaysia dalam Belanjawan 2023.

Ketika negara dan seluruh dunia menghadapi cabaran ekonomi yang getir, yang sekali gus menuntut kerajaan memberi tumpuan terhadap usaha membaik pulih sektor ekonomi dan membela kesejahteraan rakyat, jumlah peruntukan sebesar ini amatlah

bermakna bagi kami di Kementerian Pertahanan Malaysia dan kami mengucapkan rasa syukur atas bajet yang telah dibentangkan.

Sekiranya diluluskan, kepimpinan kementerian akan memastikan perbelanjaan ini dapat dilaksanakan secara berhemah, teliti dan efisien. Pihak kementerian tidak akan berkompromi dengan sebarang bentuk ketirisan dan ketidakcekapan dalam membelanjakan peruntukan ini.

Belanjawan 2023 bagi sektor pertahanan cukup penting kerana banyak agenda yang perlu diberikan perhatian. Antaranya ialah aspek selenggaraan aset dan perolehan aset-aset baharu Angkatan Tentera Malaysia bagi meningkatkan kesiapsiagaan pertahanan negara.

Kedua ialah aspek kebajikan anggota dan warga veteran Angkatan Tentera Malaysia seperti menyelenggarakan, dan membaik pulih Rumah Keluarga Angkatan Tentera (RKAT), membantu pemilikan rumah mampu milik secara berfasa di bawah program Program Satu Anggota Satu Rumah (SASaR) dan memperkasakan Program Kerjaya Kedua veteran Angkatan Tentera Malaysia melalui PERHEBAT dengan penyediaan kemudahan latihan dan peluang pekerjaan kedua kepada veteran angkatan tentera.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak warga Kementerian Pertahanan Malaysia dan juga ATM, saya merakamkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada tiga Ahli Yang Berhormat Senator iaitu Yang Berhormat Senator Tuan Musoddak bin Ahmad, Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda dan Yang Berhormat Senator Tuan Abdul Nasir bin Haji Idris, di mana ketiga-tiga Yang Berhormat Senator telah membangkitkan pertanyaan berkenaan dengan halangan yang dikenakan ke atas Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kedah untuk dijemput hadir ke Pameran Antarabangsa Maritim dan Aeroangkasa Langkawi 2023 (LIMA 2023) yang akan berlangsung mulai 23 Mei hingga 27 Mei tahun ini.

Sebagai maklumat semua Ahli Yang Berhormat Senator, LIMA 2023 merupakan acara dwitahunan yang telah dianjurkan semenjak tahun 1991, melibatkan anjuran secara bersama dua kementerian iaitu Kementerian Pertahanan Malaysia dan Kementerian Pengangkutan Malaysia. Pameran LIMA 2023 merupakan edisi terkini semenjak LIMA 2019, di mana pada tahun 2021 ia tidak dapat diadakan kerana pandemik COVID-19. Justeru, pihak kementerian memahami bahawa setelah satu edisi LIMA tidak dilaksanakan, maka ramai pihak tertunggu-tunggu untuk menyaksikan sendiri dan menghadiri LIMA 2023.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pertanyaan yang dibangkitkan oleh ketiga-tiga Yang Berhormat Senator, suka saya memaklumkan, Kementerian Pertahanan Malaysia tidak mengenakan sebarang sekatan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kedah untuk dijemput dalam program terbuka LIMA 2023 ini. Malahan, Kementerian Pertahanan Malaysia sentiasa mengalu-alukan kehadiran semua pihak untuk menghadiri acara LIMA 2023 bagi

memberikan sokongan terhadap penganjuran acara berprestij ini, yang juga merupakan acara berstatus nasional pada peringkat antarabangsa.

Sebagai makluman, proses jemputan tetamu bagi kehadiran ke LIMA 2023 terbahagi kepada dua fasa, di mana pada fasa pertama telah pun selesai dilaksanakan yang melibatkan jemputan kepada tetamu kita pada peringkat antarabangsa. Manakala pada masa kini, Kementerian Pertahanan Malaysia sedang dalam proses jemputan tetamu bagi fasa kedua iaitu melibatkan jemputan tetamu dalam negara. Pihak Jawatankuasa Induk LIMA 2023 telah memutuskan supaya jemputan kepada Menteri-menteri Kabinet pada peringkat Persekutuan dan Ahli-ahli Parlimen serta kepimpinan di peringkat kerajaan negeri termasuk jemputan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kedah akan diedarkan secara bersama dalam fasa kedua ini.

Justeru, ingin saya jelaskan sekali lagi di dalam Dewan yang mulia ini, tidak ada isu yang berbangkit bagi menghalang kehadiran Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kedah ke acara dwitahunan yang berprestij ini. Seperti mana yang saya maklumkan bahawa sebenarnya kerjasama kita pada peringkat Kementerian Pertahanan Malaysia dan juga kerajaan negeri ialah suatu keutamaan. Ini adalah kerana bagi menjayakan LIMA ini, saya yakin bahawa seperti mana yang disebut juga oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kedah bahawa komitmen kerajaan negeri itu memang kita alu-alukan kerana dengan kerjasama inilah bahawa kita di peringkat kerajaan Persekutuan dan juga kerajaan negeri dapat memainkan peranan masing-masing bagi kita memastikan LIMA itu dapat kita laksanakan sebaik mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahajalah pertanyaan yang dibangkitkan...

Datuk Razali bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta sedikit pencerahan Yang Berhormat Timbalan Menteri, boleh?

Tuan Haji Adly bin Zahari: Sila.

Datuk Razali bin Idris: Tadi Yang Berhormat Menteri sebut jemputan kepada Ahli Parlimen tetapi tidak adakah jemputan kepada Ahli Dewan Negara? Ada?

Tuan Haji Adly bin Zahari: Kalau saya tertinggal tadi, saya minta maaf tetapi sudah barang pasti kita menjemput seluruh Ahli Dewan Negara ke pameran LIMA pada tahun 2023.

Insya-Allah, pada peringkat Kementerian Pertahanan, kita akan sampaikan jemputan-jemputan ini dan kita mengharapkan...

Seorang Ahli: Sebelum ini...

Tuan Haji Adly bin Zahari: Oh, tidak pernah ada yang tidak sampai. Jadi, saya ambil perhatian itu kerana kita tahu bahawa kita sudah beberapa tahun ini kita menghadapi COVID-19.

■1540

Saya fikir daripada LIMA ini, dianggarkan di Kementerian Pertahanan itu, sebanyak RM8 bilion perjanjian persefahaman akan dimeterai di LIMA 2023, dan kita menganggarkan sekitar 500,000 orang warga yang akan bersama dengan LIMA 2023. Kita yakin bahawa dengan anjuran LIMA ini, di bawah Kementerian Pertahanan, Kementerian Pengangkutan dan kementerian-kementerian yang lain, termasuk dengan kerjasama kerajaan negeri Kedah, limpahan ekonomi itu akan dapat dirasakan oleh masyarakat dan rakyat di Malaysia, khususnya negeri Kedah dan khususnya di Langkawi itu sendiri.

Jadi, itu sahajalah pertanyaan yang dibangkitkan kepada Kementerian Pertahanan dan sebelum mengakhiri penggulangan ini, saya sekali lagi merakamkan ucapan terima kasih kepada ketiga-tiga Ahli Yang Berhormat Senator yang telah membangkitkan isu ini di bawah Kementerian Pertahanan.

Saya juga, sekali lagi mengulangi penghargaan kepada kerajaan kerana terus mengutamakan sektor pertahanan dalam Bajet 2023 ini. Semoga segala usaha dan ikhtiar kita ini berupaya memastikan kedaulatan dan keamanan tanah air tercinta ini terus terpelihara, *Insyaa-Allah*. Saya ucap terima kasih. Sekian... *[Berucap dalam Bahasa Arab]*
Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Haji Adly bin Zahari, Timbalan Menteri Pertahanan atas segala jawapan yang timbul dalam perbahasan Dewan yang mulia ini.

Sekarang, saya menjemput Yang Berhormat Dato' Sri Haji Abdul Rahman bin Mohamad, Timbalan Menteri Kerja Raya. Dipersilakan.

3.42 ptg.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Sri Haji Abdul Rahman bin Mohamad]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Ahli-ahli Yang Berhormat. Terlebih dahulu, saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada sembilan orang Ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam sesi perbahasan ke atas yang menyentuh isu-isu di bawah bidang kuasa Kementerian Kerja Raya sepanjang sesi perbahasan yang lalu.

Terima kasih atas keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator mengenai isu-isu yang telah dibangkitkan itu. Saya akan menggunakan kesempatan ini dengan sebaik mungkin bagi memberikan jawapan bagi setiap persoalan dan cadangan-cadangan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator.

Sebelum saya pergi lebih jauh, ingin saya maklumkan bahawa Kementerian Kerja Raya Malaysia di bawah Belanjawan 2023: Membangun Malaysia Madani, secara

keseluruhan jumlah peruntukan yang diterima oleh Kementerian Kerja Raya bagi tahun 2023 adalah sebanyak RM8.439 bilion.

Kenaikan 15 peratus berbanding RM7.306 bilion yang diterima pada tahun 2022. Anggaran belanja mengurus B.27 yang dibekalkan, diterima peruntukan ialah sebanyak RM865.27 juta untuk tahun 2023, iaitu peningkatan 5.07 peratus, berbanding RM823.5 juta yang telah diterima untuk tahun 2022. Manakala, peruntukan belanja pembangunan P.27 pula bagi tahun 2023 adalah sebanyak RM7.573 bilion, pertambahan sebanyak RM1.09 bilion daripada jumlah RM6.48 bilion yang diterima pada tahun 2022.

Kementerian ini telah diperuntukkan sebanyak RM1.7 bilion untuk pelaksanaan projek di bawah *Rolling Plan* Ketiga (RP3) Rancangan Malaysia Kedua Belas. Antara projek untuk dilaksanakan oleh Kementerian Kerja Raya adalah seperti berikut:

- (i) membina jalan baharu dari Habu ke Tanah Rata, Cameron Highlands, Pahang;
- (ii) menaik taraf Jalan Tun Hamzah ke Persimpangan Semabok, Lebuhraya AMJ, Daerah Melaka Tengah;
- (iii) menambah baik kemudahan jaringan lebuh raya ke Pengerang melalui pembinaan lorong memotong di Senai-Desaru *Express Way*;
- (iv) menaik taraf Lebuhraya Utara-Selatan dari Yong Peng Utara ke Senai Utara Fasa 1, Johor dari empat kepada enam lorong;
- (v) Pan Borneo-Sabah, dan
- (vi) *Sarawak-Sabah Link Road*.

Setelah meneliti perbahasan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, saya memahami aspirasi dan harapan yang dizahirkan di dalam Dewan yang mulia ini, berkaitan pembangunan di kawasan Ahli Yang Berhormat masing-masing.

Oleh itu, izinkan saya untuk memaklumkan semula di sini secara umum bidang kuasa Kementerian Kerja Raya hanya tertakluk pada Jalan Persekutuan sahaja. Prosedur bagi permohonan projek membina jalan baharu atau menaik taraf Jalan Persekutuan sedia ada adalah melalui kerajaan negeri, berdasarkan senarai permohonan negeri yang dikemukakan kepada kementerian ini melalui penyelarasan antara bahagian Unit Perancang Ekonomi Negeri dan Jabatan Kerja Raya.

Senarai cadangan projek ini akan melalui proses tapisan di kementerian, di mana ia akan dinilai dan diteliti berdasarkan kriteria penilaian terutamanya perancangan dalaman kementerian seperti digariskan dalam Pelan Pembangunan Rangkaian Jalan Raya- *Highway Network Development Plan 2030* (HNDP 2030).

Bagi cadangan projek yang tiada dalam HNDP, masih boleh dimohon untuk diangkat bagi pertimbangan agensi pusat, sekiranya projek berkenaan menjadi keutamaan kerajaan negeri dan disertakan dengan justifikasi permohonan projek yang kukuh.

Sehubungan dengan itu, saya menyeru Ahli Yang Berhormat Senator supaya membawa cadangan projek yang ingin dimohon kepada pihak kerajaan negeri terlebih dahulu supaya projek berkenaan dapat dipertimbangkan dalam senarai keutamaan negeri yang dikemukakan kepada kementerian ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya memulakan penggulungan saya dengan menjawab isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Senator Tuan Aknan a/l Ehtook. Terima kasih. Beliau menyentuh tentang Lebuhraya Hubungan Timur-Barat Gerik ke Jeli. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, berdasarkan pertanyaan Jalan Persekutuan, yang dimaksudkan laluan FT004.

Bagi negeri Kelantan, laluan tersebut terdiri daripada beberapa nama laluan, iaitu Jalan Gerik-Jeli, Lebuhraya Timur-Barat, iaitu sepanjang 30.45 kilometer. Jalan Machang-Jeli sepanjang 60.85 kilometer dan Jalan Pasir Puteh-Machang sepanjang 24.65 kilometer, dan sepanjang keseluruhan FT004 di negeri Kelantan adalah sepanjang 115.95 kilometer. Manakala, bagi negeri Perak pula, adalah Jalan Baling-Gerik-Jeli, sepanjang 114.66 kilometer dan di negeri Kedah adalah sepanjang 61.78 kilometer. Keseluruhan panjang FT004 adalah sepanjang 292.39 kilometer.

Kementerian ini telah melaksanakan kerja-kerja pembaikan kerosakan jalan di laluan FT004 iaitu melalui program penyelenggaraan berkala *pavement* dan bukan *pavement*. Jumlah keseluruhan peruntukan telah diluluskan bagi kerja-kerja penyelenggaraan berkala pada tahun 2021 dan 2022 adalah sebanyak RM44.89 juta. Bagi rancangan penambahbaikan untuk tahun 2023, Jabatan Kerja Raya telah membuat permohonan melalui anggaran penyelenggaraan jalan sebanyak RM113.355 juta untuk menjalankan kerja-kerja pembaikan jalan di laluan FT004.

Bagi tahun 2023, kementerian ini telah memperuntukkan sebanyak RM13.21 juta bagi melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan berkala *pavement* dan berkala bukan *pavement* di laluan FT004 tersebut. Kerja-kerja ini akan dilaksanakan secara arahan kerja kepada syarikat konsesi yang dilantik dan dijangka akan siap Oktober 2023.

■1550

Walau bagaimanapun, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Perak telah membuat permohonan khas untuk menaiktarafkan laluan FT004 ini kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebelum pembentangan Bajet 2023. Hasil perbincangan kementerian bersama Menteri Besar Perak melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), kementerian telah bersetuju untuk menyenaraikan permohonan ini dalam *Rolling Plan* Keempat.

Atas dasar permohonan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Perak ini, kita pertimbangkan sehabis baik dimasukkan dalam permohonan tersebut bergantung kepada Kementerian Kewangan sama ada untuk meluluskan ataupun menolak permohonan tersebut yang bernilai melebihi RM2 bilion untuk melaksanakan keseluruhan Lebuhraya Pantai Timur tersebut yang meliputi sepanjang, lebih kurang yang saya nyatakan sebentar tadi iaitu sepanjang 292.39 kilometer panjang lebuhraya tersebut. Kita berharap supaya Yang Berhormat Senator dapat juga memainkan peranan bagi memastikan bahawa kerja-kerja tersebut dapat diluluskan oleh pihak Kementerian Kewangan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator juga, pihak syarikat konsesi yang dilantik bertanggungjawab melaksanakan kerja penyelenggaraan rutin iaitu skop kerja penyelenggaraan *pavement*, penyelenggaraan bahu jalan, potong rumput, perabot jalan, mencuci jambatan dan pembetung, mencuci longkang serta pemeriksaan rutin. Syarikat konsesi juga bertanggungjawab melaksanakan kerja penyelenggaraan berkala *pavement* dan bukan *pavement* yang dilaksanakan secara arahan kerja berdasarkan peruntukan yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan.

Pihak syarikat turut dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan kerja kecemasan dengan membuat tindakan segera jika berlaku kejadian di luar jangka. Sebagai contoh, kerja membersihkan jalan setelah kejadian tanah runtuh, menyediakan pelan pengurusan trafik-*traffic management plan*, dan menyediakan laluan sementara bagi membolehkan jalan dilalui oleh kenderaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, Kementerian Kerja Raya melalui Jabatan Kerja Raya sentiasa komited memastikan jalan sentiasa dalam keadaan yang selamat dan selesa dan menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan rutin sepanjang tahun.

Berkenaan Jalan Kok Seraya-Terbok di Tumpat, jalan yang dimaksudkan adalah berstatus jalan kampung dan berada di bawah bidang kuasa Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah. Saya difahamkan jalan ini telah diluluskan peruntukan semasa dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas sebanyak RM43 juta mengikut spesifikasi JKR sedia ada dan untuk ditender. Projek ini dijangka siap pada tahun 2027.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya beralih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Abun Sui Anyit- terima kasih Yang Berhormat- yang mencadangkan sebuah jalan raya persekutuan yang boleh menghubungkan Hulu Rajang, Daerah Belaga sampai ke sempadan hingga bersebelahan ataupun menempuhi Nusantara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, kementerian ini telah menerima permohonan daripada Kerajaan Negeri Sarawak bagi cadangan menaik taraf dan pemulihan Jalan Bakun 803 dari Bakun 803/1 ke sempadan Jalan Empangan Bakun 803/9, Bahagian Bintulu dan Kapit, Sarawak pada *Rolling Plan* rancangan boleh dipinda atau *Rolling Plan*

Keempat, Rancangan Malaysia Kedua Belas untuk pertimbangan agensi pusat. Kelulusan bagi cadangan projek ini tertakluk kepada pertimbangan agensi pusat berdasarkan keutamaan dan kedudukan kewangan di bawah Kementerian Kewangan.

Manakala bagi cadangan sambungan dari Belaga ke sempadan Nusantara, kementerian ini akan meneliti cadangan projek ini apabila dimohon oleh kerajaan negeri dalam *Rolling Plan* rancangan boleh dipinda yang akan datang dan akan diangkat untuk pertimbangan agensi pusat sekiranya memenuhi aspek teknikal untuk dilaksanakan, tertakluk kepada keutamaan projek serta kesediaan agihan peruntukan pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Senator Dato' Ajis bin Sitin telah membangkitkan beberapa perkara, iaitu pertamanya, projek jalan baharu- saya tahu Yang Berhormat Senator Dato' Ajis bin Sitin tidak ada dalam Dewan tetapi izinkan saya meneruskan, Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Ya, boleh.

Dato' Sri Haji Abdul Rahman bin Mohamad: Sebab, beliau banyak isu berkaitan kepentingan awam pelancongan di Cameron Highlands.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Ya, silakan.

Dato' Sri Haji Abdul Rahman bin Mohamad: Beliau membangkitkan beberapa perkara, iaitu pertamanya, cadangan projek jalan baharu untuk mengatasi kesesakan lalu lintas di Cameron Highlands, Pahang supaya ia diijarkan semula menjadi jalan raya dari Habu ke Kampung Raja.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, Kementerian Kerja Raya amat prihatin terhadap isu kesesakan di Cameron Highlands yang mana perkara ini telah mendapat perhatian daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sehubungan itu, Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong telah menitahkan agar pelaksanaan jalan ini disegerakan.

Hasil kajian kesesakan lalu lintas Cameron Highlands telah dibentangkan kepada agensi pusat pada 9 Disember 2021 yang lalu. Antara skop cadangan untuk mengurangkan kesesakan adalah seperti berikut:

- (i) Fasa 1A – laluan sehalu di *Kea Farm* sepanjang tiga kilometer dan menaik taraf dari bulatan *McDonalds* ke *Brinchang Time Tunnel* sepanjang satu kilometer;
- (ii) Fasa 1B – jalan alternatif dari Habu ke Tanah Rata sepanjang 4.6 kilometer;
- (iii) Fasa 2 – jalan alternatif dari Kuala Terla ke persimpangan FT185 sepanjang 8.35 kilometer;

- (iv) Fasa 3 – jalan alternatif dari Tringkap ke persimpangan Kuala Terla sepanjang 8.1 kilometer;
- (v) Fasa 4 – jalan alternatif dari persimpangan Tanah Rata ke persimpangan Tringkap sepanjang 6.2 kilometer dan terowong sepanjang 3.5 kilometer; dan
- (vi) Fasa 5 – jalan alternatif dari Ringlet ke Habu sepanjang 4.4 kilometer.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator juga, pada *Rolling Plan* Kedua Rancangan Malaysia Kedua Belas (RP2) tahun 2022, agensi pusat telah meluluskan pelaksanaan projek secara berfasa bermula Fasa 1A iaitu projek menaik taraf jalan dari bulatan *McDonalds* ke persimpangan *Brinchang- Time Tunnel* dan membina laluan sehalu di *Kea Farm*, Cameron Highlands, Pahang dengan anggaran kos RM142.92 juta. Projek ini dalam tindakan Kementerian Kewangan untuk dimuktamadkan harga. Kita berharap supaya dalam April ini, SST akan dapat dikeluarkan untuk dapat dilaksanakan seberapa segera projek yang saya nyatakan sebentar tadi.

Merujuk kepada Belanjawan 2023 yang lepas, kerajaan juga telah mengumumkan akan melaksanakan Fasa 1B iaitu projek membina jalan baharu dari Habu ke Tanah Rata, Cameron Highlands, Pahang dengan kos sebanyak RM480 juta.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, cadangan jalan Habu ke Kampung Raja memang telah diambil kira dalam skop yang telah dibincangkan oleh hasil kajian sebelum ini. Bagi fasa berikutnya, akan dipertimbangkan untuk dimohon dalam *Rolling Plan* yang akan datang atau rancangan boleh dipinda akan datang tertakluk kepada ketersediaan peruntukan dan kewangan semasa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator juga, pembinaan tempat letak kereta di sepanjang pusat-pusat jualan dan tempat tarikan pelancong tidak termasuk dalam skop pembangunan infrastruktur di bawah bidang kuasa kementerian ini dan ia adalah di bawah pihak berkuasa yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, berkenaan isu kedua yang dibangkitkan, hasil semakan kementerian ini, kawasan Pos Batau ke Pos Sinderut akan melalui Jalan Persekutuan iaitu FT102 (Jalan Pos Batau-Lembah Bertam) yang melibatkan Daerah Kuala Lipis sepanjang 48.58 kilometer dalam Daerah Cameron Highlands, sepanjang 30 kilometer FT1504 (Jalan Tersang) yang melibatkan Daerah Raub sepanjang 28.10 kilometer yang diselenggarakan oleh syarikat konsesi penyelenggaraan Jalan Persekutuan.

■1600

Hasil semakan kementerian ini, FT1504, Jalan Tersang permukaan jalan masih dalam keadaan yang boleh digunakan. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, manakala bagi laluan FT102 pada tahun 2021 hingga tahun 2022, kementerian ini telah memperuntukkan sebanyak RM6.99 juta di bawah program penyelenggaraan rutin, penyelenggaraan berkala *pavement* dan berkala bukan *pavement* dilaksanakan oleh pihak konsesi melalui arahan kerja dilalui FT102, Jalan Pos Betau-Lembah Bertam. Kerja-kerja penyelenggaraan tersebut melibatkan tiga bilangan bekerja *pavement* dan empat bilangan kerja bukan *pavement* dan semua kerja telah disiapkan sepenuhnya pada tahun semasa.

Sehingga Mac tahun 2023, kementerian ini telah memperuntukkan sebanyak RM350,000 di laluan FT102, Jalan Pos Betau-Lembah Bertam di bawah program penyelenggara berkala bukan *pavement* yang melibatkan dua bilangan kerja dan dijangka siap pada tahun Oktober tahun 2023 yang telah dikenal pasti melalui Rancangan Penyelenggaraan Jalan 2023, FT120, Pos Betau-Lembah Bertam, 10 bilangan berkala *pavement* yang bernilai RM7.31 juta dan lima bilangan kerja berkala bukan *pavement* RM1.59 juta. Kerja-kerja ini akan dilaksanakan secara arahan kerja kepada syarikat konsesi, namun tertakluk kepada peruntukan yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada pertanyaan seterusnya. Ahli Yang Berhormat Senator mengenai Kampung Orang Asli Tasik Mentiga, Pekan, Pahang. Hasil semakan kementerian ini, mendapati lokasi jambatan tersebut ialah jalan kampung iaitu di bawah tanggungjawab Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah.

Tuan Yang di-Pertua, adakah mengizinkan saya meneruskan sedikit lagi?...

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Berapa lama lagi ya?

Dato' Sri Haji Abdul Rahman bin Mohamad: 15 minit.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Oh, / ingat boleh...

Dato' Sri Haji Abdul Rahman bin Mohamad: Gulung?

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Gulung dalam tiga minit.

Dato' Sri Haji Abdul Rahman bin Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator memang menjadi satu tanggungjawab yang menjadi kepentingan kepada kami di KKR dan dibangkitkan banyak lagi perkara-perkara yang sangat penting. Akan tetapi walau bagaimanapun, kekangan masa yang diperuntukkan tidak dapat saya meneruskan, termasuklah Lebuhraya Pantai Timur ataupun Lingkaran Tengah Utama yang dibangkitkan.

Maka, saya akan cuba sedaya upaya membangkitkan dalam jawapan bertulis dan telah pun siap disediakan. Sepatutnya boleh saya baca terus tetapi tidak apalah. Disebabkan oleh kekangan masa, terpaksa saya menjawab secara bertulis.

Terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan. Perkara-perkara ini amat penting sebenarnya kerana di Kementerian Kerja Raya ini, kebiasaannya peruntukan-peruntukan yang diluluskan memang agak besar, Tuan Yang di-Pertua. Seperti yang dibangkitkan oleh beberapa Senator yang melibatkan kepentingan-kepentingan yang sangat penting, yang perlu saya bangkitkan.

Akan tetapi walau bagaimanapun, saya merakamkan ucapan terima kasih kepada khusus kepada Tuan Yang di-Pertua, yang mengizinkan saya sedikit melebihi masa, yang boleh saya bangkitkan. Termasuklah beberapa perkara yang sangat penting yang kita melihat kepentingan rakyat seperti *Northern Corridor Highway*. Tidak apa, saya akan jawab secara bertulis kepada Yang Berhormat. Akan tetapi menjawab secara lisan ini dapat didengari oleh semua pihak, jawapan oleh Kementerian Kerja Raya. Terima kasih sekali lagi.

Kementerian Kerja Raya mengambil maklum setiap isu dan permasalahan yang diajukan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan sentiasa berusaha untuk memberi perkhidmatan yang terbaik daripada kerja raya, khususnya daripada segi keselamatan di jalan raya sendiri.

Dengan ini, saya mengucapkan terima kasih dan penggulungan saya ini dapat serba sedikit menyentuh Kementerian Kerja Raya. Segala teguran dan cadangan diambil kira dan diberi perhatian khusus oleh kami di KKR kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Insyaa-Allah* kita berjumpa di lain masa. Sekian, saya mengucapkan selamat menyambut Hari Raya Aidilfitri.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Haji Abdul Rahman bin Mohamad, Timbalan Menteri Kerja Raya atas segala jawapan kepada soalan perbahasan dalam Dewan yang mulia ini.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah, Timbalan Menteri Dalam Negeri. Dipersilakan.

4.05 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah]: *Bismillahi Rahmani Rahim*. Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada seramai 50 orang Ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam sesi perbahasan Belanjawan 2023 di Dewan yang mulia ini daripada 29 Mac hingga 3 April lalu. Antaranya lapan Ahli Yang Berhormat Senator telah menyentuh portfolio berkaitan Kementerian Dalam Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan mulakan jawapan saya ini dengan menjawab pertanyaan daripada Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah berkenaan dengan rancangan kerajaan untuk menambah baik bangunan balai polis di seluruh negara

yang kebanyakannya berada dalam keadaan daif bagi menggambarkan tahap kepedulian dan kepekaan pihak kerajaan terhadap keselamatan setiap individu, komuniti dan juga negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, pihak kementerian sentiasa memberi tumpuan dalam menambah baik premis Polis Diraja Malaysia di seluruh negara bagi menyediakan ruang kerja yang konduktif kepada anggota PDRM. Pada tahun 2023, di bawah peruntukan perbelanjaan mengurus (OE), sebanyak RM35 juta akan disalurkan kepada PDRM untuk membaik pulih dan menyelenggarakan balai polis dan bangunan pentadbiran PDRM.

Selain itu juga, di bawah peruntukan perbelanjaan pembangunan (DE), *Rolling Plan* Ketiga (RP3), Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMke-12), sebanyak RM113 juta akan disalurkan bagi kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan kuarters PDRM dan RM113 juta lagi akan disalurkan bagi kerja-kerja pembaikan penggantian lif di premis PDRM. Kementerian juga akan menyalurkan peruntukan perbelanjaan pembangunan (DE) tambahan RP3, Rancangan Malaysia Kedua Belas tahun 2023 sebanyak RM60 juta bagi melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan kuarters PDRM.

Masih lagi berkaitan mengenai pembangunan balai polis. Yang Berhormat Dato' Ajis bin Sitin telah menunjukkan keprihatinan beliau dengan bertanya mengenai hasrat kementerian untuk membina baharu ibu pejabat polis Daerah Lipis bagi menggantikan bangunan sedia ada yang kelihatan sangat usang dan daif.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, rancangan untuk membina baharu ibu pejabat polis Daerah Lipis telah disenaraikan dalam Pelan Tindakan Rancangan Strategik Polis Diraja Malaysia 2021-2025. Pihak kementerian dan PDRM akan mempertimbangkan pembinaan kemudahan ini dalam *Rolling Plan* yang akan datang.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff, Projek Pembinaan Kompleks Maritim Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) negeri Kelantan di sekitar muara Tok Bali, Kelantan. Ia telah diluluskan pada *Rolling Plan* Pertama (RP1), Rancangan Malaysia Kedua Belas, tahun 2021 yang melibatkan fasa perolehan tanah. Status terkini ialah proses permohonan telah diangkat ke kerajaan negeri untuk tindakan selanjutnya yang dijangka akan dapat diselesaikan pembayaran pada tahun ini juga.

Bagi memastikan kesinambungan projek ini, APMM telah mengemukakan permohonan projek bagi fasa pembinaan di bawah *Rolling Plan* Keempat (RP4), RMKe-12 pada tahun 2024. Manakala bagi projek pembinaan ibu pejabat polis IPK Kelantan, ia telah diluluskan di bawah *Rolling Plan* Ketiga, Rancangan Malaysia Kedua Belas tahun 2023 yang akan dibina di atas tapak tanah Lot PT 1723, Mukim Pendek, jajahan Kota Bharu, Kelantan. Tapak keluasan 19.8 ekar bagi pembinaan ibu pejabat baharu ibu pejabat kontinjen Kelantan

dan kuarters di bawah kontinjen Kelantan pada masa ini sedang di peringkat penyediaan *brief* dan skop projek

■1610

Untuk mengetahui masalah isu kesesakan Tambak Johor yang sering kali menjadi buah mulut warga dan rakyat Malaysia di selatan tanah air. Untuk makluman Yang Berhormat Senator Datuk Teo Eng Tee, kerajaan serta komited dan berusaha untuk mengurangkan kesesakan Tambak Johor bagi keselesaan rakyat terutamanya yang bekerja dan berulang alik ke Singapura.

Justeru itu, kerajaan telah mewujudkan jawatankuasa khas bagi menangani kesesakan di Tambak Johor pada 21 Ogos 2019. Jawatankuasa ini telah bersetuju untuk melaksanakan 23 inisiatif yang dikenal pasti di ICQS Bangunan Sultan Iskandar (BSI) dan Kompleks Sultan Abu Bakar (KSAB) bagi mengurangkan kesesakan berdasarkan jangka masa pendek, sederhana dan panjang dengan peruntukan sebanyak RM92.6 juta.

Status pelaksanaan bagi semua inisiatif tersebut sehingga 15 Februari tahun ini sebanyak 67 peratus atau 13 inisiatif yang telah siap sepenuhnya dilaksanakan. Selain itu, terdapat penambahbaikan yang telah dilaksanakan untuk mengurangkan kesesakan di Tambak Johor. Seperti berikut:

Pertama, memastikan pergerakan warga Singapura dipermudahkan dengan memberikan kemudahan penggunaan *auto gate* kepada mereka. Kemudahan ini dikenali sebagai *Malaysia Automated Clearance System* (MACS 2.0). Penggunaan *auto gate* bagi pengembara Singapura bermula 20 Januari 2023 yang dikenali sebagai MACS 2.0 telah diperluaskan ke 10 buah negara kepada warganegara *United Kingdom*, Australia, New Zealand, Brunei, Jepun, Korea, Jerman, Saudi Arabia dan Amerika Syarikat. Sehingga 8 Februari 2023, sebanyak 12,391 rekod keluar masuk warga Singapura yang telah menggunakan kemudahan ini di BSI dan 633 rekod keluar masuk di KSAB. Seterusnya, langkah ini telah mempercepatkan aliran dan keluar masuk di BSI dan KSAB sekali gus memberi manfaat kepada 30,000 hingga 60,000 orang warga Singapura yang berulang alik ke Johor untuk tujuan sosial.

Kemudian kita menubuhkan *Quick Response Team* (QRT) dengan keanggotaan 51 orang di BSI dan 20 orang di KSAB yang terdiri daripada Pegawai Jabatan Imigresen Malaysia bermula 6 Februari 2023. Inisiatif ini bertujuan untuk memastikan kesemua kaunter pemeriksaan di pintu-pintu masuk dapat beroperasi sepenuhnya khususnya pada waktu puncak di kesemua laluan kereta dan kaunter penumpang bas serta mengawal kesesakan terutamanya pada musim perayaan cuti sekolah dan cuti umum yang panjang.

Permohonan peruntukan baharu di bawah *Rolling Plan* bagi inisiatif dan projek yang ditangguhkan antaranya projek baharu di KSAB melibatkan pembangunan semula dewan

penumpang bas, naik taraf kaunter pemeriksaan lori baharu di zon lori masuk, dan *bay* pemeriksaan MAQIS dan membina tandas baharu untuk orang awam dan kajian perancangan masa depan dengan melihat kepada keperluan untuk jangka masa panjang yang kini dalam proses pelaksanaan. Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, Jabatan Imigresen Malaysia juga telah melaksanakan satu kajian untuk melihat keberkesanan QRT semasa waktu puncak dalam mengawal kesesakan di pintu masuk.

Hasil kajian tersebut menunjukkan QRT mampu untuk meningkatkan jumlah pelepasan imigresen dengan kadar signifikan iaitu peningkatan 76 peratus di BSI dan 48 peratus di KSAB. Selain itu, BSI juga telah melaksanakan kajian tempoh pelepasan di dewan bas BSI dengan kapasiti penuh 4,000 orang. Kajian tersebut mendapati selepas pelaksanaan QRT berserta kemudahan *auto gate* kepada warganegara Singapura tempoh menunggu telah dikurangkan kepada tiga jam berbanding empat hingga lima jam sebelum pelaksanaannya.

Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Mohon mencelah.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah: Sikit sahaja.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab soalan yang seterusnya, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan ada peruntukan pembangunan yang diberikan untuk mengadakan bangunan yang baharu atau balai polis atau IPD yang baharu.

/ minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan kerana semasa lawatan kepada beberapa IPD atau balai polis, / nampak bangunan itu canggih, cantik. Memang bagus. Akan tetapi, apa spesifikasi yang diberikan peruntukan kerana / mendapati ada setengah-setengah punya pejabat mereka masih guna perabot-perabot yang lama daripada kemungkinan balai atau IPD yang lama, dibawa. Saya pun mendapati ada beberapa ada sumbangan atau *donation* daripada *private sector* kepada balai polis juga.

So, / hendak tahu ialah semasa peruntukan telah diberikan kepada membangunkan satu- balai polis atau IPD yang baharu itu adakah termasuk semua perabot, dan semua fasiliti yang diadakan. Terima kasih.

Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah: Terima kasih. Yang Berhormat, memang kita akui bahawa keperluan untuk menambah baik dan meningkatkan kemudahan-kemudahan di balai-balai polis seluruh negara sangat tinggi dan memang ia diperlukan. Kita memang ada senarai panjang penggunaan berkenaan.

Untuk memastikan pelaksanaannya baik dan sempurna, pihak kementerian dan PDRM memang meletakkan keutamaan di mana balai yang perlu dilaksanakan terlebih dahulu

dan kita akui memang juga ada pihak-pihak tertentu yang menyumbang kepada PDRM sebagaimana disebut oleh Yang Berhormat.

Namun demikian, dari semasa ke semasa kita sentiasa berusaha untuk meningkatkan kemudahan-kemudahan bagi membolehkan keselesaan kepada anggota kita untuk beri perkhidmatan terbaik kepada rakyat negara.

Yang Berhormat, saya hendak teruskan. Yang Berhormat Senator...

Tuan Akmaz a/l Ehtook: Tuan Yang di-Pertua. Sekejap.

Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah: Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh saya habiskan. Oleh sebab, saya ada banyak ini.

Tuan Akmaz a/l Ehtook: Sikit sahaja.

Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah: Takut perkara baru saya tidak sempat.

Tuan Akmaz a/l Ehtook: Menyentuh tentang polis tadi. Kita tahu bahawa ada peruntukan untuk pakaian polis. Cuma, saya hendak minta Yang Berhormat Menteri cuba tengok akan rungutan tentang pakaian polis itu iaitu *Sam Browne belt* yang melintang itu sebab kadang-kadang kita nampak dia punya kedudukan itu menutup *name tag* pegawai polis berkenaan. Jadi, hendak *communicate* pun susah. Terima kasih.

Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah: Okey, terima kasih. Kita ambil maklum dan saya akan angkat untuk perhatian dan penilaian pihak PDRM.

Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan kerana saya ada banyak lagi yang perlu saya jawab. Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah ingin mendapat kepastian apakah tindakan kementerian dalam memastikan perjawatan anggota polis di seluruh negara adalah mencukupi seiring dengan model kepolisian moden di mana setiap balai polis harus mempunyai 35 orang anggota termasuk menjaga balai, menerima panggilan, lokap juga rondaan dalam kepesatan pembangunan dan pertambahan penduduk di negara ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga 28 Februari 2023, kekuatan anggota dan Pegawai Polis Diraja Malaysia di seluruh negara adalah sebanyak 134,978 orang dan ia masih dilihat tidak mencukupi. Selari dengan kepesatan pembangunan dan pertambahan penduduk di negara ini. Kekurangan pegawai dan anggota PDRM bukan hanya disebabkan oleh kekurangan perjawatan tetapi juga disebabkan masalah pengisian perjawatan yang kosong. Perkara ini selaras dengan dasar semasa kerajaan sebagaimana Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PB3.1

Garis Panduan Penjimatan Perbelanjaan Awam, kemas kini 14 Julai 2022 yang mana perwujudan jawatan baharu tidak dibenarkan kecuali melalui kaedah tukar ganti dan pindah butiran serta tiada implikasi kewangan tambahan. PDRM ketika ini dalam proses kajian pengoptimuman perjawatan secara menyeluruh bagi Ibu Pejabat Polis Bukit Aman, Ibu

Pejabat Polis Kontinjen, Ibu Pejabat Polis Daerah termasuk semua balai polis seluruh Malaysia.

■1620

Menerusi kajian yang dijalankan, jumlah perjawatan ideal bagi semua peringkat akan dikenal pasti bagi memastikan tiada masalah kekurangan perjawatan yang boleh mengganggu keberkesanan operasi kekal relevan serta selari dengan dasar pengoptimuman sumber manusia perkhidmatan awam. Melalui kajian ini, PDRM telah membuat unjuran keperluan perjawatan baharu untuk balai-balai ialah sebanyak 4,940 perjawatan.

Sebagai tambahan, buat masa ini, PDRM telah mencadangkan jumlah perjawatan balai-balai mengikut kategori berikut. Ada kategori A, B, C, D dan E. Contoh saya beri, kategori A, julat antara 150 hingga 270, ada lebih kurang 32 buah balai. Saya beri contoh kategori A ialah Balai Polis Sentral, Johor Bahru. Kalau kategori B ialah Balai Polis Melaka Tengah. Kategori C ialah Balai Polis Jelutong. Kategori D ialah Balai Polis Tambun. Kategori E ialah Balai Polis Kluang. Maknanya ini *ratio* yang kita guna pakai. Ia bukan sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Ahmad Azam Hamzah. Kita ada formula yang kita guna pakai.

Namun, kita akui masih terdapat kekurangan daripada 20 perjawatan di beberapa buah ibu pejabat polis kontinjen di seluruh negara yang mana ada lebih kurang 325 perjawatan yang masih kurang di balai-balai. Saya nak sebutkan bahawa kategori-kategori balai ini ditentukan berasaskan perkara berikut. Misalnya, fasiliti balai berkenaan, jumlah penduduk, jumlah jenayah indeks, jumlah laporan polis, jumlah sasaran penting misalnya lapangan terbang, pelabuhan, pelantar minyak di kawasan berkenaan, sektor rondaan dan ekonomi setempat. Ini faktor-faktor yang menentukan status dan kedudukan kategori balai-balai berkenaan.

Saya nak teruskan Tuan Yang di-Pertua. Kita sedar bahawa dadah merupakan musuh nombor satu- negara, yang wajib kita perangi.

Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh saya mencelah sedikit. Boleh?

Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah: Yang Berhormat Senator Tuan Amir bin Ghazali telah mengutarakan bab persoalan mengenai ancaman dadah di negara ini yang dilihat semakin meruncing. Sikit saja Yang Berhormat.

Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah: Sikit sahaja mengenai keanggotaan tadi polis. Tuan Yang di-Pertua, ada sebuah balai polis yang berdekatan dengan Seremban iaitu Balai Polis Mambau- 30 tahun lepas anggotanya 14 orang. Sekarang ini tahun berapa ... *[Ketawa]* Masih 14 orang dan sedangkan saya rasa kawasan itu banyak taman baharu dah sangat membangun tetapi kekuatan anggota masih sama hampir 30 tahun lepas. Jelas sikit.

Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah: Itulah tadi Yang Berhormat, saya dah sebut bahawa kita sedang buat kajian sekarang tentang keperluan. Saya harap balai polis yang dimaksudkan tersebut akan dimasukkan sebagai satu daripada kajian yang sedang kita buat.

Saya teruskan Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Dalam Negeri memandang serius permasalahan dadah dalam kalangan pelajar dan belia di negara ini. Kementerian melalui PDRM dan Agensi Antidadah Kebangsaan sentiasa menambah baik usaha bagi mengurangkan penawaran dan juga permintaan dadah. AADK melaksanakan program pencegahan berdasarkan model i-Cegah AADK dengan memberikan tumpuan kepada pendidikan pencegahan bagi mendidik masyarakat bahawa dadah masih musuh nombor satu- negara.

Kempen Lebih Baik Cegah AADK dilaksanakan dengan sokongan daripada skuad AADK, menekankan aspek pencegahan yang merupakan pendekatan terbaik dalam usaha membanteras gejala dadah. Program pencegahan yang dilaksanakan berbentuk pendidikan langsung serta kempen kesedaran melalui pelbagai kaedah seperti kekerapan keberadaan pegawai agensi di sesuatu lokaliti, *outreach*, dan juga pendayaupayaan komuniti serta bimbingan dan kaunseling yang menyasarkan institusi keluarga, institusi pendidikan, tempat kerja awam dan swasta, komuniti. Program pencegahan ini dilaksanakan secara kolaborasi bersama jabatan, agensi dan pertubuhan sivil yang terdapat di sesuatu kawasan atau komuniti.

Bagi memastikan tindakan yang diambil terus relevan dengan cabaran semasa, Kementerian Dalam Negeri sedang menggubal Rang Undang-undang Penyalahgunaan Dadah dan Bahan Pencegahan (Rawatan dan Pemulihan) yang bertujuan untuk memperkasa dan memperluas akses kepada perkhidmatan-perkhidmatan bagi mencegah, mengesan dan merawat pulih masalah penagih dan penyalahgunaan dadah.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai mana sedia maklum, hukuman mati mandatori bagi kesalahan di bawah seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 (ADB) telah dipinda kepada hukuman mati atau penjara seumur hidup berkuat kuasa 15 Mac 2018. Berdasarkan pindaan baharu ini, hukuman mati masih dikekalkan namun tidak lagi mandatori kerana ia tertakluk kepada budi bicara mahkamah untuk menjatuhkan hukuman sama ada hukuman mati atau penjara seumur hidup ke atas mana-mana orang kena tuduh (OKT) yang disabitkan dengan kesalahan di bawah seksyen 39B ADB.

Untuk menangani masalah dadah alaf baharu berikutan pemansuhan hukuman mati mandatori, Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik PDRM telah mengesyorkan beberapa cadangan pindaan undang-undang di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952, dan Akta Dadah Berbahaya (Pelucuthakan Harta) 1988. Selain itu, antara peruntukan undang-undang dadah

sedia ada yang akan terus dikuatkuasakan oleh PDRM termasuklah Akta Racun 1992, Akta Penagihan Dadah (Rawatan Pemulihan) 1983 (Pindaan) 1998, Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) termasuklah Akta Dadah Berbahaya (Pelucuthakan Harta) 1988.

Antara lain langkah-langkah yang diambil oleh PDRM untuk mengawal aktiviti jenayah membabitkan dadah terus berleluasa berikutan pemansuhan hukuman mati mandatori adalah antaranya kita memperkasakan platform perkongsian maklumat, kita mengadakan mesyuarat kolaborasi dengan pelbagai aspek penguatkuasaan, menjalankan operasi bersepadu, menangkap dan mengurus penagih-penagih dadah yang ramai ini juga bertukar-tukar kepakaran, termasuklah melaksanakan Operasi Tapis Khas Se-Malaysia secara berkala dan konsisten.

Prof. Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan: Yang Berhormat, bolehkah saya mencelah sedikit? Masih berkaitan dengan soal pemulihan tadi.

Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah: Yang Berhormat, saya ingat saya teruskan.

Prof. Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan: Okey.

Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah: Saya dah 17 saat dari sekarang...
[Ketawa] Minta maaf Yang Berhormat ya.

Saya nak sebutkan seterusnya Yang Berhormat Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai ingin mendapatkan penjelasan mengenai beberapa isu melibatkan penjara satelit kita. Penjara satelit ini bermula operasi 1 April. Saya sambung sedikit Tuan Yang di-Pertua. Boleh?

Timbalan Yang di-Pertua: Tiga minit sahaja.

Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah: Berapa minit?

Timbalan Yang di-Pertua: Tiga minit.

Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah: Tiga minit, okey. Penjara satelit, ia bermula pada 1 April 2021 dan sehingga kini masih beroperasi sebagai penjara bagi penerimaan banduan baharu sebelum dihantar ke penjara-penjara utama. Antara fungsi penjara ini adalah untuk membuat dokumentasi banduan dan juga menjalankan saringan kesihatan dan keselamatan. Keberkesanan penjara ini antaranya dapat mengurangkan risiko jangkitan COVID-19 dan penyakit-penyakit berjangkit yang lain dalam penjara utama serta mengurangkan kesesakan penjara sendiri.

Peruntukan belanjawan mengurus bagi penjara satelit ini pada 2022 adalah sebanyak RM96.8 juta. Walau bagaimanapun bagi tahun 2023, peruntukan penjara satelit sebanyak RM78.6 juta. Penurunan ini disebabkan oleh perolehan pembelian cecair sanitasi dan detergen untuk tujuan pembersihan, pencucian, penyahbasnian COVID-19 serta perolehan pembelian peralatan perlindungan peribadi seperti apron, sarung tangan pakai buang, kertas

pembungkusan makanan pakai buang dan lain-lain juga dikurangkan secara drastik akibat daripada kes-kes COVID-19 telah jauh berkurangan.

Selain itu, penurunan ini juga disebabkan oleh terdapat penjimatan bagi perbelanjaan bagi tahun 2022 yang mana peruntukan yang dimohon mengambil kira 12 buah kem. Walau bagaimanapun, dua buah kem iaitu Kem Chini di Pahang dan juga Kem Bagai Budi, Sabah tidak lagi beroperasi. Daripada 12, tinggal 10. Oleh sebab itu kos kita semakin berkurangan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, sehingga kini, hasrat Penjara Malaysia untuk mengurangkan kesesakan perlu sejajar dengan perancangan strategik 2020-2025. Jabatan Penjara Malaysia akan terus meningkatkan program pemulihan dalam komuniti seperti parol, program reintegrasi penghuni, pelepasan banduan secara lesen, pelaksanaan hukuman alternatif seperti perintah kehadiran wajib bagi mengatasi kesesakan-kesesakan di penjara. Jabatan Penjara Malaysia akan terus memantau dan mengambil tindakan proaktif bagi mengatasi masalah tersebut secara berfokus.

■1630

Prof. Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan: Yang Berhormat, ini penting sangat. Ada kaitan dengan penjara ini, Yang Berhormat. Boleh? Satu ayat sahaja.

Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah: [Ketawa] Kejap, saya habiskan ayat ini dahulu, Yang Berhormat Senator. Secara keseluruhannya, kapasiti penjara satelit sebanyak 5150 buah telah mampu mengurangkan 8.1 peratus kesesakan yang dialami di penjara dan mengekalkan kesesakan terkini pada kadar 12.61 peratus. Maknanya, apa yang kita buat ini berjaya mengurangkan kesesakan di penjara. Yang Berhormat, hendak habis masa sudah.

Prof. Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Yang Berhormat Timbalan Menteri bercakap tentang soal pemulihan di penjara. Jadi, satu pertanyaan saya ialah sejauh manakah Kementerian Dalam Negeri merancang dan juga menilai satu program baru yang sudah dilaksanakan mulai tahun ini iaitu program Reformasi Ke Arah Pusat Pembangunan Peradaban Budaya Kemanusiaan; panjang namanya tetapi begitulah. Ini sudah dimulakan di dua, tiga- tempat. Saya, *alhamdulillah* diajak terlibat dalam soal ini tetapi saya melihat ini satu program penting. Jadi, bagaimanakah kementerian melihat perkara ini dan merancang untuk keberkesanan program itu? Terima kasih.

Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah: Yang Berhormat Senator, memang di bawah Jabatan Penjara Malaysia, kita sedang bergerak untuk ke tahap penjara bertaraf dunia dengan pelbagai program yang dilaksanakan. Secara *detailed*-nya, saya akan bagi maklumat secara bertulis. Namun, kita bukan lagi mahu menjadikan penjara sebagai tempat hukuman semata-mata tetapi membentuk manusia yang terbaik untuk masa akan datang. Saya jawab poin yang terakhir, Tuan Yang di-Pertua.

Saya minta lebih sedikit untuk menjawab satu sahaja lagi iaitu daripada Yang Berhormat Senator Tuan Manolan bin Mohamad yang ingin mengetahui mengenai komitmen serta perancangan kerajaan dalam menangani masalah ketiadaan kad pengenalan dalam kalangan masyarakat Orang Asli. Ramai daripada kalangan mereka ini menghadapi kekangan untuk hadir di Jabatan Pendaftaran Negara kerana tinggal di kawasan pedalaman.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat Senator semua, Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 [Akta 299] bagi Semenanjung Malaysia, Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian bagi negeri Sabah dan Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian bagi negeri Sarawak memperuntukkan bahawa setiap kelahiran di Malaysia hendaklah didaftarkan.

Dalam hal ini, semua kelahiran kanak-kanak di Malaysia termasuk kelahiran anak-anak bagi pasangan Orang Asli perlu didaftar dan dikeluarkan dokumen sijil kelahiran. Semua kanak-kanak Orang Asli yang telah mencapai umur 12 tahun hendaklah memohon kad pengenalan berdasarkan sijil kelahiran tersebut. Kementerian Dalam Negeri melalui Jabatan Pendaftaran Negara amat komited dan sentiasa mengambil langkah proaktif dalam memastikan urusan pendaftaran dokumen pengenalan diri individu yang berkecukupan dapat dilaksanakan dengan mudah di seluruh negara termasuk di kawasan pedalaman dan luar bandar melalui inisiatif berterusan iaitu Program Menyemai Kasih Rakyat (MEKAR).

Jadi, program ini merangkumi program pendaftaran bergerak unit mobil, bas mobil yang menyasarkan penyampaian perkhidmatan kepada golongan kurang upaya, pesakit kronik, pesakit mental dan penduduk-penduduk di kawasan pedalaman yang menghadapi kesukaran untuk hadir ke JPN, termasuklah masyarakat Orang Asli.

Jadi melalui program ini, kita menyediakan pelbagai perkhidmatan termasuk khidmat nasihat berkaitan dengan kad pengenalan, soal kelahiran, soal kematian. Program ini kita lakukan dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Orang Asli dan untuk makluman, kita memang sentiasa bergerak aktif untuk memastikan apa sahaja keperluan rakyat dapat kita lakukan dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri sentiasa komited dan beriltizam untuk memelihara keamanan, keselamatan dan kesejahteraan rakyat serta negara berdasarkan prinsip keluhuran perlembagaan dan kedaulatan undang-undang dalam usaha untuk mewujudkan sebuah masyarakat Malaysia MADANI, maju, berketerampilan dan terangkum.

Setakat ini sahajalah yang dapat saya jelaskan bagi pihak Kementerian Dalam Negeri mengenai isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator. Sekali lagi, saya mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada semua yang telah mengemukakan

pertanyaan, yang membangkitkan isu dan memberi pandangan-pandangan untuk kebaikan kita bersama.

Secara peribadi, saya ingin mengucapkan selamat menjalani ibadah puasa. Semoga usaha kita diberkati oleh Allah SWT. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah atas jawapan-jawapan yang telah diberikan.

Seterusnya, saya menjemput Yang Berhormat Puan Lim Hui Ying bagi mewakili Kementerian Pendidikan. Dipersilakan.

4.35 ptg.

Timbalan Menteri Pendidikan [Puan Lim Hui Ying]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Salam sejahtera, salam Malaysia MADANI. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia atas pembentangan Belanjawan 2023 di Dewan yang mulia ini, yang bertemakan Membangun Malaysia Madani. Dalam Belanjawan 2023, sejumlah RM55.2 bilion telah diperuntukkan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia. Ini menjadikan KPM sebagai penerima peruntukan terbesar bagi Belanjawan 2023.

KPM menggalas tanggungjawab yang besar dalam memastikan setiap sen daripada peruntukan tersebut dibelanjakan dengan cekap serta dapat memberi impak kepada pembangunan pendidikan negara, khususnya pengoperasian institusi pendidikan bawah KPM. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan serta memberikan pandangan, saranan, teguran dan cadangan dalam pelbagai konteks berkaitan KPM.

Dalam perbahasan Belanjawan 2023 mulai 29 Mac hingga 3 April 2023, terdapat lebih 40 perkara, pertanyaan, isu serta cadangan berkaitan KPM yang dibangkitkan oleh 20 orang Ahli Yang Berhormat Senator. Saya akan memberi penerangan kepada perkara berkaitan pendidikan yang dibahaskan mengikut lima fokus utama iaitu pembangunan dan infrastruktur, kurikulum dan pembelajaran murid-guru, pengoperasian institusi pendidikan dan dasar pendidikan.

Saya mulakan dengan penjelasan mengenai perkara berkaitan pembangunan dan infrastruktur. Ahli Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah; Yang Berhormat Senator Dato' Jefridin bin Haji Atan; Yang Berhormat Senator Dato Dr. Nuing Jeluing; Yang Berhormat Senator Tuan Abdul Nasir bin Haji Idris; Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan; Yang Berhormat Senator Datuk John Ambrose; dan Yang Berhormat Senator Datuk (Dr.) Ras Adiba binti Mohd Radzi, menyentuh tentang perkara berkaitan sekolah yang mempunyai bangunan daif.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Belanjawan 2023, sejumlah 388 projek pembangunan semula bangunan daif di sekolah telah diluluskan dengan peruntukan sejumlah RM920 juta. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 312 projek sambungan dengan peruntukan tahun 2023 berjumlah RM892 juta telah diperuntukkan untuk membiayai pelaksanaan kemajuan projek di pelbagai peringkat. Manakala projek baharu melibatkan 76 projek dengan peruntukan tahunan berjumlah RM28 juta bagi melaksanakan kerja awal projek.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah, daripada 388 projek tersebut, sebanyak 181 adalah di Sarawak manakala 125 di negeri Sabah dan selebihnya adalah di Semenanjung Malaysia kecuali di Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Dalam ucapan Belanjawan 2023, KPM menyambut baik saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang secara tidak langsung turut dapat menyegerakan pembaikan dan pembinaan semula bangunan daif di sekolah, iaitu meningkatkan had sebut harga perolehan kerja daripada RM500,000 kepada RM1 juta dan perolehan secara cabut undi daripada RM100,000 kepada RM200,000.

Perolehan bekalan perlu dijalankan sepenuhnya oleh kontraktor utama melalui kontraktor panel yang ditetapkan. Pengecualian kepada KPM daripada penggunaan modal IBS dan keperluan mendapatkan perkhidmatan jabatan teknikal. Akhirnya, menubuhkan pasukan khas mempercepatkan projek pembaikan sekolah yang mempunyai bangunan daif.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah dan Yang Berhormat Senator Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan, cadangan pemerkasaan pelaksanaan projek bangunan sekolah daif sedang diperincikan oleh Pasukan Petugas Khas Reformasi Sektor Awam (STAR) yang diketuai oleh Ketua Setiausaha Negara bersama-sama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia. Antara perkara-perkara yang sedang dalam proses pelaksanaan adalah: pertama, sebuah jawatankuasa khas atau *task force* telah ditubuhkan di peringkat kementerian untuk memantau secara khusus pelaksanaan projek pembangunan sekolah yang mempunyai bangunan daif.

■1640

Kedua, menambah baik proses kerja di pelbagai peringkat seperti pra pembinaan dan semasa pembinaan dan akhirnya melaksanakan libat urus dengan semua pihak berkaitan bagi memastikan pelaksanaan projek dapat disegerakan.

KPM bersama-sama Pasukan Petugas Khas Reformasi Sektor Awam (STAR) juga akan melaksanakan beberapa projek rintis yang diharap dapat dijadikan model bagi menyegerakan pelaksanaan projek pembangunan sekolah yang mempunyai bangunan daif di seluruh negeri terutamanya di Sabah dan Sarawak. Pada masa yang sama, KPM telah menubuhkan Jawatankuasa Pemandu Pembangunan Bangunan Sekolah Daif.

Jawatankuasa ini akan memantau status pelaksanaan projek pembangunan sekolah dengan bangunan daif di setiap negeri.

Berhubung agihan peruntukan untuk pembangunan sekolah daif seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Senator Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan. Perancangan dan peruntukan bagi menaik taraf dan pembangunan semula bangunan daif di sekolah akan dimohon dalam setiap *Rolling Pelan*- Rancangan Malaysia lima tahun, tertakluk kepada keutamaan dan kedudukan kewangan semasa kerajaan. Penyediaan peruntukan juga adalah berdasarkan kepada kemajuan pelaksanaan projek dan unjuran kemampuan pembayaran.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, KPM sama sekali tidak akan meminggirkan keperluan pembinaan infrastruktur pembaikan bangunan serta penyelenggaraan fasiliti. Justeru, peruntukan yang diberikan kepada KPM oleh kerajaan membolehkan perancangan pembinaan sekolah baharu serta pembangunan semula sekolah yang mempunyai bangunan daif serta penyelenggaraan sekolah dilakukan dengan tuntas.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan juga, sekolah yang mempunyai sekolah daif ini adalah bersifat dinamik. KPM masih dan sedang mengguna pakai penetapan projek pembangunan semula atau menaik taraf bangunan sekolah yang daif berdasarkan analisis skor gred impak yang menentukan tahap keadaan komponen fizikal atau fasiliti bangunan di sekolah.

Skor gred impak ini mempunyai tujuh tahap skala. KPM memberikan keutamaan kepada melaksanakan projek menaik taraf atau penggantian blok bangunan di sekolah yang berada pada Skala 6 dan Skala 7 secara berfasa melalui peruntukan yang diluluskan oleh Agensi Pusat bagi setiap *Rolling Plan* dalam Rancangan Malaysia lima tahun.

Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat keperluan untuk penutupan dan penggabungan sekolah yang mempunyai bangunan terlalu daif dan uzur, KPM akan meneliti secara satu persatu mengikut garis panduan sedia ada yang sedang berkuat kuasa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator Datuk (Dr.) Ras Adiba binti Mohd Radzi, kawan lama. Kesemua reka bentuk pembinaan sekolah baharu tambahan dan gantian termasuk sekolah yang terlibat dengan pembangunan semula bangunan daif telah mengambil kira pematuhan MS1184. Penyediaan pematuhan ini dilaksanakan melalui penyediaan keperluan minimum iaitu berkaitan kelebaran minimum laluan pejalan kaki, penyediaan tandas OKU, susur tangan, landas angkat pada pintu masuk utama bangunan dan tempat letak kereta khusus OKU.

Manakala, keperluan OKU yang lebih khusus diambil kira dalam reka bentuk bangunan yang melibatkan pembangunan semula bangunan daif di sekolah yang melaksanakan Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, berdasarkan data terkini, terdapat sebanyak 43 buah sekolah yang menawarkan PPKI mempunyai bangunan daif yang sedang dalam pembinaan semula. Bagi memastikan perbelanjaan MBPK tidak terganggu, murid-murid ditempatkan sementara ke bilik atau ruang lain sehingga bangunan baharu siap.

Ahli Yang Berhormat Senator Datuk (Dr.) Ras Adiba binti Mohd Radzi juga menyentuh tentang fasiliti dan kemudahan mesra orang kurang upaya (OKU). Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM sentiasa berusaha untuk meningkatkan akses dan kualiti pendidikan Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK). Penyediaan kemudahan mesra OKU terus menjadi fokus KPM untuk menerusi teras strategik penambahbaikan *accessibility* dan mobiliti terutama menyediakan sekurang-kurangnya empat kemudahan asas di sekolah yang merangkumi susur landai, susur tangan, parkir dan tandas mesra OKU.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM telah diperuntukkan sebanyak RM78 juta untuk penyediaan kemudahan mesra OKU melibatkan sebanyak 737 buah sekolah yang mempunyai MBPK pada tahun 2021 dan tahun 2022.

KPM juga memberi fokus kepada penambahbaikan infrastruktur bagi sekolah-sekolah yang mempunyai MBPK menerusi projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia lima tahun yang merangkumi projek ubahsuai, naik taraf, pembinaan bangunan tambahan dan gantian sekolah. Bagi tujuan tersebut, KPM telah menerima peruntukan sebanyak RM866 juta untuk tahun 2013 hingga tahun 2023.

Daripada aspek bantuan peralatan khas pula, bermula tahun 2020 hingga tahun 2022, KPM telah membekalkan alat bantuan teknologi (ABT), perkakasan dan perisian kepada MBPK yang berjumlah RM10 juta. Antara peralatan yang dibekalkan mesin Braille, *desktop* CCTV, kalkulator bersuara dan pencetak bahan Braille atau, dengan izin, *thermoform*. Selain itu, MBPK juga berpeluang memohon bantuan secara sekali beri- *one-off* daripada Dana Amanah Tabung Kesejahteraan Kanak-kanak Sedunia yang diuruskan oleh KPM.

Dana ini disalurkan terus kepada MBPK untuk membantu membeli peralatan sendiri atau peralatan pembelajaran bagi membolehkan mereka mengikuti pengajaran dan pembelajaran yang lebih baik. Bagi tahun 2022, Dana Amanah TKKS telah memberi manfaat kepada 554 orang MBPK dengan jumlah sebanyak RM1.4 juta.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator Datuk Bobbey Ah Fang Bin Suan, KPM komited menyediakan perluasan akses program TVET kepada murid berkeperluan khas untuk menceburi bidang TVET di institusi TVET KPM khususnya di kolej vokasional bergantung kepada kesesuaian program dan tahap keupayaan murid. Contohnya, di KV Keningau, Sabah, bagi MBPK kurang upaya pendengaran dan masalah pembelajaran. Program MBPK di KV Keningau ini menawarkan dua program pensijilan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) iaitu Operasi Pembuatan Perabot dan Operasi Pembuatan Pakaian Wanita.

Jumlah keseluruhan MBPK di KV Keningau iaitu seramai 60 orang iaitu seramai 37 orang MBPK mengambil kursus Operasi Pembuatan Perabot dan seramai 23 orang MBPK lagi mengambil kursus Operasi Pembuatan Pakaian Wanita. Selain itu, terdapat dua buah lagi KV yang mempunyai MBPK iaitu Kolej Vokasional Kudat dan Kolej Vokasional Beaufort. MBPK ini mengikuti program pendidikan inklusif dan boleh menyertai mana-mana kursus yang ditawarkan mengikut kesesuaian murid tersebut.

KPM juga melaksanakan program kemahiran di Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) melalui kursus vokasional spesifik dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah Pendidikan Khas. Sehingga kini terdapat 13 buah PPKI di Sabah yang telah ditauliahkan sebagai Pusat Bertauliah Cawangan menawarkan Sijil Kemahiran Malaysia secara modular kepada MBPK.

KPM turut menyambut baik cadangan Ahli Yang Berhormat agar akses pendidikan TVET untuk MBPK diperluaskan menerusi pembinaan sekolah atau menaik taraf kolej vokasional. Justeru, KPM sedang meneliti cadangan Pembinaan Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional Sabah dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas, *Rolling Plan* Keempat tertakluk kepada pertimbangan serta kelulusan agensi pusat dengan mengambil kira keutamaan dan kedudukan kewangan semasa kerajaan.

KPM juga melaksanakan program kemahiran berdasarkan pensijilan Kemahiran Malaysia bawah Jabatan Pembangunan Kemahiran di Program Pendidikan Khas Integrasi. Melalui kursus vokasional spesifik dan kurikulum standard sekolah menengah pendidikan khas. Sehingga kini terdapat 13 buah...

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Mohon mencelah.

Puan Lim Hui Ying: Nanti ya, biar saya habis ayat ini. Sehingga kini terdapat 13 buah PPKI di Sabah, dan sebuah lagi di Labuan yang telah ditauliahkan sebagai Pusat Bertauliah Cawangan menawarkan Sijil Kemahiran Malaysia Program Modular kepada MBPK.

Silakan Yang Berhormat.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Terima kasih, ada sikit kekeliruan iaitu TVET itu adalah di bawah Kementerian Pendidikan *kah* atau di bawah Kementerian Sumber Manusia? Ini kerana tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menegaskan banyak perkara TVET, TVET, TVET itu. Oleh sebab itu / tidak tahu ia di bawah kedua-dua kementerian atau satu kementerian? Terima kasih.

■1650

Puan Lim Hui Ying: Memang di bawah Kementerian Pendidikan, kita ada memberikan kursus TVET juga terutama di kolej vokasional. *We have TVET.*

Datuk Ras Adiba binti Mohd Radzi: Saya ingin mencelah juga, sahabat yang saya kasihi Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih kerana menjawab soalan-soalan tadi. Namun begitu, saya ingin dapatkan penjelasan, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Tadi ada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa kita mengikuti MS1184 untuk membuat infrastruktur yang mesra OKU. Saya bersyukur kerana mendengarnya, tetapi realitinya tidak sebegitu. Justeru, saya ingin bertanya sekiranya ada unit yang memantau untuk memastikan kita mengikuti spesifikasi *universal standard*, dengan izinnya, untuk sekolah-sekolah untuk anak OKU. Itu satu.

Kemudiannya, tadi juga Yang Berhormat Timbalan Menteri ada mengatakan mengenai beberapa fasiliti ataupun kemudahan yang diadakan seperti laluan *tactile* untuk sahabat-sahabat kita yang buta dan juga kemungkinan ada *two ways screen*. Saya masih belum dapat melihat itu.

Seterusnya, apa yang saya lihat daripada apa yang Yang Berhormat Timbalan Menteri sampaikan tadi, kita masih tidak mempunyai penggera atau *alarm* untuk pelajar-pelajar OKU pekak sekiranya ada sesuatu yang berlaku. Saya ingin sarankan supaya kita mengadakan *WhatsApp* video bersama dengan jurubahasa isyarat bagi mereka yang OKU pekak. Terima kasih, sahabat saya.

Puan Lim Hui Ying: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Semua cadangan Yang Berhormat, kami akan ambil notis dan kami akan buat perancangan seterusnya. Terima kasih.

Saya akan teruskan. Pada tahun 2023, tambahan sebanyak 27 buah PPKI lagi akan ditauliahkan sebagai PVC yang melibatkan Daerah Lahad Datu, Beaufort, Membakut, Kota Belud, Kota Marudu, Kudat, Papar, Penampang, Nabawan, Ranau, Tawau, Telupid, Tuaran, Pitas, Keningau dan Kota Kinabalu.

Selain itu, KPM juga melaksanakan projek untuk melengkapkan semua PPKI menengah dengan bengkel kemahiran bagi Persijilan Kemahiran Malaysia di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas, *Rolling Plan* Pertama hingga *Rolling Plan* Ketiga melibatkan 22 buah PPKI di Sabah dan tiga buah di Wilayah Persekutuan Labuan.

Merujuk kepada akses bekalan air dan elektrik kepada sekolah-sekolah khusus di negeri Sabah dan Sarawak seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Senator Puan Noorita binti Sual, KPM akan sentiasa bekerjasama dengan agensi teknikal yang bertanggungjawab kepada bekalan air serta elektrik dalam memastikan infrastruktur asas di sekolah disediakan. Bagi sekolah-sekolah pedalaman yang tidak mendapat akses bekalan air awam dan berpotensi dibina sistem telaga tiub, sebanyak 223 buah sistem telaga tiub telah dibina di sekitar negeri Sarawak sejak tahun 2002. Melalui pembinaan sistem telaga tiub ini, bekalan air yang bersih dapat dibekalkan kepada warga sekolah bagi tujuan minuman dan

domestik. Sistem ini turut diselenggarakan secara berkala oleh pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) yang berperanan sebagai agensi pelaksana.

Berhubung pertanyaan Ahli Yang Berhormat Senator berkaitan projek pembinaan telaga tiub pada tahun 2019, KPM telah diluluskan pembinaan telaga tiub di Sabah bagi 88 projek dengan kos berjumlah RM92.29 juta dan 15 projek di Sarawak dengan kos berjumlah RM16.79 juta. Projek ini dilaksanakan oleh JKR Malaysia melibatkan tiga fasa.

Sehingga 1 April 2023, sebanyak 42 buah projek telah pun dikeluarkan Surat Setuju Terima (SST) kepada kontraktor. Manakala 50 projek telah pun diiklankan tender dan dijangka akan dikeluarkan SST pada Julai 2023. Sebanyak 11 projek di peringkat kerja awalan memandangkan terdapat keperluan perubahan lokasi akibat laporan teknikal potensi air bawah tanah oleh Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG).

Ahli Yang Berhormat Senator Dato' Haji Husain bin Awang dan Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan membangkitkan tentang saiz bilangan murid yang tinggi di sekolah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM telah mengambil langkah yang proaktif untuk mencari jalan penyelesaian yang terbaik bagi menangani masalah sekolah yang mempunyai kepadatan murid dalam kelas yang tinggi. Perkara ini penting bagi memastikan murid boleh belajar dengan selesa, kondusif dan dapat memberi fokus kepada pembelajaran dengan baik.

Antara usaha yang diambil oleh pihak KPM bagi mengatasi masalah tersebut iaitu melalui penambahbaikan bilik darjah di sekolah sedia ada berdasarkan keperluan dan kesesuaian tapak atau pembinaan sekolah baharu. KPM akan mengemukakan permohonan kepada agensi pusat untuk pembinaan tersebut dalam Rancangan Malaysia lima tahun. Walau bagaimanapun, sekali lagi, permohonan tersebut adalah tertakluk kepada pertimbangan dan kelulusan agensi pusat serta kedudukan semasa kewangan kerajaan.

Menyentuh isu keciciran seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Senator Dr. Lingeshwaran, Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Nelson dan Yang Berhormat Senator Dato' Ajis bin Sitin, KPM sentiasa memandang serius mengenai isu keciciran murid bagi memastikan mereka kekal dalam sistem pendidikan negara.

Berdasarkan statistik KPM, kadar keciciran murid menunjukkan trend penurunan dari tahun 2018 sehingga 2022. Kadar keciciran murid di peringkat rendah menurun daripada 0.15 peratus pada tahun 2018 kepada 0.07 peratus pada tahun 2022. Pada peringkat menengah pula, kadar keciciran menurun daripada 1.21 peratus pada tahun 2018 kepada 0.99 peratus pada tahun 2022.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM telah menyediakan Garis Panduan Mengurus Murid Berisiko Cicir di Sekolah dan telah dikuatkuasakan di semua sekolah

kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan. Objektif garis panduan ini adalah untuk membantu pihak sekolah mengenal pasti murid berisiko cicir serta mengurus murid berisiko cicir secara berkesan dan sistematik...

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan.

Puan Lim Hui Ying: Ada lagi. Boleh tambah? Sebab, ramai yang minat tentang pendidikan. Boleh tambah sikit masa, Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua: Boleh, teruskan.

Puan Lim Hui Ying: Terima kasih. KPM juga telah menjalankan program khidmat santun masyarakat atau, dengan izin, *outreach* murid cicir di semua PPD dengan kerjasama komuniti setempat. Objektif program *outreach* murid cicir ini adalah memberi intervensi berfokus bagi membantu murid cicir untuk kembali ke sekolah. Pada tahun 2022, program ini telah berjaya mengembalikan seramai 5,121 orang murid sekolah rendah dan seramai 1,711 orang murid sekolah menengah telah kembali ke sekolah berdasarkan data murid kembali ke sekolah JPN.

KPM yakin semua usaha serta inisiatif yang dirancang dan dilaksanakan secara berterusan ini dapat menangani keciciran murid dan memastikan mereka kekal dalam sistem pendidikan negara sehingga tamat tempoh persekolahan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator Dato' Ajis bin Sitin, KPM juga melaksanakan Program Sekolah Komprehensif 9 (K9) di premis sekolah yang sama. K9 merupakan sekolah yang memberi pendidikan mulai Tahun 1 sehingga Tingkatan 3. Matlamat utama Sekolah Komprehensif 9 (K9) diwujudkan bagi menangani isu keciciran di kawasan pedalaman terutamanya dalam kalangan murid Orang Asli dan peribumi yang menghadapi kesukaran untuk meneruskan pendidikan ke peringkat menengah atas faktor lokasi sekolah menengah yang jauh, bentuk muka bumi yang mencabar dan sosioekonomi keluarga. Sehingga kini, terdapat 12 buah Sekolah K9.

Setelah melihat kejayaan pelaksanaan K9, KPM telah meluaskan konsep Sekolah K9 pada Sekolah Komprehensif 11 (K11) iaitu pendidikan bermula dari Tahun 1 sehingga Tingkatan 5 di sekolah yang sama. Sebagai permulaan, KPM telah melaksanakan rintis K11 di Sekolah Kebangsaan RPS Batau, Kuala Lipis, Pahang dan SK Long Bedian, Baram, Sarawak bermula pada sesi persekolahan baru-baru ini iaitu 2023/2024.

Berhubung calon peperiksaan SPM yang terkesan dalam banjir seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Senator Dato' Arman Azha Abu Hanifah, KPM ingin memaklumkan bahawa bagi calon yang terkesan dengan bencana banjir telah menduduki peperiksaan yang telah dijadualkan semula pada 16 hingga 22 Mac 2023.

■1700

[Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair mempengerusikan Mesyuarat]

Ahli Yang Berhormat Senator Dato' Ajis bin Sitin membangkitkan tentang kepentingan mendedahkan guru atau bakal guru kepada adat resam masyarakat berlainan suku kaum, termasuk Orang Asli.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM telah melaksanakan Program Pembangunan Guru Baharu 2.0 kepada guru baharu yang dilantik dan ditempatkan di sekolah KPM, termasuk sekolah Orang Asli. Menerusi program ini, guru mentor membantu guru baharu mengadaptasi dan menyesuaikan diri dengan persekitaran budaya dan komuniti sekolah. Ini membolehkan guru baharu memahami tugas dan tanggungjawab dalam situasi sebenar di sekolah yang berada dalam komuniti masyarakat pelbagai suku kaum dan adat resam.

Selain itu, bagi memenuhi keperluan guru untuk mengajar di sekolah Orang Asli, KPM turut melaksanakan pemantapan kompetensi guru menerusi peluang pembangunan profesionalisme berterusan. Ini bertujuan memastikan guru sentiasa bersedia memotivasikan untuk menjalankan tugas dan meningkatkan kualiti perkhidmatan masing-masing.

Sebagai contoh, guru diberi latihan berkaitan pemantapan pedagogi berbeza dalam PDP murid Orang Asli, pengurusan diri murid Orang Asli serta rancangan pengajaran harian berimpak tinggi bersama-sama guru sekolah Orang Asli. KPM juga melaksanakan kunjung bantu ke sekolah Orang Asli dan melaksanakan bengkel dalam memperkasakan kecemerlangan pendidikan pedagogi peribumi pedalaman.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, bakal guru yang menuntut di Institut Pendidikan Guru (IPG) turut didedahkan kepada kursus wajib berkaitan sosiologi dan pendidikan. Kursus ini memfokuskan kepada konsep asas sosiologi dalam pendidikan. Stratifikasi sosial dan institusi sosial memahami budaya sekolah, perkembangan sosial budaya di sekolah, perubahan sosial dalam pendidikan, pendidikan untuk semua dan pemupukan integrasi nasional di sekolah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM telah menyediakan peluang latihan perguruan dalam kalangan Orang Asli dan peribumi iaitu di IPG Tengku Ampuan Afzan di Kuala Lipis, Pahang.

Ahli Yang Berhormat Senator Prof. Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan mencadangkan agar pembudayaan ilmu perlu diterapkan dalam kalangan guru. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM sentiasa memupuk budaya ilmu dalam kalangan warga, termasuk golongan guru. Dasar latihan sumber manusia sektor awam menetapkan setiap anggota perkhidmatan awam perlu melengkapkan diri dan dilengkapi dengan sikap, kemahiran dan pengetahuan yang bersesuaian melalui Program Pembangunan Sumber Manusia berteraskan kompetensi dan pembelajaran berterusan.

Penjawat awam, termasuk guru diwajibkan menghadiri latihan dalam perkhidmatan sekurang-kurangnya lima hari setahun sama ada LDP secara terancang atau sendiri. KPM juga telah membangunkan Pelan Pembangunan Profesionalisme Berterusan (PPB) sebagai salah satu usaha untuk meningkatkan pengetahuan, kemahiran, kepakaran dan amalan nilai murni serta ciri profesional. Matlamat PPB adalah untuk membangunkan kompetensi guru agar sentiasa relevan mengikut peredaran zaman.

Berhubung cadangan Ahli Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan mengenai pewujudan pembantu guru. KPM telah diperuntukkan beberapa skim perkhidmatan bagi membantu guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Sebagai contoh, pembantu makmal, pembantu pengurusan murid pra-sekolah, pembantu pengurusan murid pendidikan khas dan pembantu pengurusan murid asrama.

Seperti yang dimaklumkan di Dewan yang mulia ini ketika saya menjawab pertanyaan lisan pada 23 Mac yang lepas. KPM akan meneliti cadangan bagi menangani isu beban guru dari semua aspek. Pada masa yang sama, KPM optimis bahawa tujuh langkah segera yang telah diperkenalkan boleh membantu guru meringankan beban tugas guru.

KPM berterima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan yang begitu komited mengetengahkan isu tentang kekosongan guru. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tahun 2021 sehingga Januari 2023, KPM telah melaksanakan pengambilan seramai 22,327 orang guru melalui kaedah sekali beri, dengan izin, *one-off* dan kluster mata pelajaran sebagai strategi untuk memastikan isu kekurangan guru dapat diatasi.

Beberapa bidang pengkhususan diberi perhatian antaranya ialah Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu, Pendidikan Islam, Matematik dan Sejarah. Urusan pengambilan ini akan berterusan bagi tahun 2023 bagi mengisi kekosongan di sekolah, tertakluk kepada kekosongan jawatan dan keperluan *option* mata pelajaran.

Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan selaku pihak berkuasa melantik akan mengeluarkan iklan bagi proses pengambilan seterusnya pada 7 April 2023, permohonan boleh dibuat melalui portal MYSPP.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Yang Berhormat Timbalan Menteri, banyak lagi ke?

Puan Lim Hui Ying: Banyak lagi tetapi mungkin saya boleh rumuskan dalam lima minit.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Okey, silakan.

Puan Lim Hui Ying: Ahli Yang Berhormat Senator Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam dan Yang Berhormat Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff membangkitkan tentang Program Rancangan Makanan Tambahan (RMT).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM komited dalam memastikan pelaksanaan RMT mencapai objektif. KPM dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia telah menyediakan cadangan menu makanan RMT bagi memastikan murid mendapat makanan yang berkhasiat dan seimbang untuk membantu proses pembesaran mereka.

Menu makanan yang disediakan perlu mematuhi dan memenuhi saranan dalam panduan diet Malaysia 2020 yang mengambil kira sumber makanan daripada karbohidrat, buah-buahan, sayur-sayuran, protein dan susu yang dikeluarkan oleh KKM. Menu tersebut membekalkan sebahagian keperluan kalori bagi seorang murid pada setiap hari persekolahan berdasarkan saranan pengambilan *nutrient* Malaysia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keberhasilan Program RMT diukur melalui pengambilan berat badan murid yang dilaksanakan sebanyak dua kali setahun iaitu pada setiap awal dan akhir tahun. Selain itu, peratus kehadiran murid turut menjadi indikator kepada keberkesanan Program RMT ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator Tuan Manolan bin Mohamad, KPM memberi perhatian terhadap isu kemiskinan multi dimensi ke semua murid, termasuk murid Orang Asli selaras dengan tujuh teras nadi keunggulan KPM. Dalam usaha ini, KPM menyediakan 18 jenis bantuan persekolahan bagi tahun 2023 yang terdiri daripada 13 jenis bantuan khusus dan lima jenis bantuan umum.

Bantuan umum merupakan bantuan yang disalurkan ke sekolah, manakala bantuan khusus merupakan bantuan yang diberikan kepada murid berdasarkan merit dan kelayakan yang telah ditetapkan oleh KPM.

Bagi murid yang terdiri daripada keluarga bawah kategori miskin tegar, pendapatan garis kemiskinan nasional tahun 2019 iaitu pendapatan isi rumah RM1,069 ke bawah atau RM310 per kapita. Bantuan khusus yang disediakan adalah seperti berikut:

- (i) Rancangan Makanan Tambahan;
- (ii) Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin;
- (iii) Projek Khas Sekolah Berasrama Penuh; dan
- (iv) Bantuan Pakaian Seragam Pasukan Badan Beruniform kepada murid di sekolah.

Selain itu, Bantuan Awal Persekolahan juga diberikan kepada setiap tahun kepada murid yang layak bagi meringankan beban perbelanjaan persekolahan yang ditanggung oleh ibu bapa atau penjaga murid.

Untuk tahun 2023, pemberian Bantuan Awal Persekolahan diberikan tanpa mengambil kira had pendapatan ibu bapa kepada murid yang layak.

Ahli Yang Berhormat Senator Puan Noorita binti Sual mengajukan pertanyaan berhubung pembangunan perpustakaan di sekolah luar bandar. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perpustakaan yang menjadi sebahagian dari pusat sumber sekolah sentiasa diberi perhatian daripada aspek pemerkasaan serta pembangunan.

Kesemua 10,233 buah sekolah KPM dilengkapi dengan Pusat Sumber Sekolah (PSS) yang memberikan perkhidmatan akses maklumat, di samping memupuk tabiat membaca dalam kalangan murid. Sebagai usaha memperkasakan PSS secara berterusan, pada tahun 2023 KPM telah memperuntukkan sebanyak RM5 juta untuk pembekalan bahan bacaan tambahan bagi PSS.

Berhubung dengan cadangan Ahli Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan sekali lagi, untuk mewajibkan pendidikan pra-sekolah, seksyen 29(a) Akta Pendidikan 1996, Akta 550 hanya memperuntukkan pendidikan rendah sebagai pendidikan wajib yang perlu diikuti oleh murid di negara ini.

■1710

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat ibu bapa mempunyai pilihan untuk menghantar anak-anak mereka ke pra sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia, agensi lain, dan swasta. Berdasarkan kadar pertambahan murid pra sekolah bilangan murid yang tidak mendapat pendidikan pra sekolah semakin berkurangan. Dalam hal ini KPM sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan enrolmen berdasarkan pada sasaran enrolmen sejagat. Setiap tahun KPM merancang perluasan pra sekolah berdasarkan kepada keperluan menerusi rancangan Malaysia lima tahun namun kelulusan perluasan pra sekolah KPM adalah tertakluk kepada kelulusan agensi pusat.

Saya akan pilih - yang lain kalau saya tidak dapat berucap memberikan jawapan di sini kami tentu memberikan jawapan bertulis. Okey sini mungkin saya sentuh sedikit tentang Sekolah Berasrama Penuh.

Menyentuh tentang laluan khusus untuk murid orang asli ke Sekolah Berasrama Penuh seperti yang dibangkitkan oleh ahli Yang Berhormat Senator Dato' Ajis bin Sitin, KPM komited dalam memastikan pendidikan yang terbaik diberikan kepada semua golongan murid di Malaysia dan perkara ini tidak terkecuali memberi peluang kepada anak-anak orang asli yang memohon melanjutkan pendidikan ke Sekolah Berasrama Penuh.

Untuk makluman ahli Yang Berhormat sehingga kini terdapat murid orang asli yang sedang bersekolah di SBP di seluruh negara. KPM akan meningkatkan promosi bagi menggalakkan dan menarik lebih ramai murid orang asli untuk ke SBP. Apabila saya sentuh asrama penuh kalau saya tidak sentuh menyebut tentang berkenaan apa yang dicadangkan oleh...

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Yang Berhormat Menteri sebab kekangan masa.

Puan Lim Hui Ying: Okey.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Senator-Senator beragama Islam kena balik untuk berbuka puasa.

Puan Lim Hui Ying: Okey semua saya akan jawab dengan jawapan bertulis

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Ya boleh.

Puan Lim Hui Ying: Okey. Saya di sini ingin mengakhiri dengan yang untuk memberi-saya ingin bercakap, KPM sentiasa akan memberi perhatian dan mendukung dasar-dasar pendidikan yang ditetapkan oleh kerajaan termasuk memastikan kejayaan lima aspirasi sistem pendidikan iaitu akses, kualiti, ekuiti, perpaduan dan kecekapan seperti yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.

Okey setakat ini sahaja penjelasan saya yang selain itu saya akan jawab dengan jawapan bertulis dan saya ingin mengambil kesempatan ini berterima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator yang mengambil bahagian tentang isu pendidikan. Sekian, terima kasih.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih Yang Berhormat Puan Lim Hui Ying yang telah memberi jawapan kepada soalan-soalan dan isu-isu yang timbul dalam perbahasan dalam Dewan yang mulia ini.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Dato' Mohammad Yusof bin Apdal. Dipersilakan.

5.13 ptg

Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi [Dato' Mohammad Yusof bin Apdal]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan isu-isu berkaitan pendidikan tinggi sepanjang sesi perbahasan belanjawan peringkat dasar di Dewan Negara. Tuan Yang di-Pertua bagi menjawab dan mengulas segala perkara yang telah dibangkitkan sepanjang perbahasan bermula 29 Mac hingga 3 April 2023 saya akan menjawab isu-isu yang dibangkitkan oleh semua Ahli Yang Berhormat satu persatu sekiranya masih masa mengizinkan.

Pertama, Yang Berhormat Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli mencadangkan agar kementerian melihat... Ada..., tidak ada, ya? Tadi nampak sekarang keluar dah ya?... [Ketawa] Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab Yang Berhormat Senator tidak ada di sini, maka saya terus kepada persoalan yang kedua.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Ya sila

Dato' Mohammad Yusof bin Apdal: Perkara kedua Yang Berhormat Senator Datuk (Dr.) Ras Adiba binti Mohd Radzi menyentuh pelbagai isu berkaitan isu kebajikan golongan orang kurang upaya (OKU) di KPT amnya dan di institusi pendidikan tinggi di bawah KPT khususnya. Untuk makluman Yang Berhormat KPT tidak mendiskriminasi OKU dan golongan rentan lain terutamanya apabila melibatkan akses kepada pendidikan tinggi. Pelbagai inisiatif dan usaha untuk menggalakkan golongan OKU melanjutkan pengajian dilaksanakan secara konsisten antaranya melalui:

- (i) memberi insentif atau biasiswa kepada pelajar OKU yang berjaya melanjutkan pengajian ke peringkat tertiar seperti bantuan kewangan orang kurang upaya; dan
- (ii) mewujudkan kemasukan ke IPT melalui laluan kemasukan khas kategori OKU ke institusi pendidikan tinggi awam IPTA dan institusi latihan kemahiran awam ILKA melalui laluan khas ini pada sesi akademik 2022-2023.

Sebanyak 51.64 peratus pemohon kategori pelajar OKU lepasan SPM dan STPM setaraf yang layak telah ditawarkan ke Universiti Awam, Politeknik, Kolej Komuniti dan ILKA. Malah bagi tempoh bermula 2022 sehingga 2023 jumlah enrolmen pelajar OKU ke IPTA adalah memberangsangkan. Merujuk kepada data MOEIS IPT, jumlah enrolmen pelajar OKU ke Universiti Awam, Politeknik dan Kolej Komuniti seramai 14,482 orang pelajar.

Sebagai makluman Yang Berhormat juga kesemua 20 buah universiti awam di bawah IPT mempunyai sekurang-kurangnya satu daripada empat kemudahan asas mesra OKU iaitu peralatan pembelajaran, tandas, tangga mesra OKU, dan tempat letak kereta OKU. Malah Politeknik dan Kolej Komuniti juga mempunyai kemudahan mesra OKU mengikut kampus cawangannya terutamanya kemudahan peralatan pembelajaran.

Menyentuh tentang peruntukan berjumlah RM436 juta yang telah disentuh Yang Berhormat Senator juga untuk membaik pulih infrastruktur dan mengganti peralatan usang di IPTA semua projek pembangunan infrastruktur dan pengubahsuaian di IPTA adalah mematuhi garis panduan dan peraturan bagi perancangan bangunan yang telah disediakan oleh Jawatankuasa Standard dan Kos Kementerian Ekonomi dalam menyediakan kemudahan akses terhadap pelajar OKU. Garis panduan ini telah memberi perhatian khusus dalam menyediakan kemudahan untuk pelajar OKU daripada peringkat awal reka bentuk bangunan.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator juga, peruntukan berjumlah RM430 juta ini merangkumi pelaksanaan projek baharu serta sambungan kategori fizikal untuk penyelenggaraan peralatan usang dan pembinaan, mengambil kira semua projek ini adalah

di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas yang telah bermula pada 2021 maka semua pelaksanaan projek pembinaan telah mematuhi garis panduan penyediaan fasiliti kemudahan OKU.

Bagi bangunan lama yang masih belum dilengkapi ataupun belum lengkap sepenuhnya fasiliti OKU, kementerian telah menerima peruntukan sejumlah RM15 juta pada tahun 2022 melalui inisiatif bajet oleh Kementerian Kewangan iaitu sebanyak RM11 juta kepada universiti awam dan baki RM4 juta pada Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti bagi menambah baik penyediaan fasiliti kemudahan mesra OKU.

Selain itu, KPT turut memberi keutamaan yang khusus kepada permohonan fasiliti OKU dalam setiap permohonan Rolling Plan. Justeru tiada sebarang diskriminasi terhadap golongan OKU malah kementerian sentiasa berusaha sehabis baik bagi menjaga hal ehwal dan kebajikan berkaitan pelajar OKU khususnya. Malah isu OKU ini sering dibincangkan secara komprehensif melalui Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya di mana KPT merupakan ahli kepada jawatankuasa pendidikan yang diterajui oleh Kementerian Pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua...

Datuk (Dr.) Ras Adiba binti Mohd Radzi: Maaf boleh saya mencelah Yang Berhormat Timbalan Menteri dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memohon agar- terima kasih atas penerangan itu tadi. Saya mahu memohon supaya kita adakan satu unit yang juga memantau elaun yang diberikan kepada pelajar di IPT. Sekarang ini saya sudah pun terima berita bahawa pelajar OKU di UIAM masih belum menerima BK OKU mereka. Elaun-elaun ini masih tidak diterima dan pelajar-pelajar kita ini tidak boleh mahu berbuka puasa kerana tidak ada duit. Jadi saya pohon sekiranya kita dapat, saya akan berikan *list* ini kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya boleh membantu mereka supaya mereka tidak melalui perkara ini *every month*, dengan izin. Terima kasih.

Dato' Mohammad Yusof bin Apdal: Ya terima kasih banyak nanti Yang Berhormat bagi kepada kita, kita akan *insya-Allah* lihat ya, memberi perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ketiga diutarakan oleh Yang Berhormat senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah yang menyentuh tentang pendanaan kajian penyelidikan melibatkan penanaman bijiran di universiti-universiti tempatan.

Dalam konteks ini di bawah KPT pelbagai kajian berkaitan bijiran seperti jagung, beras pulut, beras perang, ubi kayu, dan makanan berasaskan kekacang seperti *winged bean* dibiayai di bawah dana pendidikan fundamental kementerian pendidikan tinggi.

■1720

Malah, bagi tempoh tahun 2017 sehingga tahun 2022, sebanyak 12 projek penyelidikan yang berkaitan dengan bijiran ini telah dijalankan melibatkan peruntukan berjumlah RM1.86 juta. Perkara keempat telah dibahaskan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Ajis bin Sitin, ada?

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Tak ada.

Dato' Mohammad Yusof bin Apdal: Tak ada? Nanti jawapan bertulis ya Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Jawapan bertulis, okey.

Dato' Mohammad Yusof bin Apdal: Tuan Yang di-Pertua, perkara kelima adalah berkait dengan perkara-perkara dasar di bawah KPT yang dibahaskan oleh Yang Berhormat Senator Prof. Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan. Yang Berhormat Senator, KPT berazam memastikan kualiti dan kecemerlangan ahli akademik terus dipertingkatkan, mahasiswa di perkasa dengan lebih holistik serta proses pengajaran dan penyelidikan di IPT terus diperkukuh. Justeru keseluruhan ekosistem IPT diberi keutamaan oleh KPT termasuk menaiktarafkan fasiliti sedia ada dan usang, pemantapan pendigitalan pendidikan tinggi dan penyelidikan pembangunan pengkomersilan dan inovasi.

Secara umumnya, ranking dunia kini tidak lagi diwajibkan kepada semua IPT sebagai kayu pengukur utama yang konklusif. Ia hanya akan digunakan sebagai penanda aras dan salah satu kayu pengukur tahap sistem pendidikan tiga buah negara yang dipantau oleh KPT. KPT berhasrat untuk memperkasa sistem penarafan tempatan seperti Penarafan Bersepadu Institusi Pendidikan Tinggi Malaysia (SETARA) dan Penilaian Penyelidikan Malaysia atau *Malaysia Research Assessment* (MyRA). Justeru hala tuju KPT terutamanya dalam aspek kesejahteraan dengan kewatanan sering dikaji dari semasa ke semasa.

Berkenaan pelan baharu memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu di IPT, KPT menyambut baik saranan Yang Berhormat Senator. Dalam konteks ini, KPT senantiasa memberikan sokongan penuh terhadap usaha dan inisiatif yang dijalankan di pelbagai peringkat dalam memartabatkan Bahasa Melayu terutamanya di IPT.

Di peringkat kementerian, usaha memartabatkan Bahasa Melayu di universiti awam telah giat dilaksanakan, dijalankan sejak tahun 2011 di mana Pelan Tindakan Memartabatkan Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Ilmu di IPT 2011-2015 dan Pelan Tindakan Memartabatkan Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Ilmu di Universiti Awam 2016-2020 telah dilaksanakan secara berterusan.

Prof. Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan: Boleh mencelah sedikit? Sedikit satu ayat sahaja. Tentang Pelan Tindakan Memartabatkan Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Ilmu di IPT. Saya tahu itu bermula pada 2011 tetapi sudah tiga hingga empat kali pusingan ternyata tidak

tampak kesan yang cukup menyerlah. Baru-baru ini ditubuhkan jawatankuasa penilaian dan ditawarkan beberapa buah universiti untuk mengemukakan satu- Kertas Cadangan baharu.

Jadi, satu daripada perkara yang menjadi kekangan adalah sepertinya sikap pimpinan IPT tertentu. Saya membaca laporan rasmi KPT, satu daripada sebabnya iaitu pimpinan universiti mengatakan, “*Oh, kami universiti teknikal. Kami tak perlu kepada Bahasa Kebangsaan.*” Ini saya kira sikap yang mesti dipantau dengan tegas oleh pihak KPT. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Mohammad Yusof bin Apdal: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Sememangnya KPT mengambil perhatian khusus kepada apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Senator Profesor tadi. Untuk kesinambungan usaha memartabatkan Bahasa Melayu di IPTA, pelan tindakan tersebut telah diperhalusi dan ditambahbaikkan. Hasilnya Pelan Tindakan Memartabatkan Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Ilmu Di Institusi Pengajian Tinggi Awam 2023-2030 telah dibangunkan.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: *[Bangun]*

Dato' Mohammad Yusof bin Apdal: Bukan sahaja di universiti awam malah turut melibatkan politeknik dan kolej komuniti. Berkenaan kesinambungan melibatkan program dalam bidang STEM pula.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Sedikit mencelah Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin bertanya sedikit.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Sebelum itu, minta kebenaran dahulu.

Dato' Mohammad Yusof bin Apdal: Ya, *it is okay*.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Terima kasih, saya tengok dia mengganggu Tuan Yang di-Pertua... *[Ketawa]* Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Berhubung dengan pemartabatan Bahasa Melayu, Bahasa Kebangsaan di IPT. Saya melihat pelajar-pelajar Malaysia ke luar negara khususnya di negara mana pun bila mereka pergi, mereka menguasai bahasa di sana. Akan tetapi saya melihat juga bahawa pelajar dari luar negara yang datang belajar- Malaysia menjadi hab pendidikan tinggi tetapi pulang tidak membawa Bahasa Melayu itu bersama. Dia hanya pandai bercakap “*I am made in Malaysia*” tetapi tidak boleh berbahasa Malaysia di negara mereka.

Saya boleh buktikan beberapa buah negara seperti di Uganda dan lain-lain, 22 orang bekas pelajar UIA yang menjadi Dekan di Universiti IUIU di Uganda tetapi tidak boleh bercakap Bahasa Melayu, Bahasa Malaysia. Minta penjelasan. Terima kasih.

Dato' Mohammad Yusof bin Apdal: Saya akan jawab nanti selepas ini boleh tak? Sebab saya takut saya lari daripada tajuk ini.

Walau bagaimanapun, dalam inisiatif pelan tindakan yang baharu ada dicadangkan yang betul ya, ada dicadangkan untuk mewajibkan semua pelajar antarabangsa mengambil

dan lulus mata pelajaran Bahasa Melayu. Kita ada ini tetapi nanti kita mungkin boleh kembali kepada Yang Berhormat ya.

Berkenaan kesinambungan melibatkan program dalam bidang STEM mahupun sains sosial dan kemanusiaan seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. KPT mengambil pendekatan yang saksama dan tidak berat sebelah melibatkan semua program akademik yang ditawarkan. Semua universiti awam perlu melahirkan graduan yang dapat memberikan sumbangan sepenuhnya dalam guna tenaga negara selaras dengan keperluan negara melalui program akademik yang berkualiti tinggi iaitu:

- (i) transformasi pendidikan tinggi awam iaitu semakan semula kurikulum program akademik;
- (ii) saringan awal yang ketat terhadap setiap program akademik yang hendak ditawarkan dan;
- (iii) memperkenalkan kurikulum tersedia masa hadapan, *future ready curriculum* (FRC).

Ketiga-tiga aspek ini merangkumi kesemua program akademik termasuk bidang STEM, bidang sains sosial dan kemanusiaan bagi memastikan kelestarian program tersebut.

Dalam usaha kenaikan pangkat mengikut bidang pula, kuasa meluluskan urusan kenaikan pangkat bagi semua pensyarah di UA adalah di bawah bidang kuasa Lembaga Pengarah Universiti (LPU) masing-masing setelah melalui proses saringan di peringkat universiti awam.

Dari sudut penyelidikan pula, program Dana Penyelidikan Fundamental Kementerian Pendidikan Tinggi (DPF KPT) disediakan untuk membiayai projek penyelidikan yang bersifat fundamental yang bertujuan untuk meneroka penemuan teori dan ilmu baharu. Permohonan kepada dana penyelidikan ini adalah terbuka kepada semua kakitangan akademik IPT, tidak mengira bidang sama ada STEM, sains sosial mahupun bidang-bidang lain malah kejayaan permohonan adalah berdasarkan kepada kualiti kertas cadangan penyelidikan.

Dalam konteks ini, permohonan yang diterima bagi tempoh tahun 2016 sehingga tahun 2022 daripada bidang sains teknologi dan kejuruteraan adalah lebih tinggi berbanding bidang sains sosial pada setiap tahun. Namun begitu, peratus projek yang diluluskan bagi bidang sosial adalah lebih tinggi berbanding bidang sains teknologi dan kejuruteraan. Manakala dalam aspek peruntukan dana penyelidikan, dana yang diterima oleh bidang sains sosial adalah kurang berbanding dengan dana penyelidikan yang diterima oleh bidang sains teknologi dan kejuruteraan.

Hal ini disebabkan kos yang dimohon untuk menjalankan projek penyelidikan dalam bidang sains teknologi dan kejuruteraan adalah lebih tinggi iaitu dengan anggaran antara RM100,000 dan ke atas untuk satu-satu projek. Justeru, KPT mengamalkan dasar terbuka

dengan membuka peluang kepada semua kakitangan akademik di IPT tidak mengira bidang sama ada bidang STEM, sains sosial mahupun bidang-bidang lain untuk kemajuan laluan kerjaya masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan sekalian, isu keenam melibatkan KPT dibahaskan oleh Yang Berhormat Senator Prof. Tan Sri Datuk Dr. Haji Mohamed Haniffa bin Haji Abdullah. Berdasarkan sistem MOEIS KPT bagi tempoh bermula Januari 2022 sehingga 31 Disember 2022, enrolmen pelajar perubatan antarabangsa di universiti awam seramai 563 orang pelajar, meningkat sebanyak 15.8 peratus berbanding tahun 2021 iaitu 486 orang pelajar.

Manakala di universiti swasta, sistem e-IPTS KPT menunjukkan jumlah pelajar antarabangsa yang mengikuti kursus pengajian perubatan di IPTS Malaysia pada tahun 2022 adalah seramai 1,921 orang. Daripada jumlah tersebut, 1,798 orang pelajar antarabangsa yang mengikuti ijazah sarjana muda. Manakala baki 123 orang pelajar yang mengikuti Ijazah Kedokteran- *Doctor of Medicine*.

Yang Berhormat Senator juga bertanya mengenai jumlah kemasukan pelajar antarabangsa ke Malaysia selepas tempoh pandemik COVID-19 apabila sempadan negara mula dibuka. Secara keseluruhannya selepas tempoh pandemik COVID-19, sejumlah 44,542 orang pelajar antarabangsa telah menyambung pengajian di 20 buah universiti awam pada tahun 2022. Sebelumnya pada tahun 2021 terdapat seramai 39,172 orang pelajar antarabangsa menyambung pengajian di universiti awam.

■1730

Di universiti swasta pula, seramai 19,110 orang pelajar antarabangsa melanjutkan pengajian pada tahun 2021, manakala pada tahun 2022, kemasukan pelajar antarabangsa meningkat kepada 20,268 orang.

Menjawab kepada- apa mekanisme yang dilaksanakan oleh KPT dalam menggalakkan pelajar antarabangsa untuk menyambung pengajian di Malaysia, dalam konteks ini, KPT senantiasa proaktif mempromosi dan berusaha menarik minat pelajar antarabangsa ke Malaysia. Pelbagai sesi libat urus dan perbincangan bersama pihak-pihak berkepentingan seperti pejabat- *Education Malaysia* di luar negara, institusi pendidikan tinggi di Malaysia dan di luar negara, *Education Malaysian Global Services* (EMGS), serta jabatan dan agensi yang berkaitan dilaksanakan dari semasa ke semasa.

KPT juga telah menubuhkan Jawatankuasa Pemantauan Pengurusan Permohonan Visa, Pas Pelajar dan Memo Periksa Keluar- *Check-out Memo*, di universiti awam yang terdiri dari Jabatan Pendidikan Tinggi, EMGS dan Jabatan Imigresen Malaysia bagi mengenal pasti prestasi semasa setiap universiti awam dalam pengurusan pelajar antarabangsa. Jawatankuasa ini melalui sesi audit dan pemantauan pengurusan diyakini boleh

mengurangkan kerenah birokrasi dalam pengurusan permohonan visa dan pas pelajar untuk pelajar antarabangsa di Malaysia.

Malah, KPT melalui pelajar *Education Malaysia* di luar negara dan EMGS sentiasa menganjurkan program-program berimpak tinggi secara berterusan untuk mempromosikan jenama *Education Malaysia* di persada antarabangsa. Antara program dan inisiatif pengantarabangsaan ini ialah Seminar Pengantarabangsaan Pendidikan Tinggi, program *EduTourism*, dan *Meet & Greet International Students in Malaysia*.

Selain itu, melalui kerjasama strategik antara bahagian *Education Malaysia*, JPT, EML, EMGS dengan IPT Malaysia, alumni antarabangsa yang tersohor- *prominent alumni* yang berpotensi sebagai duta promosi pendidikan tinggi Malaysia turut dikenal pasti untuk tujuan promosi pendidikan. Dengan inisiatif yang dilaksanakan oleh KPT secara berterusan ini, usaha ini dijangka mampu membantu mempromosi dan meningkatkan kemasukan pelajar antarabangsa ke Malaysia.

Malah, antara faktor-faktor utama yang menjadikan Malaysia destinasi pilihan pelajar antarabangsa menyambung pengajian juga telah dikenal pasti, seperti penerapan dan *ranking* IPT yang baik serta pengalaman baik pelajar antarabangsa dalam urusan permohonan visa dan pas pelajar sepanjang tempoh keberadaan mereka di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, pembahas ketujuh, Yang Berhormat Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim. Hadir ya? Pertama, bagi perkara-perkara yang melibatkan kebolehpasaran graduan, padanan peluang pekerjaan dan pasaran modal, KPT mengambil inisiatif mempergiat kolaborasi bersama industri melalui pelaksanaan pelbagai program seperti *Industry@University*, *CEO@Faculty*, *CEO@PolyCC*, *Industry Education Centre*, Majlis Penasihat Industri JPPKK dan Jawatankuasa Penasihat Industri.

Malah, KPT turut berkolaborasi bersama agensi dan kementerian lain seperti Pertubuhan Keselamatan Sosial Malaysia (PERKESO) di bawah Kementerian Sumber Manusia melalui portal *MYFutureJobs* dan TalentCorp melalui inisiatif *National Structured Internship Programme (MySIP)*.

Inisiatif-inisiatif ini dilihat mampu menangani isu *mismatch*. Sepanjang tahun 2022, seramai 8,560 orang graduan daripada program MySIP telah berjaya memperoleh penempatan pekerjaan kolaborasi ini. KPT turut bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dalam mengenal pasti keperluan industri pada masa hadapan termasuk usaha pepadanan pekerjaan bagi graduan yang berpotensi untuk diserap ke dalam industri yang sedang pesat berkembang.

Program padanan pekerjaan kepada graduan turut boleh dicapai di laman web KPT dengan memperkenalkan modul *JobMatching@GREaT* sebagai platform untuk memudahkan pihak industri mengenal pasti graduan yang memenuhi kriteria untuk ditawarkan peluang

pekerjaan. Modul ini memadankan kriteria keperluan bakat oleh industri secara langsung dengan data graduan lain dalam Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG) di bawah kementerian. Dengan itu, graduan tidak perlu lagi memohon untuk mengisi kekosongan jawatan yang ditawarkan oleh industri. Sebaliknya, padanan dilakukan secara automatik oleh sistem berdasarkan kriteria keperluan yang dikunci masuk oleh industri.

Selain inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan ini, peranan Agensi Kelayakan Malaysia- *Malaysian Qualification Agency* (MQA) dalam kebolehpasaran graduan dan pasaran modal turut diperkukuh. Dalam hal ini, MQA bertanggungjawab menyediakan dan menyelaraskan jaminan kualiti dan akreditasi pendidikan tinggi negara dengan membangunkan dokumen jaminan kualiti sebagai rujukan piawaian dan panduan kepada IPT dalam membangunkan program yang berkualiti.

Antara dokumen jaminan kualiti yang boleh dirujuk ialah Kod Amalan Akreditasi Program (COPPA) yang merupakan rujukan standard dalam penilaian akreditasi. Antara standard yang ditetapkan dalam COPPA ialah keperluan pemberian pendidikan tinggi untuk menjalankan analisis keperluan dari segi kajian keperluan pasaran dan kebolehpasaran graduan sebelum sesuatu program diberi pertimbangan untuk penawaran.

Dalam usaha memastikan IPT membangunkan – Saya minta sedikit lagi masa.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Boleh.

Dato' Mohammad Yusof bin Apdal: Membangunkan kurikulum program berkualiti, MQA juga telah membangunkan standard program sebagai salah satu- dokumen jaminan kualiti yang perlu dirujuk oleh IPT. Program ini memperjelas penyertaan pengamal industri dalam aktiviti pembangunan kurikulum, pengajaran, penilaian pelajar serta semakan semula kurikulum di peringkat prasiswazah sehingga ke peringkat pascasiswazah.

Tuntasnya, kementerian melalui MQA secara berterusan sentiasa mencari pendekatan dan kaedah baharu dalam memastikan kualiti dan kesepadanan kurikulum adalah bertepatan dengan keperluan industri.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim turut menyentuh mengenai penambahbaikan program dan spesifikasi PerantiSiswa. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, KPT sebagai pelaksanaan program Inisiatif PerantiSiswa sentiasa mengalu-alukan maklum balas untuk menambah baik program ini. Program ini telah mendapat sambutan yang sangat baik sepanjang pelaksanaannya dan berjaya memanfaatkan kumpulan sasaran iaitu mahasiswa golongan B40, IPT di universiti awam, politeknik, kolej komuniti dan IPTS.

Melalui program ini, pelajar dibekalkan dengan sebuah tablet Galaxy Tab A8 LTE bagi memudahkan cara pembelajaran secara dalam talian mereka. Sehingga 1 April 2023, seramai 283,198 orang atau 96.8 peratus pelajar IPT telah menerima peranti. Manakala, selebihnya

seramai 9,412 orang atau 3.2 peratus masih dalam peringkat pengesahan oleh IPT masing-masing. Buat masa ini, kerajaan juga tidak mempunyai perancangan untuk meneruskan inisiatif seumpama ini pada masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, pembahas yang terakhir, Yang Berhormat Senator Tuan Robert Lau Hui Yew – Tidak ada.

Akhir kata, kementerian merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator yang telah membahaskan dan cakna mengenai isu-isu pendidikan tinggi sepanjang sesi perbahasan belanjawan di Dewan yang mulia ini.

Sebelum saya akhiri, saya ingin berpantun, Tuan Yang di-Pertua:

*Ramadan bakal beransur pergi,
Syawal menjelma di Aidilfitri;
Seikhlas hati menyusun jari,
Memohon dimaaf kekhilafan diri.*

Salam Aidilfitri, maaf zahir dan batin. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan semua Ahli Dewan. Terima kasih.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Mohammad Yusof bin Apdal, Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi atas jawapan yang telah diberikan.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Dato' Seri Hajah Nancy binti Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Dipersilakan.

5.39 ptg.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Dato' Seri Hajah Nancy binti Shukri]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada kesemua lapang orang Ahli Yang Berhormat Senator yang telah berbahas dan menyentuh isu-isu di bawah seliaan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) semasa mengambil bahagian dalam sesi perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2023 di Dewan ini bermula Rabu, 29 Mac 2023 hingga Isnin semalam, 3 April 2023.

Kesemua pandangan dan cadangan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator berhubung dengan penyampaian perkhidmatan kepada kumpulan sasaran di bawah KPWKM sepanjang tiga hari tersebut amat dihargai. *Insyaa-Allah*, pada hari ini saya akan memberi maklum balas atas pertanyaan-pertanyaan yang telah diajukan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

■1740

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mulakan dengan pertanyaan oleh Yang Berhormat Senator Datin Hajah Ros Suryati binti Alang dan Yang Berhormat Senator Datuk Judiet binti Fidilis @ Noraini binti Idris, ada di dalam Dewan?

Seorang Ahli: ...Tidak ada.

Dato' Seri Hajah Nancy binti Shukri: Kalau tidak ada saya akan beri jawapan bertulis.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Tidak ada.

Dato' Seri Hajah Nancy binti Shukri: Saya beri jawapan bertulis demi menjimatkan masa.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Juhanis binti Abd Aziz?

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Ada.

Dato' Seri Hajah Nancy binti Shukri: Ada ya dan Yang Berhormat Senator Puan Susan Chemera Anding ada? Meminta supaya urusan permohonan bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat dipermudahkan. Ada juga yang mencadangkan agar diwujudkan pejabat bergerak ke kawasan pedalaman.

Untuk makluman, tempoh pemakluman status permohonan bantuan kepada pemohon adalah maksimumnya dalam tempoh 30 hari daripada tarikh permohonan yang lengkap diterima. Tempoh 30 hari diperlukan mengambil kira proses siasatan dan penyediaan laporan siasatan yang akan dilaksanakan sehingga kelulusan diberikan mengikut kelayakan. Ia mungkin lebih awal daripada itu tetapi maksimum 30 hari.

Tempoh ini munasabah dengan mengambil kira lawatan ke rumah yang perlu dilakukan serta pengesahan-pengesahan lain yang berkaitan untuk melengkapkan laporan siasatan. JKM juga sentiasa memastikan penyampaian perkhidmatan bantuan dapat dipertingkatkan lagi melalui pelbagai usaha antaranya ialah:

- (i) memperkemaskan borang permohonan bantuan kewangan JKM;
- (ii) permohonan bantuan kini boleh dilakukan secara atas talian; dan
- (iii) menyalurkan bayaran bantuan melalui bank.

Jika dahulunya ada penerima bantuan yang perlu menunggu kehadiran pegawai JKM untuk mengagihkan wang bantuan serta pada tarikh yang berubah-ubah, kini boleh merancang perbelanjaan dengan lebih mudah dan tepat. Berhubungan dengan cadangan mewujudkan pejabat bergerak ke kawasan pedalaman. Ingin dimaklumkan pada masa ini JKM mempunyai 152 PKMN, PKMD, PKMJ, PKMB yang beroperasi di seluruh negara.

Pada masa yang sama, penyampaian perkhidmatan JKM pada masa ini turut dicapai di seluruh kawasan termasuk kawasan pedalaman melalui perkhidmatan utama iaitu:

- (i) Program Ziarah Kasih ataupun kita turun padang;
- (ii) hari bertemu pelanggan;
- (iii) membuka ruang pameran di program-program peringkat negeri dan daerah yang merangkumi pendaftaran permohonan bantuan kewangan, pendaftaran OKU dan perkhidmatan jabatan yang bersesuaian; dan
- (iv) program Khidmat Bantu di Rumah- *Home Help Services*.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengingatkan kepada semua pihak dan diri saya sendiri bahawa kita boleh membantu pihak-pihak yang memerlukan yang berada di dalam atau berhampiran kawasan kita serta dalam pengetahuan kita dengan merujuk kes mereka kepada JKM. Sifat kerjasama, cakna dan bertanggungjawab seperti ini boleh membantu pihak yang memerlukan dan layak untuk tidak tercicir daripada menerima bantuan yang disediakan oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk (Dr.) Ras Adiba binti Mohd Radzi, tadi ada. Tidak ada lagi?

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Ada, ada.

Seorang Ahli: ...Yang Berhormat Senator, keluar.

Dato' Seri Hajah Nancy binti Shukri: Saya bagi jawapan secara bertulis.

Seterusnya soalan daripada Yang Berhormat Senator Dato' Juhanis binti Abd Aziz ada?

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Ada.

Dato' Seri Hajah Nancy binti Shukri: Yang Berhormat Senator Dato' Juhanis binti Abd Aziz dan Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan ada? Okey, beberapa orang Ahli Yang Berhormat Senator telah memberikan cadangan supaya kerajaan membina lebih banyak pusat jagaan warga emas agar kehidupan mereka lebih terjamin.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Rumah Seri Kenangan (RSK) telah ditubuhkan sejak tahun 1950 berfungsi untuk memberi penjagaan dan perlindungan kepada warga emas yang daif demi menjamin kesejahteraan hidup mereka.

Pada masa ini, terdapat sebanyak 10 buah Rumah Seri kenangan serta dua buah Rumah Ehsan beroperasi di seluruh negara. Selain itu, pembinaan Kompleks Penyayang Sinar Kasih di Nibong Tebal, Pulau Pinang dijadualkan selesai pada tahun ini. Manakala, satu lagi projek bina baharu iaitu Kompleks Ehsan Slim River di Perak yang dijadualkan akan dimulakan pada tahun ini juga dan dijangka siap pada tahun 2027.

Dalam hal ini Tuan Yang di-Pertua, ingin saya tekankan bahawa kemasukan warga emas ke institusi adalah sebagai langkah terakhir dan tinggal bersama keluarga merupakan amalan dan persekitaran terbaik buat warga emas. Kemasukan ke institusi warga emas kendalian JKM adalah kepada warga emas yang tidak ada sumber pendapatan atau tidak mampu menyara diri sendiri, tidak mempunyai sanak-saudara atau waris serta tidak mempunyai tempat tinggal yang tetap.

Warga emas yang tidak ditempatkan di institusi kerajaan tetapi memerlukan dan layak menerima bantuan akan tetap memperoleh akses kepada khidmat sokongan seperti bantuan kewangan bulanan seperti Bantuan Warga Emas atau Bantuan Penjagaan OKU Terlantar / Pesakit Kronik Terlantar sebanyak RM500 sebulan serta program Khidmat Bantu di Rumah (KBDR) iaitu *Home Help Services*, dengan izin, kepada kes-kes yang memerlukan. Bantuan ini bagi memastikan warga emas kekal berada bersama keluarga.

Dalam terus menyokong warga emas hidup sejahtera dan terus berada dalam persekitaran komunitinya, JKM telah mewujudkan program sokongan seperti berikut. Pertama, kita ada Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) yang merupakan satu perkhidmatan bercorak pendampingan sosial dan pembangunan kepada warga emas. Sehingga Disember 2022, sebanyak 161 buah PAWE telah ditubuhkan di 146 buah kawasan Parlimen dengan lebih 50,000 orang ahli berdaftar. Setiap tahun disasarkan penubuhan 10 buah PAWE baharu bagi mencapai sasaran penubuhan sekurang-kurangnya sebuah PAWE di kesemua kawasan Parlimen di seluruh negara.

Kedua, ialah Program Khidmat Bantu di Rumah (KBDR) ataupun *Home Help Services* dengan telah saya sebutkan sebentar tadi. Program ini memberi khidmat sokongan kepada warga emas dan OKU terutamanya yang tinggal bersendirian atau bersama ahli keluarga di rumah yang kurang penjagaan dan kurang berkemampuan. Pada masa ini, seramai hampir 9,000 orang warga emas dan OKU memanfaatkan perkhidmatan yang diberikan oleh lebih 2,000 orang sukarelawan KBDR di seluruh negara.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, beralih isu berkenaan kumpulan sasaran KPWK. Yang Berhormat Senator Datuk (Dr.) Ras Adiba binti Mohd Radzi dan Yang Berhormat Senator Tuan Isaiah a/l D Jacob telah mengemukakan beberapa pertanyaan berhubung kumpulan sasar KPWK yang seterusnya iaitu OKU.

Pertama, Yang Berhormat Senator Datuk (Dr.) Ras Adiba binti Mohd Radzi ingin mengetahui lokasi taska OKU baharu yang akan dibuka melalui peruntukan dalam Belanjawan 2023. Untuk makluman Yang Berhormat, KPWK telah diperuntukkan sebanyak RM5 juta melalui Belanjawan 2023 bagi pemberian insentif penubuhan taska OKU baharu. Ingin dimaklumkan juga bahawa taska OKU yang baharu ini bukanlah akan ditubuhkan, dibina

atau dikendalikan oleh KPWKM tetapi ia boleh ditubuhkan oleh mana-mana pihak sama ada badan sukarelawan kebajikan atau NGO mahupun mana-mana pengusaha taska.

Bagi penubuhan taska OKU ini, pengusaha boleh membuat permohonan bagi mendapatkan insentif dan mengemukakan syor tentang lokasi yang ingin dicadangkan. Seterusnya, beliau ingin sama ada taska OKU mempunyai elemen intervensi awal dan mempunyai kemudahan yang mesra OKU. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, taska OKU ditubuhkan untuk membantu keluarga yang mempunyai anak OKU mendapatkan perkhidmatan yang sesuai dengan ketidakupayaan mereka serta pada masa yang sama boleh memenuhi keperluan bagi pendidikan dan intervensi awal kanak-kanak OKU.

Bagi memastikan taska OKU di seluruh negara dapat memberi fokus kepada penerapan elemen intervensi awal dan penyediaan persekitaran yang mesra OKU, KPWKM menerusi JKM ada menyediakan bantuan kewangan kepada pengusaha taska OKU iaitu melalui bantuan kewangan penubuhan dan bantuan kewangan operasi.

■1750

Bagi bantuan kewangan penubuhan, ia akan diberikan secara sekali gus atau, dengan izin, *one-off*. Bantuan ini merangkumi pembelian perabot dan peralatan, kos pengubahsuaian struktur dan reka bentuk premis yang mesra OKU dan pembelian perkakas ataupun peralatan bagi kegunaan menjalankan aktiviti kepada kanak-kanak OKU.

Manakala bagi bantuan kewangan operasi pula, JKM boleh menyalurkan bantuan kewangan sagu hati kepada jurupulih cara kerja, jurupulih anggota dan jurupulih pertuturan bagi memberi intervensi awal kepada kanak-kanak OKU.

Berhubung dengan kemudahan jurubahasa isyarat di taska OKU yang turut ditanya oleh Yang Berhormat Senator Datuk (Dr.) Ras Adiba, pada masa ini, ia tidak secara spesifik menjadi keperluan untuk disediakan di setiap taska OKU. Walau bagaimanapun, bagi taska OKU yang khusus untuk memenuhi keperluan kanak-kanak OKU pendengaran, ia boleh disediakan oleh pengusaha taska terbabit.

Dari sudut jumlah pendaftaran ke taska OKU pula dari tahun 2013 hingga 2022, sebanyak 1,661 orang kanak-kanak OKU telah mendapat pengasuhan di taska OKU yang berdaftar dengan JKM.

Sementara itu, saya ingin memberi maklum balas terhadap beberapa pertanyaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Isaiah a/l D Jacob. Pertama, beliau mencadangkan agar pendaftaran anak OKU yang baru dilahirkan dibuat bersekali semasa pendaftaran kelahiran dan dipaparkan dalam kad pengenalan. Untuk makluman, cadangan ini pernah dibincangkan di beberapa buah platform. Antaranya dalam sesi semakan Akta OKU 2008 dan juga Jawatankuasa Pendaftaran Majlis Kebangsaan bagi OKU. Namun, ia

diputuskan untuk tidak diteruskan atas beberapa faktor yang dipersetujui bersama di kalangan pihak-pihak berkepentingan.

Antara faktor tersebut ialah tanggungjawab bagi membuat pengesanan awal, ketidakupayaan oleh pihak yang menyambut kelahiran bayi. Pengesanan awal ketidakupayaan terutama yang melibatkan kebanyakan sub kategori di bawah kategori OKU pembelajaran seperti autisme, *attention-deficit*, dengan izin, atau *hyperactivity disorder* (ADHD), dengan izin, dan seperti *specific learning disability* (SLD), dengan izin, seperti disleksia tidak dapat dikenal pasti di peringkat awal kelahiran.

Seterusnya, Yang Berhormat Senator mencadangkan untuk mewujudkan Jabatan Hal Ehwal OKU di bawah seliaan Jabatan Perdana Menteri. Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini yang membabitkan OKU ini, saya ingin menjelaskan komitmen kerajaan dalam memperkasa golongan OKU adalah jelas menerusi pewartaan Akta Orang Kurang Upaya 2008 pada 24 Januari 2008. Akta ini bersifat *right-based*, dengan izin, yang menjamin kepentingan dan kesejahteraan golongan OKU dalam masyarakat.

Walaupun Akta OKU 2008 diletakkan di bawah tanggungjawab KPWKM, namun mekanisme pelaksanaan akta ini merupakan tanggungjawab bersama yang digalas merentas pelbagai kementerian dan agensi. Majlis Kebangsaan Bagi OKU (MKBOKU) yang diwujudkan menerusi Akta OKU 2008 dianggotai pelbagai kementerian dan saya mempengerusikan, selaku Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sentiasa membincangkan isu berkaitan kebajikan dan pembangunan OKU. Justeru, dalam hal ini, KPWKM berpendirian bahawa pelaksanaan dan mekanisme sedia ada ini adalah memadai.

Selain itu, Yang Berhormat Senator Tuan Isaiah juga telah bertanyakan tentang status premis PDK Suria di Felda Nitar 2 di Mersing, Johor. PDK berkenaan dikatakan telah mendapat sebidang tanah daripada pihak FELDA untuk dibina premis sejak tujuh tahun yang lalu, tetapi sehingga sekarang ini, ia tidak dibangunkan. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, isu ini menyentuh isu berkaitan kerajaan negeri. Selaras dengan Peraturan Mesyuarat 22(1)(q)(i), saya tidak berhasrat mengulas lanjut isu yang dibangkitkan.

Yang Berhormat Senator juga telah mencadangkan semakan semula Akta OKU 2008 setiap lima tahun. Untuk makluman, KPWKM kini dalam urusan semakan Akta OKU 2008 iaitu Akta 685. Dalam hal ini, pelbagai pihak seperti agensi kerajaan, badan bukan kerajaan, pengamal undang-undang serta pihak berkepentingan yang lain. KPWKM tidak menetapkan sebarang tempoh untuk semakan mana-mana akta yang dikawal selia oleh kementerian tetapi akan menyemak atau meminda sesuatu akta bergantung kepada setiap keperluan golongan sasaran yang disantuni KPWKM.

Mengenai cadangan Yang Berhormat Tuan Isaiah lagi untuk menyemak dan meneliti kadar bantuan kepada warga OKU setiap dua tahun, perkara ini dilakukan tanpa terikat

dengan sebarang tempoh masa tetapi ia bergantung kepada keperluan semasa. Perlu diingatkan bahawa bantuan kewangan kebajikan yang disediakan kerajaan tidak diniatkan untuk selamanya dan bukan juga untuk menanggung penerimanya tetapi ia adalah untuk meringankan beban kumpulan sasar buat sementara waktu sehingga kumpulan sasar ini mampu berdikari semula tanpa bantuan daripada kerajaan. Bantuan kebajikan yang diberikan ini juga bertujuan untuk membantu kelangsungan hidup kumpulan sasar yang layak dan memerlukan.

Namun, menyentuh mengenai kadar bantuan ini, kerajaan pada tahun 2021 telah pun menaikkan kadar bantuan yang melibatkan penerima OKU seperti berikut:

- (i) Bantuan Penjagaan OKU / Pesakit Kronik Terlantar (BPT) daripada RM350 kepada maksimum RM500 mengikut keperluan kes;
- (ii) Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja (BTB) daripada RM250 kepada RM300; dan
- (iii) Elaun Pekerja OKU (EPOKU) daripada RM400 kepada RM450.

Selain daripada kenaikan kadar bantuan, KPWKM juga telah menilai semula kadar kelayakan permohonan di mana bermula tahun 2021, penetapan had kelayakan pendapatan baharu bagi bantuan elaun Orang Kurang Upaya EPOKU telah dinaikkan dari RM1,200 kepada pendapatan bulanan RM1,500 dan ke bawah.

Tidak terhenti di situ sahaja, KPWKM telah menilai semula syarat asas permohonan dan mulai tahun 2022, syarat asas kelayakan permohonan bantuan JKM telah dinaikkan daripada pendapatan di bawah Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) RM980 kepada PGK makanan tahun 2019 iaitu RM1,169.

Suka ingin saya kongsi dengan Yang Berhormat Senator Tuan Isaiah dan seluruh Ahli Dewan Negara serta semua rakyat Malaysia di luar sana bahawa pada tahun 2022 sahaja, kerajaan telah menyalurkan sejumlah RM473.58 juta Elaun Pekerja Orang Kurang Upaya kepada lebih 97,000 OKU dan sejumlah RM293.32 juta Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja kepada lebih 93,000 OKU di negara kita. Jika ditambah dengan RM145.75 juta Bantuan Penjagaan OKU Terlantar / Pesakit Kronik Terlantar- minta izin saya habiskan. Bolehkah, Tuan Yang di-Pertua?

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Banyak lagi kah, Yang Berhormat?

Dato' Seri Hajah Nancy binti Shukri: *Sorry.* Ada lagi tetapi minta izin saya tambah sedikit. Ada yang menunggu? Kalau tidak ada, saya jawab secara bertulis

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Okey, boleh, boleh.

Dato' Seri Hajah Nancy binti Shukri: Bantuan Penjagaan OKU Terlantar / Pesakit Kronik Terlantar yang telah disalurkan kepada hampir 27,000 orang penerima, maka jumlah

bantuan yang membabitkan OKU yang telah dibelanjakan oleh kerajaan pada tahun lalu adalah hampir mencecah RM1 bilion iaitu RM912.66 juta.

■1800

Seterusnya lagi, Yang Berhormat Senator Datuk (Dr.) Ras Adiba, Tuan Yang di-Pertua, turut memohon pencerahan daripada kementerian berkaitan bilangan OKU menjadi mangsa keganasan rumah tangga sejak 2013 hingga 2023. Isu keganasan rumah tangga dikendalikan selaras dengan peruntukan Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 untuk melindungi hak dan keselamatan mangsa keganasan rumah tangga sama ada wanita, lelaki, warga emas, Orang Kurang Upaya dan kanak-kanak. Buat masa ini, pengumpulan data kes keganasan rumah tangga menerusi Jawatankuasa Menangani Keganasan Rumah Tangga mengikut pecahan kategori jantina, umur, bangsa dan negeri.

Dalam hal ini, pecahan kes mangsa dalam kalangan OKU secara khusus tidak direkodkan. KPWKM akan membawa cadangan kepada pihak Kementerian Dalam Negeri dan Polis Diraja Malaysia untuk pecahan kes membabitkan kategori OKU diwujudkan. Kalau ada lagi untuk Yang Berhormat Senator Datuk (Dr.) Ras Adiba mengenai soalan pusat jagaan, saya akan bagi jawapan bertulis ya.

Oleh sebab saya rasa ada satu soalan yang hujung sekali untuk Yang Berhormat Senator Tuan Abun, ada di sini? Tiada.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Tiada.

Dato' Seri Hajah Nancy binti Shukri: Saya bagi bertulis.

Untuk kursus pra-perkahwinan, *is very-* amat penting, Yang Berhormat Senator Tuan Aklan a/l Ehtook. Ada di dalam? Okey.

Tuan Yang di-Pertua, ini yang terakhir. Yang Berhormat telah mencadangkan agar kementerian menyegerakan penubuhan jawatankuasa bagi mengkaji untuk mewajibkan kursus pra-perkahwinan bagi pasangan bukan Islam.

Untuk makluman semua, pada masa ini LPPKN ada menawarkan Program Pra-Perkahwinan SMARTSTART secara dalam talian dan kursus secara fizikal. Program ini ditawarkan kepada individu atau pasangan yang bakal berkahwin untuk memberikan pengetahuan dan kemahiran kepada peserta tentang persediaan ke arah perkahwinan. Kursus ini boleh disertai secara sukarela dan terbuka kepada semua tanpa mengira agama.

Dalam hal ini, pihak LPPKN ada menerima pelbagai cadangan daripada pihak-pihak berkepentingan untuk menambah baik kursus pra-perkahwinan ini, termasuklah cadangan untuk mewajibkannya ke atas pasangan bukan Islam yang ingin berkahwin. Pada masa yang sama, cadangan ini tidak mendapat respons yang sama positif oleh segelintir pihak yang lain. Justeru, penelitian lebih lanjut diperlukan untuk menilai dan kesesuaian pelaksanaan cadangan ini.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja yang saya rasa ada yang perlu saya jawab untuk hari ini. Untuk yang lain tadi, seperti yang saya nyatakan, saya perlu jawab bertulis. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, berakhirlah sesi penggulungan saya mewakili Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bagi sesi penggulungan Rang Undang-undang Perbekalan 2023 di Dewan Negara pada hari ini.

Sekali lagi, saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator yang telah menyuarakan pandangan, cadangan, penambahbaikan serta teguran yang melibatkan kumpulan sasar di bawah KPWKM. Saya menghargai segala yang telah dibangkitkan dan KPWKM akan mengambil tindakan sewajarnya berdasarkan input yang diterima. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Hari Autisme Sedunia yang jatuh pada hari Ahad, 2 April yang lalu dan untuk sebulan ini.

Menjadi satu amalan bahawa kempen kesedaran mengenai autisme ini dipertingkatkan sepanjang bulan April, setiap tahun.

Sekian, selamat berpuasa dan kalau sebelum itu tidak jumpa, Selamat Menyambut Hari Raya Aidilfitri. Sekian. *Wabilahitaufik walhidayah, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Terima kasih.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Seri Hajah Nancy binti Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang telah memberi jawapan-jawapan kepada isu-isu yang timbul dalam perbahasan dalam Dewan yang mulia ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Rabu, 5 hari bulan April 2023.

Untuk Yang Berhormat-Yang Berhormat Senator beragama Islam, Menteri-Menteri dan Timbalan Menteri, penjawat awam yang ada di Dewan ini, saya mengucapkan selamat berbuka puasa.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 6.04 petang]